

Bil. 25

**Selasa
25 April 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1) Kematian Pelatih Program Latihan Khidmat Negara - <i>YB. Fong Po Kuan [Batu Gajah]</i>	(Halaman 16)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 17)
USUL-USUL:	
Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)	(Halaman 17)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 47)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TSri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.(Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

12. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO

-
19. Yang Berhormat Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
 20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
 21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
 22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
 23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
 24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
 25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
 26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
 27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
 28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
 29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
 30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
 31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
 32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
 33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
 34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
 35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
 36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
 37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
 38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
 39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
 40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
 41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
 42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
 43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
 44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
 45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
 46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
 47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
 48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
 49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
 50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
 51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
 52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
 53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
 54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
 55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
 56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO

-
57. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. " Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO

94. Yang Berhormat Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan

Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim
Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Azanariah binti Mohd Yunan
Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 25 April 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan kementerian dan setakat manakah kejayaannya dalam usaha membanteras pengeluaran, pengedaran dan longgokan bahan bercetak dan multimedia lucah dan tidak bermoral yang semakin berleluasa di pasaran.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengamalkan dasar terbuka, liberal dan bertanggungjawab bagi menjamin kebebasan industri cetakan di negara ini sejajar dengan prinsip-prinsip demokrasi dan struktur masyarakat Malaysia yang majmuk. Di samping itu juga kementerian memberi ruang yang luas kepada pihak akhbar dan majalah agar cenderung ke arah penerbitan bercorak positif, berpengetahuan serta konstruktif.

Namun begitu kementerian juga mempunyai tanggungjawab yang berat bagi memastikan bahan-bahan penerbitan termasuk akhbar tidak mengandungi bahan-bahan lucah dan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, mengancam keselamatan negara dan menggugat kesejahteraan rakyat. Buat masa ini tindakan pengawalseliaan dan penguatkuasaan adalah berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 di samping undang-undang lain seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Hasutan 1998, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986.

Semua penerbitan yang diluluskan permit penerbitan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri adalah tertakluk kepada garis panduan penerbitan kementerian dan syarat-syarat permit yang digariskan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Berdasarkan kajian dan pemantauan isi kandungan majalah dan akhbar kementerian mengambil tindakan memberi nasihat, teguran dan amaran kepada penerbit jika berlaku kesalahan, khususnya yang memuatkan gambar-gambar lucah dan tidak bermoral seperti memaparkan wanita berpakaian separuh bogel dan memberahikan.

Jika kesalahan tersebut masih berulang, kementerian akan mengeluarkan surat tunjuk sebab dan disusuli tindakan menggantung atau membatalkan permit penerbitan. Bagi penerbitan yang diberikan permit penerbitan pemeriksaan dan pemantauan dilakukan melalui semakan terhadap sampel yang dihantar ke kementerian pada setiap keluaran. Manakala penerbitan yang diimport pula diperiksa dan dipantau di semua pintu masuk di seluruh negara.

Di samping itu kementerian juga menjalankan operasi dan naziran terhadap semua premis penerbitan dan percetakan bagi memastikan tiada bahan-bahan penerbitan yang menjalani akta berkenaan diedar dan dijual di pasaran tempatan, khususnya bahan-bahan lucah dan tidak bermoral.

Dalam soal bahan-bahan multimedia lucah dan tidak bermoral perkara ini tidak tertakluk di bawah bidang kuasa peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyatakan bahawa penguatkuasaan yang dilakukan oleh kementerian ini tidak lebih daripada penguatkuasaan yang tidak begitu serius, ada kalanya berlaku

penguatkuasaan dan sesetengahnya langsung tidak dipedulikan. Bahan-bahan cetak berunsur lucu dan tidak bermoral ini banyak dijual di kedai-kedai surat khabar, di kaki-kaki lima dan pasar-pasar malam berleluasa tanpa sekat, tanpa halangan.

Saya tidak menyentuh bahan yang diimport daripada luar, tetapi ini adalah barang keluaran Malaysia atau *local products* yang begitu banyak dihasilkan oleh penerbit tempatan. Saya ingin tahu, setakat manakah penguatkuasaan ini dapat memberi impak kepada penghasilan bahan. Soal pembelian dan longgokan ini satu perkara lain. Soal pengeluaran itu, adakah pihak kementerian membuat serbuan ke punca-punca bahan ini dihasilkan. Saya dapati setakat ini belum ada maklumat yang saya terima tentang berita-berita serbuan ini berjaya dilakukan oleh pihak kementerian. Saya mohon penjelasan.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar mengatakan kita tidak serius dalam penguatkuasaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pada tahun 2006 jumlah kes tindakan yang telah diambil terhadap penerbit tempatan adalah sebanyak 565 iaitu yang telah menghantar sampel untuk diluluskan pada setiap keluaran. Ini termasuk nasihat, teguran, amaran, tunjuk sebab dan sebagainya.

Selain daripada itu pihak penguat kuasa kementerian saya memang sentiasa membuat naziran dan pemantauan dengan melawati kilang-kilang cetak dan syarikat-syarikat tempatan. Jika masih ada bahan-bahan lucu yang telah dijual di kedai-kedai saya minta memberikan maklumat, kita akan tetap mengambil tindakan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan, kalau kita lihat perkembangan teknologi sekarang berkaitan dengan MMS begitu luas penyebaran bahan-bahan lucu ini melalui multimedia. Saya percaya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri boleh mengesan pengeluaran bahan-bahan ini melalui teknologi maklumat, syarikat-syarikat pengeluaran yang mengeluarkan dan kita dapat mengesan sebenarnya melalui nombor-nombor telefon dan sebagainya yang menyebarkan bahan-bahan lucu ini. Setakat manakah pihak kementerian telah mengambil tindakan untuk membanteras pengeluaran bahan-bahan ini melalui multimedia sama ada internet mahupun MMS - telefon.

Datuk Fu Ah Kiow: Seperti yang saya jelaskan tadi bahawa bahan cetak adalah di bawah bidang tugas Kementerian Keselamatan Dalam Negeri melalui Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 tetapi untuk bahan-bahan multimedia ia adalah di bawah tiga kementerian iaitu Kementerian Penerangan, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, maka bahan-bahan seperti VCD, DVD dan MMS ia adalah di bawah kementerian lain.

2. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, bilakah Jabatan Kerja Raya bercadang supaya projek-projek diberi *award*, secara tender terbuka. Sila nyatakan baik buruk tender terhad, tender perbincangan, tender terbuka dan *turnkey* projek khususnya dalam projek pembinaan Universiti Darul Iman Malaysia

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya memang sentiasa mengeluarkan tender secara terbuka. Walau bagaimanapun, setiap jenis tender yang ditawarkan mempunyai kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Berikut diberikan perbandingan di antara kebaikan dan keburukan setiap jenis tender berkaitan:

Tender Terbuka

Kebaikan:

- (i) ramai kontraktor dapat peluang menyertai; dan
- (ii) harga lebih kompetitif.

Keburukan:

- (i) susah untuk memastikan kualiti setiap kontraktor yang menyertai; dan
- (ii) proses tender yang agak panjang.

Tender Terhad

Kebaikan:

- (i) boleh dipastikan kualiti kontraktor yang menyertai;
- (ii) hanya kontraktor yang layak dengan kepakaran dipilih untuk menyertai; dan
- (iii) proses tender boleh disingkatkan.

Keburukan:

- (i) tidak ramai kontraktor yang dapat menyertai; dan
- (ii) harga kurang kompetitif.

Tender Perbincangan

Kebaikan:

- (i) boleh memastikan kualiti kontraktor yang menyertai; dan
- (ii) proses tender boleh disingkatkan.

Keburukan:

- (i) harga yang tidak kompetitif.

Kontrak Turnkey

Kebaikan:

- (i) boleh didapati proses pemindahan teknologi;
- (ii) kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap projek-projek kerja; dan
- (iii) pembinaan dapat dilaksanakan dengan cepat.

Keburukan:

- (i) Tiada turun naik harga (*price variation*);
- (ii) perunding dilantik oleh kontraktor susah untuk memastikan kualiti dan prestasi; dan
- (iii) perunding dikawal sepenuhnya oleh kontraktor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Universiti Darul Iman Malaysia seperti yang dinyatakan tidak terdapat dalam senarai projek yang ada di kementerian sama ada dalam cadangan ataupun pembinaan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menegaskan akauntabiliti dan transparensi. Dari jawapan Yang Berhormat, ada baik dan buruknya bagi jenis-jenis tender. Kelmarin dalam jawapan perbahasan RMK-9, Yang Berhormat Menteri ada menyentuh berkenaan dengan jambatan dan lebuh raya yang menyambungkan Johor *Causeway* dengan bangunan CIQ yang baru berharga RM250 juta yang telah ditawarkan kepada Gerbang Perdana.

Dengan serta-merta, kalau Yang Berhormat boleh merujuk kepada internet dan surat khabar dan dari percakapan orang ramai, maklum balas dari kalangan rakyat adalah penjelasan dan alasan seperti boleh menjimatkan masa. Dengan alasan-alasan ini kerajaan

memberikan kontrak ini kepada Gerbang Perdana adalah tidak boleh diterima. Demi untuk meyakinkan kalangan rakyat dan mengamalkan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri akan menimbang semula supaya projek yang saya sebutkan tadi boleh ditawarkan secara tender terbuka, demi untuk menjimatkan wang rakyat dan tanpa mengira..., kalau boleh tunggu sudah hilang 712 hari..., lagi dua, tiga bulan pun boleh tahan juga, boleh sabar juga.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sabar-sabar bolehlah, tetapi, penjelasannya daripada saya apa saya bagi semalam dan dulu semalam iaitu dalam permintaan Ahli Yang Berhormat dari Ketua Pembangkang telah meminta apakah kos, kos untuk menyambung CIQ yang sedia ada kepada Tambak Johor. Kosnya dianggarkan oleh RM250 juta, tetapi, perbincangan akan berlaku, sedang berlaku sekarang untuk mengurangkan kos yang sedia ada. Apa dianggarkan oleh Jabatan Kerja Raya.

Selain daripada itu soalan daripada Yang Berhormat bolehkah ini boleh di tender terbuka. Ini bukan keputusan telah dibuat oleh Menteri Kerja Raya, keputusan itu dibuat oleh Jemaah Menteri untuk meneruskan dengan kontraktor yang sedia ada. Jadi, saya tiap-tiap kalinya saya mengikut dengan arahan akan diberi oleh Jemaah Menteri. Jemaah Menteri telah berbincang dua jam, telah berbincang macam manakah kita akan mengatasi masalah ini.

Oleh kerana dalam bulan September, CIQ baru akan selesai pembinaan dan kita tidak boleh menyelesaikan pembinaan tunggu 24 bulan atau 30 bulan untuk menyambung dengan Tambak Johor yang sedia ada.

Oleh kerana itu kerajaan telah memilih bagi perbincangan terus dengan kontraktor yang sedia ada. Kontraktor itu sudah memegang tapak itu dalam tangan mereka mengikut dengan kontrak yang telah ditandatangani oleh kerajaan pada masa dulu, bukannya kontraktor baru, bukan kita pilih daripada mana-mana. Ini kontrak sudah ada di tapak dengan jentera-jentera, dengan pekerja-pekerja, dengan jurutera-jurutera yang lain. Kalau mahu juga kita mengadakan satu lagi tender terbuka, ini akan mengambil masa yang lebih dan kita telah membelanjakan lebih daripada dua bilion untuk satu CIQ. Kita tidak boleh tunggu lagi 12 bulan atau 14 bulan atau 15 bulan.

Oleh kerana itulah Jemaah Menteri telah berbincang dan bersetuju kontrak ini boleh diberikan dengan mereka melalui perbincangan dan harga kosnya anggaran khas telah ditetapkan oleh Kementerian Kerja Raya. Jadi, itulah jawapan daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Puchong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan Gamat]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Enam bulan. Hari ini 24 bulan, apa ini... *[Dewan gamat]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Puchonglah. Ini bukan Ipoh Timur, hea! patut pandang Tuan Yang di-Pertualah... *[Dewan gamat]*

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor, duduk. Puchong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timor jangan itu macam, ikut *lawlah*, patut pandang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan kalau kita pergi ke proses tender terbuka ini maka kita mengambil masalah untuk mendapatkan kontraktor yang berkualiti.

Saya hendak tanya, soalan tambahan saya bahawa sebagai contoh kalau kita melihat di kontraktor CITB yang G7 iaitu kontraktor yang berwibawa ini di negara kita ini kalau tak silap saya kita mempunyai lebih 1200 kontraktor yang berwibawa, berpengalaman

dan mempunyai kekuatan kewangan yang baik yang cukup kukuh. Soalan tambahan saya ialah mengenai bukannya kementerian mempunyai satu kriteria, satu dasar yang tertentu bahawa kalau kita pergi ke tender terbuka ini kita mesti mempunyai ciri-ciri dan kriteria tertentu seperti pengalaman kontraktor ini, kekuatan kewangan kontraktor ini ataupun yang paling penting sekali bagi saya ialah kerja-kerja yang mereka telah melalui ataupun projek-projek yang mereka telah bina atau yang telah diusahakan oleh kontraktor ini. So saya nak tanya, adakah satu dasar yang baru bahawa kalau pergi ke tender terbuka ini satu kriteria yang lebih terbuka dan telus ini dapat dilaksanakan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...Di bawah kementerian ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan saya, saya telah menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, iaitu jenis-jenis kontrak akan dipelawa oleh Kementerian Kerja Raya, empat jenis tetapi, saya tidak menyoalkan berkenaan dengan kualiti kontraktor telah dilantik oleh kerajaan di Tambak Johor iaitu kualiti yang pertama. Siapa-siapa boleh melihat dengan kerja mereka. Ini telah dipilih selepas perbincangan beberapa bulan. Jadi, kontraktor itu boleh teruskan kerja oleh kerana kontrak pada keseluruhannya sudah diberi kepada mereka pada masa dahulu. Sekarang kita memotong kontrak itu dan bagi separuh sahaja, iaitu menyambung dengan Tambak Johor. Tadi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah meminta enam bulan..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Apa 34 bulan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri..

Dato' Seri S. Samy Vellu: Siapa kata 24 bulan?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Jawab soalan sayalah Yang Berhormat Menteri, jawab soalan saya, jangan jawab dia.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya tidak tahu apa jadi Ketua Pembangkang, dia kata bila saya kata 24 bulan. Saya tidak menyatakan 24 bulan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada kata, tadi ada kata.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya tidak menyatakan 24 bulan, tidak, saya tidak pernah.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat sentuh, ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat, saya tidak menyatakan 24 bulan. Apa saya kata itu tadi, jawapan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu kita sudah menetapkan harga kosnya, anggaran kos RM250 juta. Ia akan dibincangkan dengan kontraktor untuk mengurangkan kos, itu saya jawab.

Jadi selepas selesai itu, saya percaya ini akan mengambil masa satu bulan untuk menyelesaikan perbincangan dan juga menetapkan untuk menandatangani kontrak. Selepas itu, kita minta macam manakah kita, berapakah masa. Kita anggar itu boleh selesai dalam enam bulan tetapi, kontraktor minta lebih masa. Oleh kerana CIQ lama akan diroboh dan kita akan juga mengadakan beberapa banyak kerja lagi untuk membina tambakan kepada CIQ yang sedia ada di aliran, di aliran mana jalan akan dibina kita akan merobohkan CIQ yang sedia ada. Semua ini akan diambil kira dalam perbincangan itu. Jadi, itulah Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sudah bagi beberapa jawapan kepada Ahli Yang Berhormat. Saya tak boleh kasi masuk apa yang betul, apa yang tak ada betul dalam kepala dia... *[Ketawa]* Dengar-dengar dia punya fasal, tapi soalan-soalan satu hari satu macam dia mintak, bukannya. Apa dia mintak pun ada jawapan..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: *You* 250 soalan, *you* timbul, saya boleh jawab..

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: 2000 pun saya boleh jawab... *[Ketawa]* *I have* dengan izin...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jemput dia keluar..

Dato' Seri S. Samy Vellu: ...Dengan izin, *I have that qualification and knowledge to answer your....*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Okey....*, depan pemberita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bila-bila masanya. Saya tak ada takut pemberita... *[Dewan gamat]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey selepas pukul 11.00 kita keluar.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Ketua Pembangkang keluar dululah.

3. Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) berapa banyakkah jalan-jalan kampung dan lampu-lampu jalan telah dilaksanakan dalam RMK Ke-8; dan
- (b) apakah sasaran kementerian bagi pelaksanaan jalan-jalan kampung dan lampu-lampu jalan dalam RMK Ke-9 bagi seluruh negara.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak 29,494 projek jalan kampung bernilai RM1,572 bilion dengan jarak 18,453.77 kilometer telah dilaksanakan di seluruh negara.

Bagi lampu jalan kampung pula sebanyak 129,447 unit lampu bernilai RM50.5 juta meliputi 19,470 buah kampung telah dipasang iaitu maksimum 10 unit lampu bagi sebuah kampung. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM1 bilion peruntukan telah diluluskan untuk melaksanakan PJK di seluruh negara.

Dengan peruntukan ini disasarkan sebanyak 6,915 PJK akan dibina yang melibatkan jalan sepanjang 9,382 kilometer. Bagi pelaksanaan projek lampu jalan kampung RM106.85 juta telah diluluskan dalam tempoh RMK-9. Dengan peruntukan ini dijangka 177,689 unit lampu jalan kampung dapat dilaksanakan melibatkan 21,360 buah kampung. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Abdul Razak telah dipetik mengatakan bahawa pembangunan luar bandar hendaklah diutamakan kerana bandar akan membangun dengan sendirinya. Kemudian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri pula mengarahkan supaya semua wakil rakyat hendaklah menyelesaikan masalah rakyat. Antara masalah, masalah serius rakyat di luar bandar ialah pelampuan kampung dan projek jalan kampung.

Persoalan saya ialah bagaimanakah kami, wakil-wakil rakyat ini, Ahli-ahli Yang Berhormat hendak menyelesaikan rakyat ini, jika sekiranya pelampuan kampung yang

dijanjikan untuk diselesaikan pada hujung tahun 2004 tidak dilaksanakan sepenuhnya pertama, yang kedua ialah bagaimana kami wakil rakyat hendak menyelesaikan masalah rakyat apabila kami Ahli-ahli Yang Berhormat memohon peruntukan sebanyak RM10 bilion untuk jalan kampung tetapi yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan hanya RM1 bilion. Ini bermakna masalah rakyat tidak dapat diselesaikan. Pohonlah pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, pandangan itu sungguh betul. Kita tidak bergerak mengikut luar daripada kemampuan. Kalau kita luar daripada kemampuan kita menipu diri kita sendiri. Namun demikian, kalau ada persoalan tertentu daripada Yang Berhormat, sudah tentu saya akan mengambil tindakan secepat mungkin.

Kalaupun permintaan RM10 bilion, RM20 bilion, itu hanya permintaan tetapi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita tidak mengambil kira pendapat umum selagi kita tidak membuat kajian terperinci. Apa yang diperuntukkan itu adalah yang terbaik bagi negara kita. Mudah-mudahan perniagaan dalam negara kita segala projek yang dijalankan baik maka rakyat akan terus mendapat keuntungan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri ini memang berjiwa rakyat... *[Tepuk]* Dan kerajaan kita juga berjiwa rakyat dan kami Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ini juga berjiwa rakyat..

Seorang Ahli: Soalan..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tanpa menafikan, tanpa menafikan hasrat cita-cita kerajaan yang murni ini untuk menerangkan kampung-kampung yang gelap gelita tetapi, masalahnya 10 biji mentol... *[Ketawa]* Bagi rangkaian kampung yang besar dia tidak sampai kepada matlamat cita-cita murni kerajaan...

Seorang Ahli: Separuh terang, separuh gelap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lepas itu 10 mentol ini, 6 gelap tidak menyala... *[Ketawa]* Bukan salah Yang Berhormat Menteri dan bukan salah kerajaan, tak tahu di mana silapnya Tuan Yang di-Pertua. Mungkin kontraktor dan apabila diserahkan kepada TNB, TNB pun macam ambil tanggungjawab ini endah tak endah. Mungkin kerana kekurangan tenaga manusianya.

Jadi, bolehkah agaknya hasrat yang mulia ini dilakukan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan satu kaedah yang benar-benar berkesan dalam menerangkan kampung halaman yang gelap-gelita. Dan, jangan lupa ini penting bahawa pengundi di kampung ini mempunyai satu undi sama dengan orang bandar yang terang benderang, sama, tetapi kenapa mereka gelap sementara orang yang di bandar terang. Saya suka bercakap dengan Yang Berhormat Menteri ini kerana jiwanya, jiwa memang untuk rakyat... *[Ketawa]* Agaknya macam mana satu keadaan yang boleh menerangkan kampung halaman dan jangan lupa ia lebih ketara, Tuan Yang di-Pertua bahawa orang yang di kampung ini ...

Tuan Yang di-Pertua: Menteri boleh jawab, dia faham... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Sri Gading. Dahulu semasa kita muda motokar tidak ada *air-condition*, kita buka tingkat tidak menjadi masalah.

Sekarang bila zaman moden motokar semua ada *air-condition*, sikit sahaja tingkat dibuka kita marah. Demikian juga dalam keadaan, dahulu tidak ada jalan kampung kita tidak bising. Dengan kemampuan yang ada pada kerajaan dia bagi 10 kita mula marah, kita sudah lupa ketika kita tidak ada lampu dahulu... *[Disorak]* Jadi, manusia macam tulah, Tuan Yang di-Pertua. Namun demikian, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini peruntukan telah pun dibuat dan, insya-Allah masa kita *review* balik, bolehlah kita kemukakan. Kampung besar mintalah lebih daripada 10, insya-Allah ini akan kita sediakan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian betul-betul prihatin kepada masalah jalan kampung ini tolonglah hubungi TNB nombor telefon 15454... [Disampuk] dan kalau tidak ada maka bolehlah kita marahkan mereka tetapi kalau kita tidak menghubungi mereka, kita buat salah ini tidak patut kepada sesiapa pun ditujukan. Saya ulangi, Tuan Yang di-Pertua, 15454 TNB. Terima kasih.

4. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, status terkini atau hasil kajian Jawatankuasa Mengkaji Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Perihalkan proses pindaan AUKU 1971 termasuk kaedah yang digunakan untuk mendengar serta mengambil kira pandangan semua pihak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kementerian mengambil perhatian tentang keperluan semakan ke atas AUKU 1971 dan kini sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh profesional dalam bidang akademik dan perundangan sedang meneliti secara mendalam ruang-ruang yang perlu diberi perhatian khas bagi tujuan penambahbaikan. Di antara perkara yang akan diberi perhatian termasuklah peraturan-peraturan yang menyentuh kebebasan pelajar dalam berpersatuan, kebebasan ahli akademik untuk bersuara dan amalan tadbir urus yang lebih terbuka dan bertanggungjawab.

Selepas kajian dalaman ini selesai pihak kementerian akan mengadakan sesi maklum balas dengan pihak yang berkepentingan bagi mendapat pandangan pelbagai pihak. Oleh kerana proses ini memerlukan kajian yang teliti pihak kementerian menjangkakan ia akan dibentangkan pada akhir tahun ini. Kementerian yakin dengan usaha-usaha awal ini, maka AUKU akan dapat memenuhi keperluan semua pihak dalam mempertingkatkan kecemerlangan pengajian tinggi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pohon penjelasan. Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ayer Hitam dahulu.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi dan dijanjikan bahawa hak berpersatuan di kalangan mahasiswa juga akan diberi perhatian. Soalan tambahan saya ialah seksyen 15 dan 16 merupakan pertikaian mahasiswa sekarang di mana mereka telah dihadkan untuk menyertai persatuan, tidak boleh dilihat dipengaruhi oleh mana-mana persatuan baik dari segi menceburi dalam aktiviti ataupun memberi pandangan tentang apa juga isu yang berlaku.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, memandangkan Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia sedang dirangka dan ia juga mementingkan pembangunan mahasiswa, dan juga dari segi prosedur pengendalian kes-kes tatatertib di universiti di mana penyiasat, pendakwa dan hakim merupakan pegawai-pegawai dari HAP. Ini memang bercanggah dari segi lunas undang-undang. Soalan saya, adakah ini merupakan terma rujukan ataupun skop kerja yang akan dirangkumi oleh jawatankuasa dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Teknikal ini? Dan, bilakah keputusan akan dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Ia terlalu awal untuk diperjelaskan di sini, minta bersabar, kerana kita teliti perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat melalui kajian mendalam yang sedang berlangsung sekarang. Walau bagaimanapun, mengenai belia tadi, kita sebenarnya tidak menyekat kebebasan mahasiswa dan mahasiswi untuk menyuarakan pendapat dan pandangan mahupun menyertai pertubuhan belia kerana apa yang penting kebebasan tersebut adalah bersyarat dan mahasiswa perlu menjaga:

- (i) keamanan;
- (ii) hubungan baik di antara kaum;
- (iii) moral;

- (iv) mengelak dari berlaku fitnah dan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, kita dapati hari ini kita dapat menarik lebih ramai mahasiswa bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum dan persatuan-persatuan di luar seperti kita memberi publisiti meluas supaya mahasiswa berkhidmat masyarakat melalui persatuan di luar, memberi kesedaran mengenai kebaikan aktiviti kemasyarakatan dan bekerjasama dengan penduduk tempatan dan kita mengiktiraf penglibatan pelajar dengan menganugerahkan sijil penghargaan apabila mereka berkhidmat di peringkat masyarakat di luar. Mereka juga ada membuat hubungan dengan pihak yang melakukan gerakan bencana alam seperti Mercy Aman Malaysia, dan untuk makluman Yang Berhormat, Muqharabbin dan Ahmad Reduan Rozali antara belia yang diberikan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk naik ke puncak *Everest*. Itu satu daripada tanda penyertaan belia untuk mahasiswa.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, saya juga ada tanya soalan ini pada bulan Mac yang lalu dan saya ingin tahu mengapa jawatankuasa yang ditubuhkan adalah satu jawatankuasa dalaman bukan satu jawatankuasa bebas dan mengapakah senarai nama komposisi jawatankuasa yang ditubuhkan namanya disembunyikan. Jawapan yang saya terima pada 21 Mac yang lalu, jawatankuasa dalaman yang dianggotai untuk mengkaji akta ini adalah beberapa orang pensyarah undang-undang dari Universiti Malaya, Universiti Sains, Universiti Kebangsaan, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Islam. Dan, jawapan daripada Yang Berhormat tadi juga mengatakan beberapa orang dalam bidang akademik dan perundangan. Mengapakah nama mereka disembunyikan. Saya mohon Yang Berhormat boleh beritahu dalam Dewan ini, mengapa tidak satu jawatankuasa bebas ditubuhkan dan kedua nama komposisi mereka yang terlibat ini.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Yang Berhormat tidak faham bahawa saya beritahu tadi. Peringkat dalaman dahulu. Kementerian mengadakan perbincangan yang mendalam terhadap semua akta, bukan sedikit akta ini tetapi semua. Yang menyentuh pihak pelajar cuma seksyen 15, 16 dan 48, dan ada kaedah-kaedah ataupun *first schedule*. Selepas daripada kementerian menyemak barulah saya sebut tadi kita akan mendapatkan pandangan pelbagai pihak. Kita jangka akhir tahun ini bolehlah kita bentangkan. Itu pun tak fahamkah?

5. Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta Perdana Menteri menyatakan, tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap pelajar-pelajar perubatan yang telah dihantar ke luar negara oleh kerajaan secara biasiswa kerajaan dan telah tidak kembali untuk berkhidmat selepas tamat pengajian mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Pelajar-pelajar tajaan kerajaan Malaysia yang telah menamatkan pengajian di luar negara dikehendaki kembali untuk berkhidmat dengan kerajaan bagi tempoh tertentu sebagai mana yang ditetapkan dalam perjanjian yang telah ditandatangani. Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sentiasa memantau pelajar-pelajar yang telah tamat pengajian ini supaya mereka kembali dan berkhidmat di negara ini.

Setakat ini, JPA telah menghantar notis kepada seramai 428 orang pelajar perubatan di luar negara yang tidak kembali ke Malaysia setelah menamatkan pengajian. Daripada jumlah itu, 126 pelajar telah kembali dan melaporkan diri kepada JPA. Mereka telah ditempatkan di Kementerian Kesihatan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Tindakan-tindakan yang telah diambil kepada baki pelajar-pelajar yang tidak kembali selepas menamatkan pengajian adalah seperti berikut:

- (i) membuat tuntutan ganti rugi seperti yang dipersetujui dalam perjanjian. Setakat ini seramai 50 orang pelajar telah membayar ganti rugi yang dituntut;
- (ii) memberi kebenaran kepada pelajar yang telah tamat pengajian pada tahun 2002 dan sebelumnya untuk menangguhkan

keputusan bagi tempoh empat tahun sekiranya mereka masih melanjutkan pengajian di peringkat kepakaran. Seramai 201 orang pelajar telah memohon penangguhan ini dan dari jumlah tersebut seramai 55 pelajar telah diluluskan penangguhan;

- (iii) mengambil tindakan undang-undang kepada pelajar-pelajar yang masih gagal atau degil untuk pulang ke Malaysia. Setakat ini seramai 43 pelajar telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk diambil tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan. Kami membelanjakan hampir RM1 juta bagi satu pelajar untuk membolehkannya dapat kelayakan doktor di luar negara. Kita sedar salah satu faktor yang mendorong mereka menetap di luar negara adalah pendapatan yang lebih lumayan. Pada pandangan saya itu tiada masalah, jika mereka dapat kebenaran seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, untuk bekerja di luar negara bagi dua atau tiga tahun demi mendapat pengalaman atau menjalankan kursus selepas ijazah. Akan tetapi dengan pokoknya mereka harus kembali untuk mematuhi bon-bon masing-masing.

Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada surat perjanjian yang ditandatangani oleh pelajar berkenaan dan penjaminnya, nampaknya tidak ada cara boleh mengikat pelajar ini untuk kembali ke Malaysia selepas menamatkan pengajiannya. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan pelajar berkenaan memperoleh *mindset* atau *aptitude*, dengan izin, yang baik dan tepat sebelum biasiswa ditawarkan. Sekian, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan berusaha untuk mengatasi masalah ini. Kita semua tahu masalah ini timbul pada awal-awal dan kita cuba mengatasi masalah ini. Kalau ada cadangan selain daripada apa yang saya sebut tadi bolehlah Yang Berhormat berikan kepada kita dan kita boleh kaji tetapi nampaknya sekarang ini, masalah ini kurang sedikit daripada apa yang berlaku pada tahun-tahun yang lalu. Sekarang kita sudah berusaha banyak untuk mendapatkan balik wang yang dibagi kepada mereka dan juga beri mereka masa untuk pulang ke tanah air untuk bekerja di sini.

Daripada angka yang saya beri tadi untuk makluman Yang Berhormat, hanya terdapat lebih kurang 43 orang sahaja yang luar negara sekarang yang belum dapat dikesan. Selain daripada itu, kita telah kurang mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya berasa agak kecewa dengan apa yang berlaku kerana Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa sebahagian besar pelajar-pelajar yang kita hantar ke luar negeri ini ialah pelajar yang mendapat pendidikan asas negara kita. Dalam usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mencapai hasrat Rancangan Malaysia Kesembilan, untuk kita membantu rakyat dan orang-orang miskin di luar bandar dan sebagainya kita harapkan anak-anak bangsa, anak-anak negara kita yang mendapat pendidikan tinggi ini kembali ke negara sendiri untuk berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Saya kira kerajaan perlu memberikan tindakan tegas dan kalau boleh senaraikan siapakah pelajar-pelajar ini yang patutnya kembali ke negara kita dan memberikan sumbangan mereka kepada negara. Saya minta pandangan Yang Berhormat, apakah tindakan yang lebih tegas yang perlu diambil oleh kerajaan bagi kita memastikan supaya pelajar-pelajar ini yang bukan semata-mata mendapat pendidikan negara kita mencari harta kekayaan mereka, sebaliknya kembali ke negara kita, berkhidmat untuk bangsa dan negara. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Kita boleh lihat perkara ini dari dua sudut. Satu kita bagi peluang kepada anak-anak kita pergi ke luar negara apabila selepas mereka selesai masa awal untuk pengajian apa yang mereka pergi. Katakanlah pengajian perubahan selama tujuh tahun. Lepas itu mereka dapat peluang untuk menjadi pakar, *specialist* dalam bidang-bidang yang tertentu. Oleh itu saya berpendapat itu kita juga

perlu bagi peluang kepada anak-anak tempatan kita ini menjadi pakar dalam sesuatu bidang.

Kalau mereka ini memang profesional dan pakar dalam sesuatu bidang, mereka tidak boleh selepas tujuh tahun balik. Kita tidak boleh dapat apa-apa daripada mereka ini. Kita perlu bagi sedikit masa lagi lima tahun mungkin tujuh tahun untuk mereka ini menjadi lebih baik, lebih pakar dan lepas itu mereka datang balik ke tanah air.

Kita ada seorang anak tempatan kita yang boleh bersaing dengan orang-orang luar. Daripada Yang Berhormat sebutkan itu, mungkin kita juga ambil tindakan yang lebih keras kepada mereka yang degil. Oleh sebab itu cadangan untuk menyenaraikan nama itu mungkin kita boleh ambil kira. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Hendak tambah sedikitlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Serdang ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Banyak soalan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

6. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, sama ada pihak kerajaan akan menyemak dan mengkaji terhadap seksyen 9A, Akta Prosedur Lokap 1953. Jika ya, bilakah. Jika tidak, mengapa?

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang. Tuan Yang di-Pertua, kementerian sememangnya sedang dalam proses pewartaan Peraturan-peraturan Lokap 2006 bagi meminda Kaedah Lokap 1953. Draf peraturan tersebut sedang disemak di peringkat kementerian dan akan dipanjangkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan terakhir. Pindaan tersebut termasuklah kaedah 9A yang mana telah menimbulkan kekeliruan di peringkat daerah dan balai. Peraturan-peraturan tersebut dijangka akan diwartakan pada bulan Julai 2006.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya terdapat peraturan atau garis panduan yang tertentu untuk menghadapi masalah kelemahan sepanjang masa ini. Selain daripada seksyen 9A Akta Prosedur Lokap 1953, adakah lagi undang-undang yang berkaitan dengan polis yang lapuk akan dikaji semula untuk menghadapi masalah masa ini.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah menjawab soalan tadi bahawa kita sedang mengkaji termasuklah 9A dan peraturan-peraturan lain yang kita rasa sudah ketinggalan zaman daripada kes-kes yang berlaku sekarang ini.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Adakah kerajaan sedar bahawa pada ketika ini kita menghadapi banyak masalah dengan lokap. Makan kita di lokap RM4.10 satu hari. Kita tidak ada tempat untuk jumpa orang-orang dalam lokap. Kita tidak ada sistem yang baik dalam kebanyakan lokap.

Adakah kerajaan sedar ini, membuka kepada banyak ruang rasuah. Contohnya bila kita hendak jumpa orang dalam lokap, kita mungkin kita jolok sedikit duit, kita boleh jumpa... [*Dewan riuh*] Umpamanya, mungkin. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan lebih banyak prosedur ini diperbaiki.

Mungkin juga ada langkah kerajaan, hendak makan ini mungkin hendak tambah, RM4.10 ini saya rasa kecil sangatlah Tuan Yang di-Pertua. Bukanlah kita hendak membela orang salah. Orang salah memang tidak boleh buat baik tetapi kita kena mungkin kepada orang sakit umpamanya. Ibu yang mengandung, dia masuk lokap dia tidur atas simen, kasihan juga, bukan? Apakah langkah-langkah kerajaan yang lebih menyeluruh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulung. Memanglah kita dengar sekarang ini macam-macam cerita, mungkin kadang-kadang macam-macam tetapi walau bagaimanapun, saya memberitahu kepada Yang Berhormat sekarang ini bahawa kerajaan memang sedang mengkaji semua peraturan termasuklah lokap dan sebagainya.

Sekarang ini untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, di Kuala Lumpur semua pesalah apabila ditangkap sahaja kita bagi ubat gigi, berus gigi dan sabun. Sebelum ini kita tidak pernah bagi dan tiap-tiap seorang pesalah sekarang ini kita membelanjakan lebih kurang RM3 satu orang. Ini juga melibatkan perbelanjaan yang banyak. Saya rasa berkenaan dengan makan itu tidak menjadi masalah. Perkara-perkara ini akan diambil kira untuk kebaikan lokap di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

7. Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah kos perbelanjaan temasya Sukan Wanita 2005 dan apakah hasil daripadanya. Tidakkah penganjuran sukan ini bertentangan dengan konsep anti-diskriminasi yang menjadi pegangan kita, apakah perlu temasya sukan khusus untuk sesuatu gender semata-mata.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengemukakan soalan tersebut. Jawapannya seperti berikut. Mengenai kos penganjuran sukan wanita yang pertama adalah sebanyak RM5 juta melibatkan 3,000 orang atlet wanita yang tiada umur partisipasi sebanyak 17 pasukan iaitu 15 buah negeri dan dua agensi terdiri daripada polis dan tentera, sembilan jenis pertandingan sukan dan dipertandingkan selama lapan hari. Juara pada tahun lepas julung kali diadakan ialah negeri Sabah.

Mengenai dengan hasil temasya ini, bagi kementerian, temasya ini bukan sahaja dapat melahirkan ramai atlet wanita tambahan pula kepada menggalak, menambah dan membuka mata tentang potensi wanita menjadi juara sukan antarabangsa.

Berkenaan dengan ini sama ada sukan adalah satu pendekatan yang berbentuk bertentangan dengan konsep anti diskriminasi menjadi pegangan kita, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sukan wanita ini sebenarnya bukan menentang ataupun menafikan hak lelaki. Sebenarnya isu diskriminasi itu kalau peluang tidak diberikan, dalam negara kita orang lelaki diberikan banyak peluang dalam bidang sukan. Tetapi bagi wanita banyak isu seperti contohnya isu agama dan isu budaya yang menafikan wanita ini untuk bersukan dalam keadaan yang lebih menggalakkan.

Sukan wanita ini sebenarnya tidak mendiskriminasikan lelaki. Sebenarnya sukan wanita ini membantu menaikkan taraf sukan negara Malaysia supaya ramai atlet wanita dapat dipertandingkan dalam sukan-sukan yang diwakili oleh lelaki dan juga wanita.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan banyak kebaikan yang kita tengok daripada sukan wanita ini sebagaimana yang dinyatakan tadi, ada atau tidak kemungkinan pihak kementerian bercadang untuk mengadakan sukan khusus untuk lelaki. Kalau ada, bila.

Datuk Azalina binti Othman Said: Kalau itu Yang Berhormat tanya, jadi jawapan saya adakah kita pun hendak wujudkan Kementerian Pembangunan Lelaki? Sebenarnya dalam isu ini kita membuat galakan dalam mewujudkan sukan khas kerana wanita mengalami masalah di segi seperti yang telah saya jawab tadi untuk bersukan.

Contohnya sukan berenang Tuan Yang di-Pertua, dalam kebanyakan kes selalunya keadaan wanita kalau dia hendak berenang, adanya permohonan kepada tuan punya tempat berenang ataupun majlis daerah, kerajaan tempatan untuk dikhaskan kepada wanita pada hari tersebut. Ini secara tidak langsung tidak menggalakkan ramai untuk mencari bakal-bakal juara di kalangan wanita berbanding dengan lelaki. Di merata-rata tempat Tuan Yang di-Pertua, kalau orang lelaki hendak bersukan, mana-mana tempat pun boleh. Kadang-kadang orang lelaki bersukan dia berlengeng tetapi orang perempuan kalau dia berlengeng tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Banyak isu yang orang perempuan

mengalami yang lebih senang semasa perempuan. Untuk menjawab kepada soalan Yang Berhormat, saya tengok pada masa saat ini tidak perlu adanya sukan khas untuk lelaki kerana orang lelaki kita memang ramai, suka bersukan dan senang untuk bersukan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Saya bersetuju tidak ada wanita masakan ada lelaki di dunia ini. Wanita yang melahirkan kita di dunia ini. Termasuk Yang Berhormat bagi Kepong pun wanita yang melahirkan. Menteri Kerja Raya pun wanita yang melahirkan.

Saya bersetuju wanita ini kadang-kadang terhad bidang kesukanan dia. Saya mencadangkan supaya hari ini kalau kita tengok wanita telah bersaing cukup kuat dengan lelaki di peringkat universiti, jadi VC dan sebagainya. Peluang mereka untuk masuk ke universiti pun wanita yang banyak, perasmian PIBG, Hari Kecemerlangan pun wanita *score*. Kehadiran PIBG, wanita lebih daripada lelaki.

Soalannya Tuan Yang di-Pertua, apakah program yang akan dianjurkan oleh Kementerian Yang Berhormat supaya wanita-wanita ini akan terserlah lebih baik lagi dalam kesukanannya di peringkat antarabangsa supaya kita menunjukkan kalau pasukan bola yang dianjurkan oleh wanita, lebih baik daripada FAM anjurkan. Kalau ragbi lebih baik daripada Yang Berhormat bagi Arau yang Presiden Ragbi ini anjurkan. Maknanya kita kena buktikan bahawa wanita boleh dan saya percaya penuh wanita boleh kerana hendak melahirkan anak ke dunia ini bergegar Tuan Yang di-Pertua. Itu pun mereka boleh. Apakah ini sukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya kelebihan wanita ini kalau sukan tertentu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali sukan yang menggunakan alatan contoh sukan skuasy, boling, ada sukan-sukan yang macam Yang Berhormat sebutkan macam bola sepak dan ragbi itu, kemampuan wanita itu susah sedikit disebabkan saiz badan dan cara dia berlari dan beban yang dia bawa sekali.... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, disegi umum, kementerian menyedari, itu sebabnya dalam program lapan sukan teras iaitu boling, skuasy, badminton dipertekankan supaya dalam program mencari juara yang dahulu 'mencari *champion*' telah ditukar kepada 'mencari juara', kita akan mengkhususkan.

Daripada kajian kita Tuan Yang di-Pertua, kita mengkaji kemungkinan kejayaan wanita Malaysia dalam sukan angkat berat disebabkan kategori atlet wanita kita 49 kilogram iaitu kategori yang paling rendah dan paling ringan, wanita Malaysia kebanyakan pada timbangan badan pada 49 kilogram yang boleh dihitungkan untuk potensi menjadi juara dalam Sukan Olimpik, insya-Allah akan datang. Itu di antara strategi yang dibuat oleh kementerian.

Berkenaan sukan untuk semua, kementerian tidak mengamalkan diskriminasi. Kita menggalakkan sebanyak program tetapi yang sangat penting di sini Tuan Yang di-Pertua ialah kepimpinan masyarakat seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mesti menggalakkan ramai wanita untuk bersukan. Insya-Allah kita akan mendapat ramai juara yang akan datang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Gusti Yang Berhormat bagi Arau, gusti boleh tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soal jawab lisan pada pagi ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Belum sampai jam 11.00 Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Belum lagi Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Baik, sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah suatu soalan yang sangat *interesting*. Apabila ada yang khusus untuk wanita, ada lelaki selalunya dia akan bantah. Ataupun dia kata ini adalah anti diskriminasi.

Saya pun ada soalan hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat jelaskan dengan lebih mendalam lagi apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh pihak wanita untuk mengambil bahagian dalam sukan dan adakan satu sukan seperti ini sudah cukup untuk mengatasi semua halangan. Kalau bukan apakah lagi langkahnya untuk menggalakkan lagi supaya dari kecil lagi bukan hanya kepada temasya sukan sahaja. Bagaimana akan boleh mengatasi semua halangan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang menghalang banyak wanita bersukan ialah wanita itu sendiri sebab dia kadang-kadang tidak mahu bersukan sebab dia takut dikritik kerana dia mungkin dari budaya, dari segi agama, dia rasa mungkin tidak selesa tetapi bagi saya, sebenarnya dari segi dasar Kerajaan Malaysia, kita tidak pernah menghalang wanita dengan izin, *out right discrimination*, katanya wanita tidak boleh. Boleh, tetapi masalahnya wanita itu sendiri. Itu sebabnya bagi Kementerian, pendekatan kita ialah menggalakkan wanita itu rasa selesa untuk bersukan, strategi pertama.

Akan tetapi yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua, orang lelaki memainkan peranan. Kalau orang lelaki menggalakkan isteri, buah hati, anak perempuan dia bersukan, insya-Allah ramai wanita yang bersukan.

Dari segi kajian kami Tuan Yang di-Pertua, orang perempuan kalau bersukan dia rasa bersalah dengan izin, *guilty*. Orang lelaki Tuan Yang di-Pertua kalau main golf empat jam dia tidak rasa beralah tetapi kalau orang perempuan keluar rumah 10 minit sudah takut suami dia lari. Itu sebabnya dia tidak keluar bersukan. Di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah pemikiran mental wanita tersebut. Dengan adanya Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di hadapan saya, saya percaya insya-Allah kita dapat menggalakkan dengan kerjasama di antara kedua-dua kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada masa lagi untuk satu kementerian untuk menjawab. Saya minta Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

8. Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan setakat manakah keberkesanan kementerian di dalam membantu golongan daif kerana kerap kali terdapat aduan proses yang lambat dan ianya menjadi cepat apabila dihebahkan oleh media.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat bin Abdul Jalil]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi masa kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan perkhidmatan yang bersesuaian termasuk pemberian bantuan bulanan kepada mereka yang daif. Setiap pengendalian permohonan, kelulusan dan proses pemberian bantuan kepada penerima adalah berbeza mengikut jenis skim bantuan. Bagi mendapatkan perkhidmatan atau bantuan JKM, setiap kes yang diterima akan melalui proses pengendalian kes yang sedia ada.

Setelah menerima kes yang dirujuk, ia akan melalui proses siasatan dan kelulusan dalam tempoh sebulan. Siasatan dan proses kelulusan ini dibuat secara terus kepada mereka yang layak sama ada secara individu atau keluarga mengikut keperluan dan kesesuaian kes yang tersebut. Perkhidmatan diberikan melalui JKM bukan sahaja tertumpu kepada bantuan kewangan semata-mata. Setiap kes yang dirujuk turut diberi seliaan berterusan termasuk perkhidmatan pemulihan serta kaunseling dalam pengurusan kerja kes agar perkembangan individu dan keluarga penerima bantuan dapat dipertingkatkan.

Sehingga kini, JKM telah memberi perkhidmatan bantuan bulanan kepada 122,140 keluarga dengan peruntukan kewangan sebanyak RM149.4 juta setahun. Walau bagaimanapun, masih terdapat kes yang terpinggir dan mendapat hebahan melalui media

masa yang boleh membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat mengesan dan mengenal pasti kes-kes yang memerlukan perhatian. Setiap pendedahan oleh media atau rujukan dari mana-mana sumber akan dilayan sebagai klien JKM yang perlu dibantu kecuali bagi kes terdampar di mana bantuan segera sekali gus akan diberikan terus kepada mereka yang layak.

Kementerian menyedari bahawa peranan komuniti termasuklah media amat penting dalam sama-sama kita membantu mengesan kes yang daif dan seterusnya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pemberian bantuan dan kebajikan. Ini akan memastikan klien menerima perkhidmatan yang boleh dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyarankan kepada semua wakil rakyat supaya menjalankan kerja khidmat masyarakat walaupun tidak mendapat liputan yang meluas daripada akhbar. Maknanya beliau amat serius dalam mutu perkhidmatan masyarakat dan mutu kecekapan dalam menjalankan tanggungjawab.

Jadi, soalan tambahan saya, apakah kekangan atau masalah yang menjadi punca kepada kelewatan dalam menyalurkan bantuan ini dan sejauh manakah penglibatan kementerian dengan agensi-agensi pemantau pada peringkat kawasan. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat bin Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Kebajikan menjadi pemegang amanah wang rakyat, jadi apabila kita hendak meluluskan apa-apa bantuan, kita mesti melalui beberapa kaedah yang telah pun dipersetujui oleh Perbendaharaan. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kira bahawa kita mesti *fast track*, dengan izin, permohonan kita dan alhamdulillahlah, sehingga kini kita telah pun mampu untuk mempercepatkan.

Saya telah beri arahan kepada semua di Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk *fast track* permohonan supaya selewat-lewatnya dalam masa sebulan mesti semua dibereskan. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kita mohon perkongsian tanggungjawab di antara kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan semua pemimpin di peringkat akar umbi. Maka dengan itu saya harap dapat mengerakkan melalui Mayang, iaitu majlis yang telah pun diwujudkan di peringkat akar umbi untuk membantu Jabatan kebajikan Masyarakat memberi perkhidmatan yang lebih efisien terutama kepada mereka yang memerlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itu sahajalah soalan jawab lisan pada pagi ini.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 18(1).

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima surat daripada Tuan Yang di-Pertua tentang usul saya, surat yang diletak di atas meja saya pada pagi ini Usul Yang Berhormat bertarikh 24 April 2006, Isnin telah saya terima. Sedangkan usul yang saya hantar kepada Tuan Yang di-Pertua, bertarikh 23 April 2006, saya hantar pada hari Ahad, saya faks lebih kurang pada jam 2 petang. Cuma saya minta penjelasan, adakah saya lebih dahulu daripada Yang Berhormat bagi Batu Gajah ataupun macam mana.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah dulu, ya. Jadi, kita tidak boleh membahaskan dua usul tergepar dalam satu masa.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya fakskan pada jam 2 petang, hari Ahad, 23 hari bulan. Cuma saya tidak tahu masa Yang Berhormat bagi Batu Gajah pada jam berapa?

Tuan Yang di-Pertua: Awal lagi, ya.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua, saya terima.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

USUL

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18 (1)

Kematian Pelatih Program Latihan Khidmat Negara

11.06 pagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Harap usul diluluskan supaya saya dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian boleh sama-sama membahasnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Pada 23 April telah dilaporkan seorang pelatih bernama Haziq Jaafar semasa menjalani Program Latihan Khidmat Negara di kem PLKN Agro Tourism Batu 13, Jalan Kluang Kahang telah meninggal dunia kerana dipercayai ditumbuk mati oleh seorang pelatih lain. Ini merupakan kes kematian ketiga yang berlaku ke atas pelatih semasa menjalani PLKN selepas kematian Awang Mohd Fazil Awang Borhan dan T. Saravanan yang kedua-duanya dilaporkan meninggal dunia kerana mati lemas.

Di dalam kejadian ini, nyawa adik Haziq berkemungkinan dapat diselamatkan memandangkan beliau sebelum dcederakan telah mengetahui beliau akan dipukul pada malam tersebut. Kesalnya, selepas kejadian tanpa perasaan simpati dan bertanggungjawab, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah membuat kenyataan dan menyatakan bahawa ibu bapa tidak sepatutnya bimbang dan takut untuk menghantar mereka ke PLKN kerana perkara ini tidak dapat dielakkan, mungkin berlaku tidak sengaja dan boleh berlaku di mana-mana sahaja.

Kenyataan beliau ini amat tidak bertanggungjawab kerana kematian pelatih semasa menjalani PLKN tidak patut berlaku langsung. Ekoran daripada kejadian kematian Haziq dan juga banyak kejadian semasa pelaksanaan PLKN ini, seperti kejadian jangkitan virus, yang mengakibatkan lebih kurang 42 orang pelatih dari kem di Alor Gajah perlu dimasukkan ke hospital. Pergaduhan yang berulang kali dan kekerapannya, gangguan seksual dan dakwaan dirogol, keselamatan para pelatih semasa mereka menjalani PLKN, walaupun di bawah pengawalan, menjadi persoalan dan menimbulkan kerisauan para ibu bapa berkenaan kemampuan pihak kementerian memberi satu suasana yang selamat kepada anak mereka selepas mereka menyerahkan anak mereka untuk pemerhatian dan jagaan pihak PLKN.

Perkara ini adalah tertentu dan ia bagi kepentingan orang ramai, serta perlu disegerakan kerana ia melibatkan keyakinan orang ramai terhadap kemampuan pelaksanaan, langkah-langkah keselamatan dalam kem bagi melebihi 80,000 orang pelatih yang dihantar untuk menjalani PLKN ini setiap tahun, dan memakan belanja lebih kurang RM500,000 setahun. Kematian Haziq, nyawa ketiga diragut semasa menjalani PLKN, soal keselamatan di kem PLKN dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Batu Gajah pada 23 April 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Pada fikiran saya perkara ini tidak

perlu disegerakan. Saya difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan telah melaporkan kepada pihak polis kes kematian ini sebaik sahaja kejadian berlaku dan masih dalam siasatan. Kementerian Pertahanan juga telah mempertingkatkan keselamatan para pelatih Program Latihan Khidmat Negara dengan pelbagai tindakan, di antaranya memperketatkan arahan dan peraturan semasa bagi mengawal disiplin dan pengurusan pelatih. Oleh yang demikian saya menolak usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2). Ya, sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menggalakkan, melalui latihan kemahiran, pembangunan dan memperbaiki keupayaan seseorang, yang diperlukan untuk kerjaya dan untuk memperuntukkan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia dibaca kali yang pertama, akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2005) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan dibaca kali yang pertama, akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[24 April 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyambung menjawab.

11.12 pagi.

Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung jawapan saya pada perbahasan berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan yang berhubung kait dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang Berhormat bagi Mambong, Permatang Pauh dan juga Temerloh ingin tahu mengenai usaha-usaha yang telah dibuat oleh MARDI dalam membangun dan mengkomersialkan produk-produk bioteknologi pertanian. Sukalah saya jelaskan di sini bahawa usaha-usaha seperti berikut telah pun dibuat oleh MARDI.

- (i) pembangunan produk herba perubatan *Nutraceutical* dan bahan makanan yang mempunyai nilai tambah seperti pemakanan berkhasiat dengan izin, *functional foods*;
- (ii) penggunaan bioteknologi untuk memperbaiki sistem pertanian seperti kawalan penyakit melalui penggunaan produk-produk diagnostik; dan
- (iii) pengawalan mutu hasil pertanian melalui bioteknologi seperti produk bebas dan pencemaran sisa kimia atau racun melalui penggunaan *biosensor* dan diagnostik dan lain-lain aplikasi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Semalam Yang Berhormat ada menyentuh mengenai padi, beras dan subsidi. Saya ada dengar belum jelas mungkin kerana kesuntukan masa sebelum kita pergi ke bidang teknologi. Saya sebutkan hal ini kerana saya tidak pernah dengar Yang Berhormat menyebutkan mengenai *free trade agreement* dengan US dengan Amerika Syarikat kerana bagi saya kementerian Yang Berhormat memang penting untuk memantau, untuk memelihara kepentingan. Dan saya hendak tahulah macam mana Yang Berhormat buat persiapan untuk menghadapi perundingan dengan Amerika Syarikat untuk FTA bagi bidang-bidang yang terlibat dengan kementerian.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin semalam Yang Berhormat saya tidak tahu sama dia di Dewan ataupun tidak waktu Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjawab perkara yang hampir sama berkenaan dengan rundingan untuk FTA dengan Amerika Syarikat dan beberapa Ahli Parlimen juga telah membangkitkan tentang aspek pertanian sebagai contoh. Jadi apa yang telah pun dimaklumkan ialah bahawa ini belum lagi dimulakan dan oleh sebab itu setakat hari ini kita belum dapat pasti apakah perkara-perkara yang akan dibangkitkan.

Namun begitu di peringkat kementerian kita, kita terlibat dalam satu pasukan yang agaknya profesional di kalangan pegawai-pegawai pertanian kita sendiri. Dalam *team* yang dipelopori oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu apabila perkara-perkara berbangkit dengan soal pertanian kita ada pendirian-pendirian kita sendiri untuk memastikan supaya tidak ada tuntutan-tuntutan ataupun perkara-perkara yang dibangkitkan yang boleh dilihat menjejaskan kepentingan petani-petani kita, hasil pengeluaran kita, produk-produk pertanian kita dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi oleh sebab itu saya kira adalah terlalu awal untuk di peringkat ini kita hendak memberitahu apakah kedudukan kita sehinggalah rundingan itu dimulakan tidak berapa lama lagi. Tuan Yang di-Pertua penggunaan produk-produk bioteknologi yang telah pun ditambah nilai atau yang telah pun diperbaiki seperti baka baru dari bioteknologi oleh petani dan penternak, perusahaan ataupun perniagaan berasaskan bioteknologi seperti

perusahaan, perkhidmatan tisu *cultured*, tumbuhan, persemaian berhadass ataupun *artificial insemination* dengan izin, dan pemindahan embrio bagi ternakan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin telah pun menyarankan supaya FAMA memainkan peranan yang lebih cekap...

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tan Sri Menteri. Sebelum masuk kepada Jasin saya ingin menyoalkan beberapa perkara yang berkaitan dengan bioteknologi ini. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut tentang bio diagnostik dan *biosensor* untuk mengawal penyakit-penyakit ternakan dan juga mengenal pasti *residue* racun serangga di tanaman. Sejauh manakah bio diagnostik ini dan *biosensor* dikomersialkan setakat ini dan juga diaplikasikan dengan meluasnya di kalangan penternak-penternak dan petani-petani.

Keduanya tentang produk-produk bioteknologi ini. Adakah produk-produk ini seperti baka baru, benih-benih baru digunakan dengan meluasnya di kalangan petani. Terima kasih Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin ada berkaitan dengan ...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan sebelum melangkah itu tentang penyelidikan oleh MARDI. Saya tengok Tan Sri sekarang ini banyak penyelidikan yang dilakukan oleh MARDI dan kita akui ini tetapi bagaimana mekanisme yang digunakan oleh MARDI pertemuan-pertemuan ini dapat disampaikan kepada orang luar bandar, orang kampung. Kerana kalau kita lihat masa dahulu RRI bahagian *research* tentang getah dia ada bahagian nasihat pekebun kecil tetapi saya tengok sekarang ini di MARDI ini tidak ada satu bahagian itu untuk menyampaikan maklumat-maklumat, *research-research* ini kepada orang kampung. Mekanisme ini belum wujud lagi jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi menteri bangkitkan perkara berkaitan dengan bioteknologi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Bioteknologilah itu Tuan Yang di-Pertua. Ini pun orang Pulau hendak tahu juga Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya ingin mencadangkan supaya kita berikan masa kepada menteri habiskan jawapan beliau. Dan ingin juga saya maklumkan juga kita ada lagi 20 kementerian untuk memberi jawapan dan saya haraplah sama-sama memberikan kerjasama, memberikan penuh masa untuk menteri jawab terhadap perkara yang dibangkitkan semasa perbincangan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya hormat keputusan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya memang banyak perkara yang saya hendak jelaskan termasuklah perkara-perkara yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat tentang soal kementerian kita tetapi nampaknya dengan banyak pertanyaan *intervention* ini tidak selesai perkara-perkara yang telah pun saya sediakan. Saya ada dekat 20 muka lagi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, boleh beri peluang saya jawab...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya baru berikan teguran, Yang Berhormat bangun lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak sedikit.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menyokong teguran saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:Buat komenan Tuan Yang di-Pertua punya teguran. Waktu perbahasan kita pun dihadkan masa, maka tidak dapat semua perkara yang hendak disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri kerana kesuntukan masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat masa RMK10 kita...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sekarang ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa RMK-10 kita bincangkan, kita membuat cadangan kepada kerajaan supaya masa untuk perbahasan dan jawapan mungkin satu bulan atau dua bulan. Jadi, saya minta kerjasama sebab....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya memberikan segala kerjasama kepada Tuan Yang di-Pertua dan kita pun sanggup bermesyuarat sampai tengah malam Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ini hebat orangnya Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Maka sebab itu kita rasa selesa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah, cukuplah. Yang Berhormat semasa Yang Berhormat Menteri menjawab perbahasan terhadap Titah Ucapan, masa cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak menyampaikan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Juga menyampaikan panjang lebar...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Peluang yang secukupnya diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi saya cadangkan pendekkan masa dan memberi peluang untuk menteri teruskan jawapan jimatkan masa, supaya menteri-menteri yang lain dapat memberi peluang juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya punya soalan ini boleh sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Berkaitan dengan bioteknologi, berkaitan dengan mutu, berkaitan dengan pengimbangan antara kita punya eksport dengan kita punya import. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertualah orang yang paling saya sayangi di dunia ini Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah ampulah Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita memang banyak mengimport Yang Berhormat Tan Sri tetapi, kenapa kita tidak juga memikirkan bagaimana kita hendak eksport? Semua barang-barang Thailand, kita anggap baik. Apakah tidak ada

barang-barang kita yang boleh setanding dengan Thailand, yang boleh kita eksport? Masa Yang Berhormat Tan Sri menjadi Menteri Besar Johor, ada pisang Johor yang kita eksport ke Jepun tetapi, cerita ini sudah tinggal kenangan. Maknanya kita pun mampu, ialah kalau Jepun kata pisang kita tidak cukup besar, besarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah macam beri ceramahlah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau agaknya Jepun suka pisang yang lurus, dia tidak hendak bengkok, kita luruskan. Buah rambutan kita, kenapa tidak boleh dieksport ke Timur Tengah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Menteri faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau bulu dia kurang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... Tambah bulu dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, Menteri faham, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini saya hendak pasal, Tan Sri ini antara menteri yang telah menjaja barangan kita ke Timur Tengah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Peluang telah pun dibuka oleh Arab. Dia pergi ke Syria, ke Damsyik dan banyak negara Arab yang minat dengan buah-buah Malaysia ini. Hendak kata buah pelam, kita punya buah pelam, kalau kurang besar, besarkan. Kita punya papaya, kalau kurang manis, kita maniskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cara ini sudah langgar Peraturan Mesyuarat, bukan cara untuk meminta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, saya hendak menceritakan tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah cerita Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Kualiti, mutu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri faham, menteri faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau Tuan Yang di-Pertua pun faham, Menteri pun faham tidak payahlah saya hendak tanya soalan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya takut Yang Berhormat sendiri tidak faham, cukuplah... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, saya hendak eksport kita punya barang-baranglah.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Yassin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya telah menyediakan jawapan panjang untuk respons kepada banyak perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan. Jadi ada dalam teks ini, jadi kalau boleh bersabar sedikit, nanti sampai peringkat itu, saya akan jelaskan secara terperinci. Cuma sebelum pergi kepada seterusnya komen daripada Yang Berhormat bagi Mambong dan Jasin itu saya ambil perhatian. Memang kita berpendapat ada perlu usaha penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan segala kajian yang kita buat di peringkat MARDI itu dipertingkatkan dan diperluaskan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan Yang Berhormat akan luluskan MARDIM dapat peruntukan yang juga besar. Cuma isu yang penting sini ialah segala hasil yang kita dapati sesuai untuk dipasarkan. Dia perlu disambut oleh syarikat-syarikat swasta yang berminat. Kalau usaha dibuat oleh MARDI sudah berjaya tetapi tidak ada pihak yang sanggup untuk meneroka, mengambil alih apa yang telah diusahakan oleh pihak MARDI, bermakna dia akan terletak di situ sahajalah kerana di bawah Akta MARDI, dia tidak dibenarkan untuk pergi lebih jauh daripada soal pendidikan dan pembangunan. Soal pengkomersialan ini perlu diuruskan oleh pihak sektor yang lain.

Akan tetapi untuk membantu proses ini, kita ada menyediakan program yang kita panggil inkubator iaitu selangkah lebih daripada pembangunan tadi ialah kita majukan di peringkat perniagaan permulaan di mana hasil-hasil itu akan dicuba dan produk-produk yang dijual oleh pihak MARDI itu akan mula dipasarkan dan apabila satu peringkat dilihat, agaknya berdaya maju, maka swasta yang berkenaan bolehlah mengambil alih daripada pihak MARDI apa yang telah pun diusahakan oleh MARDI tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut tentang apa yang dibangkitkan ini Yang Berhormat bagi Jasin....

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: [Bangun]

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: MARDI. Terima kasih. Dalam ucapan saya baru ini, saya menyentuh masalah MARDI. *Research* yang dibuat oleh MARDI ini memang boleh dikatakan banyak yang berjaya tetapi satu perkara yang saya sebut ialah MARDI masih gagal lagi, ialah berkenaan dengan bagaimana kita hendak mendapatkan benih tembikai ataupun benih *muskmelon*, *honeydew*, ataupun *rock melon* yang kita masih berterusan import dari Taiwan, sudah 20 tahun lebih import dari Taiwan tetapi MARDI masih lagi gagal untuk mendapatkan biji-bijian. Hingga sekarang ini kalau jenis koji, ataupun dipanggil tembikai kuning itu yang tidak ada biji atau *seedless*, harganya antara RM600 sampai RM800 satu tin yang kecil yang boleh hanya 2000 lubang sahaja, benihnya ialah antara RM600 hingga RM800. Ini membebankan kepada rakyat, kepada petani-petani yang ingin menanam tembikai atau *muskmelon*, *honeydew*, ataupun *rock melon* dan sebagainya, minta penjelasan sedikit.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Yassin: Saya akan jelaskan dalam peringkat cadangan untuk mewujudkan benih dan antara perkara yang kita sentuh ialah soal berkaitan dengan benih untuk buah-buahan. Jadi tentulah melibatkan soal pendidikan lanjutan kerana usaha untuk menghasilkan satu bentuk benih yang sesuai untuk kita di sini agak mengambi masa yang lama. Sebab itu untuk peringkat awal, biasanya kita membawa masuk perkara-perkara seperti itu yang sebahagian besarnya adalah hasil daripada pendidikan yang dibuat oleh negara-negara yang berkenaan. Jadi, kalau kita hendak mengeluarkan produk seperti *melon* umpama yang memang bentuk saiznya begitu, mahu tidak mahu kita terpaksa menggunakan benih-benih itu peringkat ini dahulu sebelum pendidikan kita sampai pada tahap yang mana kita boleh mengkomersialkan hasil pengeluaran kita.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [Bangun]

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat Menteri?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Yassin: Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita tidak nafikan bahawa MARDI telah membuat penyelidikan yang cukup baik. Buah yang kecil telah dapat dibesarkan, hasilnya telah dapat dipendekkan, yang masam dapat dimaniskan. Cuma, yang cantik itu, kajian itu hanya ada di Kedah di MARDI di Changlun, di Jitra. Kenapa tidak jabatan pertanian menggunakan kajian MARDI itu ditunjukkan kepada rakyat jelata di kawasan luar bandar. Contohnya kawasan saya di Pejabat Pertanian di Kuala Nerang, di mukim itu, sudah lima enam tahun tinggal kosong lalang sahaja naik. Kenapa tidak Jabatan Pertanian menggunakan kajian ini? Tanam di keliling pejabat pertanian dan tunjuk *direct*, ini dia hasil kajian pejabat MARDI, bolehlah rakyat melihat contoh-contoh yang baik yang telah MARDI buat selama ini. Boleh atau tidak Yang Berhormat tolong beritahu pihak kementerian supaya menanam sebagai contoh yang baik untuk dicontohi oleh rakyat jelata, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Itu memang perkara yang paling penting Tuan Yang di-Pertua, kerana lepas kajian telah dibuat oleh pihak MARDI sebagai contoh seperti tempat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, maka didapati katalah dia dapat menghasilkan produk kata pertanian buah-buahan dan sayur-sayuran yang agaknya berkualiti tinggi.

Soal yang kedua sekarang ini bagaimana dia hendak dibawa ke ladang, kalau dia di peringkat hanya percubaan di stesen-stesen MARDI, kita perlu membiakkan dan menyediakan macam seperti Yang Berhormat sebutkan tadi benih-benih yang lebih banyak supaya dengan itu dapat kita agihkan pada petang ini dan kemudiannya dapat dikomersialkan. Jadi ada satu peringkat lagi selepas pendidikan itu yang perlu dibuat. Umpamanya buah ciku yang sekarang ini Yang Berhormat tahu sudah dikeluarkan dengan saiz yang jauh lebih besar daripada biasa, hendak dibuat secara perladangan memang banyak yang berminat tetapi kita perlu umpama menambah benih-benih ini yang boleh kita edarkan dan satu langkah yang kita buat menerusi sistem tisu kultur supaya dengan cara itu dapat kita biakkan dengan lebih banyak dan kita agihkan kepada pihak petani.

Jadi dalam kes yang disebutkan di Kedah itu kita akan lihat kalau dia sudah sampai tahap itu apakah sekarang ini wajar untuk pihak MARDI bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dan dari situlah baru dia dapat kembangkan tanaman buah-buahan yang berkenaan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Langkawi dan Pasir Mas bangun.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih menteri. Saya seronok dengan Menteri Pertanian ini kerana beberapa kali Menteri Pertanian ini pergi ke kampung saya...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Dalam meninjau petani-petani saya di sana di Pasir Mas khususnya. Apa yang saya hendak kemukakan di sini ada dua perkara Yang Berhormat Menteri, pertama sekali apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu tadi iaitu tentang musuh-musuh padi. Barangkali di waktu Yang Berhormat Menteri pergi ke Pasir Mas mendapat maklum balas daripada pegawai pertanian kita, cuma tindakan. Baru-baru ini persatuan peladang di Pasir Mas menjemput pelatih-pelatih di Program Latihan Khidmat Negara untuk sama-sama turun ke sawah membanteras penyakit padi iaitu gondang emas tetapi walaupun ada usaha-usaha sedemikian saya balik baru-baru ini saya diberi maklum bahawa musuh-musuh ini begitu hebat menyerang sawah-sawah kita di sana sehingga padi-padi tidak sempat hendak membesar ia dimakan oleh gondang-gondang tersebut.

Penyakit-penyakit lain lagi seperti padi angin, kalau di Kelantan diistilah dengan padi kera, saya tidak tahu apakah Yang Berhormat tahu masalah ini atau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Nanti, hendak saya beritahu dahulu, satu, dua, tiga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah ia berkaitan dengan MARDI?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, ya padi, padi ini bila dia naik, padi angin dia akan tenggelam padi-padi yang sebenar dan akhir sekali kita tidak dapat menghasilkan sesuatu yang terbaik. Juga satu penyakit lain iaitu penyakit, macam bendang kena bom, penyakit kisar, macam penyakit angin ahmar, apabila dia kena itu dia kuning, jadi habis sebandang. Jadi apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk mengatasi penyakit-penyakit sedemikian. Jadi saya minta supaya disegerakan kerana bila hasil padi ini kita tidak dapat *upgradekan* maka sudah tentu bahawa rakyat kita akan menghadapi krisis beras.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri, saya mendengar apa yang disebutkan oleh sahabat-sahabat tentang MARDI dan lain-lain lagi. Saya melihat baru-baru dalam masa setahun lebih saya pergi ke Mesir, pelajar-pelajar kita di sana ada lebih daripada 5,000 orang, di Mesir atau seluruh Mesir. Kita mempunyai asal orang Melayu yang berada di Arab Saudi, hampir dua juta orang. Mereka ini begitu teringin untuk mendapat bekalan-bekalan daripada Malaysia khususnya buah-buahan, mereka mendengar bahawa buah-buahan di Malaysia begitu banyak sekali tetapi yang sampai di Saudi atau di Mesir ataupun dalam negara Arab iaitu buah daripada Thailand. Bazar ini apabila mereka mendengar bahawa Malaysia ini sebuah negara Islam apabila akhir-akhir ini dengan Islam Hadhari dan berbagai-bagai Islamnya, jadi mereka menunggu-nunggu sebagaimana yang disebut oleh sahabat kita tadi daripada Sri Gading tadi. Mereka menunggu-nunggu buah-buahan, banyak di Malaysia ini buah dukung misalnya sedap tetapi tidak sampai dan yang sampainya daripada Thailand, jadi apakah usaha-usaha yang lebih daripada semasa yang dibuat oleh pihak kerajaan, apa pandangan menteri?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih, pertama berkenaan dengan musuh padi ini memang kita sedari masalah yang dihadapi di kawasan seperti di Kelantan dan saya pun waktu sewaktu pergi melawat ke kawasan Pasir Mas dahulu pun melihat sendiri masalah yang mereka hadapi dan kita membantu petani kerana cara yang mereka kata yang terbaik ialah dengan kita bekalkan itik, dan dengan sebab itu mereka boleh memusnahkan siput-siput gondang dalam tempoh sebelum padi itu naik membesar, tetapi teknik ini teknik yang agak biasa dan yang penting sekarang ini ialah pihak MARDI masih meneruskan kajian kerana benih siput gondang itu dia terbenam mungkin 5, 6 kaki di bawah tanah. Jadi apabila sampai musim hendak menanam padi dia naik semula. Jadi apakah cara kita boleh mengenalkan satu bentuk racun yang boleh membunuh siput gondang ini dan tidak ada lagi dia punya sisa. Ini perkara yang masih lagi dikaji oleh pihak MARDI.

Soal penyakit macam yang lain-lain itu sepatutnya pihak petani dia berhubung rapat dengan pejabat pertanian kita. Kalau ada masalah-masalah penyakit-penyakit apa pun yang berkaitan dengan padi kerana kita boleh katakan dalam aspek pembangunan dan tanaman padi ini kita ada banyak kepakaran dan kemahiran. Cuma masalahnya yang biasa berlaku ialah sama ada petani itu sendiri dari segi hendak menguruskan tanaman itu mereka mengikut cara-cara yang kita panggil amalan pertanian yang baik. Macam tadi padi angin, saya dimaklumkan sekarang ada dua kategori padi, satu yang dipanggilkan padi baik yang sebenarnya tidak baik, yang keduanya padi sah. Jadi hanya 30 peratus yang menggunakan padi sah dan yang lain masih menggunakan padi baik.

Ini mungkin dengan sebab mereka tidak menyedari yang dia kata baik itu sebenarnya tidak cukup baik, dijual oleh peniaga-peniaga benih padi dengan begitu rupa. Apabila ditanam apa lagi kalau tidak dijaga dengan betul dengan keadaan yang sesuai ikut amalan yang terbaik. Maka berlakulah perkara yang disebutkan tadi, jadi bukan masalah penyakit itu datang begitu sahaja ataupun padi itu tidak berhasil hanya kerana dia tanam tidak mengikut caranya, itu bukan masalahnya sahaja, masalahnya ialah mungkin benih. Sebab itu saya telah buat keputusan di peringkat kementerian, mulai tahun 2006, 2009 Yang Berhormat kita akan menentukan supaya semua penanam padi di negara kita menggunakan padi yang sah sahaja.

Oleh sebab itu kita sekarang ini telah mengenal pasti empat pihak yang akan mengusahakan dan membekalkan sebanyak 71,000 metrik tan benih padi untuk dibekalkan kepada semua petani di negara kita. Yang ini kita sedang usahakan dan saya jangka dalam tempoh dua tahun akan datang, bila bekalan cukup maka kita tidak boleh membenarkan petani kita menggunakan padi yang dikatakan padi baik yang sebenarnya tidak disahkan oleh pihak Jabatan Pertanian kita.

Jadi ini akan mengurangkan masalah dan boleh menambahkan hasil pengeluaran padi di negara kita ini insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal FAMA yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin supaya FAMA memainkan peranan yang lebih cekap dalam pemasaran hasil-hasil pertanian di dalam dan luar negara, ini hendak menjawab...

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Langkawi dan Sabak Bernam.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:Dengan apa yang telah pun dibangkitkan dengan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan buah-buahan. Yang Berhormat bagi Sri Gading telah eksport dan sebagainya ini nanti saya jelaskan dalam jawapan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ya, Langkawi.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, berbangkit soalan pada Padang Terap tadi, saya hendak tahu berapa lamakah di antara penemuan hinggalah diusahakan oleh petani, berapa lamakah jangka panjang diambil tindakan, sepuluh tahun, dua tahun, tiga tahun, empat tahun, lima tahun, sepuluh tahun? Kerana saya dapati siput gondang ini berlaku di Kedah pada tahun 1991, lama sudah, sepuluh tahun sudah. Apakah kerajaan dan apakah tindakan MARDI dan juga Jabatan Pertanian untuk menghapuskan siput gondang ini, perkara ini berlaku di..., tahun 1992, kalau saya ingat, semasa saya jadi EXCO Kedah, minta penjelasan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat, memang saya sedari agak mengambil masa sedikit dan saya pun bersetuju supaya dia tidak mengambil masa terlalu lama, soalnya bagaimana proses penyelidikan yang dibuat untuk menemukan dengan bentuk bahan beracun serangga ataupun makhluk perosak ini dapat diusahakan oleh pihak MARDI dan jadi dengan pandangan itu sendiri, kita akan menggesa pihak MARDI untuk menyegerakan dan kalau ada penemuan kita akan cuba cari jalan untuk dia gunakan di kawasan-kawasan tanaman padi, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan MARDI ini, Tan Sri Menteri, Sabak Bernam sejak dua tahun lepas telah mengemukakan dua jenis penyakit. Yang pertama ialah penyakit pisang berangan dipanggil "*Panama disease*". Orang kampung panggil penyakit AIDS bagi pisang berangan ini. Sehingga kini, MARDI tidak ada satu jawapan khusus kepada penyakit ini.

Yang kedua ialah tembikai susu. Produk-produk ini sebenarnya sebagai menyambut seruan kerajaan adalah produk yang sangat berpotensi. Jadi, kita sangat berharap seperti jaminan daripada Tan Sri Menteri tadi supaya pihak MARDI dapat proaktif dalam perkara ini. Perkara yang kedua, Tan Sri Menteri ialah, kita memang sangat menyambung seruan daripada pihak Perdana Menteri yang disambut oleh menteri sendiri dalam konteks pertanian ini. Sabak Bernam sebenarnya telah pun mengambil satu tindakan

yang proaktif berkaitan dengan ternakan ikan ini. Kita dapati dalam konteks teknologi ini, kita ingin bertanya kepada pihak menteri sendiri, nampaknya teknologi Siam ini, Thailand ini lebih ke hadapan. Sebagai contoh, sekarang ini Sabak Bernam sedang mengusahakan projek ternakan ikan puyu, ikan betuk dalam besaran-besaran.

Jadi, nampaknya, benih yang baik itu sebenarnya bukan benih daripada negara kita tetapi negara Siam. Begitu juga tom yam Thailand, ini ikan puyu Siam. Selepas itu kita hendak kembangkan kepada dua lagi jenis ikan yang berpotensi iaitu ikan sepat, pun sepat Siam. Haruan, haruan Siam. Jadi, kita ingin penjelasan daripada menteri sebenarnya. Adakah begitu ke depan sekali Thailand dalam perkara ini dan apakah tindakan kerajaan kita untuk mempercepatkan lagi teknologi ini supaya sampai kepada negara kita untuk kepentingan petani luar bandar khususnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya cadangkan selepas jawapan kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, bolehkah Yang Berhormat Menteri beralih kepada tajuk yang lain sebab MARDI kita sudah ambil masa yang agak panjang. Saya hanya takutlah sebab ada ramai menteri juga menunggu giliran mereka dan hari esok, masa mesyuarat Kabinet, mungkin mereka tidak dapat hadir sendiri. Jadi, saya memang takut inilah. Saya mohonlah, mohon kerjasamalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau kita lanjutkan sampai malam, kadang-kadang juga kehadiran tidak memuaskan. Ini teguran sayalah... *[Ketawa]* Yang Berhormat Menteri, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau begitu Yang Berhormat Menteri, boleh saya sambung? Pasal sudah...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua baru ingatkan, jadi.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak sambung soalan itu.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Bagi saya peluang untuk jawab.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jawab dahulu... *[Menyampuk]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Banyak perkara yang belum saya jelaskan. Yang sebenarnya telah dibangkitkan juga dalam sesi perbahasan dasar itu. Jadi, saya minta kalau macam Speaker sebutkan tadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:Bagi saya peluang saya selesaikan dahulu, mungkin tidak sampai setengah jam habis semua. Dan, kalau Tuan Speaker boleh benarkan, saya bersedia untuk menjawab apa-apa pertanyaan, insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Kalau ada perkara yang amat penting, kita boleh bincanglah. Boleh minta sedikit sebanyak penjelasan daripada menteriilah.

Beberapa Ahli: Setuju!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Membenarkan menteri habiskan jawapan yang telah beliau sediakan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sila.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Sukacita saya memaklumkan bahawa peranan FAMA memanglah perlu dipertingkatkan supaya lebih berkesan dan sehubungan dengan ini, FAMA telah pun disusun semula dan membentuk

hala tuju baru dengan mengambil kira pandangan semua Ahli Yang Berhormat dan semua *stakeholders*, dengan izin, seperti petani, pengilang makanan, perantara pasaran, pengguna, Jabatan Persekutuan dan juga Jabatan negeri. Selaras dengan hala tuju baru ini, FAMA akan bertindak sebagai peneraju utama pemasaran makanan dan hasil pertanian negara melalui pembangunan rantaian bekalan pemasaran makanan yang cekap dan berkesan bagi meningkatkan nilai kepada pelanggan. Bagi mencapai matlamat ini, FAMA telah pun mengatur empat strategi iaitu:

- (i) untuk meningkatkan kecekapan pengurusan rantaian bekalan;
- (ii) meningkatkan kecemerlangan risikan pasaran;
- (iii) memperoleh pengiktirafan jenama Malaysia di peringkat domestik dan antarabangsa bagi meluaskan laluan pasaran; dan
- (iv) membangun modal insan.

Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan pengurusan rantaian bekalan, FAMA akan berusaha untuk membangunkan prasarana pemasaran yang lebih cekap, menyediakan perkhidmatan pengembangan dan perundingan, meningkatkan pengawal seliaan dan pemajuan sistem, membangunkan pemasaran produk asas tani dan meningkatkan sokongan pemasaran bagi membantu dan menjamin pemasaran hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan. Sebahagian besar daripada peruntukan akan disalurkan untuk membangunkan prasarana dan sokongan pemasaran di mana peruntukan yang dicadangkan ialah sebanyak RM181.43 juta atau 71% daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan FAMA iaitu sebanyak RM253.43 juta.

Lebih banyak kemudahan prasarana pemasaran di sepanjang rantaian bekalan. Daripada kawasan pengeluaran ke meja pengguna seperti pusat-pusat pengumpulan ladang, pusat pengedaran dan pasar tani mega akan dibangunkan. Pada masa ini, FAMA telah pun mewujudkan 81 buah pusat pengumpulan ladang dan jumlah ini akan dipertingkatkan lagi menjadi 114 buah. Manakala, pusat pengedaran akan ditambah daripada empat buah kepada 17 buah. Jumlah pasar tani mega akan ditambah daripada lapan buah kepada 150 buah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dalam usaha untuk menjamin rantaian pasaran dan pengeluaran ke pengguna, FAMA akan meningkatkan program kontrak pemasaran dan kontrak pengilangan untuk industri asas tani bagi membantu petani-petani dan usahawan kecil terutama yang terlibat dalam *MOA link* dan FAMA akan bertindak sebagai pengantara pemasaran dengan cara memperkukuhkan lagi perkongsian strategik dengan *hypermarket*, *supermarket* dalam dan luar negara.

Selain itu, FAMA akan meningkatkan mekanisme untuk mendapatkan maklumat pasaran dan menjalankan perniagaan keluaran makanan menggunakan ICT akan dinaiktarafkan melalui perluasan sistem maklumat maya bagi penawaran dan permintaan iaitu *Supply-Demand Virtual Information* atau SDVI, dengan izin, dan perdagangan elektronik melalui portal FAMA *exchange*. Bagi tujuan ini, peruntukan yang dicadangkan ialah sebanyak RM42 juta iaitu 16% daripada peruntukan keseluruhan Rancangan Malaysia Kesembilan FAMA.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang juga menyentuh mengenai standard yang dipakai dalam *Malaysia's Best*. Sukalah saya menjelaskan bahawa *Malaysia's Best* ialah jenama ataupun lambang kualiti dan keselamatan makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing hasil-hasil pertanian negara. Sehingga kini, pengiktirafan diberi kepada 19 pengeluaran buah-buah terpilih iaitu enam pengeluaran belimbing, empat pengeluaran betik, tiga pengeluaran nanas dan seorang pengeluaran bagi komoditi buah mangga, pisang dan limau bali.

Selain buah-buahan tersebut, beberapa jenis buah-buahan terpilih yang berpotensi juga telah pun disenaraikan untuk menerima persijilan *Malaysia's Best* iaitu jambu batu, tembikai susu, limau manis dan buah naga ataupun pitaya. Langkah-langkah mempromosikan penjenamaan *Malaysia Best* sentiasa diambil bagi pasaran tempatan dan luar negara. Di pasaran tempatan, FAMA telah pun mengadakan jualan promosi serta bekerjasama dengan rangkaian Pasaraya Tesco dan Jusco bagi menjual dan mempromosi

buah-buahan tersebut. Dalam tahun 2005, nilai jualan adalah sebanyak RM200,000 meningkat daripada RM150,000 pada tahun 2004. FAMA juga telah pun mempromosikan buah-buahan berjenama *Malaysia's Best* di pameran perdagangan dalam dan luar negara.

Sebagai contoh dalam tahun 2005, FAMA telah pun mempromosikan di Berlin, di Hong Kong dan di Rotterdam. FAMA juga membantu petani-petani kecil di bawah program ladang kontrak FAMA bagi meningkatkan daya saing melalui khidmat sokongan untuk mendapatkan penjenamaan *Malaysia's Best*. Sebagai contoh, FAMA sedang melaksanakan khidmat sokongan peralatan pembungkusan dan penggredan kepada 34 petani tembikai di Setiu, Terengganu dan memasarkan hasil-hasil mereka. Bagi memperkukuh dan memperluaskan laluan pemasaran, Kementerian akan meningkatkan usaha misi pemasaran dan pelaburan pertanian dan peruntukan yang dicadangkan untuk meningkatkan promosi domestik dan laluan pasaran luar negara adalah sebanyak RM20.5 juta iaitu 8% daripada peruntukan keseluruhan Rancangan Malaysia Kesembilan FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat bagi Bera, Ketereh, Jasin, Bintulu, Rantau Panjang dan Kuala Kedah telah pun membangkitkan mengenai isu harga padi dan subsidi baja padi di negara ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tan Sri, boleh tanya FAMA tadi?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tan Sri. Persoalan yang kita hadapi iaitu negara kita merupakan sebuah negara pengeluaran buah-buahan. Permasalahan yang dihadapi iaitu apabila contohnya musim durian, FAMA tidak dapat *catalyst* buah-buahan durian ini supaya tidak dilonggokkan di negara kita dan boleh dipasarkan di luar negara. Jadi, ini yang berlaku dalam negara kita apabila buah betik turun, dia turun di seluruh negara, maka berlonggok dalam negara kita tidak dapat dieksport. Demikian juga dengan durian, demikian juga dengan dokong. Jadi, Tan Sri tadi juga telah memaklumkan ada *roadshow* di Hong Kong, Rotterdam dan Moscow. Kenapa negara-negara ini tidak dihantar buah-buahan kita ini? Kenapa FAMA tidak memainkan peranan secara lebih aktif. Itu yang dipersoalkan oleh masyarakat. Terima kasih Tan Sri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar tentang perkara itu dan memanglah berbangkit isu di waktu musim-musim tertentu, apa yang kita panggilkan lambakan. Macam durian berlebihan daripada keperluan negara kita. Kita sekarang ini, mampu mengeluarkan 230 ribu metrik tan durian setahun. Yang kita makan, cuma 70 ribu metrik tan sahaja.

Jadi justeru itu, memang ada rancangan kita buat untuk menembusi pasaran-pasaran baru tetapi, ini memerlukan kita mendapat izin ataupun kelulusan daripada negara yang kita nak eksport dari segi tahap *sanitary* dan *phytosanitary requirement* nya. *Standard-standard* piawai dari segi *bio-security* ini, memerlukan kita mengadakan rundingan yang agak lama. Dengan Australia, sebagai contoh. Hampir 10 tahun barulah dibuka pasaran dalam tahun yang lepas. Jadi ini, isu-isu yang dihadapi oleh kita tetapi walaupun begitu, di mana pasaran sudah sedia terbuka, memang langkah kita buat, umpamanya durian disejukkan, boleh dieksport ke negara-negara yang berkenaan.

Demikian juga dari segi lambakan buah-buahan yang lain. Apa yang saya telah jelaskan tadi, adalah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh FAMA untuk mengurangkan masalah tadi. Dari segi umpamanya, kalau dikatakan buah betik, biasanya betik tidak menghadapi masalah kerana pasaran di peringkat antarabangsa pun cukup baik. Cuma buah dukung sebagai contoh, di Terengganu, di Kelantan, ditanam dengan begitu luas sekali tanamannya. Jadi dengan sebab itu, bila musim tiba, dia melebihi daripada keperluan di Terengganu dan di Kelantan tetapi di Kuala Lumpur, di Selangor, di negeri-negeri lain yang tidak ada tanaman seperti itu, diperlukan. Yang penting di sini ialah soal logistik bagaimana nak mengangkut buah ini supaya sampai ke destinasi pasaran dalam keadaan yang masih segar. Itu isu dari segi nak menguruskan. Ini yang kita sedang lihat dengan kerjasama pihak MARDI, insya-Allah.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan dulu?

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Sikit, Tuan Yang di-Pertua. Ada kaitan dengan tadi, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Berkaitan dengan?

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Berkaitan dengan FAMA, pasaran. Saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada FAMA, khususnya Kementerian Pertanian yang berjaya meneroka pasaran antarabangsa. Begitu juga dengan kejayaan FAMA untuk memasarkan hasil pertanian kampung ke pasaran tempatan, termasuk mewujudkan lagi banyak pasar-pasar mega tetapi isu yang berlaku hari ini Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Menteri tengokkan juga. Di Kuala Selangor, sudah dua kali gagal menubuhkan pasar tani biasa. Mungkin berlaku persaingan dengan pasar malam ataupun pasar minggu dan satu perkara yang ketara saya lihat, FAMA bekerja sendiri. Pernah saya sebut *not well coordinated*, *MOA incorporated* tapi jabatan dan agensi di bawahnya tidak bekerjasama untuk menyokong untuk melahirkan pasar tani. Saya ada mencadangkan supaya Pantai Remis di Jeram, hari Sabtu dan Ahad, juga hari cuti am, ramai pelancong datang untuk bersantai. Mungkin tempat ini boleh digunakan juga untuk mewujudkan pasar tani.

Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat membantu saya memastikan pekebun kecil mendapat menjadi pengusaha dan juga dapat memasarkan hasil-hasil pertanian mereka, terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya beri jaminanlah, insya-Allah. Kita akan melihat semula apakah sebabnya pasar tani itu tak boleh dibangunkan di kawasan Yang Berhormat itu. Saya fikir, masalah ini taklah sebesar mana, tetapi insya-Allah saya akan minta supaya FAMA melaksanakan program ini dalam tempoh yang tidak berapa lama lagi. Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi, Bera, Ketereh, Jasin, Bintulu, Rantau Panjang dan Kuala Kedah, telah pun membangkitkan mengenai isu harga padi dan subsidi baja padi di negara ini.

Adalah dijelaskan bahawa bagi membantu petani mendapat harga jualan padi pada harga yang lebih setimpal dengan kos pengeluaran yang semakin meningkat, kementerian sedang pun menimbang untuk meningkatkan harga minimum terjamin ataupun GMP, *Guaranteed Minimum Price* dengan izin, bagi padi. Walau bagaimanapun pada masa ini, harga pasaran padi adalah lebih tinggi daripada GMP.

Selain itu bagi membantu mengurangkan beban pesawah kerana kenaikan harga minyak, kementerian sedang pun menimbang untuk memperluaskan subsidi diesel dan petrol kepada subsektor tanaman untuk mengurangkan bebanan kos bahan bakar yang digunakan untuk jentera dan mekanisasi ladang. Bagi pengusaha ataupun operator pengangkutan, mereka menerima bantuan melalui *fleet card* yang disediakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Mengenai subsidi baja padi, ia diberi kepada pesawah yang berdaftar dengan Lembaga Pertubuhan Peladang kecuali di Sarawak dan dengan Jabatan Pertanian.

Oleh yang demikian, setiap pesawah perlu terlebih dahulu mendaftar dari Jabatan Pertanian sebelum layak mendapat subsidi baja padi. Menyentuh mengenai kenyataan Yang Berhormat bagi Bintulu, bahawa baja yang diterima oleh petani rumah panjang sudah keras macam batu. Perkara ini sebenar bergantung pada banyak faktor, terutamanya tempat penyimpanan yang baik. Oleh itu, disarankan para petani hendaklah menyediakan tempat yang baik. Baja keras yang sedemikian, rasanya tidak sesuai digunakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kepong.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: ...Bagi meningkatkan pengeluaran padi, kerajaan menggalakkan petani menggunakan baja tambahan memandangkan pemberian baja subsidi diberi pada kadar minimum keperluan penanaman padi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kawasan ada petani?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang ada, kerana kita makan nasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Makanlah. Tak ada usaha.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Makan nasi. Nasi itu ada BERNAS, dan sebagainya. Apa yang dibuat oleh pihak kerajaan menjejaskan semua..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepong, Kepong makan vitamin sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang dia subsidi kita pun hendak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, apakah soalan?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, ini untuk Tuan Yang di-Pertua jugalah. Di Johor pun kita makan padi, kita makan nasi juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita makan padikah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Makan nasi juga ya. Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya memang suka kepada jawapan mengenai subsidi untuk infrastruktur, untuk tali air, untuk baja dan sebagainya, memang satu topik, satu tema yang begitu penting. Kerana ia ada kena-mengena dengan FDA. GMP tadi lebih rendah daripada pasaran, harga pasaran. *Now* Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat itu strategi untuk jangka panjang? Sama ada subsidi ini dapat dikurangkan ataupun hendak ditambahkan lagi dan sebagainya. Itu subsidilah itu. Mungkin ada cara untuk mengurangkan, termasuklah dengan baja. Maklumlah, orang seperti Arau itu, dia ada baju. Itulah sebab ada baja. Mungkin baja jenis ini dapat dikurangkan subsidi, mungkin. Saya tak tahu, mungkin Yang Berhormat dapat mengkajilah jenis-jenis baja dan dapat kita kurangkan subsidi dan sebagainya. Saya sukalah, tiap-tiap kali saya ada bangkitkan macam mana strategi untuk jangka panjang mengenai subsidi. Kerana di Amerika Syarikat, dia subsidi dengan syarikat raksasa, dia subsidi dia punya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam memberikan ucapan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak, tak ucapan. Ini memang satu minta penjelasan sahaja itu. Yang Berhormat Tan Sri memang lebih mahir daripada saya mengenai hal ini. Sebab itulah, kita nak belajar daripada dia. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau belajar, bukan di sinilah ya? Kalau luar, boleh jumpa Menteri dan belajar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tak saya sambung sekali...?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sambung lagilah..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Supaya menteri boleh jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cepat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cepatlah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, dua benda iaitu dari segi subsidi dan sebagainya. Adakah pihak kementerian juga membuat kajian dari segi jentera-jentera yang kita guna untuk tanaman padi dan juga kita potong padi ini, *harvester*? Kerana yang saya difahamkan, *harvester* yang kita pakai hari ini adalah *harvester* yang diguna di Holland dan sebagainya untuk mengambil gandum. Jadi kita boleh lihat Dato' Menteri, bila selepas *harvester* itu potong, tinggal sawah. Dalam seminggu, dua, menghijau balik. Seolah-olah kita tanam padi. Padi itu telah diserak.

Jadi, menunjukkan bahawa lebih *waste* ataupun apa kah ini, ya?... [Disampuk] Bukan sisa, apa ni, dia punya buangan itu, buangan padi yang sepatutnya masuk ke dalam

guni, bertaburan disebabkan oleh mesin yang kita guna itu tidak sesuai dengan padi. Jadi, adakah pihak kerajaan, pihak MARDI mengkaji balik? Dan lagi satu saya terpaksa tanya juga soalan ini, fasal bila saya tulis surat kepada Tan Sri, kementerian Tan Sri tak jawab surat saya. Berkenaan dengan padi, beras perang ini.

Saya difahamkan pihak MARDI dah buat kajian, dan okey. Pihak kementerian mengharamkan tanaman beras perang tetapi ada satu syarikat di Pendang mengeluarkan dan menjual beras perang. Jadi yang mana satu? Yang hendak ditanam tidak boleh, yang dijual boleh. Jadi ini saya hendak tanya bukan pasal apa, saya hendak tanya dari segi prinsipnya. Kalau tidak boleh tanam, pasal apa boleh jual? Jadi ini saya hendak tahu dan saya telah tulis surat kepada pihak kementerian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Dan tidak dapat jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cukup? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Ini berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan apakah kita hendak mengurangkan subsidi padi. Setakat hari ini saya kata tidak. Di Amerika Syarikat pun seperti Yang Berhormat tahu memberi subsidi lebih besar daripada yang diberikan oleh kita di Malaysia tetapi kita sedari bahawa dengan perjanjian WTO, FTA dan sebagainya, hal-hal seperti ini akan kita hadapi.

Jadi di peringkat kementerian kita sudah buat kajian menyeluruh tentang soal masa depan industri padi. Ini telah dibuat dua tahun yang lepas, baru saya bentangkan di Kabinet dalam minggu yang lepas beberapa pendekatan yang kita akan ambil bukan dari segi jangka pendek tetapi dari segi jangka panjang. Industri padi pada keseluruhannya melibatkan soal cara bagaimana dia ada menguruskan *exit plan* nya supaya jangan ramai terlibat dengan itu supaya dia lebih berdaya saing, *economic size* nya lebih besar dan isu-isu yang berkaitan dengan subsidi pun diambil kira supaya dari segi jangka panjang ia tidak pertamanya membebankan kerajaan dengan subsidi yang besar, meningkat dan bertambah dengan *guaranteed minimum price* dengan baja dan sebagainya.

Yang keduanya kita sedari bahawa akan sampai satu masa kita terpaksa menghadapi apa yang diperuntukkan dalam perjanjian di peringkat antarabangsa. Kita faham dan isu ini bukan dihadapi di Malaysia. Di banyak negara yang *outstanding issue* dalam perjanjian WTO ialah berkaitan dengan pertanian kerana masing-masing hendak mempertahankan dan kita pertahankan kedudukan petani kita kerana isu padi sebagai contoh, ini satu produk yang ada kepentingan dari segi nasional yang perlu kita tentukan. Corak bagaimana kita hendak membantu petani di peringkat mana besok terpaksa kita kurangkan, itu strategi yang kita akan ambil kira dari segi jangka panjang, insya-Allah.

Yang Berhormat bagi Jerai yang membangkitkan soal *harvester* sesuai atau tidak sesuai, minta maaf Yang Berhormat, saya pun tidak pakar. Saya akan minta pegawai saya menyiasat sama ada *harvester* yang digunakan sekarang ini menyebabkan banyak kehilangan padi kerana sistem tuaian yang tidak efisien. Itu saya fikir satu pandangan yang baik, kita akan kaji perkara itu.

Soal beras perang, saya fikir saya telah menjawab yang mana keputusan pihak kita, Jabatan Pertanian tidak membenarkan, walaupun saya sedar di kawasan Yang Berhormat ramai yang berminat kerana harganya jauh lebih baik. Yang jadi *culprit*, Yang Berhormat, ialah sebuah syarikat, Nestle sebagai contoh, yang membawa benih ini dan dibekalkan kepada penanam-penanam padi dan dia beli balik dengan harga yang jauh lebih baik daripada padi biasa. Bahayanya ialah kerana kita sudah kaji kalau ini dibiarkan, ia akan merebak ke kawasan-kawasan jelapang dan kalau berjangkit penyakit yang dibawa oleh jenis padi seperti ini di kawasan seperti itu, menjejaskan pengeluaran padi biasa kita.

Sebab itu kita ambil tindakan bagi *warning* kepada syarikat ini jangan lagi bawa masuk secara haram ke negara kita dan memberi kepada petani untuk menanam dan membeli balik dengan harga yang lebih baik. Sebab itulah kita sudah buat keputusan, ini bukan kehendak kita. Dari segi teknikal, kalau kita biarkan ini boleh menjejaskan tanaman padi yang lain. Itulah kedudukan kementerian yang sebenar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tan Sri, jadi pasal apa syarikat dia boleh jual beras perang ini dalam paket dan merata-rata dia jual. Saya difahamkan MARDI pun telah buat tanaman kajian di Butterworth dan didapati bahawa beras perang ini nampaknya okey, tidak mengganggu rakan-rakan beras lain, jadi lain. Tidak apalah kalau Yang Berhormat kata tidak boleh, tidak boleh tetapi saya hairan pasal apa syarikat itu boleh jual beras perang dan diproses di Pendang. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Memang saya sedari dan sebab itu kita sudah beritahu, dia mungkin menjual dibawa masuk daripada yang sudah diproses itu kita kurang maklum tetapi kalau dia membekalkan benih untuk ditanam, ini kita tidak benarkan kerana kita sudah beri amaran kepada syarikat ini supaya tidak melaksanakan perkara ini lagi. Ini status yang kita masih pertahankan sehingga hari ini, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas lagi.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Satu lagi, menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya. Saya rasa kalau saya tidak sebut perkara ini barangkali Yang Berhormat Menteri tidak sempurna ataupun kurang sempurna. Apa yang saya lihat iaitu barangkali perkara-perkara lain di negara kita ini bolehlah walaupun tidak serba sempurna tetapi tahap 50% atau 60%. Tinggal lagi saya rasa kita kekurangan memberi kursus-kursus kepada petani-petani – kursus, taklimat, motivasi dan penerangan-penerangan semasa. Barangkali kalau pegawai-pegawai pertanian kita hadir pun dalam dua, tiga tahun sekali ataupun dua tahun sekali.

Apa yang perlu di sini, kursus-kursus ini mesti berpanjangan dan kalau tidak tiap-tiap bulan pun, tiga bulan sekali kerana padi kita, kita tanam dalam masa setahun dua kali. Jadi setahun dua kali itu sepatutnya kursus mesti diadakan di sepanjang masa. Lagipun kita mahu kepada petani-petani muda kita ini di mana petani tua ini sudah pergi dan didatangi oleh petani muda. Maka sudah tentu bahan-bahannya dan cara-caranya berbeza daripada masa ke semasa. Jadi untuk kita menarik petani muda kita supaya mereka turun ke sawah, maka sudah tentu kursus-kursus ini mesti diterapkan kepada mereka supaya mereka juga bersemangat dan mereka juga merupakan orang-orang yang mahu turun bersama-sama dengan pesawah-pesawah kita. Jadi saya minta benar.

Barangkali berbeza dengan petani di Thailand. Saya selalu pergi ke Thailand kerana sempadan Pasir Mas dengan Thailand, kita biasa pergi, kita melihat bahawa pegawai-pegawai pertanian mereka kerap kali turun ke sawah. Dia turun sungguh bersama dengan petani. Yang peliknya, Yang Berhormat Menteri, di Thailand ini kalau kita menaiki terus dari Sungai Golok ke Bangkok, kita tengok di tengah-tengah bendang itu mereka masih lagi guna sistem satu kali setahun tetapi bagaimana padi mereka hebat dan pemuda-pemuda mereka turun bendang sungguh. Satu petang saya berhenti kereta, saya tengok bahawa bendangnya terlalu luas terdiri daripada pemuda lelaki dan perempuan.

Yang keduanya pula, padi mereka ini ia bukan pakai mesin macam kita. Ia masih lagi cara lama, cara ketam. Ada sesetengah tempat guna cara ketam dan orang dia ini

amanah. Itu yang tertarik, Tuan Yang di-Pertua. Tidak curi macam kita. Gema-gema padi itu berlonggok di tengah-tengah bendang dia macam kelapa sawit ini tetapi kalau tempat kita macam itu, 'sudah kapor', dengan curinya. Dia tidak curi. Bagaimana motivasi kepada orang di sana sehingga padi-padi ditinggal di bendang tidak dicuri dan padi ini elok.

Batang padinya begitu tegak dan buahnya kuning, cukup-cukup masak. Kerana itulah barangkali beras dia panjang dan beras dia lebih baik daripada beras kita. Barangkalilah saya rasa ada. Jadi bagaimana kalau kursus atau taklimat ini selalu diberi oleh pihak-pihak yang berkenaan kerana saya melihat kepada kursus-kursus lain, misalnya guru. Guru ini orang sudah cerdik, lulusan universiti tetapi mereka dikenakan kursus beberapa peringkat kursus. Ada dalam setahun itu, tiga, empat kali kursus kepada guru dan pelbagai kursus kepada yang lain tetapi petani-petani kita masih dengan cara lama. Jadi bagaimana kita hendak *in touch* ataupun hendak keluarkan padi lebih baik daripada masa ke semasa sedangkan mereka masih berada di tahap lama, tahap 60-an, sedangkan kita sekarang sudah berada di tahun 2006. Jadi kalau benda-benda ini dapat pegawai-pegawai kita turun ke bawah sungguh, pejabat-pejabat pertanian ini mesti dibina, jangan dibina di tengah bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya rasa kalau ini dapat diselesaikan barangkali peningkatan hasil padi kita lebih baik dari setahun ke setahun. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Memang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak meningkatkan program pengembangan ataupun *extension service* kepada pihak petani-petani kita termasuk Program Latihan Insitu, bermakna dilatih di ladangnya dan kita sudah mulakan pada tahun ini dan kita akan tingkatkan. Cuma yang mustahak di sini kita mempunyai jumlah pegawai yang di bawah itu lebih ramai yang kita perlukan. Sebahagian telah pun diluluskan oleh pihak kerajaan, tambahan pegawai itu, tetapi kita perlukan lebih ramai. Sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, memang betul perlu ada latihan. Yang lama pun perlu dilatih semula, yang baru apa lagi perlu dilatih baru dan ini memang langkah yang kita sedari yang kita sudah ambil dan kita akan mempertingkatkan lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah membangkitkan mengenai isu lesen perikanan Ali Baba dan meminta menyatakan apakah langkah kerajaan membendung masalah ini. Sukalah saya menjelaskan bahawa dakwaan yang mengatakan pemberian lesen *vessel charter* hanya kepada individu sahaja adalah tidak benar. Kriteria yang dinilai ke atas syarikat dan individu yang diberi lesen adalah berdasarkan kepada kemampuan kewangan, latar belakang pengalaman, plan perniagaan dan pemasaran yang mantap.

Pemberian lesen *vessel charter* di negara ini pada asalnya bertujuan memberi galakan awal kepada pengusaha tempatan menjalankan sendiri aktiviti tangkapan ikan laut dalam selepas menimba pengalaman mengendalikan *vessel charter* dalam tempoh tiga tahun sebagai percubaan. Berdasarkan kepada pemantauan, hanya *vessel* yang mempunyai rekod yang baik dan melakukan pendaratan melebihi tahap minimum layak diperbaharui lesen.

Kewujudan *vessel charter* asing di negara ini, mendapatkan pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak. Oleh itu Kementerian telah pun menetapkan syarat berikut kepada *vessel* asing;

- (i) Bilangan *trip* pendaratan yang ditetapkan bagi setiap *vessel* adalah sekurang-kurangnya satu kali bagi setiap bulan;
- (ii) Setiap *vessel* hendaklah mendaratkan ikan pada setiap bulan dengan kuantiti tidak kurang daripada jadual berikut; bagi peralatan pukat tunda 20 metrik tan, bagi pukat jerut 30 metrik tan dan bagi peralatan bubu ataupun rawai 10 metrik tan;

- (iii) Pendaratan dan jualan tempatan 100% hendaklah dilakukan di pelabuhan dalam Malaysia;
- (iv) Pengeluaran permit baru untuk *vessel charter* asing telah dibekukan sejak 2003 untuk *vessel-vessel* yang beroperasi di Semenanjung Malaysia. Manakala di Sarawak pembekuan pengeluaran permit adalah pada tahun 2004; dan
- (v) Di Semenanjung Malaysia, operasi *vessel charter* asing akan ditamatkan pada 30 Jun 2006. Manakala di Sarawak, ia akan ditamatkan pada 1 Januari 2008.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya minta supaya saya habis dulu Yang Berhormat, belum habis lagi.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Perikanan akan mengambil tindakan untuk menyusun semula industri ini termasuklah menjalankan kajian sumber yang terperinci di seluruh perairan negara untuk menentukan status masa sumber dari segi taburan, jenisnya dan sebagainya. Menyusun semula struktur pelesenan laut dalam supaya ianya disesuaikan dengan keperluan semasa, dari segi perkakasnya, bilangan mengikut kawasan perairan kerana pada masa ini sebagai contoh, lebih tertumpu di perairan Semenanjung iaitu 66%. Walaupun dari segi potensi sumbernya, adalah lebih banyak di perairan Sabah dan Sarawak.

Begitu juga industri perikanan laut dalam di negeri Sarawak, hanya tertumpu pada pukut tunda sahaja. Walaupun potensi penggunaan pukut jerut untuk menangkap ikan pelagik kecil cukup besar di perairan Sarawak. Memberi tumpuan untuk memperkasakan syarikat ataupun pengusaha sedia ada supaya mereka tidak sahaja terlibat dalam aktiviti menangkap ikan, tetapi turut terlibat dalam pelbagai aktiviti sokongan seperti pemprosesan, penyelenggaraan *vessel* dan sebagainya. Inisiatif penubuhan Konsortium Perikanan Nasional Berhad pada tahun 2005 adalah sebagai usaha untuk merealisasikan matlamat ini.

Memperkemaskan sistem pengawal seliaan ke atas operasi *vessel* laut dalam melalui memperkenalkan *Vessel Management System*, dengan izin di mana setiap *vessel* diwajibkan untuk memasang peralatan VMS bermula pertengahan tahun ini. Dan pada masa ini percubaan ke atas sistem ini sedang pun dibuat. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Perikanan telah pun diperuntukkan sebanyak RM304.46 juta bagi tujuan pembangunan sumber industri perikanan tangkapan termasuk laut dalam. Peruntukan ini antaranya adalah untuk tujuan kajian sumber, pemuliharaan sumber, pembinaan kapal kajian, pembangunan nakhoda, pembinaan pelabuhan perikanan Tanjung Manis Sarawak dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan telah pun menyarankan supaya Skim Kredit Mikro.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sikit, sedikit. Yang Berhormat menyebut tadi berkenaan dengan lesen *vessel charter* yang akan tamat pada 2006 tapi Yang Berhormat mesti ingat, menteri yang dahulu telah berjanji dalam Parlimen ini pada 23 Februari 2003, beliau mengatakan dalam tempoh tiga tahun, *vessel charter* laut dalam ini akan dihapuskan. Sekarang Yang Berhormat menyebut 2006, maknanya *extend* tiga tahun lagi. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dahulu, boleh dikatakan tidak boleh dipakailah disebut di dalam Parlimen ini, saya tanda dekat sini. Yang Berhormat sebut 2006 akan habis, sedangkan Menteri Pertanian dulu mengatakan tiga tahun bermula daripada 23 Februari 2003. Makna sekarang, dah habis sepatutnya. Bagaimana keadaan sebenar?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: 2003 campur tiga, 2006 Yang Berhormat. Cuma bulan itu, kalau selisih satu dua bulan itu, orang kata halallah. Jadi saya tidak fikir ia lari daripada apa yang disebut oleh bekas Yang Berhormat Menteri Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Putatan telah pun menyarankan supaya Skim Kredit Mikro dan Skim Pinjaman 3F di bawah Bank Pertanian Malaysia

diperuntukkan sekurang-kurangnya 10% pada minoriti bumiputera Sabah dan Sarawak. Dan menyarankan juga supaya pinjaman kecil pertanian tidak perlu cagaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian kredit sektor pertanian adalah aktiviti utama Bank Pertanian Malaysia. Dalam melaksanakan aktiviti pemberian kredit ini, Bank Pertanian Malaysia menggunakan dua sumber dana iaitu dana daripada kerajaan dan dana yang digembleng sendiri oleh Bank Pertanian melalui deposit awam. Dana daripada kerajaan disalurkan untuk melaksanakan program-program yang dirancang oleh Kementerian Pertanian Industri Asas Tani serta Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri.

Di antaranya ialah Skim Kredit Mikro dan Tabung untuk Makanan ataupun 3F. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Bank Pertanian Malaysia telah pun tetap meneruskan dan memantapkan SKM di mana kemudahan pinjaman bagi menyediakan modal dengan kos yang rendah tanpa cagaran dan mudah pada usahawan mikro pertanian yang mempunyai nilai keluaran tahunan tidak melebihi RM250,000. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Bank Pertanian Malaysia telah pun meluluskan Skim Kredit Mikro kepada 3,437 orang kaum bumiputera Sabah dan Sarawak bernilai RM34.669 juta iaitu melebihi 17.1% daripada jumlah kelulusan keseluruhan.

Bagi Tabung Makanan 3F pula, merupakan pembiayaan untuk projek makanan asasi dan pemprosesan serta pemasaran makanan untuk penggunaan tempatan. Bank Pertanian Malaysia telah pun meluluskan pinjaman 3F kepada 1,244 orang kaum bumiputera Sabah dan Sarawak bernilai RM89.363 juta iaitu 16.1% daripada jumlah kelulusan keseluruhan. Dan ini bermakna Skim Kredit Mikro dan Pinjaman 3F telah pun diluluskan melebihi 10% daripada jumlah kelulusan keseluruhan sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Putatan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Bank Pertanian Malaysia berusaha meningkatkan kemajuan sektor pertanian industri asas tani di seluruh negara. Bank Pertanian Malaysia telah pun diperuntukkan menjayakan program pembiayaan melalui dana kerajaan sebagaimana yang saya sebutkan semalam, kesemuanya berjumlah lebih daripada RM1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pontian pula telah pun menyarankan supaya struktur dan modal Bank Pertanian Malaysia diperkukuhkan bagi membolehkannya berperanan sejajar dengan matlamat penubuhannya untuk membiayai projek-projek pertanian. Sasaran cadangan penyusunan semula Bank Pertanian Malaysia adalah untuk 'mentransmosikan' Bank Pertanian Malaysia kepada organisasi yang mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- (i) perniagaan berdasarkan komersial menjadikan Bank Pertanian Malaysia sebuah institut yang beroperasi dalam keadaan yang menguntungkan dan *sustainable* dengan mempelbagaikan aktiviti pembiayaan, menyediakan kemudahan perbankan komersial, mempunyai jumlah ekuiti yang seimbang dengan pertambahan *business* dan mempunyai sumber manusia yang cukup dan cekap;
- (ii) melaksanakan program khas kerajaan untuk meningkatkan sosio ekonomi kumpulan sasar. Bank Pertanian Malaysia akan terus berperanan sebagai institusi yang membangunkan petani, nelayan dan penternak dengan melaksanakan program-program khas yang digariskan oleh kerajaan;
- (iii) menawarkan perkhidmatan dan produk desakan permintaan pasaran. Dan skop pembiayaan Bank Pertanian akan berasaskan kepada keperluan menyeluruh ataupun *total needs* masyarakat tani. Antaranya seperti kemudahan insurans, pinjaman perumahan, kenderaan dan pelajaran; dan
- (iv) menjadi pusat kepakaran maklumat sektor pertanian. Memandangkan sistem perbankan komersial pada masa sekarang tidak begitu berminat untuk membiayai sektor pertanian kerana kurang pengalaman dan kepakaran berkenaan sektor ini, maka Bank Pertanian akan dibangunkan sebagai

pusat kepakaran dan maklumat sektor pertanian bagi membantu urusan penyediaan kredit sektor pertanian.

Selain daripada itu, Bank Pertanian Malaysia juga akan memainkan peranan penting untuk menyokong Bank Perdagangan dan syarikat kewangan memenuhi keperluan pinjaman oleh pelabur swasta untuk melaksanakan projek pertanian dan asas tani berskala besar dengan menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan yang menyeluruh, kompetitif dan mampan. Sehubungan dengan itu, Bank Pertanian akan dibangunkan sebagai pusat rujukan kepakaran dan maklumat sektor pertanian dan asas tani bagi membantu meningkatkan tahap penyediaan kemudahan kredit pada sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian juga telah pun menyarankan supaya petani, nelayan, penternak dan peladang didaftarkan dan diberikan kursus tertentu agar mereka dapat menjadikan sektor pertanian sebagai satu karier. Kementerian saya telah pun mengambil tindakan yang berikut untuk meningkatkan kemahiran petani agar mereka dapat menjadikan sektor pertanian sebagai satu karier.

- (i) latihan teknikal termasuk kursus sijil pertanian selama dua tahun di Institut Pertanian, latihan sijil kemahiran pertanian, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan dan kursus pendek di Pusat Latihan Pertanian, Pusat Latihan Kejenteraan Pertanian, Pusat Pengembangan Kecil dan Pusat Latihan Pembangunan Keluarga Tani;
- (ii) menganjurkan latihan dan kursus usahawan tani secara *hands on* di pusat-pusat inkubator selama lapan bulan ataupun latihan usahawan tani di pusat bimbingan usahawan selama lima bulan;
- (iii) memberikan penekanan kepada perniagaan tani ataupun *agro business* dalam setiap projek yang diceburi oleh golongan sasar. Menerusi pendekatan ini aktiviti pertanian dianggap sebagai satu perniagaan yang boleh mendatangkan pulangan yang lumayan; dan
- (iv) menyediakan kawasan-kawasan yang sesuai secara pajakan ataupun sewaan dengan kemudahan asas pertanian seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan kepada pengusaha dan pelatih pusat inkubator jabatan pertanian yang berminat menceburi aktiviti pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pontian juga telah pun menyarankan supaya diwujudkan Pusat Benih Negara bagi mengeluarkan benih tanaman, ternakan dan perikanan. Sukalah saya menjelaskan bahawa negara masih mengalami masalah kekurangan bijih benih khususnya bagi sektor tanaman. Pada masa ini imbangan dagangan bijih benih adalah 6900 tan bagi padi, 252 tan bagi sayur, satu juta unit pokok buah-buahan dan empat juta unit sulur nanas.

Justeru itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian sudah pun merangka pelan pembangunan industri bijih benih dan bahan tanaman sebagai satu langkah untuk memantapkan daya saing sektor pertanian negara dan memastikan sasaran BOT bagi industri buah-buahan dan sayur-sayuran dicapai menjelang 2010.

Beberapa strategi dan program dicadangkan di bawah pelan pembangunan ini termasuk pengeluaran benih hibrid mengikut zon *agro* ekologi tertentu, menggembeng sumber tenaga pakar untuk menjalankan R&D, memberikan galakan serta modal kepada pengusaha, pelaksanaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, mengadakan pakatan strategik dengan negara pengimport dan institusi benih luar negara serta menggalakkan pihak swasta menghasilkan bijih benih berdaftar dan sah. Strategi yang dirangka juga akan meneliti cadangan penubuhan Pusat Benih Negara.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Pontian dan juga Yang Berhormat bagi Padang Terap telah membangkitkan mengenai bil import bahan makanan sangat tinggi terutamanya daging dan ingin mengetahui apakah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Kerajaan melalui kementerian ini sedang pun giat merangka program dan strategi untuk meningkatkan pengeluaran daging negara dalam program-program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bertujuan untuk mengurangkan kadar deposit bagi komoditi ini. Di antaranya ialah menyediakan dasar, menambahkan keluaran daging ruminan negara yang menggariskan pelan tindakan bagi mencapai sasaran 40% kadar sara diri daging lembu menjelang 2015.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah pun menyasarkan bahawa menjelang 2010, imbalan dagangan bagi komoditi ternakan tidak termasuk bahan makanan ternakan dijangka mencapai lebih sebanyak RM298 juta. Bagi mencapai sasaran tersebut usaha akan dan sedang diambil untuk melaksanakan program dan strategi bagi meningkatkan pengeluaran semua komoditi ternakan yang terlibat di samping berusaha untuk mengurangkan bergantung kepada sasaran import.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gerik dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ada menyarankan supaya dibangunkan penyelidikan dan pembiakan ikan-ikan mewah seperti ikan patin dan kelah serta ikan puyu agar dapat dinikmati oleh semua orang dan harganya tidaklah begitu mahal.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Parit bangun.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ikan-ikan ini berpotensi besar untuk dieksport dan boleh memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusaha.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri telah memberi penjelasan berkenaan dengan isu mengatasi kekurangan benih sayuran dan buah-buahan tetapi Yang Berhormat belum lagi menjelaskan bagaimana kerajaan hendak menyelesaikan masalah kekurangan baka ternakan lembu dan kambing kerana apabila kita berhubung dengan penternak-penternak ini saya dapati terdapat kekurangan baka-baka yang baik. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Memang benar Tuan Yang di-Pertua kita menghadapi masalah, terutamanya sekarang ini nampaknya minat ramai di kalangan orang kita untuk memasuki sektor ternakan ini, lembu, kambing, kambing boer dan sebagainya. Dan kita di peringkat ini terpaksa mengimportlah benih ataupun baka-baka dan bibit ini daripada luar negara, Australia ataupun New Zealand dan sebagainya yang dianggap sesuai untuk kita sementara kita meningkatkan kapasiti dalam negeri kita sendiri dengan teknologi yang kita miliki, dengan sistem *antifriction acumination* yang cara-cara sebegini sebagai contoh boleh menambah biak dengan proses yang lebih cepat. Jadi ini langkah-langkah yang sedang pun kita ambil, memang dalam keadaan sekarang ini tidak mencukupi dan saya sedari ini satu perkara yang perlu kita segerakan dan langkah ini insya-Allah akan kita laksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat bagi Gerik dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, kementerian saya melalui Jabatan Perikanan telah mengambil langkah untuk memajukan industri perikanan dan akuakultur termasuk pembangunan komoditi ikan-ikan asli sungai yang bernilai tinggi. Pusat Pengembangan Akuakultur Perluk di Pahang telah pun berjaya membiakkan beberapa spesies ikan asli sungai tempatan sejak tahun 2002 seperti ikan sebarau, lampam sungai, kerai kunyit, baung, temoleh, patin buah, tenggalang, jelawat putih dan jelawat merah. Bagi spesies ikan patin jabatan telah pun memilih dua orang penternak sangkar dari Pahang iaitu dari Maran dan Temerloh untuk menternak ikan tersebut dan perkembangan terkini ikan tersebut telah mencapai berat 800 gram dan bakal dijual apabila mencapai satu kilogram dan ke atas dengan harga RM50 sekilogram.

Pihak jabatan perikanan sentiasa membantu penternak akuakultur dalam ternakan mereka dengan memberikan khidmat nasihat serta bekalan benih yang percuma untuk menggalakkan pertumbuhan industri perikanan terutamanya ternakan ikan-ikan asli sungai tempatan. Di samping itu, usaha untuk memelihara sumber perikanan sungai telah pun dibuat dengan pelepasan benih-benih ikan asli sungai ke perairan umum.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Tangga Batu ada mencadangkan supaya syarikat-syarikat GLC seperti MAS mempromosikan produk-produk pertanian tempatan dalam menu hidangan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat kementerian telah pun mengambil langkah-langkah perlu bagi mempromosikan produk pertanian tempatan dalam semua penerbangan MAS. FAMA, MAS dan LLC SkyChef Brahim telah pun menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk memilih produk-produk yang sesuai dan berkualiti untuk dihidangkan kepada pelanggan MAS. Produk yang dipilih akan dihidangkan secara percubaan dahulu seperti mana yang dibuat untuk Seri Kaya Madu bagi membolehkan pihak MAS memperoleh maklum balas daripada pelanggan mereka sebelum produk tersebut dijadikan sebagai menu utama.

MAS telah bersetuju untuk menghidangkan produk Seri Kaya Madu sebagai menu utama bagi sektor penerbangan ke Indonesia untuk *business class* sahaja. Sementara itu bagi sektor penerbangan ke Eropah, produk Seri Kaya Madu akan dibawa dalam penerbangan *first class* serta *business class* dan hanya akan dihidangkan atas permintaan pelanggan sahaja. Pada masa ini produk Seri Kaya Madu boleh juga didapati di *Golden Lounge* di KLIA.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Lipis mencadangkan supaya kaedah-kaedah pertanian lain seperti *hydroponics* dan vegetasi digunakan memandangkan negara semakin kekurangan tanah. Untuk tujuan tersebut konsortium di kalangan petani wajar ditubuhkan untuk melaksanakan program-program seumpama itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kaedah pertanian yang dicadangkan tersebut memang digalakkan. Malahan ianya telah pun dipraktikkan oleh pengusaha-pengusaha tanaman buah, sayur dan juga *floury culture*. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan pertanian akan mempertingkatkan lagi pengeluaran sayur-sayuran yang menggunakan teknologi vegetasi ini. Memandangkan kaedah ini memerlukan kos yang tinggi maka usaha-usaha tanaman yang mengamalkan kaedah vegetasi diberikan insentif.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Ketereh telah minta jelaskan apakah yang dikatakan amalan pertanian baik. Yang ini juga saya telah jelaskan beberapa kali di dalam Dewan ini iaitu satu sistem pengurusan ladang yang mengamalkan amalan-amalan pertanian yang dilaksanakan mengikut standard dan undang-undang, peraturan bagi menentukan pengeluaran tanaman adalah berkualiti tinggi dan selamat dimakan. Sistem pengurusan ini akan dapat meningkatkan produktiviti, menjaga keselamatan dan kebajikan pekerja, keselamatan makanan dan pemuliharaan alam sekitar. Usaha ini adalah ke arah pembangunan pertanian bestari.

Bagi memastikan pengusaha ladang melaksanakan segala amalan mengikut prosedur dan syarat yang ditetapkan, satu skim persijilan yang dikenali sebagai Skim Amalan Ladang Baik Malaysia atau SALAM, telah pun diperkenalkan kepada pengusaha-pengusaha tanaman.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah membangkitkan beberapa isu mengenai isu formalin. Kementerian saya bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam pemantauan dan kajian mengenai kandungan *formaldehyde* dalam ikan kerana WHO mengkategorikan *carcinogenic* kepada manusia. Akta Makanan 1983 membenarkan kandungan *formaldehyde* dalam ikan salai sehingga paras 5 ppm. Sementara secara pentadbiran pihak Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan jika paras *formaldehyde* dalam ikan melebihi 20 ppm. Dari pemantauan dan kajian yang telah pun dibuat didapati kesemua sampel ikan yang diimport daripada Thailand adalah di bawah paras 3.5 ppm...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh bertanya sedikit? Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada berkesempatan lagi hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Saya hendak bertanya pasal program siswasah menganggur ini, Yang Berhormat. Apakah pihak kementerian, dalam arus kita memodenkan lagi sektor pertanian kalau boleh, kita bergantung kepada masalah penanam

padi, masalah keperluan beras tidak cukup, kita bawa masuk import dan sebagainya, kita tidak nafikan kerana kita kekurangan peruntukan sebagaimana Yang Berhormat sebut tetapi sampai bila? Apakah kita ada satu *time frame* supaya kita memulakannya dari sekarang. Kalau tidak sampai bila pun generasi kita yang akan datang tidak akan dapat satu teknologi.

Jadi, apakah *approach* kita dalam memodenkan lagi sektor pertanian ini? Kita hendak menggalakkan lebih ramai lagi siswazah menganggur ini yang mungkin ada diploma atau ada ijazah dalam pertanian - mungkin Masters dan Ph.D. Empat puluh orang sudah diberi peluang. Macam Yang Berhormat bagi Pontian yang sudah diberi peluang, umpamanya di sektor nenas sebagai contoh, dan juga rakan-rakan yang lain. Kita rasa berbangga kerana di kalangan Ahli Parlimen juga terdiri daripada mereka yang ada latar belakang pertanian. Mungkin dalam periklanan, Tuan Yang di-Pertua kita.

Jadi, apakah kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini mempunyai satu program khusus untuk menggalakkan lebih ramai lagi siswazah menganggur ini bagi memperkasakan di kalangan remaja kita ini ke atas sektor pertanian yang lebih komersial dan besar-besaran. Kalau tidak sampai bila pun Yang Berhormat, saya yakin di bawah kepimpinan Yang Berhormat ini, ini boleh dilakukan. Apakah program jangka panjang yang kita akan mulakan dari sekarang ini untuk memperkasakan lagi remaja kita dalam sektor pertanian yang lebih komersial, bertertib, berdisiplin, berdaya maju, berdaya saing dan apa jua slogan yang kita boleh gunakan untuk mencapai hasrat tersebut secara besar-besaran.

Kalau kita tidak mulakan pada hari ini - kalau kita sebut soal tanah, mungkin kita mencari satu pendekatan bagaimana hendak menyelesaikan masalah tanah ini sama ada dengan Majlis Tanah Negara yang perlu diambil kira keperluan-keperluan tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Memang itu satu daripada perkara yang kita berikan tumpuan kerana kita sedari ramai siswazah kita yang dikatakan belum mempunyai pekerjaan. Mungkin tidaklah menganggur tetapi belum mempunyai pekerjaan ataupun tidak memiliki kelulusan yang diperlukan untuk bidang-bidang pekerjaan tertentu termasuklah sektor pertanian.

Saya ingin memaklumkan umpamanya dalam Skim Siswazah Tani yang kita sediakan RM10 juta di bawah Bank Pertanian. Semalam Pengurus Besar telah memberitahu sudah habis belanja. Bermakna itu satu petanda bahawa sudah ada respons yang menggalakkan daripada kalangan siswazah untuk mengambil kesempatan daripada tabung dan dana yang kita sediakan bagi mereka menceburi bidang ini tetapi rasa saya memanglah belum lagi mencukupi, saya bersetuju, dan langkah yang kita fikir perlu kita buat ialah pergi ke Institusi Pendidikan Tinggi, jangan tunggu mereka sudah keluar menganggur lepas itu menawarkan bidang seperti ini yang mungkin tidak diminati oleh mereka.

Kalau kita boleh membuat hubungan strategik dengan pihak universiti sebagai contoh, maka tentu di peringkat awal lagi sebelum mereka keluar dari universiti dan lulus dengan apa ijazah sekali pun, kalau mereka sudah berminat dia tahu apa tawaran, apa kemudahan, dana, infrastruktur dan bantuan-bantuan lain yang kita sediakan. Saya kira mungkin mereka akan lebih berminat untuk mengambil bahagian dalam sektor pertanian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sikit, Yang Berhormat? Saya timbulkan perkara ini kerana ada di kalangan mereka ini berjumpa saya, sebagai wakil rakyat. Walaupun kita cuba menerangkan tentang bimbingan bantuan yang boleh mereka perolehi, masalah yang timbul ialah mereka hendak jumpa siapa? Katakan kalau berjumpa dengan Bank Pertanian, Bank Pertanian meletakkan syarat yang begitu ketat, walaupun saya cuba berbincang dengan Yang Berhormat bagi Pontian sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bank Pertanian berkali-kali dan berhari-hari.

Dia pun pening kepala dengan masalah tentang syarat yang begitu ketat. Selepas itu macam kementerian-kementerian lain, mungkin kalau boleh pihak Yang Berhormat mengadakan satu pendekatan bersepadu dan sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi

kita boleh salurkan bantuan-bantuan yang boleh dipercepatkan untuk menghidupkan semangat mereka ini supaya mereka tidak patah semangat. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ya, kita akan cuba bantu mempermudah tetapi tidak boleh terlalu mudah kerana apabila kita membahagikan bentuk pinjaman, sebagaimana yang kita ketahui dana itu adalah dana daripada rakyat jadi kita memastikan mesti ada keupayaan. Cuma tidaklah kita kenakan syarat yang terlalu ketat, umpamanya dengan jaminan yang tidak mampu disediakan oleh siswazah yang biasanya belum ada lagi modal dan sebagainya. Itulah sebabnya skim siswazah itu kita perkenalkan. Dalam skim siswazah ia hanya dijamin oleh penjamin mereka sahaja, bukan jaminan dalam bentuk hartanah dan sebagainya. Ini akan mempermudah mereka untuk menggunakan dana yang kita sediakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit sahaja lagi, ada dua muka lagi. Yang Berhormat bagi Kudat dan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang hendak mengetahui kesan WTO dan AFTA ke atas sektor pertanian negara. Semalam pun Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah pun menjelaskannya. Saya suka menyambung di sini dengan menyatakan bahawa dengan pelaksanaan perjanjian-perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia atau *World Trade Organisation* dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN atau *ASEAN Free Trade Area*, sekatan perdagangan dalam bentuk tarif dan bukan tarif telah semakin dimansuhkan ataupun dikurangkan.

Bagi produk-produk pertanian yang tidak atau tertakluk kepada cukai import yang rendah pada masa ini produk-produk pertanian ini tidak akan menghadapi banyak masalah. Dalam hubungan ini, saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa pada masa ini kebanyakan produk pertanian tidak mempunyai sebarang cukai import. Ini menunjukkan bahawa rejim perdagangan bagi produk pertanian Malaysia kini agak terbuka dan kebanyakan produk pertanian tidak akan menghadapi masalah besar ekoran daripada pelaksanaan komitmen negara di bawah WTO dan AFTA.

Namun demikian, tidak dinafikan bahawa Malaysia juga mempunyai beberapa sektor pertanian yang sensitif seperti padi dan beras, buah-buahan tropika dan sektor ternakan seperti industri ayam, tenusu dan krim. Sektor-sektor ini dijangka akan menghadapi cabaran yang besar dengan pelaksanaan komitmen negara di bawah WTO dan AFTA. Ini adalah kerana sektor-sektor ini telah diberikan perlindungan selama ini dan pengusaha sektor ini akan terpaksa bersaing dengan barangan yang diimport apabila perdagangan diliberalisasikan.

Bagi menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha sektor ini, kementerian saya memang mengambil kira sensitiviti sektor-sektor ini dalam rundingan WTO dan juga perjanjian perdagangan bebas atau FTA yang lain. Bagi membantu para pengusaha menghadapi cabaran di bawah AFTA pula, kementerian ini juga mengambil tindakan untuk mempertingkatkan daya saing pengusaha-pengusaha tempatan melalui pemindahan teknologi dan pengembangan supaya produk mereka dapat bersaing dengan barangan yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah ingin mengetahui sama ada kerajaan bercadang untuk mengkorporatkan MADA ...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian, Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagai contoh FTA kita dengan Jepun, saya difahamkan sebagai ganjarannya Malaysia boleh mengeksport buah-buahan ke Jepun. Boleh kementerian Yang Berhormat memberitahu di Dewan yang mulia ini bahawa apakah jenis buah yang mampu kita eksport ke Jepun? Sebagai contoh yang kedua tentang FTA yang bakal kita tandatangani dengan Amerika Syarikat. Kita faham bahawa kongres Amerika Syarikat menjaga dengan penuh tanggungjawab tentang subsidi pertanian negara mereka. Apabila masuknya beras daripada Amerika ke Malaysia, sebagai contoh, ini sudah tentu lambakan beras begitu hebat dan begitu banyak dengan harga yang murah

sedangkan subsidi yang kita berikan kepada petani penanam padi masih tidak ditingkatkan oleh kerajaan.

Persoalannya, adakah kita telah benar-benar bersedia untuk menghadapi cabaran FTA dan juga WTO ini dan bagaimanakah kementerian melihat tentang kebajikan, masa depan dan tanggungjawab kepada petani-petani supaya mereka tidak akan mundur ke belakang, terdicir daripada arus yang sedang melanda dunia pada hari ini, khususnya gelombang globalisasi ini. Minta penjelasan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Antara buah-buahan yang kita eksport ialah belimbing, papaya, *water melon* dan bunga *chrysanthemum*. Jadi, ada agak terhad dan terbatas sedikit. Soal menghadapi WTO dan AFTA ini memang perkara yang kita sudah ambil kira dan dalam perbincangan kita dengan pihak MITI pun kita telah menentukan apakah strategi yang akan diambil.

Kita pasti tidak boleh hendak menolak kenyataan bahawa pasaran akan terbuka dan sebahagian besar daripada para petani kita akan berhadapan dengan persaingan daripada negara-negara pengeksport ke negara kita tetapi dalam keadaan yang sama kita melihat ini adalah satu peluang kesempatan bagi kita pula untuk mengeksport barangan kita ke negara-negara mereka. Jangan dilihat sebagai satu hala sahaja kerana dengan terbukanya pasaran di negara lain dengan syarat kalau produk yang kita keluarkan itu adalah yang komparatif, kualitinya baik. Kalau begitu di mana saya boleh kita jual buah-buahan dan sayur-sayuran kita.

Oleh sebab itu, langkah yang perlu kita buat sekarang ini ialah untuk mendidik petani kita ini untuk memulakan di ladang mereka sendiri. Kita adakan Skim Akreditasi. Kalau dia memerlukan produk yang berkualiti, tidak menggunakan bahan-bahan racun perosak yang begitu banyak dan mematuhi apa yang kita panggilkan amalan pertanian yang baik, maka dia akan menghasilkan produk yang boleh menembusi banyak pasaran. Saya fikir ini tentu mampu kita buat dan kita sudah pun mulakan, sudah terbukti pun hasil keluaran kita sudah mula dipasarkan di Eropah, sebagai contoh.

Jadi, soal pokoknya balik kepada bukan setakat kita hendak bagi subsidi sebagaimana yang disebutkan tadi. Itu kemungkinan kita tidak boleh buat berterusan tetapi memperbaiki apa yang kita di dalam negara supaya petani kita lebih kompetitif. Mesti mengubah bentuk *mindset* yang saya kempen sekarang ini supaya mereka anggap bahawa pertanian itu sebagai satu perniagaan sebab hasil pengeluaran mereka mesti dijual, bukan untuk makan sahaja dan kalau dijual dengan harga yang mahal dan kualiti tidak baik siapa yang hendak beli.

Inilah langkah-langkah yang sedang kita ambil untuk mendidik petani-petani kita dengan Kempen Amalan Pertanian Baik dan beberapa langkah lain yang saya fikir perlu kita buat untuk memperbaiki keadaan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya sambung sedikit, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cukup yakin dan juga menyokong dengan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengenai FTA ini. Saya ada dua persoalan di sini yang saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Yang pertama, mengenai ternakan ikan di laut ataupun di tempat pantai secara komersial. Saya difahamkan bahawa ini telah menjadi satu perniagaan yang besar, perniagaan yang boleh mendatangkan banyak keuntungan kepada bukan sahaja pengusaha-pengusaha tetapi bagi nelayan kita di tepi-tepi pantai dan seterusnya pengusaha yang berorientasikan secara komersial.

Saya hendak bertanya apakah kementerian Yang Berhormat Menteri mempunyai satu perancangan yang lebih strategik dalam jangka masa lima hingga sepuluh tahun ini

dan bagaimana kita boleh menambah nilai kepada perniagaan ini supaya ia menjadi satu sektor yang boleh memberikan pertumbuhan ataupun memberikan satu *earning* kepada negara ini secara lebih positif.

Kedua mengenai pemasaran - *value chain* di dalam sektor pemasaran terutamanya mengenai hasil-hasil tanaman kita, buah-buahan atau sayur-sayuran. Saya difahamkan sekarang ini FAMA memang satu agensi yang sangat-sangat penting untuk memasarkan tanaman dan juga sayur-sayuran kita di luar negara. Apa yang saya hendak tahu ialah mengenai adakah Kementerian Yang Berhormat ini memberi satu perancangan yang lebih berkesan untuk berhubung dengan *buyer* di luar negara, dengan izin, supaya buah-buahan kita ini dapat dipasarkan di seluruh negara.

Sebagai contoh, bila saya berada di New York pada tahun lalu, saya berjumpa dengan seorang *Malaysian* tetapi dia membeli buah-buahan dari Thailand. Dia menjual buah-buahan di New York dan dia kata ini buah-buahan dari Thailand, walhal dia sendiri hendak beli buah-buahan dari Malaysia sebab dia orang Malaysia tetapi pada masa yang sama mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perhubungan dengan agen-agen ataupun pejabat-pejabat pemasaran tertentu untuk mendapatkan produk-produk ini. Jadi, saya hendak tahu apakah perancangan Yang Berhormat supaya pendapatan petani-petani kita di luar bandar, khususnya dapat dipertingkatkan dengan memperkemaskan lagi proses pemasaran kita secara lebih menyeluruh terutama di pasaran luar negara. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, industri perikanan ini kita anggap salah satu subsektor pertanian yang penting. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, ini adalah sektor yang kita akan bagi tumpuan yang besar, antaranya ialah soal perikanan laut dalam, perikanan tuna dan di samping itu akuakultur.

Sebenarnya dalam sektor perikanan subsektor akuakultur dijangka menyumbang 21% kepada sektor perikanan negara. Sebab itu memang kita ambil kira. Bukan soal untuk menternak sahaja tetapi pengambil kira total apa yang dipanggil *supply chain management system* termasuk pemasaran pemprosesan. Kerana kita tidak mahu jadi pembekal bahan-bahan segar tidak diproses yang akan menambah nilai. Cumanya sekarang ini kita hendak menarik penyertaan swasta kepada sektor perikanan ini agak susah. Yang terlibat dan berminat ada tetapi tidak berapa ramai. Mereka tidak begitu melihat sektor ini sebagai sektor yang berdaya maju. Ada sektor lain dalam negara kita yang dianggap lebih menarik. Ini satu daripada masalah kita. Hendak *convince* kan syarikat swasta meneroka ke bidang ini. Banyak mereka tidak faham apakah industri perikanan.

Langkah yang hendak kita buat sekarang ini ialah berhubung dengan seberapa banyak sektor swasta dan memberikan penjelasan bahawa sektor ternakan baik darat ataupun laut mempunyai potensi yang sama besar malahan lebih besar lagi kerana modal yang terlibat walaupun besar tetapi ia mempunyai tempoh hayat yang panjang. Ada bot selagi bot boleh pergi ke laut, ikan akan ada di laut dengan sistem teknologi tangkapan ikan termoden kita boleh menangkap sebanyak mungkin. Jadi inilah pendekatan yang kita ambil yang saya fikir memang penting apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi penglibatan swasta. Kerajaan boleh bantu tetapi swasta mesti mengambil bahagian yang cergas di dalamnya.

Soal kedua, pemasaran, tadi saya telah jelaskan apa peranan FAMA. Yang penting ialah promosi dan keduanya penting untuk produk kita menembusi pasaran. Jadi kita kena runding dengan negara-negara tadi supaya dia tidak sekat buah-buahan kita. Ada orang kata kenapa buah-buahan Thailand boleh mudah masuk. Ini kerana mereka telah mengambil langkah agak lebih awal daripada kita, ini kita akui bahawa kita agak ke belakang dalam soal ini tetapi saya kira dalam tempoh beberapa tahun akan datang akan kita cuba berusaha kalau kita dapat mempromosikan. Saya telah sebutkan tadi beberapa peruntukan yang FAMA akan belanjakan, RM20 juta untuk mengadakan promosi di mana boleh pergi ke mana-mana sahaja bawa produk kita pameran.

Baru-baru ini kita pergi ke Jeddah dan Dubai bawa produk hasil-hasil buah-buahan dan barangan proses Malaysia dan laku dengan begitu baik sekali. Saya yakin kalau langkah sebegini kita buat secara lebih agresif lagi maka produk kita akan diterima di peringkat antarabangsa.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat. Ya Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit. Saya hendak pasal FAMA ini sama ada FAMA gagal atau pun cukup mengecewakan. Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa ada buah-buahan tempatan kita berjaya menembusi pasaran antarabangsa walaupun rakan saya daripada Puchong tadi dia berada di New York. Memanglah mungkin buah-buahan masa itu tidak ada musim. Yang mengejutkan saya Yang Berhormat pisang. Kalau kita tengok hari ini pisang, daun pisang digunakan untuk buat bungkus nasi lemak, orang India yang makan di atas daun pisang, bermakna kita ada tanaman pisang tetapi masalah yang mengejutkan saya ini pisang diimport.

Saya duduk di sebuah hotel kerana saya tidak ada rumah di sini, di hotel tempat saya menginap, hotel biasa, terkejut saya Yang Berhormat, dia kata pisang itu adalah pisang yang diimport. Saya hendak simpan pisang itu untuk tunjukkan kepada Yang Berhormat tetapi tak sempat sedap sangat saya sudah makan. Jadi kalau buah pisang pun kita import maka ini cukup mengecewakan. Jadi buah apa lagi yang boleh. Jambu air pun diimport kata rakan saya daripada Jasin. Kalau macam oranges dan limau sunkist kita import, tidak mengapalah kerana ini satu benda yang mungkin kita tidak boleh untuk menanam di negara kita ini tetapi buah pisang ni. Jadi Yang Berhormat perlu melihat di mana kesilapannya sampai buah pisang pun kita kena import. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Mengimport Tuan Yang di-Pertua ialah kerana minat pengguna hendakkan barang import, itu satu masalah bagi kita kerana kita mewah, ada duit kalau tidak ada dalam tempatan kita beli sahaja dari luar negara. Itu sikap yang saya fikir perlu kita atasi tetapi keduanya memanglah umpama pisang satu produk yang memang popular. Ini satu daripada buah-buahan di mana sahaja di seluruh dunia pisang ini yang paling popular sekali. Sebab itu permintaan pisang di pasaran antarabangsa dan dalam negeri begitu besar. Ada syarikat pengeluar pisang tempatan tadi seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading sebutkan tetapi masalahnya kerana ada penyakit. Dengan sebab itu bekalan tidak mencukupi.

Mungkin hotel tempat Yang Berhormat duduk itu kadang-kadang ada kecenderungan sesetengah hotel ini dia menghidangkan buah-buahan yang diimport. Walaupun musim durian tidak ada durian dalam hotel. Buah rambutan pun tidak dihidangkan di hotel. Itu kadang-kadang masalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itulah Yang Berhormat minta kalau boleh bincang dengan Kementerian Pelancongan supaya mengutamakan bahan-bahan tempatan, produk tempatan di hotel-hotel atau di mana-mana juga. Gunakanlah di majlis-majlis keraian di Parlimen baik, di mana pun kita utamakan buah-buahan tempatan, macam Menteri Luar kita kalau lepas ini dia pergi ke luar negara pun galakkan buah-buahan tempatan. Kalau tidak sampai bila-bila pun orang tidak kenal buah-buahan tempatan kita. Ada pula negara lain mengambil kesempatan. Rakan saya daripada Rantau Panjang pun dia masuk ke Siam mungkin untuk mendapatkan buah-buahan import. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak perlu tambah komen itu. Saya terima pandangan itu. Saya cuma ada sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua untuk menyatakan tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batu Kawan yang telah....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Biarkan saya habiskan dahulu.Membangkitkan subsidi diesel kepada nelayan di kawasannya yang masih belum selesai hingga hari ini. Saya hendak nyatakan di sini bahawa kesemua 269 ahli P&K Seberang Perai telah pun mendapat kad pintar e-diesel masing-masing. Pusat jualan diesel subsidi di bahagian Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan sedang disiapkan dengan kerja menanam tangki dan pemasangan pam dan ia akan beroperasi setelah mendapat kelulusan dari pihak-pihak berkenaan. Yang akhir sekali Yang Berhormat daripada Langkawi....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Biar saya habiskan dahulu. ...Ingin tahu berapakah pelaburan LKIM dalam Rancangan Malaysia Kesembilan membangunkan industri perikanan di Langkawi, saya ingin maklumkan ialah sebanyak RM16.79 juta bagi seluruh negeri Kedah dan bagi Langkawi ialah RM2,085,000 untuk membangunkan industri perikanan di Langkawi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal nelayan yang menggunakan diesel yang beroperasi untuk menangkap ikan. Saya ingin menyentuh satu perkara yang berlaku di kawasan saya Yang Berhormat Menteri. Pertemuan dengan sekumpulan nelayan di kawasan Putatan yang menyatakan bot-bot tunda yang sebenarnya beroperasi di luar daripada 10 kilometer daripada pesisir pantai telah beroperasi tidak jauh daripada 10 kilometer dari pantai ini dan mengakibatkan nelayan-nelayan kecil-kecilan ini terjejas pendapatan mereka, itu satu.

Kedua, pukuk-pukuk yang dipasang ditarik dan kebanyakannya hilang. Ini satu kompelin daripada Persatuan Nelayan di kawasan saya. Kedua, soal RM10 yang dikenakan kepada setiap utas pukuk yang dikenakan oleh Jabatan Perikanan Negeri Sabah. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ini berlaku di Sabah. Sudahlah harga minyak diesel sudah mahal dikenakan pula RM10 seutas pukuk dan pancing juga sangkar ikan pun dikenakan bayaran oleh Jabatan Perikanan. Saya minta penjelasan mengapakah ini berlaku. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Sambungan Tan Sri. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bukanlah saya soalkan projek LKIM di Langkawi tetapi saya persoalkan projek LKIM di Batu Maung. Saya hendak tahu, berapa jumlah peruntukan yang telah diberi kepada Batu Maung untuk membangunkan port nya kerana pada saya lebih efisien kita offer kepada Langkawi. Walaupun Menteri telah menjawab tetapi saya difahamkan akan dibelanjakan beratus-ratus juta ringgit untuk membangunkan Port Tuna di Batu Maung. Dan Yang Berhormat menyatakan kepada saya dia akan mengadakan *road show* untuk memesatkan lagi Batu Maung. Jadi itulah pada saya walaupun keputusan telah dibuat saya fikir berjuta-juta ringgit dibangunkan di Batu Maung lebih baiklah datang ke Langkawi kerana tempat itu *free*. Itulah soalan saya. Bukan saya persoalkan projek LKIM berapa juta, tidak, tidak persoalkan.

Seterusnya saya persoalkan juga masalah pukuk tunda ini. Orang ramai kata Kementerian Pertanian tidak mengambil tindakan ke atas pukuk-pukuk tunda itu kerana di Langkawi mereka sudah *fed up, frustrated* dengan izin, kerana tidak ada tindakan oleh pihak kerajaan untuk membanteras pukuk tunda ini. Terima kasih.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak tahu berhubung dengan tempoh e-diesel di mana ia akan diletakkan di kawasan Parlimen saya. Sebagai Ahli Parlimen di kawasan saya, sampai sekarang ini saya tidak tahu di mana ia akan diletakkan. Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bagan lagi. Penghabisan Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya sekali gus tetapi ini ada berbeza sedikit. Saya ingin menambah kepada percakapan Yang Berhormat Menteri sebelum ini yang kata subsidi diesel ini akan diukur apabila perahu balik dari laut sama ada mereka ada dapat hasil atau tidak. Saya ingin berkata di sini bahawa bukan semua perahu yang pergi ke laut apabila dia balik dia akan dapat hasil laut. Itu biasa, boleh tanya kepada pegawai-pegawai. Kadang-kadang pergi balik dengan tangan kosong. Jadi itu tidak dapat diukur sama ada dia ada pergi laut atau tidak.

Yang kedua, pusat ternakan khinzir, dua atau tiga kerajaan negeri telah berhasrat untuk menutup tetapi saya ingin berkata di sini bahawa harga khinzir hidup sekarang melambung kepada RM640 per satu ratus kilogram. Ini harga yang paling tinggi sekali dalam sejarah ini. Sekiranya masih lagi diketatkan atau ditutup pusat ternakan khinzir ini maka saya ingatlah harga ini memang

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu tauke babi kayalah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Jadi adakah kerajaan ingin mengawal harga daging khinzir ini untuk kepentingan *consumer* dan sama ada kerajaan boleh membenarkan pengimportan daging khinzir dari luar negara. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama soal operasi bot tunda di Putatan ni, mungkin yang disebutkan tadi soal penguatkuasaan, biasa berbangkit. Saya di peringkat kementerian pun telah minta Jabatan Perikanan mesti mempertingkatkan *enforcement* di mana-mana kawasan umpamanya di kawasan tadi ia masuk ke kawasan pantai yang menyebabkan perikanan pantai itu terjejas dari segi tangkapan dan mungkin dia punya jeratnya rosak kerana bot-bot besar masuk ke situ. Ini soal *enforcement* kita ambil perhatian.

Soal mengenakan caj itu saya kurang pasti, apakah ini mungkin sudah menjadi amalan di peringkat jabatan. Mungkin sebelum ini tidak menjadi masalah. Kalau sudah mungkin harga minyak naik jadi RM10 pun sudah menjadi masalah. Kalau ia sudah dikenakan sebelum ini mungkin itu satu amalanlah. Saya.....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Baru mula tahun ini Tan Sri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Insyallah, saya akan kajilah.

Ini soal Yang Berhormat bagi Langkawi hendak minta supaya pindahkan perikanan tuna ke Langkawi dari Batu Maung. Kita sudah mengikut perjanjian dengan pengusaha yang ada di Batu Maung itu untuk memajukan secara penswastaan. Ada terikat dengan kontrak. Mungkin Yang Berhormat bekas Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri masih ingat perkara itu dan sekarang ini masih di peringkat pelaksanaan. Apa syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian penswastaan, syarikat itu telah membelanjakan RM30 *million* dan dia akan membelanjakan banyak lagi. Kalau ikut jangkaan tidak kurang daripada RM200 *million* akan dibelanjakan. Sebab itu pandangan kementerian dan Perdana Menteri pun sudah bersetuju supaya sehinggalah kedudukan Batu Maung itu sudah agak stabil untuk beberapa tahun akan datang tentulah tidak wajar bagi kita untuk buka satu lagi pelabuhan tuna di kawasan yang tidak begitu jauh dari situ. Itu tidak *economic* sebenarnya. Sebab itu kita di peringkat ini kita tidak bersedia untuk menimbang untuk membuka satu lagi pelabuhan ikan tuna di kawasan Langkawi tetapi insyallah pada satu masa akan datang.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tan Sri, soalan saya berapakah jumlah *investment* kerajaan di Batu Maung.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya kurang ingat. Saya hendak kena notis pasal saya tidak boleh ingat angka semua sekali. Tentu sebelum dia diswastakan memang projek itu projek LKIM di mana segala-galanya ditanggung oleh LKIM. Saya tidak tahu jumlah sebenarnya. Kalau mahu nanti saya akan menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat untuk menjelaskan.

Lain perkara yang telah dibangkitkan Yang Berhormat bagi Batu Kawan, di mana tempat bekalan diesel. Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut rekod di sini ialah di Bagan Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan. Itu kawasan yang agak berhampiran dengan kawasan Batu Kawan.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, untuk makluman, kawasan sana perkampungan Melayu memang terdapat banyak bantahan dari masyarakat tempatan sana.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Ya, kadang-kadang menjadi masalah kerana dia takut dengan adanya stok minyak ini di situ takut berlaku kebakaran tetapi kita biasa menentukan kawasan di mana terdapat ramai nelayan untuk memudahkan hubungan mereka dengan pembekal yang ada di situ tetapi apa pun kita akan lihatlah kalau ada bantahan apakah boleh kita pindahkan ke tempat lain. Ini akan melibatkan banyak perbelanjaan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Kawan Yang Berhormat.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Minta jasa baik Yang Berhormat Menteri minta pegawai di sana berhubung dengan saya. Kita boleh bincang sekali. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Boleh Yang Berhormat. Ini subsidi diesel yang disebutkan tadi yang kita akan laksanakan apa yang dipanggil e-pendaratan, iaitu kalau mereka hendak mendapatkan bekalan diesel bersubsidi mesti ada bukti bahawa mereka sudah berupaya menangkap ikan tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi kata tidak mesti setiap kali dia keluar dia mendapat ikan tetapi Lembaga Kemajuan Ikan, autoriti yang bertanggungjawab boleh membuat perkiraan purata tahunan, berapa tangkapan yang dia peroleh. Kalau dia pergi 10 kali langsung tidak dapat ikan apa ceritanya? Sebab itu kita suspek bahawa mereka mungkin membuat kerja-kerja lain selain menangkap ikan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang Berhormat, bukan tidak tangkap. Dia pergi tangkap dia pergi ronda tetapi tidak jumpa ikan. Jadi dia tidak boleh turunkan pukat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Itu Yang Berhormat cakap begitu, sedangkan Yang Berhormat tidak pergi ke laut dengan nelayan. Apa yang dibuat di laut, sama ada benar mereka menangkap ikan ataupun dia buat kerja lain. Pasal dalam kes-kes yang lalu banyak kes kita dapati tidak semua di mana mereka ke laut menjual minyak kerana dengan subsidi yang kita bagi dia dapat untung 60 sen ataupun kadangkadang RM1 bagi satu liter, lebih untung daripada jual ikan. Sebab itu kita memandang berat akan perkara itu. Mungkin betul apa Yang Berhormat katakan tadi tetapi kita ambil perhatian sekiranya perkara itu hendak dilaksanakan. Kita akan mendapatkan pandangan daripada pihak Persatuan Nelayan bagaimana ia akan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mencuba untuk menjelaskan semua perkara.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang Berhormat, khinzir tolong beri sedikit penjelasan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Khinzir Tuan Yang di-Pertua saya telah jelaskan dalam masa sesi perbahasan Titah Diraja. Itu *stand* kerajaan masa itu bermakna kita akan bawa kepada pihak kerajaan negeri dalam satu Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di mana kita hendak putuskan pendekatan bagaimana. Sementara itu memanglah ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak ada kuasa untuk menentukan sama ada ia dipindahkan ataupun tidak. Jadi Yang Berhormat kena merayu kepada Ketua Menteri atau Menteri Besar dan sebagainya. Kalaulah dia tidak menjejaskan alam sekitar untuk membenarkan dia beroperasi untuk satu tempoh sahaja tetapi selepas itu dia terpaksa dipindahkan...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sikit sahaja Dato'. Tadi Yang Berhormat ada sentuh tentang MADA tetapi saya tidak sempat hendak sambung. Cuma saya hendak beritahu tentang di kawasan saya ada satu kawasan lebih daripada 1000 ekar. Pernah saya sentuh sebelum ini, berada di dalam kawasan MADA tetapi tidak mendapat pengairan daripada MADA iaitu kawasan Paya Kecut, diharap pegawai dapat mengambil tindakan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Akan diberi perhatian. Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah jawapan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya mintalah Menteri Luar mula jawab jam 2.30 petang. Waktu sekarang sudah jam 1 tengah hari. Dengan ini Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat ada satu usul daripada Menteri Luar Negeri. Dipersilakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.33 ptg.

Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam ini. Dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari esok, 26 April 2006”.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah pada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

[Perbahasan Usul Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 disambung]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk memulakan ucapan beliau.

2.34 ptg.

Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan dari 3 April hingga 19 April 2006 yang lepas. Izinkan saya memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan yang menyentuh kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah pun saya jawab di dalam perbahasan yang lain ataupun di dalam soal jawab mulut tidak akan saya sentuhnya di dalam penggulangan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa Malaysia mengamalkan dasar luar yang proaktif dan dinamik. Kita sentiasa berusaha untuk menjalin hubungan baik dengan semua negara. Jaminan hubungan baik pada pandangan kita adalah penting bagi memupuk kestabilan, keamanan dan kemakmuran di rantau dan di peringkat antarabangsa. Namun begitu, kita harus sedar bahawa di dalam hubungan di antara negara sudah semestinya ialah akan timbul dari masa ke semasa perbezaan pandangan dan pendapat telah menjadi tanggungjawab kita untuk menangani perbezaan ini dan uruskannya dengan baik melalui dialog dan perbincangan. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri akan sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya bagi menjaga kepentingan negara dalam hubungan Malaysia dengan negara-negara lain. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat telah menyentuh soal pemerksaan dasar luar negara Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan, boleh.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: *Just hold on, let me finish.* Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan ayat, kalau tidak nanti akan tergantung.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat bagi Kudat telah menyentuh soal pemerkasaan dasar luar negara supaya Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan boleh melaksanakan dasar luar negara yang lebih agresif lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai perhubungan luar negeri dan satu isu yang pun ada bangkit dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan sama ada dalam ucapan atau dalam pencelahan ialah mengenai perhubungan Malaysia Singapura khasnya berikutan dengan pembatalan jambatan, *Scenic Bridge* atau *scenical*, dan oleh kerana ini menimbulkan satu isu yang mustahak, sungguhpun Kabinet ada buat satu keputusan bahawa semua penjelasan penerangan dibuat oleh *Ambassador-at-large* Tan Sri Ahmad Fuzi Abdul Razak. Oleh kerana beliau bukan ahli anggota dalam Parlimen, Yang Berhormat Menteri perlulah untuk memberi satu penjelasan yang memuaskan di Dewan yang mulia ini, khasnya kenapa perkara ini boleh sampai tahap ini di mana Kabinet boleh buat satu keputusan sebulat suara untuk membatalkan jabatan tersebut.

Apabila beberapa tahun dahulu, Kabinet pun boleh buat satu keputusan sebulat suara untuk membinakannya, apakah asas rasional, apakah asas rasional untuk Kabinet membuat keputusan itu beberapa tahun dahulu. Bukankah semua masalah ini menimbulkan oleh kerana kalau kesilapan keputusan itu ialah kesilapan keputusan yang awal yang sekarang nampaknya kita perlu membayar ganti rugi sekurang-kurangnya RM100 juta. Adakah Kabinet akan memikul tanggungjawab di mana ahli-ahli kabinet bertanggungjawab personel *responsibility* atas kerugian yang tidak patut berlaku dalam negara kita.

Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan mahu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah banyak kali saya jelaskan di dalam Parlimen ini dan juga di dalam akhbar. Kita mempunyai empat pilihan di dalam kita menangani isu jambatan. Pertamanya kerajaan boleh mengambil pilihan untuk meluluskan apa yang telah dipersetujui secara prinsip di dalam satu persefahaman politik dan kita teruskan kemudiannya dengan satu perundingan yang berasaskan kepada untuk mencapai satu perjanjian akhir. Apabila kita membincangkan berkenaan satu persefahaman politik, ianya boleh dianggap sebagai satu perkara yang paling mudah untuk diselesaikan bagi mendapat tujuan kita, membina sebuah jambatan ataupun satu jambatan lurus bagi kita tinggalkan kepada warisan akan datang.

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, keputusan ini perlu kita lawati semula untuk kita melihat kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku. Namun demikian, oleh kerana kerajaan mempunyai sikap yang terbuka, kita mahu mencapai kata sepakat dalam jangka pendek mengambil kira pandangan daripada orang ramai dan pandangan yang mengatakan seolah-olah Malaysia di dalam rundingannya untuk membina jambatan bagi menggantikan Tambak Johor, seolah-olahnya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *give-up* kepada Singapura atau menyerah kepada Singapura. Oleh itu kita membuat keputusan ini supaya kalau kita hendak Singapura mahukan jambatan lurus, tetapi mesti ada ruang udara yang mereka kehendaki dan pasir. Ini perkara yang dianggap oleh Singapura sebagai satu perkara yang penting, maka ini menjadi *trade-off* ataupun perundingan yang mereka mahu kalau mereka hendak memberikan persetujuan kepada jambatan lurus.

Ini satu pilihan yang perlu kita buat. Pilihan kedua yang boleh kita buat ialah untuk kita membina jambatan yang dipanggil Jambatan Indah yang akan menyambung daripada bahagian Singapura ke Tambak Johor. Jambatan Indah ini adalah di dalam Wilayah Malaysia dan kalau kita mengikut kira ianya sebagai sesuatu perkara yang mudah maka kita akan membuat keputusan ini adalah satu perkara yang terbaik daripada membina jambatan lurus. Walau bagaimanapun kita mempunyai masalah berasaskan kepada nasihat undang-undang dan yang memberitahu kita bahawa pembinaan jambatan bengkok ataupun Jambatan Indah ini memerlukan persetujuan Singapura oleh kerana kita perlu pindahkan paip air yang dimiliki oleh Singapura mengikut Perjanjian 1991 dan Perjanjian 1992. Dan mengikut perjanjian *separation agreement* pada 1965 kita telah memberikan jaminan bahawa segala perjanjian-perjanjian di antara Malaysia dan Singapura akan dihormati dan dilaksanakan.

Oleh itu, sebagai ahli masyarakat antarabangsa yang bertanggungjawab apabila kita mahu membuat keputusan kita mengambil kira kedudukan undang-undang dan prinsip undang-undang antarabangsa. Dan kita diberitahu juga oleh Penasihat Undang-undang Peguam Negara iaitu pihak Singapura boleh memberhentikan penggunaan, Tuan Yang di-Pertua penggunaan tanah-tanah ataupun perjalanan-perjalanan kereta api daripada tambak oleh kerana ianya akan mempunyai kesan kepada tambak yang di sebelah mereka. Oleh itu apa-apa juga yang hendak kita lakukan memerlukan persetujuan daripada Singapura. Itu pilihan yang kedua.

Yang ketiganya, kita boleh membuat jambatan dengan sendiri tanpa merujuk kepada Singapura. Pada pendapat kita ianya juga memerlukan kebenaran daripada pihak Singapura. Kalau ia memerlukan kebenaran daripada pihak Singapura bermakna ia memerlukan *trade-off* juga di dalam rundingan. Kalau kita hendak rundingan *trade-off* hendak kita beri lebih baik, kita beri dengan ada bahagian-bahagian seperti yang kita katakan berkenaan pasir ataupun *air space* yang terhad secara teknikal yang hendak kita berikan. Oleh itu *options* ini setelah kita mengambil kira, kita mengambil keputusan bahawa yang terbaiknya dalam suasana yang sebegini ialah untuk kita tidak memberikan izin untuk dijual pasir kepada Singapura atau membenarkan laluan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta sedikit penjelasan Yang Berhormat?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta sedikit penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habiskan dahulu lepas itu saya panggil. Untuk kita tidak berikan laluan kepada Singapura untuk kegunaan *Republic of Singapore Air Force*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu keputusan kerajaan ialah supaya kita tidak terlibat di dalam satu perbalahan politik ataupun dalam *legal dispute*. Sebelum kita memulakan jambatan kita akan tertakluk kepada pertikaian. Itu bukan tujuan untuk kita membina jambatan. Kita membina jambatan untuk menghubungkan kedua negara dan menjalin hubungan yang baik. Kalau daripada mulanya sama ada kita hendak bawa ke timbang tara, sama ada kita hendak bawa ke mahkamah keadilan antarabangsa kemungkinan tindakan-tindakan undang-undang yang akan diambil boleh mengendalakan projek itu ataupun ia tidak mengizinkan untuk projek tersebut Tuan Yang di-Pertua untuk disiapkan dalam jangka masa yang kita telah menyiapkan CIQ.

Jadi oleh itu kerajaan membuat keputusan setelah mengambil kira segala pandangan daripada orang ramai, sentimen, perasaan dan juga kedudukannya daripada segi kedudukan di dalam undang-undang yang telah kita berpuas hati bahawa kedudukannya di masa ini yang terbaik ialah untuk kita tidak meneruskan pembinaan Jambatan Indah ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dahulu saya bersetuju.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya dahulu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Syabas dan tahniah Yang Berhormat di atas pendirian Malaysia terhadap pembatalan pembinaan projek Tambak Johor ini. Cuma saya ingin tahu selepas keputusan kerajaan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri, apakah reaksi Singapura? Apakah mereka melihat secara muram, suram terutama sekali dengan isu penjualan pasir ini dan juga ruang udara. Dan lebih-lebih lagi setelah keputusan yang dibuat kerajaan dan kita tahu, memang tahu memang selesai tidak ada masalah tetapi suara-suara belakang ini, suara-suara yang seolah-olah menanggung di air yang keruh. Tambah-tambah lagi Yang

Berhormat kita bimbang kalau ada kepentingan di pihak pembangkang yang mungkin secara senyap-senyap mencari kesempatan untuk menanggung di air yang keruh. Apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya ingat bila kita umumkan berkenaan dengan kita tidak akan teruskan pembinaan jambatan Ketua Pembangkang pun menyokong pendirian kita tetapi lepas ini Yang Berhormat bawa balik soal ini Yang Berhormat menyokong, kita di dalam keadaan kita menganggap ini adalah satu keputusan yang terbaik daripada kita mula-mulanya *get involve*, dengan izin, ataupun kita terlibat dengan perbincangan di dalam undang-undang yang tidak akan membolehkan kita untuk meneruskan projek itu walaupun kita hendak meneruskan projek tersebut. Jadi di dalam keadaan dan suasana begitu ini bukan satu keputusan peribadi ahli-ahli Kabinet dia adalah satu keputusan di dalam kuasa dan bidang ruang lingkup kerajaan.

Jadi soal kita sendiri *personally* atau secara peribadi bertanggungjawab tidak timbul Tuan Yang di-Pertua. Dan Singapura juga walaupun Singapura memandang bahawa dia terperanjat dengan keputusan ini saya telah berhubung dengan Menteri Luar Singapura dan bercakap kemudiannya dengan Menteri Luar Singapura secara peribadi mereka memahami dan menghormati keputusan Malaysia. Dan untuk pertama kalinya mereka mengata ini bukan soal siapa menang, siapa kalah. Dia soalnya kita memahami kedudukan dan kepentingan Malaysia yang ia tidak mahu berganjak daripada keputusan yang dibuat dan kita tidak akan teruskan rundingan ini. Dan saya fikir kalau Singapura boleh menerimanya dengan baik saya tidak tengok bagaimana Yang Berhormat boleh hendak menjadikan isu itu sebagai satu isu perbalahan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Memang kita menyokong keputusan untuk membatalkan jambatan *crooked half-bridge* dan apa Yang Berhormat bagi Larut kata yang biasalah dia tidak mahu jawab. Kalau dia berani dia patut mengeluarkan pendirian yang dibuat oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir, bos beliau yang buat tuduhan bahawa kerajaan sekarang sudah menggadaikan maruah negara. Kenapa Yang Berhormat bagi Larut diam atau adakah dia sokong, dia sokong tuduhan Tun Dr. Mahathir bahawa Perdana Menteri sudah menggadaikan maruah negara. Kenapa mahu timbul isu-isu yang tidak kena-mengena?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ketua Pembangkang panas telinga ke?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dengarlah penjelasan Menteri dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri ...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat hendak menyebut nama orang di luar Dewan dan membuat andaian dan tuduhan saya fikir ini bukan satu perkara yang... Yang Berhormat ada soalan saya akan cuba soalan Yang Berhormat tetapi apa dia punya soalan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Masalah ialah sungguhpun keputusan ini membatalkan jambatan, *Scenic Bridge* itu kita memang sokong 100%. Oleh kerana pada awal-awal kita kata tidak patut diadakan dan kita tidak bersetuju dengan pendirian semacam Tun Dr. Mahathir bahawa kerajaan takut untuk mempertahankan hak dan kedaulatan negara serta rakyat Malaysia, kita tidak bersetuju tetapi kita pun tidak boleh lari daripada iktibar yang kita perlu belajar. Kenapa kita boleh sampai ke tahap masalah ini supaya kita sekarang perlu bayar ganti rugi RM100 juta kita dapat *side back* tetapi daripada jawapan-jawapan tadi Yang Berhormat Menteri saya mahu tanya ialah tadi Yang Berhormat Menteri bahawa oleh kerana *public opinion* tidak membenarkan *trade-off*. Bila kerajaan terikat kepada *public opinion*? Begitu banyak perkara bahawa *public opinion* tidak mahu naik ke harga minyak tidak mahu korupsi mahu reformasi, kerajaan tidak terikat, yang pertama...

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya sebutkan habiskan lebih baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Baik perkara lainlah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau Yang Berhormat hendak berdebat dengan saya di dalam isu itu saya dalam jawapan saya patutnya Tuan Yang di-Pertua, saya menggulung...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:Saya menggulung dari segi peraturan Yang Berhormat tidak bawa perkara ini dalam perbahasan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya hanya sebagai Ketua Pembangkang saya memberikan Yang Berhormat penjelasan tetapi *procedurally* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya tanyalah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: ...Yang Berhormat sudah terkeluar.

Tuan Yang di-Pertua: Tanya penjelasanlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya ada bangkit dalam *clarification* saya. Yang kedua Yang Berhormat kata bahawa daripada segi undang-undang sangat jelas bila nasihat undang-undang ini diberi kepada Kabinet? Oleh kerana kalau undang-undang kedudukan undang-undang begitu jelas bahawa kita perlu dapat kerjasama daripada pihak Singapura kenapa keputusan awal boleh diambil?

Dan ketiga ialah apa kedudukan, mengenai *third option* yang ada Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa kita sendiri membina satu *crooked half-bridge*...., *all the way crooked half-bridge*...., saya tidak begitu fahamlah apa itu *crooked bridge all the way* kepada Singapura.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan saya harap bahawa.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dahululah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah kalau Ketua Pembangkang boleh bangun cakap saya pun boleh cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan ada mengikut Peraturan Mesyuarat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudahlah, Yang Berhormat Menteri sudah jawab sudahlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Sri Gading mana ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sri Gading duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya. Dan akhirnya...

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sedikit Yang Berhormat, cepat sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...lalah ada satu cadangan Tun Dr. Mahathir bahawa ada referendum. Adakah ini akan ditimbang oleh Kabinet?

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua biar saya sambung sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat apa dia itu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Keputusan membatalkan jambatan ini telah pun muktamad. Dan kita rakyat terutama kami orang Johor terima kerana kita tidak sanggup...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Atas apa itu Peraturan Mesyuarat dia boleh berdiri ucap semacam ini? Kalau dia boleh kenapa kita tidak boleh?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta izin tadi saya minta izin dengan, saya minta izin dengan Yang Berhormat Menteri Luar saya minta izin dia benarkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia bangun saya bangun dia duduk maknanya dia membenarkan saya takkanlah Ketua Pembangkang kalau kita berselisih pendapat kita tidak boleh terima.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading duduk ya, Sri Gading sila duduk.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua saya mempunyai *floor* ini dan terpulang kepada saya untuk mengizinkan siapa hendak masuk dan bertanya membuat penjelasan. Saya izinkan dia....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya dapat izin.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: ...Untuk membuat penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua jadi keputusan telah dibuat dan keputusan ini bagi saya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat keputusan yang bijaksana. Keputusan di mana kita tidak mahu menjual kita punya pasir....

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Betul. Betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Kita tidak mahu kita punya ruang udara. Ini keputusan yang diterima oleh rakyat. Rakyat Johor rasa tercabar Tuan Yang di-Pertua kalau ruang udara dia diceroboh atau dimasuki oleh kapal perang lain. Jadi keputusan Perdana Menteri keputusan bijaksana jadi Yang Berhormat Menteri Luar tidak payah layan cerita jambatan ini. Sudah habis, *khalas*.

Tuan Yang di-Pertua: Habis Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Referendum, referendum.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading di atas nasihat yang beliau berikan. Saya fikir mungkin tadi Yang Berhormat kerana Yang Berhormat terlampau emosi saya ingat sehingga tidak dengar apa yang saya cakap. Saya kata kalau kita hendak membina jambatan indah itu dia akan sambung kepada *causeway* di pihak tempat kita dan akhirnya bersambung bermakna jambatan itu akan melengkung untuk bersambung dengan tambak di belah Singapura. Itu opsyen yang kita mula-mula kita bikin *straight* lepas itu yang lurus lepas itu yang indah lepas itu tiga lurus tetapi bengkok sedikit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Boleh saya habiskan dia punya sekejap lepas itu saya bagi Yang Berhormat ya.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: *[Bangun]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sekejap sahaja lepas itu saya bagi Johor Bahru fasal Johor Bahru pun berkepentingan Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan dia. Tuan Yang di-Pertua, keputusan-keputusan bila kita buat ini bila kita tengok pengumuman yang dibuat apabila kita buat keputusan dia adalah satu keputusan berasaskan kepada keputusan politik. Kerajaan membuat keputusan setelah mengambil kira pandangan pakar, pandangan nasihat undang-undang. Dan nasihat undang-undang ini bukan satu nasihat yang baru. Dahulu, bila pun kita mulakan jambatan itu dia juga mengambil masa kontraknya bagi 2003 yang dibagi kontrak kepada sebuah syarikat, CIQ kita akan siap. Dan kalau kita terlibat di dalam pertikaian di antara kerajaan kita, kita tidak kata sama ada kita akan menang atau kita akan kalah di dalam itu, itu soal mahkamah untuk menentukannya.

Kalau kita daripada mula kita hendak buat projek, dia akan mengambil kos yang lebih tinggi yang mungkin melibatkan kos di luar jangkaan apa yang telah kita peruntukkan. Jadi dalam suasana dan keadaan yang demikian, kalau kita hendak bina jambatan untuk digunakan oleh Singapura, kita hendak menggunakan CIQ untuk digunakan juga oleh Singapura supaya hubungan perdagangan, pelancongan, *movement* dengan pergerakan di antara rakyat Singapura dengan rakyat Malaysia sudah tentu kita mesti buat dalam suasana dan iklim kita sama kita tidak bertelagah dan berbalah.

Kita tengok dari segi masyarakat di sini, dia menjadi satu isu yang melibatkan perbalahan bukan kita mengatakan apa juga keputusan yang dibuat oleh kerajaan dahulu adalah kerajaan yang sama, pimpinannya yang berbeza dengan pendekatan yang kita cuba cari untuk menyelesaikan satu masalah bagi menghilangkan beban ataupun bagasi sejarah di antara Singapura dan Malaysia. Kita menganggap itu pendekatan yang baik. Bila kita buat keputusan itu, itu keputusan yang berteraskan kerana rakyat Malaysia menganggap kita mungkin menggadaikan kepentingan kita, menggadaikan kedaulatan kita, hak kita.

Oleh itu kita buat satu keputusan yang berani walaupun susah tetapi ia adalah satu keputusan yang berani yang diambil. Berkenaan dengan soal referendum yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini bukan di dalam mahkamah untuk saya..., yang saya katakan ialah pandangan undang-undang sememangnya akan menimbulkan masalah-masalah perundangan. Kita boleh mengambil keputusan untuk terus dan berhadapan dengan masalah undang-undang. Kerajaan pada hari ini menganggap masalah undang-undang ini akan membebaskan lagi kerajaan dan menyusahkan projek itu. Jadi ia tidak menguntungkan, lebih baik kita dengan izin, *cut cost* daripada kita meneruskan dan terlibat dengan sesuatu yang tidak menghubungkan hubungan baik dua hala di antara Singapura dan Malaysia...

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: So oleh itu saya tidak fikir itu. Dan berkenaan dengan referendum Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat pun sedar dalam negara kita sistem referendum dan traditional referendum tidak ada diperuntukkan oleh undang-undang. Kerajaan yang mempunyai majoriti dan mempunyai Parlimen kita boleh melaksanakan keputusan sebagaimana kita lakukan sekarang. Tidak perlu untuk kita adakan referendum.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Johor Bahru.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya kepada Menteri. Pertamanya, adakah benar bahawa Singapura hanya membantah. Atau, gara-gara bantahan Singapura, terhadap projek jambatan, *scenic bridge*

itu, atau jambatan setengah itu, berlaku setelah kita menang apabila negara rujukkan tambakan yang dilakukan di sebelah Singapura kepada peringkat tribunal antarabangsa.

Dan kedua, kalau itu benar, adakah ini bermakna bahawa sebenarnya dalam soal antarabangsa dan tribunal antarabangsa berhubung dengan undang-undang laut, bermakna kita sekarang ini masih 1-0. Dan kalau kita teruskan membina jambatan yang bengkok ini mungkin skornya akan menjadi 1-1. Jadi Tuan Yang di-Pertua itu sahaja pertanyaan saya. Bagi rekodnya Tuan Yang di-Pertua saya di antara mereka yang pertama minta supaya projek ini dibatalkan tetapi keadaannya lain sedikit ketika itu tetapi kebijaksanaan akhirnya terbukti juga. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua walaupun saya tidak ingin untuk mengambil masa panjang dalam ini saya fikir saya perlu membuat penjelasan dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Kalau kita ingat berkenaan soal tambakan yang dilakukan untuk Pulau Tekong dan Pulau Ubin mempunyai kesan yang kepada kita punya alam sekitar dan ekologi kita.

Oleh itu kita telah membawa kes itu ke situ untuk Singapura berbincang dengan Malaysia. Pada masa itu Singapura menggunakan hujah bahawa di dalam wilayah dia, dia tidak perlu berunding atau berbincang dengan kita kerana dia tidak melibatkan wilayah kita. Akhirnya, sebab itu saya tidak percaya pada 1-0, satu sama ini walaupun saya tahu Yang Berhormat bagi Larut mungkin..., dia bila kita buat keputusan itu, keputusan itu akhirnya memaksa Singapura untuk menubuhkan jawatankuasa secara bersama untuk dirundingi di dalam soal-soal walaupun ianya berlaku di dalam Wilayah Singapura. Sebagai negara jiran ia perlu dirundingi bersama kerana kita mempunyai kepentingan bersama. Jadi sebab itu saya fikir pada kali ini bila kita menarik balik pandangan Singapura lain daripada pandangan-pandangan dahulu yang tidak *confrontational*. Dia kata tidak ada siapa menang dan tidak ada siapa kalah. Bukan kita untuk mencari kebaikan daripada ini.

Saya juga ingin jelaskan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa bila Singapura memberi surat kepada kita pada 11 April 2002, surat daripada Goh Chok Tong Perdana Menteri Singapura pada ketika itu, surat itu menyebut dia bersetuju untuk pembinaan jambatan diberikan kepada Malaysia dan boleh menjalankan seterusnya.

Akan tetapi apabila kita menulis surat, pada 7 Oktober 2002 yang mengatakan bahawa kita tidak mahu lagi meneruskan pakej, maka Singapura pada 14 Oktober menulis surat pada kita dan memberitahu kepada kita yang suratnya pada yang lalu telah terbatal kerana ia di dalam satu rundingan kumpulan. Oleh itu mereka mahu tentukan Malaysia atau tambak Johor adalah *international facility*, kemudahan antarabangsa dan mereka mahu kita patuh kepada peruntukan undang-undang antarabangsa. Kita boleh teruskan tetapi kita akan terlibat dengan pertikaian undang-undang daripada mula-mula. Ini sebabnya kita membuat keputusan dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dan juga pembangkang walaupun dia bersetuju tetapi kadang-kadang dia akan cuba cari peluang untuk jadi hero dalam politik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beralih...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Sri Gading pun sudah mencadangkan perkara ini sudah tutup buku dan saya lihat suatu pengalaman yang begitu menarik bagi Wisma Putra dalam menangani isu ini. Yang Berhormat Menteri, apakah jaminan Yang Berhormat Menteri oleh sebab semangat Wisma Putra ingin menjaga hubungan dua hala di antara dua negara ini supaya kerena yang sama tidak kita lalui jika ada sebagai galang gantinya suatu ketika nanti, hendak jalinkan hubungan ini semula perkara-perkara seperti yang telah dilalui dalam sesi ini. Perkara-perkara yang perit kita lalui ini tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apakah tindakan *pre-emptive* ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Wisma Putra adalah sebuah agensi kerajaan yang melaksanakan keputusan kerajaan. Oleh itu apabila kita telah dihentikan rundingan, kita hentikan rundingan. Kita tidak mengambil inisiatif, untuk membuka semula rundingan, kita hanya mengambil inisiatif dalam bidang-bidang lain untuk menentukan hubungan dua hala di antara Singapura dan Malaysia agar tidak terjejas walaupun kita mempunyai isu-isu tertunggak.

Jadi adalah tidak tepat kalau kita mengatakan seolah-olah Wisma Putra, ini setelah kita rundingi semua kumpulan pakar dan oleh sebab Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita membuat keputusan setelah membuat lawatan rasmi dan setelah menjadi Perdana Menteri untuk menjalin semula satu iklim ataupun suasana yang baik-baik untuk mengatasi dan menghilangkan bagasi sejarah yang membebankan kita dan generasi akan datang maka beliau meminta untuk kita meneruskan dan memulakan membuka balik rundingan. Maka Wisma Putra mengambil langkah untuk membuka rundingan, apabila kita membuka rundingan, tiap-tiap tajuk yang kita persetujuan secara prinsipnya adalah juga Tuan Yang di-Pertua, diberikan di atas nasihat apa yang kita boleh kita lakukan iaitu misalnya berkenaan pasir, ia diputuskan oleh Kementerian Sumber Asli, berkenaan soal ruang udara diputuskan oleh Kementerian Pertahanan sebagai agensi pelaksana. Kita melaksanakan dan menyampaikan persetujuan kerajaan secara keseluruhan. Kita bertanggungjawab secara bersama, Tuan Yang di-Pertua, soal ini kita akan sentiasa mengambil pengajaran dalam soal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, terakhir.

Tuan Yang di-Pertua: Apa lagi Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pendek sahaja, terakhir-terakhir. Dalam surat terbuka yang ada dikeluarkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir mengenai perkara ini. Ada di atas Kelab Maya UMNO ada pun berikutnya *enclosure*, 5 appendix mengenai surat-menyurat atau korespondan daripada Kerajaan Singapura kepada Wisma Putra, kepada Kerajaan Malaysia memang saya bersetuju dan mengalu-alukan semua surat ini dibuka kepada rakyat tetapi saya mahu tanya ialah adakah oleh kerana selain daripada dua surat yang ada disebut dalam kenyataan Tan Sri Fuzi lain-lain tidak ada disebut sama ada di bawah Akta Rahsia Rasmi. Kalau begitu adakah tindakan ini akan diambil terhadap Tun Dr. Mahathir atau adakah Wisma Putra dan Kabinet akan batalkan *declassify* semua dokumen-dokumen supaya ini boleh dapat....

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Pengetahuan orang ramai atau tindakan akan diambil terhadap Tun Dr. Mahathir, tangkap dan caj dan penjarakan... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, dari awal-awal lagi, saya tengok niat Yang Berhormat adalah tidak baik. Yang Berhormat mempunyai niat buruk, saya tidak fikir, Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir mempunyai apa-apa niat, itu pandangan. Kita masing-masing mempunyai pandangan dan kita boleh beri pandangan sama ada perkara ini di bawah Akta Rahsia ataupun tidak. Yang Berhormat selalunya menentang Akta Rahsia ini pula Yang Berhormat yang hendak Akta Rahsia ini.

Seorang Ahli: Ipoh Timor niat jahatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita sudah tahu, kita tidak mahu terlibat lagi dan saya fikir dalam hal ini tidak perlu kita jadikan, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir telah memberi sumbangan yang amat banyak kepada negara kita dan jangan kita jadikan ia sebagai satu bahan perbincangan untuk kita cuba menyerang dia sedangkan dia bukan Ahli parlimen untuk menjawab Yang Berhormat punya tuduhan yang liar sedikit. Tuan Yang di-Pertua, biar saya...

Seorang Ahli: Ketua Pembangkang..., tahan.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu dekat mana saya sudah berhenti. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kudat tadi menyatakan berkenaan memperkasakan Wisma Putra atau Kementerian Luar Negeri. Biar saya mengatakan usaha-usaha merumus dan melaksanakan dasar luar negara dengan jaya dan berkesan memang menjadi agenda utama kita dan kita sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita akan dalam melaksanakan dasar luar menentukan kedaulatan integriti dan maruah negara serta kepentingan rakyat adalah perkara yang diberi perhatian utama dan mesti kita pelihara di sepanjang masa.

Kita juga harus mengambil kira perkembangan dalam negara serantau dari peringkat antarabangsa yang berlaku dari masa ke semasa. Dalam melaksanakan dasar luar yang boleh memberi faedah yang besar bagi negara, peruntukan kewangan yang mencukupi dan sumber manusia yang profesional, cekap dan berkaliber sentiasa diberi keutamaan oleh kerajaan.

Saya berterima kasih di atas saranan supaya Malaysia terus memperkukuhkan dan mempertingkatkan peranan dan sumbangannya di peringkat antarabangsa melalui dasar-dasar yang tegas dan bernas. Dalam hal ini ingin saya menekankan bahawa kerajaan telah berusaha dengan gigih bagi membolehkan Malaysia untuk diterima dan benar-benar kita berkesan dalam melaksanakan tugas kita selaku pengerusi, NAM, Pengerusi OIC dan ASEAN pada masa kini. Sebagai contoh Malaysia telah diberikan kepercayaan oleh kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro atau MILF, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bertindak sebagai pemudah cara kepada proses pendamaian di Selatan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks dasar kerajaan yang mengamalkan perbelanjaan secara berhemah dan berjimat cermat, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri sentiasa berusaha sebaik mungkin untuk memaksimumkan faedah yang boleh diperolehi dari peruntukan yang diluluskan. Selaku Menteri Luar saya yakin bahawa kami dapat melaksanakan segala program dan aktiviti yang telah dirancang dengan baik. Sekiranya terdapat apa-apa kekurangan kita akan berunding dan bekerjasama dengan agensi pusat terutama pihak Perbendaharaan supaya program dan aktiviti ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan sesuatu dasar yang dibuat juga berhubung rapat dengan kecekapan dan kredibiliti pegawai-pegawai yang melaksanakan tugas tersebut. Kementerian ini sekali lagi ingin berterima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap soal kebajikan pegawai-pegawai di kementerian termasuk pegawai-pegawai dan kaki tangan yang bertugas di luar negara. Kementerian Luar Negeri sentiasa memberikan perhatian yang penuh terhadap kebajikan dan juga prestasi pegawai dan kakitangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak beberapa tahun yang lalu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Tan Sri..., sekejap sahaja boleh atau tidak. Saya tadi duduk di luar...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cepat sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak masuk campur la tadi, jadi Yang Berhormat kami berterima kasih memang Kementerian Luar buat kerja bagus tetapi ada juga Yang Berhormat kawan-kawan beritahulah minta Yang Berhormat beritahulah pada duta-duta kita itu. Kalau wakil-wakil rakyat kita ini pergi melawat negara itu atas *official* atau rasmi, tolong-tolong tengoklah, kadang-kadang mereka tinggal kita macam kucing. Kadang-kadang kita bukan tahu di negeri orang sesat pun boleh, jadi beritahulah pada duta-duta kita, kerja mereka bukan teruk sangat, sekali-sekala sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu sahaja?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak pesan itu sahaja, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tengok Yang Berhormat apabila berada di luar negeri bukan kucing, lebih tahu tempat daripada duta saya pun... [Dewan riu] [Sorak] Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Malam hilang!

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil maklum ke atas apa Yang Berhormat katakan tadi untuk kita memberikan perhatian jadi saya hanya berharap kalau Yang Berhormat boleh - tidak usah kita pandang rendah terhadap tugas kita punya perwakilan kita di luar negara seolah-olah mereka tidak ada kerja. Kerja di dalam Wisma Putra tidak mempunyai had masa. Kita bekerja 24 jam oleh kerana dia global punya ini. Saya percaya dan yakin Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah sekarang Ahli-ahli Parlimen adalah orang-orang yang glokal, global dan lokal.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Huh!

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jadi Yang Berhormat, saya akan cuba apa pun. Kalau Yang Berhormat hendak pergi mana-mana, Yang Berhormat bagi Jerai, beritahu dengan kita. Insya-Allah, kita akan jaga yang sebaik supaya dia jadi kucing liar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, masalah saya tidak timbul. Ini masalah biasa, Timbalan Speaker kita pergi luar negara, naik van. Tidak ada orang kedutaan, tidak ambil tahu. Yang Berhormat bagi Arau pergi pun naik van. Jadi, saya berasa bila depa kompelin, mereka tidak gamak hendak bercakap. Banyak lagi yang pergi, tidak ambil berat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, saya kena habaqhah. Saya tidak mahu Tan Sri Speaker pun jadi macam itu juga.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, yang itu sahaja hendak pesan, bukan ada apa... [Ketawa] [Dewan gamat]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya cukup berterima kasih kepada Yang Berhormat, cukup menghayati dan prihatin. Saya pun kadang-kadang naik van juga. Terima kasih Yang Berhormat... [Ketawa] [Dewan gamat] Kita akan mengambil dan beritahu kita, siapa-siapa atau mana-mana perwakilan yang dianggap gagal dalam melaksanakan tugas, kalau ada kes-kes khusus Tuan Yang di-Pertua, akan saya siasat, kita ambil tindakan yang sewajarnya. Saya minta maaf kalau ada perasaan bahawa kita tidak mempedulikan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parlimen Malaysia. Sebagai badan tertinggi, kita akan terus memberikan perhatian dan pandangan sebagaimana teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tetapi jangan kira sangat kalau hendak naik van atau kadangkala saya terpaksa naik motosikal. Terima kasih... [Ketawa]

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin membuat pertanyaan. Adakah program-program yang dibuat di dalam memperkasakan modal insan, di dalam memperkasakan contohnya duta-duta dan para diplomat kita yang dibuat secara berterusan supaya para diplomat kita, para duta kita setanding dengan para-para diplomat negara-negara luar sama ada dari segi *public relation* ataupun dari segi pengetahuan-pengetahuan politik tempatan dan juga antarabangsa.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gombak. Latihan dan pendedahan yang dilakukan dari mula seseorang itu menjadi kakitangan ataupun pegawai-pegawai di dalam Wisma Putra diambil secara berterusan. Latihan dan latihan semula dilakukan dan mereka juga dihantar untuk kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang sehingga ke Sarjana ataupun kepada peringkat *Doctorate*.

Jadi, dengan itu juga mereka diberikan galakan untuk menghadiri tiap-tiap mesyuarat sama ada dua hala atau pelbagai hala untuk memberikan mereka pendedahan. Alhamdulillah, buat masa ini reputasi kita punya diplomat-diplomat adalah baik tetapi sebagaimana yang dikatakan, ada masanya mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat mendapati ianya tidak memuaskan ataupun perkhidmatan kita ataupun ada apa-apa yang mungkin dianggap kurang. Kita akan cuba terus memperbaiki perkhidmatan kita dan segala perkara yang kita lakukan adalah dengan tujuan untuk menentukan nama Malaysia akan sentiasa disanjung dan dipandang tinggi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Gombak.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ini, satu ayat ini sebelum saya bagi kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, semenjak beberapa tahun yang lalu, Kementerian Luar Negeri telah menyelaras penyaluran bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa tragedi bencana alam di peringkat antarabangsa. Sebahagian daripada bantuan ini disalurkan melalui badan-badan bukan kerajaan seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, MERCY dan *Global Peace Malaysia*. Bagi melaksanakan bantuan ini dengan teratur dan berkesan, Kementerian Luar Negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa tetap, pengurusan, bencana dan bantuan kemanusiaan yang menyelaraskan kerjasama antara Kementerian Luar Negeri dengan kementerian dan agensi kerajaan yang lain serta badan bukan kerajaan yang terlibat dalam usaha-usaha menangani bencana alam bantuan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ampang membangkitkan soal nasib rakyat Malaysia yang berkahwin di luar negeri dan menghadapi masalah selepas berlaku perceraian kerana tidak mendapat hak penjagaan anak, nafkah dan sebagainya. Saya tidak boleh nafikan memang ada berlaku kes-kes seperti ini yang kadangkala amat menyedihkan. Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara memang sudah diberi arahan supaya membantu semua rakyat Malaysia yang memerlukan tetapi saya ingin menjelaskan bahawa bantuan yang boleh diberi adalah agak terhad kerana kita harus akur terhadap undang-undang dan peraturan negara asing dan proses perundangan tidak boleh dicampuradukkan dengan proses diplomasi.

Jadi, rakyat Malaysia yang berkenaan bolehlah mendapat keadilan melalui sistem perundangan di negara tempat mereka tinggal dan apa juga masalah mereka boleh bertemu dan berjumpa dengan kita untuk melaksanakan tugas kita. Tuan Yang di-Pertua,....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, apa yang telah berlaku dalam lawatan Yang Berhormat Menteri ke Burma pada bulan yang lepas, yang mana saya tahu lawatan itu sepatutnya dua hari tetapi dipendekkan satu hari, Yang Berhormat Menteri sudah balik. Apakah pendirian kerajaan sekarang terhadap negara Burma? Apa yang kita baca dalam surat khabar tentang Sidang Menteri Luar Negara Asean, nampaknya kenyataan yang dibuat itu menunjukkan Asean tidak boleh buat apa-apa terhadap Burma dan kenyataan macam ini amat menghampakan banyak kumpulan yang memberi sokongan kepada rakyat di Burma.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, saya ingin tahu apa yang berlaku dalam lawatan Yang Berhormat Menteri di Burma dan apakah keadaan Burma dalam Asean sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat bagi Seputeh maksudkan Myanmar, tidak. Burma ini bahasa yang

digunakan oleh negara-negara Barat tetapi nama dia yang diiktiraf di Bangsa-Bangsa Bersatu adalah Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita kena hormat negara orang. Oleh itu, saya ingin memaklumkan saya punya lawatan dari mulanya adalah bertujuan untuk berjumpa dengan Aung San Suu Kyi dan untuk mendapatkan supaya mereka bersetuju untuk dibebaskan dan penglibatan NLD di dalam proses *reconciliation* dan proses untuk melaksanakan Perlembagaan Myanmar yang baru. Walau bagaimanapun, mereka tidak mahu mengizinkan kita dan mereka hanya memberikan taklimat terhadap perkembangan apa yang dilakukan oleh pihak pemerintah. Sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat, kita boleh menyampaikan pandangan dan ketidakpuasaan hati dan perasaan sikap kita yang mahukan Myanmar melalui proses demokrasi mengikut peta kedamaian mereka, *road map* yang telah dipersetujui.

akan tetapi kita di peringkat Mesyuarat ASEAN baru-baru ini, kita juga telah mencerminkan perasaan tidak senang kita dan perasaan kecewa bahawa tindakan-tindakan itu tidak membolehkan kita untuk ke hadapan menyokong Myanmar dalam kritikan yang dibuat oleh masyarakat antarabangsa terhadap demokrasi dan apa yang sedang berlaku di Myanmar, oleh kerana kita tidak mempunyai maklumat yang mencukupi dan mereka masih lagi mempunyai sikap tidak terbuka di dalam hal ini walaupun mereka telah menunjukkan pembangunan yang mereka lakukan dan proses-proses yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perlembagaan mereka tetapi kita masih mahukan supaya kita tidak menggunakan pendekatan untuk mengasingkan Myanmar ataupun ia diambil sekatan yang akan menyusahkan dan membawa kemudaratan kepada rakyat dan kumpulan sasar akan terus merasa selesa. Oleh itu, kita mahu terus mencari jalan supaya Myanmar akhirnya....

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:Akan melihat bahawa yang terbaik adalah untuk mencapai demokrasi dengan memberikan kebebasan kepada rakyat mereka dengan seluas mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya tidak mahu bercakap lagi berkenaan dengan Myanmar ini oleh kerana isu ini tidak dimasukkan di dalam perbahasan semasa membincangkan. Saya rasa inilah penjelasan yang dapat saya berikan....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh penjelasan yang *last*?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: ...Isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Boleh sikit penjelasan oleh kerana ini mustahak.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Perbahasan oleh Ahli Yang Berhormat, sikit sahaja, ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sikit boleh? Oleh kerana selepas Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean di Bali, Yang Berhormat Menteri mengikut laporan atau buat dua kenyataan. Yang pertama ialah Myanmar perlu lagi dua tahun untuk menghabiskan *first step*, langkah pertama dalam tujuh langkah *road map* kepada demokrasi dan yang kedua, Menteri-menteri Luar Asean nampaknya sudah, dengan izin, *throw in the towel*, putus asa bagaimana boleh buat apa-apa supaya membawa..., Myanmar kepada pendemokrasian dan nasional *reconciliation*.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana latar belakang ini, adakah Kerajaan-kerajaan ASEAN yang lain, bukankah masa sudah sampai untuk ada satu kajian

yang mendalam, sama ada dengan Kerajaan Myanmar kerap kali untuk mencabuli janji akan bebaskan Aung Sun Suu Kyi atau akan pendemokrasian Myanmar bahawa....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Tidak selaras dengan semangat komuniti Asean dan bahawa beri sokongan kepada pendirian *ASEAN Inter Parliamentary Myanmar Caucus* atau AIPMC, bahawa kalau tidak ada apa-apa perkembangan dalam dua-dua pendemokrasian, dalam tiga, empat bulan bahawa memberi sokongan untuk usaha satu pergerakan Ahli-ahli Parlimen ASEAN supaya gantung Myanmar daripada ASEAN.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, ASEAN dia punya apa yang diceritakan oleh Myanmar, mereka sedang mendrafkan Perlembagaan mereka dan Perlembagaan itu adalah 15 bab. Mereka sudah habis sembilan bab daripada 15 bab. Tiap-tiap tiga bab, diambil masa setahun. Jadi, kita mengandaikan kalau tinggal enam bab, bermakna hanya tahun 2007, dia baru habiskan Perlembagaan. Habiskan Perlembagaan, bermakna ia harus dituluskan oleh Suruhanjaya. Selepas itu diadakan referendum. Habis referendum, baru mereka akan adakan pilihan raya. Kita mengatakan bahawa proses ini dipandang dan dianggap oleh masyarakat antarabangsa terlalu perlahan dan tidak memberi keyakinan terhadap kesungguhan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sampai 2020.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Apa pun 21, 20 itu adalah negara mereka dan kita bukan putus asa. Saya cakap, ada perasaan kecewa terhadap perlahannya proses itu, dan tidak bergerak. Jadi Myanmar nampaknya terus mempertahankan kedudukannya dan di dalam ASEAN sendiri, ada pandangan-pandangan yang berbeza sedangkan Malaysia adalah salah sebuah negara yang mempunyai pegangan tegas terhadap Myanmar. Isu ini kerana kita mahu melihat Myanmar dapat membawa manfaat kepada rakyatnya, kerajaannya. Demokrasi wujud kerana Myanmar juga menyokong penubuhan masyarakat komuniti ASEAN yang berteraskan kepada tiga tunggak, iaitu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *political* dan *security, economic* dan juga ketiganya ialah *socioculture*.

Oleh itu, salah satu perkara yang penting ialah demokrasi, urus tadbir yang baik, anti rasuah dan melaksanakannya. Oleh itu, mereka bersetuju dengan ini semua tetapi soalnya, pelaksanaan. Kita mahu ada pelaksanaannya. Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, soal Myanmar kita buang Myanmar. Di dalam kita punya peraturan sekarang, tidak ada proses untuk kita menyingkirkan dalam triti persahabatan dan persefahaman ASEAN, tidak ada prosedur untuk membuangnya. Saya tidak fikir, membuang Myanmar akan menjadi jawapan yang terbaik untuk kepentingan rakyat Myanmar secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Oleh itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Ipoh Timor.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dengan itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar segala, mengambil perhatian dan mendengar pandangan, cadangan usul yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat jangan lari daripada tajuk inilah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: ...Dan saya mengucapkan terima kasih. Dengan itu saya menghabiskan penggulungan saya ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang sampai giliran Kementerian Sumber Manusia. Kita jemput Menteri untuk memberi jawapan.

3.23 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Alor Star membangkitkan isu mengenai 60,000 graduan yang keluar dari universiti tempatan tidak dapat pekerjaan selepas satu tahun tamat pengajian. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini, di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk masalah mengatasi pengangguran terutamanya, di kalangan siswazah adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan seminar ke arah membina kerjaya cemerlang bagi siswazah pusat pengajian tinggi demi untuk membina imej dan keyakinan diri mereka;
- (ii) mempromosi dengan lebih luas perkhidmatan *Electronic Labour Exchange* atau ELX dengan menyebarkan maklumat mengenai peluang pekerjaan kepada pencari kerja berdasarkan kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan; dan
- (iii) menganjurkan karnival pekerjaan bagi membolehkan majikan bertemu dengan pencari kerja. Sepanjang tahun 2005, sebanyak 8 program karnival pekerjaan di peringkat kebangsaan telah dilaksanakan dan melalui aktiviti tersebut, sebanyak 38,047 kekosongan jawatan telah ditawarkan oleh pihak majikan. Juga daripada kekosongan tersebut, 14,116 jawatan kosong telah berjaya diisi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kerajaan telah mengadakan Skim Latihan Graduan bagi salah satu langkah untuk membantu graduan menganggur. Meningkatkan pengetahuan kemahiran mereka bagi memperluaskan peluang mereka mendapatkan pekerjaan. Sebanyak 13 program latihan telah ditawarkan di bawah skim ini yang memberi keutamaan kepada kemahiran bekerja, *working skills* seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menganalisa dan aspek-aspek pengurusan lain yang boleh membantu mereka mendapat pekerjaan kelak. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu membangkitkan isu 30% daripada jumlah pelajar, keciciran dari sistem pendidikan menengah, dan tidak..

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Barat. Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ipoh Barat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Nanti habis dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dan tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah melaksanakan skim perantisan semenjak tahun 1996 bagi melatih pelajar lepasan PMR, SPM, yang gagal melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Mereka dilatih dalam bidang-bidang tertentu dengan kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri. Pendekatan latihan adalah berasaskan *competency base* mengikut sijil kemahiran dalam tahap 1 dan 2. Skim perantisan yang telah dilaksanakan adalah dalam bidang mekatronik, industri perhotelan, teknologi maklumat, industri berasaskan kayu, operator pengangkutan dan sebagainya. Sejak tahun 1996 hingga Mac 2006, sejumlah 7,574 orang lepasan sekolah telah dan sedang dilatih di bawah program dalam bidang-bidang kemahiran yang dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu, nampaknya tiga faktor dalam Skim Latihan Graduan yang dikatakan, sangat sempit. Kerana perkara yang mustahak sekali, adalah pendirian kerajaan baru-baru ini supaya graduan-graduan kita yang dikeluarkan dari universiti-universiti tempatan bersedia untuk melanjutkan pekerjaan di luar negeri, di arena globalisasi.

Jadi, apakah faktor-faktor yang telah diambil kira supaya mereka ini sedia dan layak untuk berada dan bekerja di negara-negara lain. Perkara ini adalah mustahak kerana di arena globalisasi, peluang pekerjaan untuk graduan-graduan keluaran dari negara ini sangat bagus. Bukankah itu yang patut diberi prioriti? Adakah pendirian kerajaan ini telah, dengan izin, “*abandon*” oleh menteri berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan, dalam era globalisasi ini pekerjaan untuk seseorang individual termasuk rakyat Malaysia, boleh didapati di seluruh dunia. Dalam konteks ini, memang kerajaan kita akui itu adalah hak seorang individu, kalau dia nak cari kerja di luar negara, dia boleh. Tidak sesiapa yang boleh halang dia. Dalam konteks ini, Kementerian Sumber Manusia memang kita memberi latihan kepada lepasan-lepasan sekolah kita dengan tujuan untuk mereka boleh bekerja di mana-mana sahaja. Dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ini, banyak pelatih-pelatih yang telah tamat kursus daripada institut latihan perindustrian kita. Sekarang, bekerja di luar negara khususnya di Singapura. Banyak. Jadi kita tak hadkan mereka. Itu adalah peluang mereka tetapi kita harapkan mereka boleh terus berkhidmat dalam negara ini kerana kemahiran, kepakaran mereka adalah amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Setiu, Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Sini.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Mana?

Tuan Yang di-Pertua: Kanan, kanan, di sana.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Oh.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak dapatkan satu penjelasanlah. Kalau kita dengar tadi berbagai-bagai skim, Skim Latihan Graduan dan sebagainya, Karnival Kerja dan sebagainya. Saya mahu dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sejauh manakah skim-skim latihan dan juga Karnival Kerja ini benar-benar mendapat kejayaan hasil daripada idea pihak kerajaan kita dan sekiranya ianya tidak berjaya sudah pastilah kita rasakan ia hanyalah program ataupun skim-skim yang tidak mempunyai banyak manfaat. Terima kasih Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Sebenarnya Karnival Pekerjaan yang telah dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia adalah amat berkesan. Ini adalah untuk membolehkan pencari-pencari kerja, khususnya dari luar bandar, peluang untuk ditemui oleh syarikat-syarikat atau kilang-kilang dari tempat yang lain. Sebagai satu contoh pada tahun dahulu melalui satu serakkan pekerjaan yang kita anjurkan di Kota Bharu, lebih kurang 3,000 orang graduan telah berjaya mendapatkan tawaran pekerjaan yang dibuat oleh kilang-kilang dari negeri yang lain seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan sebagainya. Sebenarnya karnival seperti ini membolehkan mereka mendapat pengetahuan mengenai kekosongan yang ada. Kalau mereka duduk di Kelantan atau di Kota Bharu sahaja, mereka langsung tidak ada peluang untuk mendapatkan pengetahuan itu.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh tanya sedikit, Yang Berhormat? Terlangsung Yang Berhormat bercakap pasal latihan siswazah ini, saya rasa siswazah ini mungkin sudah mula lemah semangat sebab apa bila tengok kebanjiran banyak tenaga asing yang masuk. Saya tidak menafikan kalau kita ambil daripada kepakaran dan kemahiran tenaga asing untuk mengisi kekosongan pekerjaan seperti sektor kilang dan sebagainya tetapi takkanlah tidak ada langsung kerja-kerja yang dilakukan oleh rakyat Malaysia, umpamanya pembantu restoran.

Pembantu restoran ini tidak memerlukan kepakaran atau kemahiran. Pembantu rumah mungkin. Pembantu rumah ini mungkin tangga gajinya kita rasakan agak rendah tetapi berlaku kecurian. Rumah Yang Berhormat Menteri kita pun kena kebas. Minta maaf, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Menyampuk*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, itu tikus-tikus sana diamlah sedikit, tikus.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dapat banyak!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cuma tikus ada tiga sahaja. Bercakaplah kalau hendak bercakap. Saya bagi contoh, timbulkan masalah sosial. Takkanlah tiada langsung, macam pembantu *kiosk station*, dengan izin, stesen minyak. Takkanlah masyarakat kita atau belia kita tidak boleh melakukannya dari segi yang tidak memerlukan kemahiran.

Saya merasakan bahawa perlu ada satu *time frame* tentang tenaga luar yang kita ambil tenaga asing ini. Kebanjiran mereka akan menimbulkan masalah, Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial, bawa penyakit dan sebagainya. Dan juga mungkin timbul masalah-masalah lain dan mereka ini kalau sudah terlalu lama duduk di negara kita ini mungkin mereka bersembunyi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Soalan..., saya akan pergi kepada Yang Berhormat Menteri supaya dia faham. Saya sudah tanya banyak kali. Bukan kecewa, tidak. Sampai ke arah mengecewakan tidak akan sampailah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi, akan timbul masalah-masalah, Yang Berhormat. Orang akan ambil kesempatan atau ejen-ejen bawa masuk tenaga pekerja ini yang mungkin sengaja mengambil kesempatan seolah-olah kita masih memerlukan banyak lagi tenaga-tenaga asing.

Jadi apakah pihak Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia ini tidak ada satu jawatankuasa pemantauan yang bersepadu dengan kementerian-kementerian lain supaya jangan kita tunggu masa apabila berlaku masalah keperluan ini, sampai bila pun kita masih hendak bergantung kepada tenaga asing seolah-olah pekerja-pekerja kita, masyarakat kita tidak ada yang berkebolehan untuk melakukan kerja-kerja yang tidak memerlukan kemahiran. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang saya faham tentang aspirasi Yang Berhormat bagi Larut ini mengenai pekerja-pekerja asing yang ramai di negara kita ini, khususnya berkaitan dengan peluang-peluang pekerjaan sebagai pembantu restoran dan sebagainya. Memang itu merupakan satu hakikat globalisasi di mana seorang individu dia hendak mendapat pekerjaan di mana sahaja yang boleh bagi dia gaji yang lebih tinggi, misalannya bukan orang Malaysia tidak mahu bekerja sebagai pembantu restoran, mereka mahu bekerja dengan izin, sebagai *chef*, dengan gaji yang tinggi dan sebagainya. Kementerian Sumber Manusia akan terus memberi latihan yang cukup khususnya dalam bidang-bidang kemahiran yang diperlukan supaya pekerja-pekerja kita boleh mengisi jawatan tersebut.

Mengenai *time frame* untuk pekerja...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Nanti saya jawab dahulu. Mengenai *time frame* untuk pekerja-pekerja asing, soalan tersebut sudah banyak kali dibincang sama ada dalam Kabinet, dalam jawatankuasa mengenai pekerjaan asing dan kita harap dengan bantuan pihak majikan yang boleh menggunakan proses pengeluaran berteknologi tinggi di mana

kita boleh kurangkan keperluan terhadap pekerja-pekerja, *general purpose worker*, dengan izin, tetapi menggunakan pakar-pakar tertentu di mana boleh diisi oleh orang Malaysia. Jadi kita boleh atasi masalah tersebut.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Kita menghargai Kementerian Sumber Manusia ini kerana telah banyak membuat perkara-perkara kebaikan kepada rakyat, khususnya kepada tenaga-tenaga mahir.

Soalan saya mengenai dengan tenaga mahir ini didapati mereka kompelin di pusat-pusat 'bunch' teknologi ini, bayarannya kalau tidak salah, RM7.50 sahaja sehari dan mereka kompelin, dia kata RM7.50 amat kecil sekarang ini. Jadi saya mengesyorkan kalau dapat perkara ini dibesarkan kepada RM20 satu hari memandangkan ramai tenaga daripada anak-anak Melayu luar bandar ini memang susah hendak dapat peruntukan yang agak besar sedikit.

Satu lagi ialah mengenai dengan kontraktor yang mana mereka kata dua tahun terlampau singkat, kalau boleh dipanjangkan sampai tiga tahun. Bagaimana pendapat Menteri mengenai dengan perkara ini? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Mengenai elaun untuk pelatih ini, itu adalah satu isu yang perlulah kita kaji semula. Kalau boleh kita akan kaji kemungkinan supaya ia ditambah.

Berkaitan dengan kontraktor untuk dua tahun ini untuk menyediakan makanan, saya akan kaji kemungkinannya ia dipanjangkan. Saya juga bersetujulah kalau kita hendak seorang kontraktor yang berdedikasi, mempunyai komitmen, kita perlu mengkaji bagaimana kita boleh panjangkan sedikit supaya dia boleh mencapai prestasi yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tebrau ingin mengetahui rancangan kerajaan bagi membolehkan mereka yang telah bersara pada umur 56 tahun menyumbang kepada pembangunan ekonomi.

Yang Berhormat bagi Rembau pula ingin tahu bagaimana sekiranya umur persaraan dinaikkan kepada 65 tahun bagi pensyarah dan 60 tahun bagi jawatan-jawatan teknikal yang lain. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini, kerajaan sedang berusaha untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia negara. Usaha-usaha sedang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan lagi penyertaan pesara dalam pasaran buruh melalui pindaan undang-undang bagi memudahkan penyertaan pesara menggalakkan pengambilan pekerja sambilan dan pekerja kasual, menggalakkan masa kerja yang lebih fleksibel, mengadakan skim galakan kepada majikan yang menyediakan peluang latihan semula bagi memberikan kemahiran asas kepada para pesara yang ingin kembali berkhidmat.

Sukacita dimaklumkan bahawa Akta Kerja 1955 tidak menetapkan had umur persaraan pekerja. Namun begitu sekiranya umur persaraan telah ditetapkan dalam kontrak perkhidmatan, satu perjanjian bersama, maka pekerja perlu bersara pada umur yang telah ditetapkan. Umur persaraan pada 55 tahun merupakan satu amalan sahaja dan pelanjutan umur persaraan pada 60 tahun atau 65 tahun adalah atas budi bicara kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, apa hendak minta?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Sudah satu kali bagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan ketara, mengenai persaraan. Saya ingin membawa sikit pengetahuan kepada Yang Berhormat Menteri. Walaupun akta itu berkata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sabar Yang Berhormat, Menteri belum beri kebenaran.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *You* sudah tanya satu kali.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini mengenai persaraan, persaraan.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Saya bagi satu kali, akhir, *last time* lah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini mengenai perkara

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat juga berikan kuasa kepada Speaker, Speaker boleh gunakan juga.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tetapi tak apa, biar saya akan masuk-masuk seperti perlu. Yang Berhormat Menteri, walaupun Akta Pekerja itu mengatakan umur untuk persaraan itu tidak ditetapkan tetapi ada di akta tersebut yang mengatakan bahawa menteri berkenaan boleh membuat regulasi-regulasi mengenai persaraan. Kenapa hingga hari ini sudah 49 tahun, kerajaan termasuk Yang Berhormat Menteri tidak membuat apa-apa regulasi mengenai perkara tersebut. Walaupun beberapa kes telah dirujuk kepada mahkamah-mahkamah yang mengatakan bahawa memandangkan tidak ada regulasi yang dibuat oleh menteri, pandangan mereka berbeza satu kes ke satu kes yang lain.

Jadi pertanyaan saya adalah, bilakah kementerian atau menteri akan mengambil sedikit masa untuk membawa satu ketetapan yang senang untuk semua mengetahui bahawa ini adalah umur persaraan yang tertentu. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi, Kementerian Sumber Manusia berpendapat, umur persaraan ini lebih sesuai ditetapkan atas budi bicara di antara majikan dengan pekerja-pekerja kerana suasananya ada beza daripada satu kilang ke satu kilang yang lain. Misalnya kebanyakan kilang-kilang elektronik Amerika Syarikat, mereka mempunyai satu amalan iaitu semua mesti bersara pada umur 55 dan selepas itu mereka diberi peluang untuk berkhidmat sebagai *advisor* dan sebagainya. Ini adalah amalan mereka dan sebagai sebuah negara yang ingin menarik pelaburan asing, kita tidak mahu, kita izinkan amalan tersebut sedangkan mereka tahulah bagaimana mereka boleh gunakan pakar-pakar yang ada dengan optimumnya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tak Yang Berhormat, soalan, penjelasan. *Bargaining power*, dengan izin.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri belum berikan kebenaran. Yang Berhormat nak benarkan?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tak payahlah, saya sudah terangkan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri kata, dia sudah terangkan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ingin tambah sedikit.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Yang Berhormat bagi Lanang ingin mencadangkan supaya kerajaan memberi semula peruntukan bagi program latihan kepada rakyat menganggur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, menteri tak beri laluan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tolong, tolong beritahu menteri bahawa beliau berada di Dewan Rakyat, dia patut memberi jawapan. Di pembangkang, senang saya mengenai perkara tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau senang, tak payah tanya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, senang kepada saya, tapi mungkin Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Sudah jawab.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan Yang Berhormat Menteri, *bargaining power* kepada pihak swasta adalah beza, itulah sebab regulasi yang akta itu mengatakan bahawa kementerian patut membuat sesuatu regulasi. *Bargaining power* di sektor itu tidak ada, ada beberapa kontrak yang mengatakan hak mereka yang *dilimitkan* dengan izin, 50 umur pekerja-pekerja. Adakah ini berpatutan? Walaupun mereka berkhidmat, ingin berkhidmat hingga 56 tahun seperti di, sebagai kakitangan, di *civil service* tetapi di swasta tidak macam itu. Bolehkah kementerian menolong mereka? Ini bukan sahaja pandangan saya, MTUC pun berpandangan sedemikian.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil kiralah pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan kita akan bincang bagaimana kita boleh cari satu jalan, di mana kita boleh bincangkannya dengan pihak majikan menggunakan satu cara yang menggunakan pakar-pakar mereka yang ada dengan lebih optimumlah.

Sukacita dinyatakan Skim Perantisan yang telah dilancarkan oleh kerajaan sebagai salah satu langkah kerajaan untuk membantu belia lepasan PMR/SPM melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh industri tertentu bagi memperluaskan peluang pekerjaan mereka mendapatkan pekerjaan. Selain dari itu, skim ini juga bertujuan untuk meningkatkan penawaran tenaga kerja mahir di dalam negara sekali gus mengurangkan masalah pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Langat telah membangkitkan isu *Dictionary of Occupation and Titles* yang dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Sukacita dinyatakan bahawa Pengelasan Pekerjaan Kebangsaan Malaysia pertama yang telah dikendalikan sebagai *Dictionary of Occupational Classification* telah diterbitkan pada tahun 1969. Dokumen ini sentiasa dikemas kini selaras dengan pertumbuhan pesat pembangunan negara. Dan wujudnya pekerjaan baru atau terdapat pekerjaan yang tidak diperlukan lagi. Pada asasnya, pengelasan pekerjaan telah dirangka berasaskan kepada *International Standard Classification of Occupations 68* yang ditubuhkan, yang ditentukan oleh *International Labor Organization*.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Petani telah menyatakan bahawa pembangunan insan yang lengkap perlu diperkenalkan.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Langat.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Dictionary of Occupational Classification* yang telah pun diperkatakan itu sangat bagus. Saya meminta kalau boleh perkara-perkara ini dapat kita salurkan melalui Kementerian Pelajaran supaya kaunselor-kaunselor di sekolah dapat memberikan pandangan mereka terhadap pelajar-pelajar yang akan mengambil bahagian dalam pasaran kerja. Supaya kerja yang hendak dipilih akan dapat bersesuaian dengan *lifestyle* yang diminati dan juga bersesuaian dengan diri mereka sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Yang Berhormat bagi Kuala Langat ini yang dulu sebelum jadi menteri, merupakan seorang pegawai kanan di Kementerian Sumber Manusia, jadi dia tahu banyak berkaitan dengan *classification occupation* ini. Memang Kementerian saya akan bincang dengan Kementerian Pelajaran supaya di sekolah-sekolah pun kita boleh mengedarkan klasifikasi tersebut dengan tujuan pelajar-pelajar boleh dapat tahu dan boleh salurkan usaha mereka ke atas jenis-jenis pekerjaan yang amat diperlukan.

Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Petani telah menyatakan bahawa pembangunan insan yang lengkap perlu diperkenalkan mata pelajaran vokasional dari peringkat awal pendidikan persekolahan. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) bertindak menyelaras dan membangunkan standard program latihan kemahiran yang berasaskan kepada sektor industri yang berkembang dari masa ke semasa serta mempromosikan program latihan kemahiran tersebut. MLVK tidak terlibat dalam pembiayaan pusat bertauliah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ingin mengetahui sama ada caruman kepada PERKESO lebih sesuai daripada pembayaran levi yang dipraktikkan sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, caruman PERKESO dan pembayaran levi kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad adalah dua perkara yang berbeza. Caruman kepada PERKESO bertujuan untuk memberikan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja manakala levi kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad bertujuan untuk meningkatkan penyediaan latihan dan latihan semula di kalangan pekerja yang digaji oleh majikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah membangkitkan isu mengenai modal insan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Barat.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...Dan kini 60 ribu pelajar yang tercicir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:Dan beliau mengesyorkan agar kerajaan mewujudkan lebih banyak teknologi dan kolej-kolej berbentuk teknologi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat, Ipoh Barat bangun.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menyedari pembangunan modal insan terutamanya dalam meningkatkan mentaliti dan kapasiti intelektual adalah merupakan satu cabaran yang besar yang telah pun diambil kira dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kementerian Sumber Manusia mempunyai 27 buah institusi latihan perindustrian yang menjalankan kursus-kursus latihan kemahiran dan bercadang untuk membanyakkan bilangan tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: PERKESO. Yang Berhormat Menteri saya difahamkan

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Satu, akhir, ya?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, mengenai perkara itu sahaja. 11.2 juta pekerja di negara ini yang tidak bercarum untuk PERKESO adalah lebih kurang 4.5 juta. Ini lebih kurang 40% dan 4.5 juta pekerja di negara ini tidak ada apa-apa perlindungan PERKESO. Jadi, apakah yang dapat dibuat oleh kerajaan walaupun ada pencaruman atau tidak mereka diliputi dan diberi liputan supaya jika terjadi apa-apa mereka dapat pampasan atau diliputi oleh akta yang berkenaan kerana kegagalan beberapa majikan atau faktor-faktor yang lain yang walaupun menerima pencaruman tersebut tidak mencarumkan itu kepada PERKESO. Jadi, apakah tindakan yang telah diambil supaya semua pekerja di negara ini dilindungi oleh *no fault liability* situasi tersebut akan dicapai. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pekerja-pekerja yang diberi perlindungan di bawah Skim PERKESO ini merupakan pekerja-pekerja yang boleh dikatakan gaji mereka kurang daripada RM3,000 sebulan, bukan semua pekerja diberi perlindungan. Mereka yang bekerja sebagai pengurus eksekutif dan sebagainya kita tidak cover dalam Skim PERKESO. Skim PERKESO ini merupakan skim yang kita beri perlindungan kepada pekerja-pekerja yang secara amnya merupakan pekerja-pekerja kumpulan rendah di mana kerajaan mestilah ambil kira kes-kes seperti inilah. Jadi sungguhpun jumlah pekerja adalah lebih kurang 10 juta di negara kita, hanya lebih kurang lima juta yang merupakan ahli-ahli PERKESO yang aktif. Oleh sebab kebanyakan dulu sudah masuk Skim PERKESO dan selepas itu gaji mereka sudah naik dan mereka tidak perlulah menyambung kepada PERKESO kerana ada mereka telah keluar dari skim tersebut dan boleh dicover oleh pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat...., haiya! Ipoh Barat lagi membangkitkan isu masyarakat India yang mempunyai *the highest trouble rate* dalam sekolah, *the highest none entry in the university, the highest unemployment rate*, ingin

mengetahui kenapa ini terjadi serta langkah-langkah yang diambil bagi memberikan latihan perniagaan dan latihan kemahiran kepada masyarakat India, khususnya kepada golongan belia.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, masalah keciciran berlaku kepada setiap bangsa tidak kira kepada masyarakat India, Melayu, Cina dan bangsa-bangsa yang lain di negara ini. Sehubungan dengan itu, adalah baik sekiranya satu jawatankuasa bertindak untuk mengkaji terhadap fenomena ini dan satu resolusi serta tindakan diambil secara rasional bagi memastikan setiap masyarakat tidak ketinggalan. Sekarang Kementerian saya di dalam peringkat terakhir untuk menjalankan satu skim, khasnya untuk golongan-golongan yang tercicir dari sekolah kita. Kita ingin melaksanakan pengambilan kumpulan ini untuk latihan di bawah skim latihan yang dikendalikan oleh institut latihan perindustrian, di mana kita akan memperkenalkan kursus-kursus yang sesuai yang boleh diambil oleh mereka dan selepas itu mereka terus berfungsi sebagai pekerja yang mahir.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Petani telah membangkitkan isu...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, berkaitan dengan perkara yang saya telah bangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berkaitan dengan perkara yang dibawa oleh beliau.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Amat Berhormat membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan beliau telah mengatakan, saya baca apa dikatakan:

“Rakyat perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran, memenuhi keperluan majikan. Bagi tujuan ini latihan berfungsi, *functional training*, dengan izin, akan disediakan bagi pembekalan kemahiran spesifik kepada tenaga kerja supaya mereka kekal relevan dengan keperluan industri.”

Soalan saya adalah apakah *functional training* yang akan disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan terutamanya kepada masyarakat India memandangkan apa yang telah dijanjikan oleh kerajaan bahawa beberapa insentif-insentif yang tertentu akan diberi kepada masyarakat India, masyarakat Orang Asli dan bumi Sabah dan Sarawak.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, program latihan yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia adalah untuk semua bangsa, kita tidak ambil kira siapa dia, kalau dia mempunyai minat, dia ingin masuk kita bagi dia. Kita bukan saja bagi dia peluang, kita bagi dia seperti yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Krai, kita bagi dia elaun juga untuk mempelajari untuk mendapat latihan dan sebagainya. Kalau Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ada pemohon-pemohon dari masyarakat India bolehlah salurkan kepada saya melalui Dato' Seri S. Samy Vellu, kita akan terus memberi... *[Disampuk] [Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini tidak ada kena-mengena dengan... Yang Berhormat Menteri, boleh jawab perkara yang saya bangkit, *do you understand what I'm trying to say. What is a function training? Can you narrate to me in specific terms*

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Kita bagi banyak *functional training*. Kita bagi *training*.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, bukan. Mengenai bangsa *very simple*, bukankah pada 17 Julai 1999, kerajaan telah memberi satu *guaranty* bahawa pengambilan pelajar-pelajar India di India, di MTS Arumugam Pillai di Bukit Mertajam, Institut Kemahiran

di Nibong Tebal tetapi tidak..., *has not being fulfill, dengan izin*. Jadi, dengan spesifik boleh saya tanya, apakah itu *functional training*? Tolong beri secara spesifik.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, cukuplah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, atas usaha rakan-rakan kita dari MIC, Kementerian Sumber Manusia telah bina satu Institut Latihan Perindustrian di Nibong Tebal khususnya untuk membantu pekerja-pekerja atau anak-anak pekerja dari ladang dan institut tersebut telah dijadikan sebagai institut utama untuk bidang *printing*, percetakan dan kementerian saya telah memperuntukkan satu peruntukan yang begitu besar, RM80 juta untuk membeli peralatan yang termoden sekali untuk menjadikan institusi tersebut sebagai satu institusi latihan *printing*, percetakan supaya pelatih-pelatih apabila mereka keluar boleh bekerja sebagai pekerja mahir dalam bidang tersebut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Dan juga ada bidang-bidang yang lain di mana kita beri perhatian seperti mekatronik, seperti *textile*, semua itu merupakan *functional training* yang tidak akan sediakan untuk pelatih kita.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa apa yang diperjuangkan oleh MIC itu lebih berjaya untuk melindungi kepentingan masyarakat orang India yang hari ini sudah banyak berubah walaupun ada segelintirnya masih menafikan. Apakah Yang Berhormat juga ingin mengajak supaya Ipoh Barat mengubah sekiranya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekolah Tamil, Sekolah Tamil di Larut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekolah Tamil tidak ada kerusi dan meja...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini apa ini, saya minta penjelasan di sana.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya hendak beritahu kepada *you, you* tidak berani pergilah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa itu, duduklah tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Yang Berhormat bagi Larut, cukuplah, cukuplah. Saya hendak minta Menteri beralih kepada tajuk yang lain.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit di hujung sebab ini ada kaitan dengan tenaga, tenaga pekerja. Kita tahu bahawa usaha kementerian dengan modalnya peruntukannya begitu banyak. Hari ini pun kita tengok masyarakat India pun hasil perjuangan MIC banyak berubah. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada Ipoh Barat kalau boleh masuklah MIC. Apa pandangan Yang Berhormat?...
[Ketawa]

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Itulah cadangan saya, terpulang kepada dirinya untuk membuat satu pilihan yang bijak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua saya ada tanya mengenai *function training*, boleh saya jawab spesifik jawapan mengenai perkara itu.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Saya sudah jawab tadi, sebagai satu contoh kita ada *functional training* di bidang percetakan, contohnya di bidang industri plastik, di bidang *tools and die*, di bidang automatif *repairs* dan sebagainya. Ada banyak *functional training* yang kita sediakan sedangkan kita akan terus di Rancangan Malaysia Kesembilan untuk memperluaskan bidang-bidang tertentu supaya pekerja-pekerja kita boleh ceburi, dengan izin, *emerging sectors*, dengan peluang yang lebih luas ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Petani telah membangkitkan isu keputusan Syarikat Penerbangan Malaysia atau MAS, meminta bagi laluan penerbangan domestik yang diberi kepada Syarikat AirAsia atas motif keuntungan yang akan membawa nasib buruk kepada 6,500 kakitangan MAS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan akan sentiasa memastikan kakitangan syarikat yang terlibat dalam proses VSS ini akan dibayar pampasan yang sewajarnya memandangkan mereka telah memberi sumbangan yang penting kepada MAS. Memandangkan mereka telah mempunyai pengalaman kerja dalam sektor yang berkaitan, syarikat AirAsia digalakkan untuk mengambil mereka yang bekerja sekiranya syarikat berkenaan ingin menambah kakitangan mereka. Ini akan mengurangkan kos bagi melatih kakitangan yang baru.

Buat masa ini, Kementerian Sumber Manusia sedang membantu proses pemberhentian pekerja...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Nanti. ...Pemberhentian pekerja ini dan akan memastikan setiap langkah yang diambil oleh pihak pengurusan MAS mematuhi kehendak undang-undang yang berkuat kuasa termasuk pemberian faedah pampasan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang terlibat dengan pemberhentian ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ketika perbincangan saya ada mencelah tentang anggota kerja AirAsia yang telah bekerja lebih masa sehingga ke tahap 10 jam yang boleh menjejaskan keselamatan penumpang. Adakah pihak kementerian Yang Berhormat menerima laporan ataupun menyiasat perkara ini di mana mereka juga telah memperkenalkan elaun produktiviti kepada anggota kerja yang cuti sakit lebih daripada dua hari, mereka tidak akan dibayar *extra allowance* sebanyak RM500. Adakah kementerian Yang Berhormat telah menyiasat dan membentangkan laporan ini. Terima kasih

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kementerian saya belum terima dakwaan tersebut, namun demikian, saya akan memanggil pegawai saya untuk menyiasat dan kalau benar, memang kementerian saya akan ambil tindakan kerana semua ini adalah bercanggah dengan kehendak undang-undang.

Ahli Yang Berhormat bagi Bera membangkitkan isu mengenai masalah pekerja di ladang-ladang yang bergaji RM350 sebulan yang sudah tentu tidak munasabah dan tidak praktikal pada masa ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran gaji sebanyak RM350 sebulan yang disebut bukanlah merupakan gaji yang diterima oleh pekerja ladang. Sebenarnya bayaran ini merupakan pendapatan terjamin atau *basic monthly guarantee wage* yang telah dipersetujui oleh NUPW dan MAPA. Bayaran ini akan dibayar kepada pekerja ladang khususnya penoreh getah dan pekerja am sekiranya mereka tidak dapat bekerja kerana hujan dan sebagainya. Kalau nasib mereka buruk, dalam sebulan atau 30 hari, tiap-tiap hari hujan, dalam perjanjian ini sungguhpun mereka tidak bekerja sekurang-kurangnya mereka dibayar sebanyak RM350 sebulan.

Pada dasarnya, upah pekerja di ladang adalah berasaskan kepada daya pengeluaran dan hasil pengeluaran iaitu *productivity and output*. Selain daripada itu ia juga bergantung kepada harga barang pengeluaran mereka dalam pasaran. Oleh sebab hasil pengeluaran bergantung pada harga barang pengeluaran dan musim serta cuaca, maka gaji pekerja ladang mengalami kesan turun naik. Secara amnya, pendapatan seorang pekerja dalam ladang adalah di antara RM750 hingga RM1,500 bergantung pada pengeluaran dan harga barang seperti getah dan minyak sawit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas membangkitkan isu mengenai pekerja tempatan yang bekerja di negara lain seperti Singapura dan negara-negara yang lain. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi pasaran terbuka, setiap individu mempunyai kebebasan untuk memilih pekerjaan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kerajaan tidak boleh

menghalang mereka yang memiliki kemahiran atau kepakaran untuk bekerja di luar negara. Di antara sebab tenaga pekerja tempatan bekerja di luar negara adalah kerana faktor gaji yang tinggi. Gaji dan nilai mata wang yang tinggi seperti yang terdapat di Singapura telah menarik minat tenaga kerja kita untuk bekerja di sana.

Ahli Yang Berhormat bagi Ampang mencadangkan supaya kerajaan mengiktiraf konsep "*small office, home office*". Sukacita dimaklumkan Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah untuk menganjurkan seminar berkaitan dengan yang berkaitan bertujuan meningkatkan kesedaran para majikan dan rakyat kita terhadap kepentingan *small office, home office*.

Kementerian saya pada dasarnya bersetuju dengan konsep bekerja ini kerana dengan cara ini negara dapat mengoptimumkan penggunaan sumber manusia terutamanya melalui penglibatan kaum wanita dan ibu tunggal dalam kerjaya. Perkara yang berbangkit daripada konsep *teleworking* adalah sama ada pekerja-pekerja ini diliputi di bawah peruntukan undang-undang perburuhan yang sedia ada. Sehubungan dengan itu kementerian saya sedang mengkaji peruntukan undang-undang dari segi waktu kerja, kemudahan cuti rehat dan lain-lain agar ia turut terpakai untuk golongan pekerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, dasar penggajian pekerja asing di negara ini telah menetapkan bilangan pekerja asing yang boleh digaji oleh seseorang majikan berasaskan kuota dan keseimbangan di antara pekerja asing dengan pekerja tempatan. Setiap majikan hanya dibenarkan mengambil pekerja asing tidak melebihi 50% daripada jumlah pekerja tempatan yang sedia ada di dalam kategori pekerjaan yang sama. Kerajaan telah mengarahkan kepada kementerian agar menempatkan satu komuniti pekerja asing yang besar di suatu tempat dengan kemudahan tempat tinggal atau asrama yang mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti berpagar dan melantik pegawai keselamatan yang bertugas 24 jam dengan bilangan anggota yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat membangkitkan isu...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Ada apa lagi, Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berkaitan dengan pekerja asing. Ini satu perkara yang mustahak, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap Yang Berhormat akan mengambil perhatian. Perkara yang mustahak ialah mengenai pekerja asing yang diambil di mana pekerja rakyat tempatan dianaktirikan. Di tempat-tempat yang utama adalah di tempat-tempat strategik seperti pelabuhan-pelabuhan, lapangan terbang dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat tahu *order paper*, Yang Berhormat bagi Jasin membawa satu *motion* untuk perkara ini sangat panjang lebar. Apakah pandangan kerajaan mengenai perkara ini? Adakah ia akan dibenarkan dan supaya pekerja-pekerja negara ini tidak diberi keutamaan walaupun mereka sedia untuk berkhidmat tetapi pekerja-pekerja asing diberi lebih peluang hingga baru-baru ini di Pelabuhan *North Port* di mana ada dikatakan pekerja-pekerja asing diberi keutamaan hingga pekerja-pekerja dalam negeri telah disingkir dan apakah pandangan dan apakah tindakan kerajaan dalam perkara ini.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan usul yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Jasin itu memang saya dapati bahawa lebih wajar kita tunggu usul itu naik baru kita boleh bincang tetapi dari segi keseluruhannya kementerian saya memang mengambil berat tentang keutamaan yang perlu diberi kepada pekerja-pekerja tempatan. Untuk menentukan ke arah ini, baru-baru ini Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing telah bersetuju dengan cadangan kementerian saya iaitu sebelum sebuah syarikat diberi izin untuk mendapat pekerja asing, syarikat tersebut perlulah menawarkan kekosongan atau peluang pekerjaan tersebut kepada *Electronic Labour Exchange* supaya ia boleh diisi oleh pencari-pencari kerja yang telah mendaftar dalam *Electronic Labour Exchange*, dan tempoh yang kita tetapkan untuk kilang-kilang ialah satu bulan, syarikat-syarikat perkhidmatan dua minggu dan untuk ladang selama seminggu.

Dengan adanya skim tersebut, kita akan terus memberi keutamaan kepada pencari kerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jasin, tunggulah. Bila usul naik kita bincang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan. Ini lain Tuan Yang di-Pertua, bukan fasal usul yang bawa ini. Berkenaan dengan syarat baru tadi yang mana Jawatankuasa Kabinet meletakkan syarat bahawa mana kilang-kilang yang memerlukan pekerja sebelum diluluskan oleh untuk pekerja asing, minta supaya di iklan ataupun diberitahu tetapi, dalam praktiknya biasanya kilang-kilang ini dia memang betul dia buat iklan. Malangnya iklan itu dia gantung mana-mana ambil gambar beritahu kemudian. Saya sudah iklan. Dalam masa sebulan dah dapatlah kelulusan pekerja asing. Ini yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, dekat Merlimau, tempat saya, saya pernah bincang dengan Dato'. Tempat tidak ada orang diletakkan iklan, selepas itu dia ambil gambar dia beritahu dengan kementerian kita sudah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan untuk mengiklankan.

Akhir sekali kerajaan pun bagi dia buruh asing. Yang ini saya hendak minta kementerian perhatikan. Yang kedua, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kursus kepada pekerja-pekerja asing yang mana disyaratkan menghadiri kursus di negara asal dia. Saya hendak tanya setakat hari ini berapa negara dah jalan kursus ini dan apa kriteria yang digunakan oleh kementerian untuk membenarkan syarikat menjalankan kursus-kursus ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua terima kasihlah Ahli Yang Berhormat bagi Jasin ini. Memang kita sedar, kementerian saya sedar ada syarikat-syarikat tertentu yang dengan izinlah *advertise* terlalau kecil sahaja dan selepas itu bagi tahu kita sudah *advertise* tidak ada pencari kerja tempatan.

Oleh kerana untuk mengatasi masalah ini sekarang kita paksa syarikat-syarikat tersebut, semua syarikat sebelum dia diberi izin untuk mengambil pekerja asing, kekosongan tersebut perlulah ditawarkan melalui *Electronic Labour Exchange* kita. Jadi, pencari-pencari kerja yang telah mendaftar boleh melalui *Electronic Labour Exchange* menawarkan diri dia dan dengan itu kita boleh kurangkan pengambilan pekerja asing. Saya rasa bangga kerana atas langkah tersebut yang diambil kita dapati bahawa lebih kurang 25 peratus *our own quarter* dengan izin, kekosongan tersebut dapat diisi oleh pekerja-pekerja tempatan. Berkaitan dengan kursus induksi dan juga pusat-pusat...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan..

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...Yang diizinkan untuk melaksanakan kursus induksi tersebut. Pada masa sekarang ini kementerian saya telah luluskan saya ingat..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua, Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Bangun]

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran dan Bagan.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ha, okey baik-baik saya jawab inilah..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat banyak lagi Yang Berhormat. Menteri banyak lagi.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ha..

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Saya mahu habiskan ni, saya mahu cepatkanlah..

Tuan Yang di-Pertua: Cepatkanlah.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Jadi, pertanyaan tu akhirlah..

Tuan Yang di-Pertua: / kesian pada kementerian lainlah..

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Okey, Tuan Yang di-Pertua, sudah bagi saya amaran ni, jadi sila okey. Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri, dua juta pekerja asing di Malaysia di negara ini adalah satu bilangan yang besar, amat besar. Selain daripada strategi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat Menteri tadi untuk menggalakkan syarikat-syarikat untuk mengambil pekerja tempatan.

Apakah lagi insentif-insentif lain yang kerajaan berikan kepada syarikat-syarikat ini supaya mengambil pekerja tempatan. Saya bagi satu contoh misalan negeri Sabah kita mempunyai 40 agensi pekerjaan dan untuk merekrut satu orang pekerja asing mengambil masa berbulan-bulan. Jadi, lebih senang bagi syarikat ini ambil sahaja yang pendatang tanpa izin, sebab berbulan-bulan dan saya ingin tahu sebenarnya Yang Berhormat apakah kementerian, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian Yang Berhormat untuk memastikan supaya pengambilan proses pengambilan pekerja asing ini dipendekkan daripada beberapa berbulan-bulan sehingga katakan seminggu.

Kenapa begitu lama sangat dan akhir sekali, kenapa di negeri Sabah ini aneh sangat untuk mempengerusikan jawatankuasa pengambilan pekerja asing di negeri Sabah mestilah dipengerusikan oleh *Task Force* dan bukan Jabatan Buruh ataupun Jabatan Imigresen. Saya ingin tahu apakah pendirian dan pandangan kementerian Yang Berhormat dalam soal ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang pendirian kementerian saya ialah kita tak mahu susahkan semua pihak majikan atau pekerja tempatan, sedangkan kalau semua majikan bagi keutamaan kepada pekerja tempatan. Kalau sebenar-benarnya tidak ada pekerja tempatan boleh mengisi kita perlulah izinkan syarikat tersebut mengambil pekerja asing supaya dia boleh terus berfungsi. Keadaan di negeri Sabah ini merupakan satu keadaan yang kita perlulah kaji dengan lebih teliti kerana dengan izin, *border* tersebut banyak *loosenya* dan pekerja-pekerja boleh masuk, senang masuk keluarnya. Jadi, dalam keadaan tersebut senang sahaja mereka dapat bekerja tanpa izin. Jadi, kementerian saya akan beri pandangan Yang Berhormat pada...

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat tidak jawablah soalan saya. Soalan saya Yang Berhormat, untuk mengambil pekerja asing di Sabah jawatankuasa itu mesti dipengerusikan oleh *Task Force*. Kalau di Sarawak atau di sini dipengerusikan oleh Jabatan Buruh atau Jabatan Imigresen itu persoalan saya. Kenapa, kenapa mesti di pengerusi oleh Nasional *Task Force* di Sabah satu, dan yang kedua akibat daripada itu dia mengambil masa begitu lama, berbulan-bulan dan soalan saya tadi apa Yang Berhormat sudah buat sebagai Menteri Sumber Manusia, itu saya punya persoalan. Jangan cerita fasal ini sempadan, jangan cerita lain..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...itu saja soalan dia. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan fungsi dan tanggungjawab *Task Force* negeri Sabah itu saya rasa itu adalah merupakan satu keputusan yang dibuat oleh kerajaan dengan persetujuan kerajaan negeri. Namun demikian saya akan suarakan pendapat Ahli Yang Berhormat sama ada dan haraplah kita boleh buat sesuatu untuk mempercepatkan proses ini supaya tidak mahu menggalakkan lebih ramai pekerja tanpa izin ini. Saya, saya akan cepat, cepatkan....

Tuan Yang di-Pertua: Bagan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan..

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Perlukah?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Bangun, okey.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Lama-lama satu kali sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata keutamaan peluang kerja akan diberi kepada orang-orang tempatan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri dan juga Menteri Pengangkutan yang ada dalam Dewan ini ambil perhatian dalam hal *rationalize* MAS yang secara rombakkan VSS akan ditawarkan kepada kakitangan-kakitangan MAS.

Jadi, saya mendapati jawapan kepada soalan lisan di Dewan bahawa terdapat ada 300 lebih orang pramugara pramugari ada digaji oleh MAS untuk berkhidmat dalam pesawat-pesawat. Jadi, dalam *rasionalize*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sebenarnya tadi, kalau semasa kita bangkitkan masalah MAS Yang Berhormat patutlah keluarkan soalan ini.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ini baru saja menteri ada jawab peluang pekerjaan akan diberi kepada orang tempatan. Jadi, dalam hal ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dan juga Menteri Pengangkutan turut memandang berat berkenaan dengan hal ini. MAS mengambil warganegara China, kononnya mereka boleh bertutur dalam bahasa Mandarin dan bahasa China takkan Malaysia tak ada orang tempatan yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin dan bahasa China... [Ketawa] Dan juga di *Western Country*, mereka mengambil orang-orang dari *Western Country* takkan Malaysia tidak ada orang boleh bercakap dalam *Western Language*?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Anak Yang Berhormat ada pramugari MAS.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Itu lain hal. Saya bukan perjuangkan untuk seorang tetapi untuk semua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Anak Yang Berhormat pun pramugari MAS.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya tidak bangkitkan hal ini. Saya minta Yang Berhormat mengambil berat tentang usaha-usaha MAS hendak mengurangkan kakitangan-kakitangan mereka ini.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, kita bukan sahaja mengambil berat, kementerian saya akan terus berbincang dengan majikan dan juga pihak pengurusan dan juga pihak persatuan MAS dan juga Air Asia bagaimana kita juga boleh tentukan bahawa dalam keadaan yang susah ini kita boleh jaga kebajikan....

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri berapa minit lagi?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya, ya, saya akan habiskan. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah mencadangkan supaya caruman PERKESO diperluaskan kepada pekerja asing dari berbagai-bagai sektor. Sukacita dinyatakan bahawa pada 1 April 1993 semua pekerja asing telah dikecualikan daripada....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Menyampuk]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan bising-bisinglah Yang Berhormat. Yang Berhormat bising-bising mana boleh dengar. Saya pun tidak boleh dengar sebab Yang Berhormat bising-bising.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...Itupan Akta Sosial Pekerjaan 1996 atas sebab sukar mengesan waris-waris penerima faedah di seberang laut untuk pembayaran pampasan. Berikutan keputusan PERKESO memberhentikan litupan bagi pekerja asing kementerian ini telah mengambil tindakan meminda Akta Pampasan Pekerja 1952 untuk memberi perlindungan sewajarnya kepada pekerja-pekerja asing yang sah.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gantang telah membangkitkan isu pembangunan modal insan dan mencadangkan bagi melahirkan modal insan yang bermutu tinggi kita mesti meletakkan *the right man for the right job*, dengan izin, *to teach the right things* bagi memastikan kualiti modal insan. Dalam usaha untuk membangunkan modal insan bahagian

Tabung Pembangunan Kemahiran kementerian saya ini telah melaksanakan pembiayaan pinjaman latihan kemahiran bagi pelatih-pelatih daripada pusat-pusat awam dan swasta yang telah ditauliahkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Pusat-pusat bertauliah ini boleh memohon pinjaman latihan bagi pelatih-pelatih yang mengikuti kursus-kursus yang telah diluluskan.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini yang tidak sempat saya menjawab dalam masa yang singkat ini....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sikit, sikit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tangga Batu, Tangga Batu. Berkenaan dengan Tabung Kemahiran. Saya cuma hendak tahu apakah dasar kementerian tentang pusat-pusat ataupun akademi-akademi kemahiran yang telah digagaskan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Adakah sebarang polisi yang boleh membantu akademi-akademi kemahiran. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Memang bahagian tertentu telah meletakkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh pusat-pusat. Dalam konteks ini memang kita akan beri keutamaan kepada pusat-pusat yang dianjurkan oleh kerajaan khususnya kerajaan negeri dari segi memberi latihan yang sempurna kepada pelatih-pelatih.

Saya ingin memaklumkan bahawa kementerian saya amat menghargai

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...Semua pandangan dan komen yang telah dikemukakan ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: ...Kepada Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, saya hendak tanya perkara yang beliau

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Biar, biar, tak apa. Dia tidak perlu jawab tetapi ini menunjukkan

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak perlu jawab, tak payahlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, bila kita cakap menteri tak mahu jawab dia melarikan tugas dia, itu yang mustahak. Bukan....

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekejap, tak cukup.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri sudah habiskah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Barat berdiri atas apa ni, atas aturan apa dia berdiri?

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri sila.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Industri kos tidak ada jawapan langsung.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya mengambil kesempatan di sini

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Menyampuk]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Menyampuk]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan tolong sama dialah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Betul saya cakap, bila saya tanya soalan Tuan Yang di-Pertua tutup.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat dengar sama saya, bila saya cakap berapa kali sudah..., macam mana saya boleh cakap...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Macam mana saya boleh cakap..

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta Yang Berhormat duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya boleh duduk...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri telah habiskan jawapan beliau. Yang Berhormat hendak beritahu atas apa, atas mana satu aturan mesyuarat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kenapa dia tidak mahu jawab?

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia sudah habis jawapan. Sila duduk, sila duduk. Jangan cabar saya Yang Berhormat. Duduk, duduk Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat 35. Sila duduk. Hei, Peraturan Mesyuaratlah. Samseng kah!

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat 31.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup, cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya hendak sebut di sini dia mencabar Speaker. Tidak boleh buat begitu, mencabar Speaker.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mencabar Speakerlah, apalah Ipoh Barat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Macam mana Ipoh Barat ini tidak belajar kah? Datang sini kita bagi kursus.

[Dewan riuh]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan cabar Speakerlah.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sudi memberi perhatian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan. Seramai 14 orang Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan atau cadangan berkaitan peranan serta tanggungjawab kementerian ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat bagi

Ipoh Timur, Mambong, Santubong, Putatan, Bukit Bintang, Jasin, Sri Gading, Ayer Hitam, Setiu, Kuala Krau, Baram, Kanowit, Kuala Selangor dan Seputeh.

Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan Ahli Yang Berhormat bagi Mambong telah membangkitkan mengenai status penyediaan Rang Undang-undang Bio Keselamatan Negara atau *National Bio Safety* dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini telah diluluskan oleh Kabinet dan akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Mambong juga telah mengemukakan pertanyaan....

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, saya minta Yang Berhormat Ipoh Barat kena ada budi bahasa sikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, gunakan kuasa sebagai Speakerlah.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berbudi bahasa sikitlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau dia tidak ada budi bahasa keluarkanlah dia dari Dewanlah Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh terima kalau dia tidak ada budi bahasa. Keluarkanlah, Tuan Yang di-Pertua ada kuasa, guna kuasalah. Tuan Yang di-Pertua bagi saya kuasalah kasi dia keluarlah.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ipoh Barat kita bagi kursuslah. Datang sini kita beri kursus.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

[Dewan riuh]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Mambong juga telah mengemukakan tentang perundangan bagi kawal selia akses kepada sumber-sumber kepelbagaian biologi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu akta mengenai akses dan perkongsian faedah atau *benefit sharing* sedang digubal dan akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini setelah proses perundangan dengan pihak-pihak berkepentingan diselesaikan. Akta ini akan mengambil kira perkembangan terbaru di peringkat antarabangsa untuk membentuk satu rejim antarabangsa mengenai akses dan perkongsian faedah di bawah konvensyen kepelbagaian biologi dengan izin, *Convention of Biological Diversity*.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang mempersoalkan kemampuan Sungai Kerayong untuk menampung air dari projek Smart apabila siapnya projek tersebut dan mencadangkan supaya dipercepatkan dan dipertingkatkan projek tambatan banjir di Sungai Klang dan Sungai Kerayong.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada masa ini keupayaan Sungai Kerayong hanya mampu menampung hanya kira-kira 50% dari kuantiti air larian banjir dari kawasan tadahannya. Untuk mengatasi masalah tersebut kerajaan sedang melaksanakan projek tambatan banjir Sungai Kerayong yang meliputi kerja naik taraf sungai untuk meningkatkan keupayaan serta kolam takungan banjir berhampiran Flat Sri Johor untuk menahan air larian banjir daripada projek SMART kelak. Kerajaan juga bersetuju dan komited dengan cadangan Ahli Yang Berhormat bagi mempercepatkan dan meningkatkan pelaksanaan kerja-kerja tambatan banjir Sungai Kerayong dan Sungai Klang.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga menyentuh kemungkinan sama ada ancaman banjir di Lembah Klang dapat diatasi pada tahun 2020 memandangkan beberapa kejadian banjir yang dahulunya hanya berlaku di pusat bandar Kuala Lumpur, kini telah

merebak ke kawasan Petaling Jaya dan Shah Alam. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada umumnya ancaman banjir di Lembah Klang akan dapat diatasi menjelang tahun 2020.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang, Jerai Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, hendak bertanya sedikit boleh.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di mana ada masalah air tercemar, Yang Berhormat Menteri sampai. Cuma banjir sahaja Yang Berhormat Menteri tidak turun lagi... [Ketawa]

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian mengkaji secara keseluruhan sebab-musabab berlaku banjir dan tanah runtuh dan sebagainya kerana saya dapati bahawa disebabkan oleh pembangunan yang keterlaluan tanpa mengambil kira alam sekitar menyebabkan banjir kilat berlaku. Jadi, apakah pihak kementerian akan menggunakan kuasa atau meminta kuasa daripada Dewan Rakyat ini supaya kuasa muktamad dalam meluluskan sesuatu pelan mengikut alam sekitar ini mesti daripada pihak kementerian dan kalau ada kuasa, kalau kuasa itu fasal apa tidak gunakan kuasa itu?

Kerana sekarang ini air Tuan Yang di-Pertua, orang hendak tidur malam berasa takut.

Beberapa Ahli: Air. Air. Air.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Air, air, air ini... [Ketawa]
Air ini kalau dia naik tengah malam, orang tengah tidur

Seorang Ahli: Air bukan *ayaq*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:Orang tengah nyenyak tidur, tahu-tahu air masuk dalam rumah. Katil boleh berjalan, banjir. Yang ini yang orang takut. Duduk Kuala Lumpur sekarang ini orang takut. Nilai harga sudah jatuh sebab kos kerana bah. Adakah Yang Berhormat akan mengkaji supaya benda ini diselesaikan.

Saya tengok macam projek SMART, kerajaan berbelanja berbilion ringgit. Yang untung *developer* yang buat projek, yang rugi kerajaan, rakyat menanggung. Yang ini tidak betul Yang Berhormat Dato' Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat tadi yang menyebut tadi mengenai banjir kilat. Sememangnya antara sebab-sebab banjir kilat berlaku ialah kepesatan pembangunan dan yang ketara ialah kecenderungan pihak pemaju perumahan yang dinasihati oleh *engineer-engineer* yang berkelulusan untuk membuat apa yang dikatakan *cut and fill* di tempat lurah-lurah laluan air ditimbus, ditambun dengan tanah dan digunakan untuk dibangunkan bangunan.

Maka air hujan datang dan lurah-lurah berkenaan tidak lagi dapat digunakan oleh air, maka aliran air menjadi banjir kilat. Ini yang sememangnya berlaku. Maka inilah yang dicadangkan beberapa tahun yang lalu oleh bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir mengatakan bahawa pihak pemaju sepatutnya mengelak daripada menambun dan menimbus kawasan-kawasan lurah laluan air tetapi bagaimanapun pihak kementerian saya di bawah JPS iaitu Jabatan Perparitan dan Saliran, sentiasa mengkaji dan kita mencadangkan di Lembah Klang ini pada tahun 2020 dengan rancangan yang akan saya baca sekejap lagi kita dapat mampu agaknya untuk menampung sebahagian besar daripada banjir kilat yang berlaku.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Bintang bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Okay Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya apakah langkah yang diambil oleh kementerian Yang Berhormat bahawa di Sungai Kerayong oleh kerana bila hujan lebat kawasan saya di Bukit Bintang khususnya perumahan *Razak Mansion* yang sering dilanda banjir apabila hujan lebat dan juga kawasan rumah panjang di tepi Sungai Kerayong itu ditenggelami air sedalam tiga kaki. Adakah langkah yang diambil dalam masa pendek ini bahawa cadangan kepada DBKL bahawa penduduk rumah panjang haruslah dipindahkan ke rumah BPR sebab sering dibanjiri oleh air apabila hujan lebat. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, mengenai soal rumah panjang dan penduduk-penduduknya, saya akan membawa perkara ini kepada DBKL dan pihak-pihak yang terlibat tetapi memang Sungai Kerayong pada hari ini seperti yang telah saya bacakan tadi hanya dapat mampu menampung 50% sahaja daripada air. Ada program yang akan saya bacakan sekejap lagi dan telah pun saya sentuh mengenai kolam air di Flat Sri Johor yang sedang dan akan dibina dan juga akan diperbesarkan di permukaan sungai yang bertemu dengan Sungai Klang untuk diperbesarkan. Diharapkan dengan projek berkenaan masalah Sungai Kerayong akan dapat diatasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada umumnya ancaman banjir di Lembah Klang akan dapat diatasi menjelang tahun 2020 apabila projek-projek tambatan banjir utama seperti projek Smart, projek kolam-kolam takungan banjir Batu dan Jinjang dan program tambatan banjir Lembah Sungai Klang siap dilaksanakan sepenuhnya. Bagaimanapun faktor-faktor lain...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit Yang Berhormat. Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak bertanya sedikit sahaja kepada Yang Berhormat tentang Yang Berhormat mengatakan bahawa masalah banjir dan ancaman banjir ini di Lembah Klang, di tempat lain itu mungkin Yang Berhormat akan ulas kemudian akan selesai menjelang tahun 2020.

Seolah-olah selari dengan negara kita akan menjadi negara maju menjelang Rancangan Malaysia Kesembilan selepas kita selesai mengadakan. Apakah asasnya Yang Berhormat. Saya bimbang nanti, pembangkang akan menjadikan ini sebagai seolah-olah kita sengaja mengada-adakan, jadi minta faktor yang boleh mengatakan bahawa ancaman banjir di Lembah Klang ini akan dapat diatasi berasaskan apa? Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya untuk membina asas-asas infrastruktur yang mampu mengatasi masalah banjir ini memakan masa dan dijangkakan dalam tempoh 10 tahun atau 15 tahun. Maka ditetapkan atau diletakkan tahun 2020 itu sebagai tahun yang semuanya ini akan dapat diatasi.

Bagaimana pun faktor-faktor lain seperti pembangunan pesat di kawasan tadahan pembangunan yang tidak dirancang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: ...Tidak terkawal. Sekejap saya habiskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak mengapalah ini sama dengan Larut ini. Kalau maknanya ini selesai tahun 2020...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, menteri belum bagi.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Boleh saya habis. Nanti saya hendak sambung susah Tuan Yang di-Pertua. Sekejap ya? Walau bagaimanapun faktor-faktor lain seperti pembangunan pesat di kawasan tadahan, pembangunan yang tidak terancang atau tidak terkawal, pembangunan di dataran sungai, sistem perparitan setempat yang tidak sempurna boleh mengakibatkan kewujudan kawasan-kawasan baru yang mudah dilanda banjir. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading, sekarang Yang Berhormat Menteri sudah bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk menambah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, sila teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa Yang Berhormat bagi Larut bangkitkan tadi kalau Yang Berhormat Menteri kata boleh diselesaikan tahun 2020, tidak tahu siapa yang ada. Saya dalam Dewan ini, saya adalah. Yang lain tidak tahu sama ada atau tidak, saya tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum lagi Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya insya-Allah adalah. Selama 15 tahun ini, azablah semua sekali orang ini. Asyik tenggelam, tenggelam. Tiap-tiap kali tenggelam Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, penyeksaan kepada rakyat, kerugian berjuta ringgit. Hampar dia, kereta dia, bukan satu kerugian yang kecil dan pihak kementerian jangan anggap ini perkara yang ringan. Saya tidak faham kalau sewaktu jabatan cuma boleh menangguhkan kerja sampai tahun 2020, kebanyakan dalam Dewan ini, wallahualam termasuk Yang Berhormat Menteri tidak tahulah mudah-mudahan Yang Berhormat Menteri panjang umurlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak apa dengan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya harap ini disegerakan. Ini masalah yang memang berlaku hari-hari Tuan Yang di-Pertua. Saya melihatlah rakan-rakan yang mengalami bahawa ini Tuan Yang di-Pertua, hendak membersihkan lumpur yang masuk dalam rumah dia itu pun satu azab yang..., Allah-huakbar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia punya hampar, dia punya gerobok dia, dia punya TV, dia punya radio dia, dia punya peralatan rumah tangga.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sudah faham Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah, faham itu fahamlah. Kalau tidak buat apa benda fahamnya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta bagi peluanglah bagi Yang Berhormat Menteri jawab... [Dewan riuh]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Okay terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading, terima kasih. Sebenarnya sekiranya kita mendapat peruntukan kewangan yang cukup, memang dapat dilaksanakan sebelum tahun 2020. Cuma belanjanya begitu tinggi, *SMART Tunnel* sahaja belanjanya RM1.6 bilion hampir RM2 bilion. Itu satu sahaja. Kalau dapat kita mendidik masyarakat kita supaya tidak lagi membuang sampah-sampah di sungai dan sebagainya, program ini kalau berjaya, kita dapat juga membantu mengelak daripada sampah-sampah ini tersumbat menjadikan saluran air itu tersumbat, maka itu juga akan membantu mengurangkan banjir kilat.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kita patut menyelesaikan dalam tempoh yang lebih singkat, cuma Yang Berhormat minta sokong kalau ada wang, kalau Kerajaan Pusat ada wang itu dapat kita dapat laksana dengan lebih cepat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong bangun Yang Berhormat. Ada tiga yang bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sambung sedikit Yang Berhormat, Yang Berhormat, yang mana ini?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Serdang dululah.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Apa yang Yang Berhormat Menteri jelaskan tadi berkaitan dengan fakta-fakta kejadian banjir berlaku akibat pembangunan pesat yang berlaku di Lembah Klang. Saya difahamkan undang-undang atau peraturan oleh JPS tidak ada kuasa untuk menguatkuasakan, sebab ia adalah di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan untuk mengambil tindakan terhadap pemaju-pemaju bagi menentukan *retention pond* untuk menahan air terus masuk. Jadi, oleh kerana keputusan itu tidak dapat dibuat oleh pemaju maka banjir kilat telah berlaku. Adakah pihak kementerian akan mengambil tindakan untuk memindahkan atau mendapat kuasa yang cukup bagi JPS untuk menjalankan kerja-kerjanya dan jangan bergantung kepada pihak berkuasa tempatan sahaja?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Serdang, cuma yang dimaksudkan ialah pertindihan kuasa. Ada kuasa di peringkat Pusat, ada kuasa di peringkat negeri, ada juga kuasa yang diberikan di peringkat kerajaan tempatan. Ada juga kawasan-kawasan yang di luar kuasa-kuasa. Jadi, ini adalah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh saya sambung sedikit?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Minta maaf! Sekejap. Jadi, bersetuju dan ini yang sedang dikaji sekarang, di manakah kelemahan yang ada kita akan cari jalan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya sambung Yang Berhormat bagi Sri Gading semula. Tentang masalah sungai ini, saya faham peruntukan tidak cukup. Itulah yang sering kali kita bagi. Saya hendak cadangkan di sini, kita banyak agensi yang ada, kalau boleh, yang tadi Yang Berhormat ada sebut pasal pendidikan, kita gunakan tentera. Satu jawatankuasa bersepadu, kita kerahkan tentera bersama dengan rakyat, NGO, kita bersihkan sungai. Bukan tidak boleh buat, Yang Berhormat... *[Disampuk]* Gotong royong. Tidak perlulah kita..., saya tidak salahkan Yang Berhormat memang turun padang, memang saya akui. Kita buat gotong-royong. Kerja gotong-royong ini bukan satu kerja yang jijik, ini satu kempen pendidikan yang mulia. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju hendak mencadangkan supaya perkara ini dapat disepadukan. Dengan jawatankuasa yang ada, kita minta kepada Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Pertahanan, kita kerahkan tentera yang ada membersihkan sungai-sungai, mungkin Sungai Klang dan sungai-sungai yang lain.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Rela!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Rela, NGO mana-mana agensi yang ada. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya bersetuju, Yang Berhormat, kita akan bincangkan. Saya akan bawa perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih. Yang Berhormat bagi Mambong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ini juga tentang banjir kilat, Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kerajaan seharusnya tidak melihat daripada *short term period*. Ini kerana kalau kita lihat daripada jangka masa pendek kita tidak boleh menyelesaikan masalah ini. Seperti apa yang Yang Berhormat bagi Sri Gading katakan tadi mungkin dalam tahun 2020 hanya dia sahaja yang ada di dalam Dewan ini.

Jadi, kita mesti melihat dan merancang jangka panjang. Siapakah yang meluluskan struktur plan untuk bangunan-bangunan, untuk pekan-pekan dan jika meluluskan struktur plan ini di manakah bangunan-bangunan itu terletak. Sama ada ia terletak di dalam flet *plan* seperti di Kuala Lumpur ini. Kita sudah tahu Kuala Lumpur ini adalah di Lembah Klang. Lembah, lembah, namanya sudah lembah dan jika ada hujan memang dia banjir, sekarang tambah lagi bangunan sudah banyak, memang sudah banyakkah banjir kilat. Ini satu masalah. Itulah sebabnya saya selalu mencadangkan agar keperluan alam sekitar mesti dimasukkan di dalam perancangan bandar. Jangan menggunakan EIA sahaja, EIA ini *ad hoc*, yang penting adalah perancang di dalam kerajaan merancang bandar dan kawasan-kawasan pembangunan, perumahan dan sebagainya, keperluan alam sekitar mesti masuk sama. Jangan memberitahu kepada Jabatan Alam Sekitar bahawa ini satu projek, EIA diperlukan. Itu tidak mencukupi, Yang Berhormat, untuk menyelesaikan masalah banjir, lebih-lebih lagi banjir kilat. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Kalau saya hendak berbincang mengenai Akta Perancangan Bandar ini panjang sebab pada tahun 1996 sudah ada pindaan yang juga menentukan bermacam-macam cara dan tegahan-tegahan dari segi pemotongan bukit, tebingan pokok dan sebagainya, cuma ada kelambatan sedikit bagi pihak negeri-negeri untuk mewartakan.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun. Yang Berhormat bagi Maran dan Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Sekejap, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum bagi lagi.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Jadi, Yang Berhormat, saya akan bincang perkara ini dengan jawatankuasa yang terlibat mengenai alam sekitar supaya di mana ada kelemahan dan undang-undang yang perlu dilihat semula, kita akan lihat semula. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat mana? Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ada sedikit berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Maran dahulu.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Minta maaf, ya. Sebelah sana.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih timbalan menteri. Saya hendak tengok pendekatan yang berbeza sedikit iaitu yang pertama mengenai kerakusan manusia sekarang ini, dan yang kedua dari segi sistem alam yang ada. Sebenarnya kalau kita lihat, Tuhan sudah jadikan alam begitu rupa, indah dan sebagainya, sebab itu ada laut, ada sungai, ada lembah, ada bukit, ada bukau dan sebagainya tetapi oleh sebab kerakusan manusia ini kadang-kadang kita lupa bahawa sistem alam yang Tuhan jadikan ini. Saya ingat kita kena ambil contoh, kita bina jalan umpamanya, kadang-kadang memang jalan itu melalui sungai, melalui lembah dan sebagainya, kalau boleh kita hendak tutup semua sekali, lawan air. Air ini pun makhluk Tuhan juga. Bila kita tutup satu ruangan menyebabkan tempat lain menjadi masalah.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah yang terdapat di dalam Kementerian ini atau kerajaan kita, ada pemikir-pemikir yang memikirkan masalah ini. Kita kira, kita hendak buat jalan, janji tidak ada banjir, tidak ada air kita buat sahaja sehingga menyebabkan masalah lain timbul yang lebih besar. Saya tengok semakin banyak projek, semakin banyak masalah yang dihadapi oleh manusia ini. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya, kalau dibincang dengan cara mendalam, difikir semula dengan cara yang amat dalam, kita lihat bahawa punca yang sebenar ialah permintaan untuk perumahan. Negara kita melahirkan anak-anak bayi, anak-anak bukan 'bai' benggali tetapi melahirkan bayi seramai bayi seramai 500,000 orang setahun. Itu adalah kesuburan ibu dan bapa kita. Dan, 500,000 ini, yang 2% daripada penduduk negara tetapi 2% ialah pertumbuhan penduduk dalam negara.

Bagi Lembah Klang sahaja pertumbuhannya dua kali ganda, maknanya 4%. Daripada 3 juta rakyat dalam Lembah Klang, 4% bermakna tiap tahun 120,000 rakyat baru, kalau setiap seorang itu 50% perempuan, 50% lelaki kalau dia kahwin, dia memerlukan 60,000 buah rumah, maka itulah yang membawa kerakusan manusia untuk mendapat keuntungan daripada perumahan. Saya lalu dengan helikopter, bukit-bukit ditebang, di *flatten* kan, bukan hendak dibina rumah di keliling lereng bukit, bahkan dipotong, diranapkan, diratakan supaya lebih banyak rumah dapat dibina atas satu perekar. Inilah yang menjadi kerakusan...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat, pasal apa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Kalabakan bangun dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Pasal apa Yang Berhormat biar bukit-bukit habis ditebang... *[Ketawa]* Yang Berhormat, sudah tengok, apa fasal biarkan. Ini persoalannya, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kalabakan pun geram, Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tadi Yang Berhormat bagi Kalabakan hendak soal, ini Yang Berhormat bagi Jerai pula bangun. Okay, Yang Berhormat bagi Kalabakan. Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, yang sebenarnya saya memang geram. Sejak permulaan Yang Berhormat Menteri membuka hujah tadi, saya tidak dengar apa yang saya hujahkan di Dewan ini di Kalabakan, Tanjung Batu. Jadi, di Tanjung Batu, kuari ini saya sudah kemukakan beberapa sesi yang lalu, ketua pengarah, setiausaha parlimen sudah datang ke Tanjung Batu, sudah tutup kuari, sekarang mula operasi.

Jadi kita minta mungkin menteri datang ke kawasan saya untuk siasat dan beri keputusan sebab kita tidak mahu rakyat kurang lebih 2000 buah rumah ini menderita kerana habuk yang ada di kuari Tanjung Batu ini. Jadi kita minta supaya mungkin dalam rekod tadi Yang Berhormat Menteri kata beberapa orang Ahli Parlimen tidak termasuk Kalabakan jadi kita minta Kalabakan dimasukkan. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Minta maaf ini yang saya baca. Terima kasih Kalabakan. Sebenarnya kita semua tahu kuasa untuk mengizinkan kuari dibuka ialah kuasa negeri jadi Jabatan Alam Sekitar hanya boleh memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri. Jadi saya belum mengetahui mengenai kuari di Tanjung Batu, saya akan melihat perkara ini dan saya akan bawa perkara ini kepada Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat Setiu bertanya adakah rancangan tebatan banjir diadakan di IADP bagi mengatasi masalah banjir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah merangka program jangka panjang di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi mengatasi masalah banjir di semua negeri yang merangkumi kawasan Projek

Pembangunan Pertanian Bersepadu atau IADP. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah meluluskan rancangan tebatan banjir Setiu yang merangkumi kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu atau IADP, Lembaga Kemajuan Terengganu Utara atau KETARA. Dengan adanya projek tebatan banjir ini ianya akan dapat mengurangkan kejadian banjir seterusnya meningkatkan aktiviti pertanian di kawasan terlibat.

Ahli Yang Berhormat bagi Jasin bertanya kenapa ada kawasan tadahan yang telah dikenal pasti tetapi masih dibenarkan aktiviti yang menyebabkan pencemaran seperti tapak pelupusan sampah, tempat ternakan khinzir sebenarnya tapak ternakan babi. Khinzir adalah daging, babi ialah binatangnya. Kalau ambil bahasa Inggeris babi *is a pig* dengan izin, dan khinzir adalah *pork*. Jadi ternakan babi, saya *correct* saya punya tulisanlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, tidak betul itu. Khinzir itu dalam bahasa Arab ialah babi dalam bahasa Melayu bukan daging. Dan khinzir ialah mughallazah.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tidak apalah itu pembedaan yang saya buat. Tempat ternakan babi dan penyembelihan babi yang mengakibatkan limpahan bahan buangan tersebut yang mencemarkan kawasan tadahan air.

Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga membangkitkan isu pencemaran sungai dan sama ada disediakan peruntukan bagi Program Perlindungan Kawasan Tadahan Air. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian telah mengambil beberapa langkah dan menjalankan beberapa program khusus dalam menangani masalah pencemaran sungai dan di kawasan tadahan. Ianya merangkumi dua aspek penting iaitu aspek pencegahan dan juga aspek pemulihan. Sebagai langkah pencegahan bagi mengatasi masalah pencemaran air di kawasan tadahan kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan akan terus dijalankan dari semasa ke semasa. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil pendekatan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu melalui penglibatan sebagai berbagai-bagai agensi dan jabatan dengan menetapkan beberapa garis panduan, rujukan undang-undang...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Sekejap, saya habiskan, undang-undang peraturan, polisi dan R&D supaya kawasan tadahan air dapat diurus, dibangun dan dipulihara dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat sebut tadi mengenai kawasan tadahan air. Terdapat perkara-perkara yang boleh memberi pencemaran. Saya mengikuti jawapan Yang Berhormat Menteri. Di sini bukan sahaja alam sekitar yang terlibat tetapi juga kerajaan negeri. Saya ada satu laporan khusus sebab kebetulan saya adalah seorang juruukur berlesen, saya tengok kawasan tadahan air Hulu Selangor saya akan bagi kepada Yang Berhormat Menteri.

Di tadahan air Hulu Selangor ini pencemaran di sini ada tujuh jenis pencemaran iaitu penternakan babi, pusat penyembelihan babi, loji sampah, pengorekan pasir dan sebagainya. Sebenarnya inilah yang menyebabkan air yang ditakung untuk kita minum di Lembah Klang ini menjadi kotor begitu juga apa yang berlaku di Semenyih. Yang saya hendak tanya ini, apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa semua kawasan tadahan air ini bersih daripada sebarang pencemaran. Apakah Kementerian telah mengarahkan kerajaan negeri yang mana di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti penternakan babi dan penyembelihan babi ini supaya dipindahkan tidak ada berada hulu sungai. Ianya patut berada di muara sungai atau di tempat-tempat yang tidak air itu ditadah. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat telah turun ke padang dan saya sokong sangat cadangan Yang Berhormat supaya semua ini diatasi dengan segera. Memang kalau dilihat di Sungai Selangor, Sungai Langat dan sebagainya tempat-tempat di sinilah masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi wujudnya tempat-tempat yang tidak patut berada di tepi-tepi tebing sungai. Jadi mesyuarat yang akan diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet yang akan diadakan pada 28 hari bulan depan ini akan membincang isu-isu ini di mana juga Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri-Menteri Besar akan dijemput bersama oleh kerana banyak kuasa ada di tangan kerajaan negeri, di samping itu juga kuasa-kuasa yang ada di pihak-pihak berkuasa tempatan.

Jadi pada 28 hari bulan ini kita akan mendapat hala tuju yang lebih jelas. Dan kementerian saya dan juga beberapa menteri yang bersama-sama kami telah pun membincang dan keadaan sebenarnya dalam Lembah Klang dari segi air yang amat kritikal. Sebenarnya hari ini kita hanya mengurus kita katakan *crisis management*, kita mengurus krisis dan perbincangan saya dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor memang telah pun tindakan-tindakan diambil di peringkat negeri. Dan saya amat gembira dengan tindakan-tindakan beliau dan beliau juga akan hadir pada mesyuarat akan datang ini dan kami akan bersama-sama duduk mencari jalan untuk secepat mungkin mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong dengan Cameron Highlands. Ya Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai pencemaran di sungai dan juga kawasan tadahan air khasnya di Sungai Selangor.

Saya difahamkan bahawa pencemaran air yang bulan Februari ini sumber yang utama ialah daripada *leachate* di bawah Bukit Tagar dan Yang Berhormat Menteri pun telah melawat kawasan itu. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri Projek Bukit Tagar ini tidak pernah dipersetujui oleh kerajaan negeri. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Ketereh juga Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah setuju dengan projek ini tetapi ini ada satu projek yang kononnya kerana desakan-desakan sisa pepejal daripada kawasan Lembah Klang dan Kerajaan Pusat telah membina kawasan sisa pepejal ini di kawasan Bukit Tagar dengan tidak mendapat sokongan atau kelulusan dari negeri Selangor.

So, maka ini saya ingat untuk menyatakan bahawa negeri Selangor adalah kerajaan negeri yang tidak mempunyai penguat kuasa yang sepatutnya saya ingat juga ini tidak adil. Saya bukan hendak bela sesiapa yang sedikit salinan sudah buat saya hendak cakap fakta, satu. Nombor dua ialah mengenai, i bila Yang Berhormat Menteri telah melawat kawasan itu, bahawa kerajaan pusat tidak memberi kuasa untuk mendakwa Syarikat KUB Berjaya Enviro Sdn. Bhd. iaitu operator kepada pusat pelupusan Bukit Tagar ini.

Dan ini memang saya merasa sedikit *surprise* dengan izin, kerana kalau sesiapa pun telah melanggar ataupun mencemarkan kawasan memang kita ada undang-undang tertentu untuk mendakwa atau memberi amaran seterusnya untuk membawa mereka ke muka pengadilan. Saya hendak tahu, sedikit pandangan daripada Yang Berhormat, mengapa kita tidak boleh mendakwa syarikat tersebut dari segi undang-undang yang ada. Kalau tidak ada kuasa kalau tidak ada sesuatu yang tidak boleh syarikat tidak boleh didakwa di mana luhur, luhurkah undang-undang kita? Bagaimana kita untuk memperbaiki pada masa-masa akan datang.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya saya jawab soalan Yang Berhormat yang terakhir iaitu pertanyaan Yang Berhormat kenapa kita tidak ada kuasa mendakwa Bukit Tagar? Sebenarnya kita ada kuasa untuk mendakwa Bukit Tagar sebab untuk melaksanakan projek berkenaan, EIA ataupun Jabatan Alam Sekitar telah pun mengenakan syarat-syarat. Kalau dia melanggar syarat, memang kita ada kuasa untuk mendakwa. Perkara ini sedang dikaji oleh pihak pendakwa raya untuk

menentukan. Saya tidak mahu sentuh kerana itu sudah pun dihantar kepada pihak AG ataupun pendakwa raya.

Soal sama ada projek berkenaan diluluskan oleh kerajaan negeri atau tidak, itu sudah pun diputuskan oleh Kabinet. Ada dua pilihan pada masa itu oleh kerana keadaan pelupusan sampah di negeri Selangor dan Wilayah amat kritikal dan perlu diatasi dengan segera. Sebenarnya hari ini pun masalah ialah kerana kritikal, terlalu kritikal kerana kita melengah-lengahkan ada beberapa tindakan dan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan empat tahun yang lalu, dilengahkan sampai hari ini kita telah menghadapi satu masalah yang cukup kritikal. Jadi soal sama ada kerajaan negeri, Kerajaan Pusat itu, itu bukan soal. Sebenarnya keputusan telah dibuat dan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, sebenarnya untuk projek, *EIA Report* telah diluluskan oleh JAS pada 23 Jun 2004. Salah satu daripada syarat utama untuk projek Bukit Tagar ini ialah operator ini mesti membina satu sistem pengurusan *leachate* ataupun air larut lesap ini tetapi sampai hari ini mungkin baru siap, saya tidak tahu. Persoalan sekarang ini lebih daripada dua tahun, *paper* itu telah dihantarkan mengapa masih tidak ada tindakan sepatutnya diambil untuk mengatasi pencemaran air sungai ini. So, saya hendak dapat satu penjelasan mengapa lebih daripada dua tahun masih JAS tidak memberi ataupun mendakwa syarikat ini walaupun dia tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah *report EIA* ini.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Sebenarnya Yang Berhormat, perkara ini telah pun saya jawab dalam usul yang tergepar yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Seputeh beberapa hari yang lalu. Jadi tidak patut saya menjawab sekali lagi. Sebenarnya oleh kerana perkara ini dibangkitkan, ingin saya maklumkan bahawa oleh sebab desakan keadaan terlalu terdesak untuk kita letakkan sampah di satu tempat, maka diizinkan dengan bersyarat kepada Bukit Tagar bahawa semuanya kena selesai dan tidak diizinkan *leachate* dikeluarkan ke sungai dan sebagainya. Maka sementara mereka membina loji merawat *leachate*, sementara membina satu *accident* berlaku oleh kerana hujan terlalu lebat dan satu hari itu berlaku *accident* dan itulah yang menyebabkan *leachate* masuk ke sungai pada waktu itu tetapi bukan berterusan 24 jam.

Namun demikian, di sepanjang Sungai Selangor banyak lagi tempat yang mengeluarkan *leachate* 24 jam berterusan dengan hujan yang lebat. Oleh kerana itu dicampur dengan Bukit Tagar semua sekali, hari berkenaan air-air yang datang ke Pusat Rawatan ABAS telah mengalami satu keadaan di mana baunya telah meningkat dan itulah yang menjadi pembawa masalah kepada kita semua.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Yang Berhormat Menteri....

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Hulu Langat dahulu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya, Cameron Highlands ya...

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Hulu Langat dahulu.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Yang Berhormat bagi Mambong dahulu...

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat dahulu, yang lain sila duduk.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Yang Berhormat bagi Mambong dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat dahulu, yang lain sila duduk, Menteri sudah bagi jalan.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hulu Langat sepatutnya diberi keutamaan dalam hal ini, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, pencemaran sungai, Sungai Kembong, Sungai Langat, Sungai Beranang, Sungai Semenyih....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: ...Mana ada, *you* tidak campur.

Sungai-sungai lain yang mengalir di negeri Selangor yang memberi bekalan air kepada penduduk Lembah Klang, Putrajaya dan Kuala Lumpur memang sejak berpuluh tahun terlalu berada dalam keadaan yang cukup daif dan seolah-olah sungai itu sendiri adalah sungai yang mati, sungai yang tidak ada nyawa tidak ada roh dan langsung tidak ada harga diri. Jadi saya ingin mendapat penjelasan. Selama ini kita mengharap, kita mengharap, memohon dan memberi sepenuh harapan kepada kerajaan negeri untuk menyelia, menyelenggarakan serta memastikan sungai terus hidup.

Akan tetapi kelihatannya, perjuangan kerajaan negeri itu sia-sia kerana kita tidak mempunyai peruntukan, kita tidak ada kewangan, malah yang menghancurkan sungai, yang memusnahkan sungai itu lebih ramai daripada yang menyayangi sungai. Ada program-program cintailah sungai kita sekadar hanya dengan *banner*, dengan poster, dengan *sign board* tetapi di setiap tempat pelancongan air terjun dan sebagainya penuh *filthy* dengan keadaan-keadaan yang cukup menjijikkan. Di tambah pula dengan tempat-tempat pembuangan sampah seperti Bukit Tagar, Sungai Kembong yang tidak mematuhi syarat.

Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri, 28 haribulan 4 ini ada mesyuarat jawatankuasa. Rayuan dan permohonan daripada Parlimen Hulu Langat daripada negeri Selangor keseluruhan, berilah, kalau kita betul-betul serius untuk menyelesaikan masalah air, masalah pencemaran, masalah *leachate* dan segala-galanya, peruntukan yang besar, penguatkuasaan yang serius terhadap pencemaran sungai. Kalau ini tidak dilakukan, sampai bila-bila pun masalah air 2020 kah, 2040 kah, tidak akan selesai. Saya berharap Yang Berhormat Menteri cuba selesaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Hulu Langat kerana memang Yang Berhormat bagi Hulu Langat lebih prihatin daripada saya dari masalah Sungai Kembong dan saya bersimpati dengan beliau. Selain daripada peruntukan yang kita akan minta daripada Kerajaan Pusat, selain daripada kita mengambil tindakan, saya minta menyeru kepada semua Yang Berhormat kerana kalau kita biar keadaan macam ini, bukan sahaja Sungai Langat, bukan sahaja Sungai Juru yang telah mati Sungai Juru, ya Yang Berhormat Juru banyak sungai lain akan mati. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan dahulu di tepi-tepi sungai dari rumah banyak ikan dan sebagainya hari ini sudah tidak ada. Jadi, kalau kita biarkan, sebenarnya antara sebab-sebabnya ialah masyarakat kita sendiri.

Jadi di kementerian saya akan mengerakkan satu program. Diharap dapat sokongan daripada semua Ahli Yang Berhormat, semua ahli masyarakat, mendukung program untuk kita mengajak dan mendidik daripada budak-budak sekolah sampai orang dewasa untuk menjaga sampah. Kalau sampah setiap seseorang dijagai oleh individu sendiri, jangan harap orang lain yang membuang sampah yang dibuang. Kalau kita buat begitu seperti di negara Jepun dan juga masyarakat membantu, ini ia akan menjadi satu jawapan jangka panjang untuk kita mengatasi masalah alam sekitar kita. Selain daripada kerajaan mengadakan undang-undang.... Ya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekalian lama kita sedang bincang mengenai pengurusan air di peringkat hiliran di mana air itu kita jaga dan urus dari segi peringkat bawah. Di Cameron Highlands dan di Pahang baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan negeri terpaksa mengimbangi antara pendapatan untuk peringkat negeri untuk pengurusan dan dana serta menjaga kedaulatan khazanah hutan yang dimilikinya di Pahang.

Saya dari Cameron Highlands di mana tiga suku daripada kawasannya adalah hutan belantara *tropical forest* yang begitu kaya tetapi masalahnya di sini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mohon supaya Kerajaan Persekutuan memberi bukan pampasan, tetapi geran untuk memastikan supaya industri pembalakan ataupun syarikat pembalakan tidak dibenarkan untuk membalak.

Khazanah itu kita jaga, dengan harapan bahawa duit itu yang bakal diberi katakana diberi geran dapat digunakan sebagai ganti rugi kepada apa yang mereka dapat. Kalau sekiranya ini tidak dilakukan, sudah tentu syarikat-syarikat pembalakan itu akan menyalahgunakan kawasan. Diberi satu kawasan kecil mereka pula curi kawasan besar. Ini pula ditenati dengan highway projek, maka saya rasa saya nampak sungai yang begitu cantik sekali menjadi kuning-kuningan dan apabila kita tanya dia, tidak mampu apabila musim hujan, tidak mampu jaga. "Siltation" pond gagal, maka segala langkah gagal dan saya rasa apakah pandangan dan juga langkah kementerian untuk mengatasi permintaan ini atau bolehkah kita tunaikan permintaan seperti ini demi hutan kerana hulu pun sangat penting seperti hilir, sana kurang sini mati, minta pandangan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat sememangnya di hati saya, saya bersetuju, saya tidak suka melihat pokok ditebang walaupun sekecil mana tetapi oleh kerana bukan sebenarnya kita ada dasar, dasar penjagaan hutan. Hutan yang dipelihara dan *protected forest*, tidak boleh kerana dia diletakkan di hulu-hulu, tempat-tempat tadahan air, itu memang ada kesalahan boleh mandatori *jail sentence* dengan izin, tetapi ada hutan-hutan yang dikatakan hutan yang boleh menghasilkan satu hektar dia boleh potong lapan pokok, itu pun secara program, oleh kerana walaupun "heated", dibolehkan kerana itu *economic forest* pada dasar. Ada pula yang diizinkan oleh untuk membalak secara control ini, menebang lebih daripada yang had, itu satu dan tidak menjaga dan tidak membuat kerja seperti mana yang diharapkan. Dan ada juga projek-projek jalan kampung yang masuk ke dalam hutan dan saya pernah mengetahui sebagai bekas menteri luar bandar dahulu, mana Dato' Aziz?... [Menoleh ke tempat duduk YB berkaitan]

Jalan masuk dalam hutan ke kawasan Orang Asli, bengkok-bengkok bukan lurus, bengkok-bengkok bukan kerana *trend* nya bengkok, maka bengkok dia ikut pokok, kalau pokok mana yang lebih untung jadi inilah yang kadang-kadang kita juga, ya saya bersetuju kerana Cameron Highlands hari ini bukan sahaja iklimnya telah bertukar menjadi iklim yang panas, tidak macam dahulu tetapi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Besar Pahang itu, saya tidak dapat beri keputusan itu perlu di bawah peringkat yang lebih atas. Manakala program-program kursus yang telah dijalankan oleh pihak kementerian dalam menangani Masalah pencemaran sungai adalah:

- (i) usaha-usaha yang dijalankan melalui kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan...

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Mohon penjelasan....

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: [Bangun]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Minta maaf.

.....penyediaan tempat pengumpulan sampah dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat, Kuala Selangor dengan Mambong....

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Minta maaf ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Nanti, nanti saya, boleh saya habiskan ayat ini dahulu sebab nanti tanda pun habis ini, sekejap ya, sekejap.

...penyediaan tempat pengumpulan sampah dan pengambilan sampah secara berjadual dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan adalah langkah yang terbaik bagi mengelakkan orang ramai membuang sampah di merata-rata tempat yang memasuki sistem saliran dan juga sungai.

Sila, yang mana dahulu tadi entah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Mambong, dua kali bagi yang ini yang dahulu.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Belum, sekali sahaja.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tidak apa, nanti sekejap. Bagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, menteri bagi kepada Kubang Kerian.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya, Kubang Kerian dahulu.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Dato' Speaker dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya hendak membangkitkan masalah pencemaran yang berlaku di dua empangan besar di Johor iaitu Empangan Machap dan juga Empangan Sembrong, kawasan Yang Berhormat rakan sejawat saya iaitu Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Saya bercakap bagi pihak rakyat beliau dan juga saya sendiri dan rakyat Batu Pahat, minum air beracun ini puluhan tahun. Asalnya empangan Sembrong ini, ia bukan kawasan untuk dibekalkan air bersih kepada rakyat, dia asal *catchment* area, kawasan tabatan banjir, kawasan tanah gambut. Yang peliknya Yang Berhormat Menteri, semasa Kerajaan Negeri Johor mahu mewartakan empangan ini sebagai empangan air bersih untuk dibekalkan pada orang Johor adakah mereka tidak terima report EIA ataupun kementerian Yang Berhormat pada waktu itu terlepas pandang. Sekarang ini masalahnya, kami di Batu Pahat minum air ini puluhan tahun air beracun yang disahkan sendiri oleh pakar-pakar yang memudaratkan kesihatan rakyat.

Oleh itu, saya minta penjelasan di sini adakah kes-kes seperti ini yang serius seperti ini, Jabatan Alam Sekitar terlepas pandangkah, tidak cukup pegawaikah ataupun berlaku penyelewengan, ini yang menjadi masalahnya. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat supaya kes-kes seperti ini mesti disegerakan sebab empangan Sembrong ini, penggunaan baja di kawasan dan bukan rizab tetapi kawasan tanah-tanah kebun orang, kawasan ternakan ayam, jadi tahi-tahi ayam semua masuk ke dalam empangan ini dan kemudian air ini disalurkan kepada rakyat, jadi minta penjelasan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, nasib baik saya baru masuk dalam kementerian ini. Sungai Sembrong ini saya belum dapat meneliti tetapi saya tidak bersetuju dengan anggapan Yang Berhormat seolah-olah ada pakatan dan sebagainya dan siapa hendak pakat hendak meracun rakyat, saya tidak percaya dan saya yakin pegawai di jabatan mana pun termasuk alam sekitar tidak buat demikian.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong, Mambong bangun.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Mambong, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong sila.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini tentang pencemaran sungai, seharusnya untuk mengawal kualiti sungai kita mesti mengurus kawasan tadahan air dengan baik dan yang paling penting adalah setiap kawasan air di negara kita mesti ada satu pelan pengurusan kawasan tadahan air seperti mana yang kita buat di negeri Sarawak. Setiap kawasan tadahan air yang telah pun diwartakan, kita ada satu pelan pengurusan untuk kawasan tersebut. Ini adalah penting untuk mengelakkan daripada pencemaran.

Yang kedua, memang tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar untuk memastikan dan untuk menguatkuasakan bahawa pencemaran sungai tidak berlaku, ini jelas di dalam akta ini, Akta Kualiti Alam Sekeliling, Peruntukan 25; *restrictions on polutions of in-land water*. Ini adalah penguat kuasa yang harus dipertanggungjawab oleh Jabatan Alam Sekitar. Berkenaan dengan sampah tadi, tapak pelupusan sampah Bukit Tagar adalah satu tapak pelupusan yang paling bagus dan yang paling baik, yang paling rancang dengan baik di Semenanjung Malaysia, jangan di sebut di Sarawak, di Kuching lebih baik lagi tapak pelupusan sampah di Mambong, itu lebih baik tetapi di Bukit Tagar memang cukup baik. Semua *facility* termasuk *facility sequential batch reactors* yang seharusnya digunakan untuk merawat air licik..., semuanya sudah ada tetapi apa yang berlaku pada 26 Februari...

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dia minta soalan tetapi dia bagi jawapan panjang ini...

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ia sudah berlainan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat semua hendak berucap, minta penjelasan sahajalah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Dan tadi, saya minta dia menguatkuasakan peruntukan 25 kerana peruntukan 25 ini, walaupun tapak pelupusan sampah ini di kawasan tadahan air, dia mesti perlu menguatkuasakan, Jabatan Alam Sekitar. Jangan yang sudah berlaku baru angkat, semua angkat mahu lihat, terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Selangor bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tidak apa, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mambong itu kerana saya tahu, dia memang pakar dalam bidang ini dan kita akan ambil maklum untuk ke peringkat yang lebih tinggi untuk dibincangkan. Terima kasih Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Ir.Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Hanya saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kita ada rancangan untuk mewujudkan satu sistem...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada ramai yang bangun Yang Berhormat..., semua.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak tolong Yang Berhormat ini!

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Sebentar, sebentar..., iaitu tentang *integrated river basin management* ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat daripada awal iaitu dari hulu sampai ke hilir. Masalah kita ialah ada sungai-sungai di sesetengah negeri yang menyeberangi lebih daripada satu negeri, jadi ada kalanya ada bertindih kuasa dan sebagainya tetapi ini adalah satu perkara yang akan di bincang dengan lebih mendalam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak tolong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya, Jerai, Jerai, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi yang mana satu Yang Berhormat? Oh, Jerai? Sila, pendek sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya pendek sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Penjelasan, minta penjelasan sahajalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak tanya Yang Berhormat Dato' satu sahaja. Saya cukup faham, saya cukup simpati kepada Dato', kementerian Dato' dan pegawai-pegawai Dato' kerana kuasa ini dok ada di kerajaan negeri. Yang Berhormat Dato' hanya *oversee* kuasa itu untuk kerajaan negeri *implement* tetapi depa kadang-kadang maklumlah. Jadi bolehkah tidak Dato', dalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar ini sebagaimana dipengerusikan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri.

Dalam ucapan Yang Berhormat Perdana Menteri pun, dia cukup marah dah. Dia cukup marah. Dia kata manusia rakus, merosakkan alam sekitar. Jadi bolehkah tidak Yang Berhormat Dato' menerangkan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri Besar ini supaya mereka jaga elok-elok. Kemudian, kalau sudah Kementerian Alam Sekitar kata *no, no*. Kalau Kementerian Alam Sekitar kata *yes, yes*. Makna kalau *yes*, dia jadi ni, menteri bertanggungjawab. Kalau kementerian kata ni, dia buat juga, ambil tindakan. Macam contoh dalam kawasan saya Dato', Gunung Jerai gunung yang terindah di dunia, kalah Switzerland. Cuma, tidak ada *snow* sahaja.

Beberapa Ahli: Pehh!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Akan tetapi depa pi buat kuari, cuba Dato' fikir tengok. Patutkah depa buat kuari, kilang batu di Gunung Jerai yang terindah, yang Tuhan bagi? Bila hujan mai, lumpur habis kampung-kampung itu. Saya sudah bercakap beberapa kali dah, setiap kali Yang Berhormat Timbalan Menteri dok ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat ya. Jangan panjang sangat Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, bolehkah tidak Dato'....

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini pandangan saya ini. Hendak tolong Dato' ini, supaya jangan orang marah dekat Dato'.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya, saya bersetuju.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Dato'.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai tadi. Cuma, lebih mudah bercakap daripada pelaksanaan akan tetapi saya akan cuba, terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Selangor bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang keduanya...

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Sikit, sikit sahaja.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: ...Saya ingat, okey *last* soalan ini. Selepas itu biar saya teruskan, kalau tidak, tidak habis...

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Soalan penting Yang Berhormat Menteri. Terima kasih banyak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, terus.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, macam ada sesuatu yang tidak kena kepada kita sekarang, dalam soal menangani isu pelupusan sampah yang menyebabkan pencemaran sungai. Saya tengok tadi apa Yang Berhormat Menteri sebut, Kabinet sudah putuskan, berapa seriusnya sampah di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Tadi, Yang Berhormat bagi Puchong menyebut bahawa kerajaan negeri tidak setuju. Jadi, bermakna Bukit Tagar ini saya anggap pusat pelupusan sampah haram. Tukar syarat tanah pun belum dilakukan.

Beberapa Ahli: Ya! Betul, betul... [*Dewan gamat*]

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Kalau inilah bentuknya, apa tindakan yang Kementerian Alam Sekitar boleh lakukan kepada pemaju? Yang anehnya, saya pelik juga bila Bukit Tagar hendak tangani masalah sampah Wilayah Persekutuan dan Selangor, bila Selangor hendak hantar sampah ke Bukit Tagar tidak boleh masuk.

Beberapa Ahli: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Menyampuk*]

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Macam mana perjanjian dahulu? Soal harga tidak dibincangkan sehinggakan kerajaan negeri buat keputusan masuk balik sampah ke Ayer Hitam, Puchong yang sepatutnya sudah ditutup. Tutup di Kundang dan saya sudah bercakap, tutup serta-merta pusat pelupusan sampah di Kubang Badak, di pekan Batang Berjuntai. Yang saya ingat, Yang Berhormat Menteri pun tengok daripada helikopter tetapi Menteri Besar kata buka, sedangkan hari Ahad yang lepas, penduduk di pekan Batang Berjuntai, di taman-taman persekitaran tunjuk perasaan kepada kerajaan. Tutup, jangan buka. Bawa masuk sampah ke Bukit Tagar, selesai masalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Menyampuk*]

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Jadi saya harap perkara ini 28 hari bulan besok, dapatlah diselesaikan masalah ini secara total. Bukan itu sahaja, tetapi soal pengurusan sungai. Isu sungai hendak diwastakan ini pun, bincang elok-elok supaya kita dapat cintai sungai secara berterusan. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Ini saya tidak mahu bercakap lebih panjang lagi, kerana 28 haribulan ini akan di bincang. Seperti mana yang saya berada bersama dengan Yang Berhormat Menteri Besar Selangor pada masa sampah itu tidak diizinkan masuk Bukit Tagar, tetapi selepas itu diatasi. Inilah yang saya katakan *crisis management*.

Dalam keadaan krisis, kita cuba menyelesaikan masalah dan memang ada masalah di samping kita menyelesaikan masalah. Saya tidak mahu sebut lebih panjang kerana ini akan dibincangkan pada 28 haribulan. Ada beberapa perkara lain, kerjasama yang kita perolehi daripada pihak berkuasa tempatan termasuk macam-macam sistem penapisan sisa makanan, *food and oil* cara macam-macam dan juga kita memberi nasihat kepada kerajaan negeri berkaitan dengan penternakan babi di tepi sungai dan sebagainya.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar akan meluluskan sesuatu kawasan pelupusan sampah setelah kajian penilaian kesan-kesan alam sekitar atau *environmental impact assessment* secara komprehensif dijalankan dan merangkumi semua aspek alam sekitar. Jika didapati kesan kepada alam sekitar adalah minimum atau boleh dikawal, laporan akan diteruskan dengan syarat-syarat yang ketat bagi melindungi kawasan tadahan air, itu dasar.

Sementara bagi projek-projek yang tidak tertakluk kepada EIA pula, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memberi pandangan-pandangan dan nasihat-nasihat kepada pihak yang meluluskan projek mengenai kesesuaian projek dari segi alam sekitar dan juga langkah-langkah kawalan yang perlu dilaksanakan bagi melindungi kawasan tadahan air supaya tidak tercemar. Inilah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi untuk kuasa itu diberikan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Itu, saya tidak berani memberi jawapan sepenuhnya. Hanya mengharapkan akan dipertimbangkan

dengan lebih komprehensif. Kementerian juga telah menyediakan peruntukan kewangan melalui pelbagai program dan projek bagi memastikan lembangan sungai dan kawasan tadahan diurus dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh memohon Jabatan Alam Sekitar memainkan peranan yang lebih gigih dalam menggalakkan kitar semula dan mencadangkan kaedah pelupusan menggunakan *incinerator* digantikan dengan *Refused Derived Fuel* ataupun RDF. Kementerian amat menghargai teguran dan cadangan Ahli Yang Berhormat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa komited dan berusaha keras bagi memastikan isu alam sekitar khususnya isu pengendalian pelupusan sampah diselesaikan dan pihak kerajaan sentiasa mempunyai pemikiran yang terbuka dalam semua sistem yang diguna pakai di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Santubong ingin tahu jika ada cadangan bagi mengukur semua tanah pegangan kaum bumiputera di tiap negeri supaya boleh diketahui dengan tepat jumlah peratus pegangan dan jumlah luas sebenar yang dimiliki kaum bumiputera Malaysia. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian ini tidak ada cadangan bagi mengukur semula keluasan setiap tanah yang dimiliki oleh kaum bumiputera Malaysia. Ini kerana, kerja-kerja pengukuran tanah telah pun dijalankan semasa dikeluarkan hak milik. Pengukuran semula hanya akan dibuat sekiranya ada permintaan apabila berlaku pertikaian sempadan.

Mengenai status pemilik sama ada bumiputera atau bukan bumiputera, maklumat berkenaan bagi tanah-tanah yang bukan rizab Melayu, tidak dinyatakan dalam dokumen hak milik. Oleh yang demikian, peratus pegangan dan jumlah luas sebenar tanah yang dimiliki oleh kaum bumiputera dan bukan bumiputera akan hanya dapat diperolehi dengan menyemak butiran setiap hak milik di setiap Pejabat Tanah dan Galian Negeri serta pejabat-pejabat tanah daerah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Putatan pula telah mengemukakan pertanyaan sama ada semua bank di Malaysia menerima *native customary land* sebagai cagar. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pentadbiran *native customary land* ataupun tanah anak peribumi di Sabah adalah di bawah Ordinan Tanah Sabah, *Sabah Land Ordinance* yang ditadbirkan oleh pihak berkuasa negeri Sabah. Mengenai sama ada bank-bank di Malaysia boleh menerima *native customary land* sebagai cagar, ianya bergantung kepada sama ada diluluskan oleh pihak berkuasa negeri Sabah sendiri.

Ahli Yang Berhormat bagi Baram dan Kanowit membangkitkan isu mengenai sekatan-sekatan terhadap tanah *native customary reserve* atau NCR, hingga menyukarkan usaha pengusahaan tanah-tanah tersebut dalam membasmi kemiskinan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pentadbiran tanah *native customary reserve* atau NCR di Sarawak adalah di bawah Kanun Tanah Sarawak ataupun *Sarawak Land Code* yang ditadbirkan oleh pihak berkuasa negeri Sarawak. Mengenai sekatan terhadap tanah NCR tersebut, ianya adalah semata-mata untuk menjamin kepentingan masyarakat peribumi Sarawak ke atas tanah-tanah NCR tersebut diutamakan.

Bagi tanah-tanah di Semenanjung Malaysia, yang berada di bawah status rizab Melayu, ianya boleh dijadikan cagar jika bank atau institusi kewangan tersebut telah disenaraikan di dalam jadual kedua, Enakmen-enakmen Rizab Melayu. Sekiranya bank terlibat belum lagi disenaraikan di dalam jadual kedua yang berkenaan, maka ia tidak boleh menerima gadaian tanah rizab Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading ada menimbulkan persoalan berkenaan isu tanah terbiar disebabkan oleh sistem pembahagian pusaka yang mengambil masa yang terlalu lama. Untuk itu, Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya ditubuhkan satu perbadanan khusus bagi menyelesaikan masalah ini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, punca utama berlakunya tanah terbiar bukanlah disebabkan masalah pembahagian harta pusaka secara faraid, tetapi ada kaitan dengan tanah pusaka yang belum dibuat permohonan pembahagian pusaka meskipun sesetengahnya pemilik telah lama meninggal dunia. Bagi kes-kes sedemikian, jumlah waris menjadi ramai dan masing-masing tidak berminat mengusahakan tanah pusaka.

Kementerian telah merangka strategi khusus sejak dua tahun lalu untuk menggalakkan ahli waris menyenggarakan permohonan pembahagian pusaka termasuk mengadakan seminar dan dialog harta pusaka di setiap daerah dengan setiap penyertaan daripada ketua-ketua masyarakat dan ahli-ahli waris sendiri. Mengenai cadangan perbadanan yang khusus untuk menyelesaikan masalah tanah terbiar, kerajaan telah pun ada agensi ataupun badan sedemikian seperti FELCRA.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Krau pula mencadangkan agar ditambah bilangan pegawai dalam menyelesaikan pembahagian pusaka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk penambahan 51 kakitangan baru di bawah pasukan petugas khas bagi menyelesaikan tunggakan urusan pembahagian pusaka. Pegawai-pegawai ini akan ditempatkan di seluruh negara termasuk di pejabat-pejabat tanah, terutamanya yang mempunyai tunggakan permohonan pembahagian pusaka.

Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor pula mencadangkan supaya pejabat pentadbiran tanah, pejabat daerah diasingkan fungsinya supaya tiada pertindihan kuasa berlaku. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan seumpama ini telah pun dikaji dan telah dilaksanakan pada masa yang lalu. Bagaimanapun, ia tidak diterima oleh kebanyakan negeri kerana fungsi dan tugas di antara keduanya adalah saling berkaitan. Khususnya dari segi keperluan penyelarasan dan kepimpinan pegawai daerah.

Namun demikian, cadangan ini akan diteliti semula berdasarkan kaedah dan kehendak semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kaedah pengasingan ini telah dilaksanakan di seluruh negeri Johor dan sebahagian negeri Kedah. Tuan Yang di-Pertua, kementerian amat menghargai dan mengalu-alukan penglibatan serta input daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan dalam usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar demi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Penekanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan terhadap kepentingan pemuliharaan alam sekitar supaya pembangunan lestari dapat dipertahankan mengajak semua rakyat memainkan peranan positif bagi memastikan alam sekitar bersih dan tidak tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusannya, izinkan saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa usaha-usaha untuk memelihara dan menjaga alam sekitar negara amat bergantung pada kerjasama yang erat serta tindakan yang bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi dan tidak terkecuali rakyat jelata dari setiap lapisan dan peringkat. Oleh yang demikian, beberapa jawatankuasa di peringkat Kabinet telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk memastikan usaha-usaha dilaksanakan dengan terancang dan memberi kesan yang diharapkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang giliran Kementerian Pelajaran. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

5.33 ptg.

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia atas pelan Rancangan Malaysia Kesembilan. Sebuah rancangan lima tahun yang bersifat menyeluruh dan juga seimbang. Bagi pihak seluruh warga pendidikan, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan juga penghargaan atas keprihatinan kerajaan yang terus memberikan peruntukan yang besar untuk sektor pendidikan dan juga latihan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, kita di Kementerian Pelajaran telah pun merancang dasar, fokus dan hala tuju pembangunan pendidikan bagi Rancangan Malaysia Kesembilan sejak dua tahun yang lepas. Mengambil kira wawasan, matlamat, dasar dan perancangan negara dan ia dirangka untuk memenuhi tiga matlamat utama:

- (i) membentuk ciri-ciri individu dan masyarakat bangsa Malaysia yang dicita-citakan di dalam negara maju Malaysia menjelang 2020;
- (ii) menyediakan akses, ekuiti dan pendidikan berkualiti untuk semua golongan agar pada tahun 2020 kelak, tiada siapa yang merasakan diri mereka terpicir dari arus kemajuan negara; dan
- (iii) terarah untuk memastikan pembangunan yang mampan agar kemajuan yang dicapai oleh negara dan bangsa dapat terus dipertahankan bagi memastikan segala usaha ini sejajar dengan kehendak Wawasan 2020..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada ...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Baru mukaddimah. Saya baru nak bentangkan hala tuju dan juga perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan, Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh] [Disampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu ini Rancangan Malaysia Kesembilan ini ialah untuk ke matlamat 2020, Wawasan 2020. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, pada tahun atau pada Wawasan 2020 ini, di manakah SRJK(C) dan SRJK(T)? Kerana kita mendapati bahawa di dalam Rancangan RMK-9, ataupun RMK yang dahulu, ada rancangan untuk SRJK(T). Di dalam mana-mana dokumen pembangunan negarapun, kita tak lihat di mananya SRJK(T) dan SRJK(C)?

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, yang pada saya kita nak mencapai satu Wawasan 2020, seolah-olahnya tanpa SRJK(T) dan SRJK(C). Jadi saya ingin sangat mendapat satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di manakah SRJK(T) dan SRJK(C) pada tahun 2020? Adakah ia lebih maju berbanding waktu sekarang ataupun dia akan terus dipinggirkan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik, baik. Itu akan jawab.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau Bukit Mertajam tunggu, boleh tahu. Ini baru mukaddimah kita. Belum sampai kepada bab SJK(C) lagi. Tuan Yang di-Pertua, ketiga, kita hendak pastikan bahawa terarah, untuk memastikan pembangunan yang mampan agar kemajuan yang dicapai di negara dan bangsa dapat terus dipertahankan.

Bagi memastikan segala usaha ini sejajar dengan kehendak Wawasan 2020. Pelan perancangan yang saya sebutkan tadi turut mengambil kira prinsip-prinsip pendekatan Islam Hadhari, agenda nasional baru, pemupukan integrasi nasional, pelan integriti nasional dan agenda untuk memperkasakan Bahasa Kebangsaan. Seperti yang kita semua sedia maklum, sistem pendidikan negara telah berkembang pesat sejak sebelum kemerdekaan sehingga sekarang. Saya sedar banyak kejayaan telah kita capai hasil sumbangan pelbagai pihak, baik di kalangan pemimpin, ahli politik, penjawat awam, pihak swasta, masyarakat, badan bukan kerajaan, termasuk juga individu-individu yang begitu prihatin terhadap pendidikan anak bangsa.

Sumbangan dan buah fikiran dari pelbagai pihak ini sedikit sebanyak telah membantu mengangkat imej sistem pendidikan negara di mata dunia. Walaupun terdapat sejumlah kejayaan yang dicapai, namun kita perlu akui masih terdapat kelemahan-kelemahan di kawasan-kawasan atau di dalam bidang-bidang tertentu di dalam sistem pendidikan hari ini. Kita sedar, biarpun dari segi dasar dan perancangan secara mikro segala-galanya nampak mencukupi dan memadai, namun di kawasan-kawasan atau di dalam bidang-bidang tertentu, tugas atau urusan kita masih belum selesai.

Kementerian Pelajaran sedar secara realitinya, untuk kawasan-kawasan dan bidang-bidang tertentu ini, perancangan secara mikro sebenarnya tidak mencukupi.

Sebaliknya kita perlu memberi perhatian yang lebih khusus dan kita juga perlu mengubahsuai sedikit sebanyak strategi dan pelan tindakan kita. Justeru, sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, dalam pelan tindakan Kementerian Pelajaran, kita akan mengambil dua bentuk pendekatan. Pendekatan pertama, adalah komitmen untuk menyelesaikan tugas-tugas kita yang masih belum selesai.

Walaupun tugas-tugas ini ada dilaksanakan di sepanjang rancangan-rancangan lima tahun sebelum ini, pendekatan pertama kementerian ialah untuk terus memastikan *access* dan menyamaratakan medan persaingan di kalangan pelajar. Menerusi pendekatan ini, Kementerian Pelajaran komited untuk meneruskan pertamanya agenda untuk memperkasakan sekolah kebangsaan dan keduanya agenda untuk merapatkan jurang pendidikan di kalangan rakyat.

Pendekatan kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah Kementerian Pelajaran komited dan juga cukup komited untuk mengembangkan sepenuhnya potensi sekolah-sekolah di dalam kelompok-kelompok kecemerlangan sehingga sekolah-sekolah ini termasuk guru dan pelajarnya boleh mengangkat nama negara dan sistem pendidikan negara di mata dunia. Pendekatan kedua ini lahir di atas kesedaran bahawa terdapat sekolah-sekolah kita yang telah mencapai tahap cemerlang dan mungkin juga tahap terbilang yang memerlukan perhatian khusus agar kecemerlangannya bukan sahaja dapat terus dipertahankan malah mampu diangkat ke satu tahap yang lebih tinggi lagi. Kita kluatir jika kita sekadar memberi perhatian yang sama dengan ribuan sekolah-sekolah lain yang berprestasi sederhana, akhirnya sekolah-sekolah cemerlang ini terabai sehingga ia juga berprestasi sederhana.

Menerusi pendekatan kedua ini, Kementerian Pelajaran sedang mengenal pasti sekolah-sekolah di dalam kelompok-kelompok sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah *premier*, sekolah menengah teknik, sekolah menengah agama, sekolah-sekolah *sentinier*, sekolah rintis bestari, sekolah-sekolah jenis kebangsaan, sekolah-sekolah dalam persekitaran Putrajaya dan Cyberjaya, sekolah-sekolah swasta, sekolah-sekolah antarabangsa dan seterusnya memperkenalkan pelbagai program yang dapat membantu meningkatkan lagi kelebihan, kekuatan dan daya saing sekolah-sekolah di dalam kelompok-kelompok ini.

Di kalangan kelompok ini jugalah kita akan mengenal pasti sekolah-sekolah yang sudah bersedia untuk diberikan sedikit autonomi agar pengurusan sekolah dapat merangka sendiri pendekatan-pendekatan yang boleh menjadikan sekolah mereka lebih cemerlang mengikut suasana prasarana dan kemampuan sekolah masing-masing.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apabila beliau mengatakan prestasi dan kecemerlangan itu dari bagaimana ia diukur kerana menteri juga mengatakan bahawa kita hendak kurangkan tekanan kepada *exam results*. Jadi bagaimana kecemerlangan ini akan diukur atau prestasi sekolah ini akan diukur? Kalau ia diukur mengikut keputusan peperiksaan. Jadi kita *fall back to the same old square one*. Juga apakah yang dikatakan jurang pendidikan? Bagaimana ia diukur dan apakah maksud yang lebih jelasnya? Saya harap dapat penjelasan. *Thank you*.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Bagaimana diukur dalam dua aspek. Diukur dalam konteks pendekatan pertama iaitu untuk menyamaratakan sekolah-sekolah di bandar dan di luar bandar bukan susah sangat. Kita sudah kenal pasti sekolah-sekolah yang tidak ada api, sekolah-sekolah yang tidak ada air, sekolah-sekolah yang di pedalaman, sekolah-sekolah yang perlu dinaik taraf dan kita boleh bandingkan sekolah-sekolah yang serba lengkap dengan sekolah-sekolah yang serba daif dan jurang itu harus dirapatkan.

Mengenai sekolah-sekolah kelompok kecemerlangan tadi yang telah pun saya sebutkan pendekatan kedua ialah untuk kita melihat pendekatan-pendekatan yang telah pun dilalui oleh negara-negara lain sama ada di Australia, sama ada di Singapura, sama

ada di New Zealand di mana mereka telah memberikan ruang sedikit sebanyak dengan kepimpinan yang ada di sekolah itu memberikan sedikit autonomi untuk memberikan mereka ruang menyesuaikan sekolah itu mengikut keadaan dan suasana sekolah tersebut, ianya dapat dilaksanakan.

Yang penting sekarang bagi saya ialah untuk mengenal pasti pertamanya kelompok-kelompok yang kita rasakan boleh dianjakkan ke tahap yang lebih tinggi lagi. Keduanya ialah untuk memastikan bahawa kita mempunyai kepimpinan yang boleh diletakkan di sekolah-sekolah ini supaya mereka boleh memimpin sekolah ini kepada tahap yang lebih tinggi lagi. Dan ketiganya kita akan *benchmark* sekolah ini dengan sekolah-sekolah di dunia dari segi pencapaian dan juga apa yang kita hendak harapkan dalam sebuah negara maju tahun 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran dalam Rancangan Malaysia...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sabarlah, sabar, sabar, sabar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini satu lagi aspek yang saya tidak dengar.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau macam ini saya... Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi sudah tanya dua soalan, saya sudah jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, ya.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tunggu biar saya selesaikan, boleh tanya 4, 5, 10 soalan, tidak ada masalah tetapi tunggu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Betul ya?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tidak pernah bohong pun... [Ketawa] Cabaran dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Tuan Yang di-Pertua, agak berbeza dengan cabaran rancangan sebelumnya. Jika cabaran pendidikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan lebih tertumpu kepada pembangunan sumber manusia dan mencukupi dan berkualiti. Rancangan Malaysia Kesembilan pula membawa kita kepada agenda yang lebih besar iaitu membangunkan modal insan sebagai teras kepada pembangunan negara maju.

Kita ingin menjadikan modal insan yang kita bina beridentitikan acuan bangsa Malaysia yang mampu bersaing di peringkat global. Pembangunan modal insan telah disentuh oleh ramai Ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi banyak saranan, idea-idea bernas termasuk juga teguran-teguran yang berhubung kait dengannya. Kita sedar pendidikan merupakan wadah dalam pembinaan modal insan yang berkesan. Justeru salah satu matlamat Kementerian Pelajaran melakukan semakan semula kurikulum KBSR dan KBSM adalah untuk menjadikan sistem pendidikan kita lebih mapan selaras dengan keperluan semasa.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kaya dengan nilai-nilai integriti dan budaya yang mencerminkan masyarakat Malaysia. Modal insan yang kita harapkan juga tidak membelakangkan aspek ketimuran yang kita junjung selama ini dengan meningkat keperibadian sikap dan tingkah laku dengan mementingkan nilai budaya bangsa, mengekalkan keharmonian muhibah dan perpaduan dalam kehidupan, memiliki jati diri, patriotisme dan daya saing yang utuh serta mampu menguasai dan mengaplikasikan ilmu dengan kemahiran yang tinggi.

Ke arah itu, kementerian telah menerima dan menggunakan tenaga pakar yang sedia ada serta pendapat-pendapat ahli akademik dan profesional melalui forum-forum serta program-program akademik yang dianjurkan. Pada masa yang sama kita tidak boleh membelakangkan kerjasama dan komitmen daripada ibu bapa dan juga masyarakat setempat seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat dalam membentuk modal insan yang diharapkan seperti Yang Berhormat sebut untuk melahirkan generasi, dengan izin, *emotionally intelligent*, *spiritually intelligent* serta berakhlak mulia...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, tadi yang katakan untuk mengurangkan jurang pendidikan di antara di luar bandar dan di bandar, ia adalah dari segi kemudahan, tetapi juga dari segi sumber guru. Hari ini baru dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam surat khabar bahawa di sekolah pedalaman selalunya menghadapi masalah kekurangan guru. Guru tidak hendak pergi ke sana. Saya rasa ini adalah satu masalah yang kita hadapi sudah sekian lama.

Jadi adakah kementerian mempunyai satu strategi untuk mengatasi masalah ini? Umpamanya, kita mengenal pasti guru-guru yang betul-betul ingin ke sana. Saya rasa ada mereka yang lebih *adventurous* dan kalau mereka ingin pergi ke sana, mereka harus diberi insentif mungkin bukan dari segi elaun sahaja, *hardship allowance* sahaja tetapi juga dari segi promosi pada masa depan untuk naik pangkat atau untuk menjadi guru besar. Kalau biasanya ambil masa 15 tahun, mungkin untuk guru-guru yang telah berkhidmat di luar bandar seperti ini dikurangkan 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa kalau kita memberi insentif pasti ada guru yang ingin pergi. Adakah kita mempunyai rancangan ini?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi dalam bab melihat kepada pendekatan dan perancangan kita. Dalam konteks guru memang akan ditekankan kemudian dalam saya menjawab kepada isu-isu yang berhubung kait dengan menyediakan guru-guru di luar bandar dan sekolah-sekolah pedalaman.

Akan tetapi dalam konteks merapatkan jurang di antara bandar dan luar bandar, menyediakan guru sahaja tidak mencukupi, menyediakan infrastruktur, fizikal sahaja pun tidak mencukupi, yang penting juga ialah untuk menyediakan pemikiran, minda ibu bapa itu sendiri yang sanggup melihat pendidikan itu sebagai satu bidang, satu aspek yang dapat memperengkapkan anak mereka bersaing dalam dunia yang semakin mencabar. Jadi bila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam hanya melihat konteks mengurangkan jurang tadi dalam konteks guru sahaja, ianya menunjukkan bahawa pemikiran kita masih dibelenggu dengan isu-isu sempit yang tidak boleh menyelesaikan perkara-perkara yang saya harap dapat diselesaikan secara menyeluruh dalam agenda yang lebih besar.

Program pembangunan pendidikan Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, Kementerian Pelajaran akan memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi untuk menyelesaikan tugas-tugas kita yang masih belum selesai. Seperti rancangan-rancangan lima tahun sebelum ini, di sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran juga akan meneruskan usaha untuk menggandakan akses terhadap pendidikan di kalangan rakyat. Dan usaha untuk mendekatkan jurang pendidikan agar medan persaingan di kalangan pelajar menjadi lebih rata. Perkara ini telah menjadi tumpuan dan telah dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada negeri Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, jumlah yang akan diperuntukkan kepada Sabah dan Sarawak khususnya di bawah Kementerian Pelajaran, kepada Sabah sahaja RM2.88 bilion dan kepada Sarawak RM2.63 bilion. Dalam Rancangan ini, jumlah RM5.5 bilion peruntukan pembangunan bagi Sabah dan Sarawak sebanyak RM1.15 bilion telah diperuntukkan untuk melaksanakan sebanyak 2,083 projek pembangunan luar bandar Sabah dan Sarawak. Melalui peruntukan ini, diharapkan semua sekolah di Sabah dan Sarawak akan mendapat bekalan air bersih dan elektrik. Melalui peruntukan ini, diharapkan juga sekolah-sekolah yang tidak selamat dapat segera dibaiki, sekolah-sekolah yang daif dapat di baik pulih, diganti dan di naik taraf. Sekolah-sekolah yang padat akan mendapat bilik darjah tambahan, manakala asrama dan rumah guru dapat ditambah agar bukan sahaja mencukupi tetapi juga lebih selesa.

Selain peruntukan pembangunan luar bandar Sabah dan Sarawak, Kementerian juga telah memperuntukkan sejumlah peruntukan untuk pembangunan luar bandar di

negeri-negeri lain. Antaranya sejumlah, RM260 juta untuk pembangunan pra sekolah, RM942 juta bagi mengubahsuai dan menaik taraf semua sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah. RM5.3 bilion bagi pembangunan sekolah-sekolah rendah dan menengah yang baru, RM1.2 bilion bagi pembangunan ubah suai, naik taraf dan menggantikan asrama-asrama harian serta RM563.7 juta bagi membangunkan rumah-rumah guru. Insya-Allah, Kementerian Pelajaran Malaysia akan berusaha memastikan menjelang tahun 2010, semua sekolah akan mempunyai bekalan air bersih, bekalan elektrik dan infrastruktur asas yang lengkap.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri Pelajaran. Saya mengucapkan terima kasih di atas sumbangan dan banyak perubahan pendidikan yang berlaku di negara kita ini semasa Dato' Yang Berhormat menjawat jawatan Menteri Pendidikan, Pelajaran. Dan saya tengok di Kelantan sendiri pun begitu hebat bangunan-bangunan sekolah, rendah dan sekolah menengah di seluruh negeri Kelantan. Apa yang saya nak timbulkan di sini, hubung kait dengan sama rata pendidikan dan modal insan.

Barang kali terlepas pandang, saya sebut dengan sebutan terlepas pandang di mana sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah rakyat yang kita kira semua ini adalah modal insan untuk membangun negara kita. Dan mereka ternyata aliran sekolah-sekolah agama daripada semua jenis, sama ada rakyat ataupun kerajaan, memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara kita. Dan apa yang kita lihat sekarang ini, Mahkamah Syariah contohnya, diterajui oleh hasil daripada sekolah-sekolah. Jadi kalau Dato' dapat memberi sumbangan yang sama tanpa melihat kepada banyak karenah integrasi dan sebagainya, saya rasa itu lebih baik dan secara terbuka sebagaimana yang pernah Dato' lakukan kepada sekolah-sekolah lain.

Jadi saya yang mewakili, yang pernah belajar di sekolah agama rakyat, sampai ke Parlimen hari ini hanya dari sekolah agama rakyat dan membangun negara, walaupun saya daripada parti PAS, saya membangun negara sama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain. Jadi saya minta semua daripada Dato' melalui forum ini supaya Dato' juga melihat kepada sekolah-sekolah rakyat, sekolah kebangsaan agama yang saya lihat, sedih Dato', menumpang di masjid-masjid. Di Selangor ini saya lihat sendiri, saya tinggal di Selayang, saya balik tengok sekolah rendah agama menumpang di sebuah masjid. Jadi terasalah bahawa dalam kita nak mengangkat martabat Islam, tiba-tiba sekolah agama kita menumpang di masjid, di kaki lima, tidak terbela, tidak terjaga dan sebagainya nanti, masyarakat luar melihat bahawa kita tidak ada perhatian yang sungguh-sungguh kepada sekolah agama. Jadi minta komen daripada Dato'.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Sememangnya saya rasa begitu terharu dengan saranan Yang Berhormat dan memang niat ikhlas kita untuk meletakkan sekolah-sekolah agama kita kalau boleh dalam 15 tahun yang akan datang ini, mulai daripada Rancangan Malaysia Kesembilan, dalam dua pendekatan. Sekolah-sekolah yang perlu pembelaan dari segi kemudahan-kemudahan asas, perlu kita rapatkan jurangnya. Kedua, bila kita merapatkan jurangnya, kita kena lihat bukan sahaja dalam konteks fizikal tetapi juga dalam konteks tenaga pengajar dan juga dalam konteks pengisian kokurikulum yang diajar di sekolah-sekolah berkenaan.

Akan tetapi saya hendak pergi lebih jauh daripada itu, sekolah-sekolah agama perlu dianjurkan sama bestari seperti bestari sekolah di United Kingdom. Saya nak tengok sekolah-sekolah agama kita dilengkapkan dan dibekalkan dengan makmal komputer, dapat menggunakan ICT yang terbaik tetapi pada masa yang sama, kita memerlukan kepimpinan, dan sekolah-sekolah pondok, sekolah-sekolah kecil mesti menerima hakikat bahawa kalau kita biarkan keadaan mereka tetap dengan jumlah yang begitu banyak. Maka tidak mudah untuk kita membekalkan mereka dengan kemudahan prasarana yang lebih canggih, lebih hebat dan juga bukan mudah untuk kita memujuk guru-guru yang berkaliber dan berwibawa untuk ke sekolah-sekolah ini tetapi Yang Berhormat jangan bimbang bahawa sememangnya bila saya sebut sekolah-sekolah yang ingin kita hendak menyamaratakan di antara yang ada dan tidak ada. Dan juga kelompok-kelompok yang kita hendak anjakkan kepada tahap kecemerlangan, sesungguhnya saya meletakkan agenda kita untuk sekolah-sekolah agama sebagai sebahagian besar dalam apa yang telah pun kita rancang untuk Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, hendak cakap sikit, hendak beri pandangan baik kepada Menteri, boleh tidak?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Kepong, Kepong baru balik mandi ya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cepat sikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya terima kasih... *[Ketawa]* Saya pertamanya hendak ucap syabas kepada menteri yang cukup sabar, maklumlah Tuan Yang di-Pertua masa depan Malaysia ini ada di tangan Kementerian Pendidikan, manusia masa depan, rakyat bangsa Malaysia di bawah Kementerian Pelajaran. Cuma satu saya hendak minta, yang ini mungkin kalau saya kata orang kata benda remeh-temeh tetapi di samping itu juga, senarai makanan ini untuk pelajar-pelajar kita ini alhamdulillah, cuma saya hendak minta satu sahaja supaya kementerian tolong pak tani, pak tani kita, sekarang ini semua makan ikan laut. Saya hendak masuk dalam menu itu makan ikan darat. Saya sudah bincang dengan pakar Sains, sebelah saya daripada Arau, dia kata ikan darat, ikan laut sama. Macam dulu, belut Tuan Yang di-Pertua, belut orang tengok tidak mahu, orang perempuan tengok belut, geli, tetapi sekarang ini kalau kita pergi restoran Jepun, belut itu cukup mahal.

Jadi boleh tidak Yang Berhormat Menteri tolong pak tani-pak tani saya khabar Kementerian Pertanian dia kata hak ini bawah Kementerian Pendidikan jadi dalam senarai makanan itu bubuh ikan darat sama. Jadi makan ikan keli, ikan kerapu, ikan-ikan ini Tuan Yang di-Pertua, dia cuaca ribut taufan mai pun ikan ada. Ini kalau ikan di laut ikan naik harga kalau ribut mai, jadi ini macam mana pandangan saya baik tidak baik Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: *[Ketawa]* Yang Berhormat Jerai saya baru dua tahun sudah dapat teliti semua tetapi bab ikan darat dan ikan laut ini belum kita teliti lagi sebegitu rupa tetapi pandangan Yang Berhormat tadi sememangnya berhubung kait rapat dengan apa yang kita bekalkan sebagai bantuan-bantuan tambahan makanan yang saya akan maklumkan kepada pihak berkenaan. Kepong.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat menyentuh masalah komputer, kekurangan guru yang terlatih dan sebagainya. Di sinilah saya hendak tanya Yang Berhormat Larut kita diam dulu kerana itu...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tanya sahajalah, jangan sebut nama.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bagi Yang Berhormat bagi Sembrong peluang sedikit ya, kita bagi dia. Dia bertungkus-lumus di dalam *interview* pun dia kata dia sangatlah rajin, tidak cukup tidur. Itulah masalah tidur pun tidak lena.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepong balik tidur mandi baru datang balik Parlimen Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itulah Jerai, itu di antara masalah yang ada berkaitan dengan kekurangan penggunaan ICT terutama di luar bandar, yang pertama bolehkah Yang Berhormat memberi jawapan ataupun secara lisan secara bertulis pembekalan komputer yang tidak seimbang antara sekolah bandar dan luar bandar. Ini memang penting kita hendak merapatkan jurang itu dan perisian komputer untuk PNP yang sesuai sukar diperolehi, latihan dalam perkhidmatan untuk guru mengendalikan sistem komputer di sekolah yang kurang berkesan dan yang disebutkan tadi itu penyelenggaraan komputer yang kurang memuaskan di sekolah dan bilangan guru yang terlatih dalam ICT yang belum mencukupi.

Dan seterusnya Yang Berhormat ada sebutkan sistem sekolah bestari untuk luar bandar berbeza dengan sistem sekolah bestari untuk bandar. Apakah strategi untuk

mengatasi kerana saya tidak nampak lagilah sekolah bestari luar bandar itu. Setakat ada kenyataan tetapi tidak dihayati dan diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua akan saya bangkitkan kemudian berhubung kait dengan perancangan kita di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pembekalan bilik-bilik komputer, makmal-makmal komputer.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Akan tetapi untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Kepong tidak perlu tunggu secara bertulis. Setakat hari ini sebahagian besar sekolah kita telah pun dilengkapi dengan komputer meja lebih kurang 130 ribu, *notebook* sekitar 140 ribu, lebih 2000 judul perisian kursus, 96% atau 9200 buah sekolah kita juga telah dirangkaikan dengan akses *internet* jalur lebar manakala sekitar 200 ribu guru kita juga pernah dilatih untuk menggunakan perkakasan dan perisian ini. Saya akan bentangkan secara lebih terperinci karang berhubung kait dengan perancangan kita untuk lima tahun akan datang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Soalan berhubung kait dengan penyelenggaraan tadi, kita telah pun juga melantik sebuah syarikat yang tidak berkepentingan iaitu tidak berkepentingan membekal perkakas-perkakas tadi untuk membuat pemantauan dan laporan kedudukan perkakas-perkakas yang telah pun kita bekalkan ke sekolah-sekolah yang sedia ada.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, siapa?

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Puchong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sri Gading dulu.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Oh Sri Gading, Yang Berhormat senior... [Ketawa] Maaf.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sangat menghargai dan saya memang merasa kita semua terhutang budillah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita. Seorang menteri yang bersemangat dan dedikasi dan kita yakin beliau akan dapat menyempurnakan tugas dan amanah bangsa ini dan negara. Saya tidak meragui kebolehannya. Apa yang hendak saya bangkit ini sebagai satu cara masyarakat untuk membantu beliau kerana mungkin ada perkara-perkara yang di luar daripada jangkauan.

Al-maklum kita manusia yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berat ini kadangkala mungkin oleh sebab-sebab yang tertentu, kuasa-kuasa yang diberi kepada orang-orang tertentu maka Yang Berhormat Menteri terlepas pandang. Jadi bukan kesalahan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak membangkitkan kerana ini yang diminta oleh ramai ibu bapa orang-orang Islam dan orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa itu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Buku pilihan Tingkatan 4 untuk nota dan soalan-soalan untuk Kesusasteraan, Bahasa Melayu Tingkatan 4 untuk SPM. Buku ditulis oleh Gracie Annie disunting oleh R. Kramer mengikut sukatan baru KBSM, Kurikulum Baru Sekolah Menengah, dikeluarkan oleh Syarikat Pustaka Sistem Pelajaran Sdn. Bhd. Buku di bawah kuasa bahagian buku teks yang menjaga kurikulum pusat perkembangan, yang menilai, mengkaji dan meluluskan sukatan pelajaran bagi sesuatu buku yang dibenarkan masuk ke sekolah-sekolah. Yang hendak saya bangkitkan sebagai orang Melayu dan saya juga hendak membangkitkan sebagai orang Islam.

Dalam muka surat, muka surat di dalam ini Tuan Yang di-Pertua, rangkap satu. Muka suratnya tidak begitu jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak nampak Yang Berhormat, cermin mata Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: “Adam ialah bapa kita, yang telah dibuang dari syurga kerana telah cuba mencari kebahagiaan dengan memakan buah khuldi yang dilarang oleh Allah”. Ayat ini ada kejanggalannya sebagai orang Islam dan gambar lukisan Nabi Adam di sini. Walaupun dia tidak merujuk gambar ini Nabi Adam tetapi dalam cerita ini dan pokok ini, pokok khuldi dan manusia yang cuba digambarkan ialah Nabi Adam. Nabi dan rasul yang wajib dipercayai oleh orang Islam 25 orang, di awal Nabi Adam a.s dan ditutup oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan gambar-gambar nabi ialah manusia-manusia yang mulia, yang tidak boleh digambarkan.

Akan tetapi penulis ini sudah barang tentu bukan orang Islam, penyuntingnya pun bukan orang Islam dan rentetan ayat-ayat di dalam gambar-gambar ini, ayat-ayat perkataan-perkataan yang tidak boleh diterima oleh orang Islam, satu. Yang kedua pantun Tuan Yang di-Pertua, pantun-pantun tradisional Melayu takkan berbunyi seperti ini. Ini akan merosakkan nilai khazanah Melayu asli.

Seorang Ahli: Cuba sebut contohnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya bagi contoh, pantun:

*“Tikar daripada pucuk dan daun mengkuang,
Menjadi alas semasa upacara pernikahan Raja Melayu....”*

Wah, hinanya Raja Melayu, atas tikar rupanya bernikah!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya buat bantahan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:...

*...“Ikan yang busuk tidak harus dibuang,
Boleh dijadikan baja bagi pokok-pokok”*

Apa punya[Dewan riu] [Ketawa] Apa prinsip pantun itu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ini hendak dipusakakan kepada anak bangsa, rosak pantun! Pantun ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh daripada lapan perenggan,

*Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik, Tan Sri, dikenang juga.*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dua tiga kucing berlari...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...

*Dua tiga kucing berlari,
Mana nak sama si kucing hitam....*

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...

*...Dua tiga boleh ku cari,
Mana nak sama Datuk Hisham seorang.*

Inilah pantun Melayu. Pembayang dengan maksudnya sama, tetapi kalau pembayang dan maksud bertelingkah macam itu, ia bukan namanya pantun. Contoh lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat. Cukup!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Contohnya, Tuan Yang di-Pertua,

*Buah bacang masak serangkai,
Burung berbunyi sambil hinggap di batang pokok.... [Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Takut silap baca ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Ketawa] Tidak, Tidak silap baca.

*Buah bacang masak serangkai,
Burung berbunyi sambil hinggap di batang pokok.,.*

Alahai..., lepas itu..

Saya orang asing yang tidak berharta..

Laillaha illallah..., 'kai' dengan "ta". Selepas itu..., seperti suatu yang tidak mempunyai nilai..

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat. Betulkah itu, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul, Tuan Yang di-Pertua. [Menunjukkan sebuah buku] Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak baca... [Dewan riuh] [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Fasal Yang Berhormat tidak pakai cermin mata tu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, tidak. Betul tadi itu. Tentang ini betul. Tentang ini nampak, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Larut kacau saya, Tuan Yang di-Pertua. Di antara mata dia dengan mata saya lebih baik mata saya. Saya tidak pakai cermin mata.

Maksud saya, menteri tidak salah tetapi kalau buku-buku seperti ini boleh lepas ke sekolah-sekolah dan kalau perkara-perkara yang salah ini boleh berlaku, tidak mustahil banyak buku yang mungkin agaknya boleh merosakkan anak murid kita daripada matlamat yang dikehendaki oleh menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat menteri sudah faham itu, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri bolehlah agaknya memberi arahan kepada mereka yang berkuasa. Yang Berhormat Menteri bagi kuasa kepada pihak-pihak yang tertentu, dia tidak salah. Jadi saya mintalah supaya ada perhatian daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekolah di kawasan saya, ya Allah, bukan main cantiknya Tuan Yang di-Pertua. Ini semua Yang Berhormat Hisham lah punya jasa. Mudah-mudahan banyak lagi sekolah dibina.

Seorang Ahli: Nama tidak boleh sebut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri Pelajaran. Best lah Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong dia biar dia berjaya terus.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: [Ketawa] Syukur, syukur alhamdulillah. Pertama kali tidak kena balun dengan Abang Aziz.

Saya bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Ia tidak harus berlaku dan tidak patut berlaku. Cuma kita kena tengok sama ada buku yang dimaksudkan itu merupakan buku teks rasmi kita atau buku kerja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Buku teks pilihan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Buku teks pilihan. Kalau disediakan oleh pihak swasta, kalau disediakan di luar sekolah kita, cara untuk kita mengambil tindakan ialah bila ia dibawa masuk ke sekolah kita. Ini kita akan teliti. Pada masa yang sama kita mempunyai akta-akta lain seperti hasutan, bercanggah dengan ajaran kita, ini

juga boleh diambil tindakan tetapi itu akan kita salurkan kepada kuasa-kuasa yang berkenaan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya sambung sedikit, Yang Berhormat. Boleh, Yang Berhormat?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya ingatlah Yang Berhormat, walaupun tidak ada kuasa, walaupun di luar sebagai pilihan, saya minta ini sebagai satu perkara yang telah dibangkitkan. Mungkin perkara ini juga serius. Mungkin Yang Berhormat boleh memanggil pegawai yang berkenaan untuk menyiasat perkara ini dan mengkaji sedalam-dalamnya. Kita tidak tahu, itu mungkin satu contoh yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dan mungkin ada lagi.

Apabila ini sudah didedahkan mungkin ada sesuatu yang tidak kena dalam sistem pelajaran kita. Jadi mintalah Yang Berhormat, mungkin dalam yang telah kita luluskan ini pun mungkin ada, kita tidak tahu. Jadi mintalah semua ahli jawatankuasa untuk memantau segala buku teks yang telah disediakan ini, nota soalan dan sebagainya, di semua peringkat supaya ini tidak berlaku. Jangan menghinakan. Sebab kita sudah katakan soal agama kita tidak boleh bertolak ansur kerana itu adalah merupakan prinsip dan agama kita. Walaupun pembangkang mengatakan agama rasmi bukan Islam, tetapi kita tetap mengatakan negara kita adalah negara Islam.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya bersetuju dan akan diarahkan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di sini saya juga ingin mengucapkan tahniah dan juga mengucapkan setinggi-tinggi sokongan kepada Yang Berhormat Menteri kerana sejak Yang Berhormat Menteri menjadi Menteri Pelajaran di Malaysia, sangat banyak perubahan yang positif telah berlaku dalam sektor pendidikan kita. Ini jelas terbukti bahawa tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa ada dua pendekatan yang penting dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini iaitu mengenai memperkasakan sekolah kebangsaan dan memartabatkan sekolah-sekolah yang cemerlang supaya mereka boleh dipertingkatkan lagi ke satu tahap yang dikatakan *world class*.

Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai memperkasakan sekolah kebangsaan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri yang menyatakan bagaimana kita boleh memperkasakan sekolah kebangsaan supaya menjadi satu *stream* yang penting bagi masa depan kita. Pada masa yang sama juga Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan kepada masyarakat bahawa perubahan-perubahan akan berlaku di dalam sistem pendidikan kita, contohnya kita tidak akan lagi memfokuskan kepada *exam orientated syllabus*, dengan izin, dan ini memberikan ruang kepada pembangunan kokurikulum dan seterusnya.

Persoalannya sekarang ialah bagaimana kita boleh menghubungkaitkan kedua-dua tindakan daripada kementerian ini supaya masyarakat umum lebih jelas dan mempunyai keyakinan yang lebih terhadap Kementerian Pelajaran supaya sistem pendidikan kita memberi satu perubahan yang lebih positif pada masa-masa yang akan datang. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat bagi Puchong, perkara memperkasakan sekolah kebangsaan ada babnya sendiri yang saya akan sentuh kemudian tetapi penekanan kepada peperiksaan yang kita harap dapat dikurangkan dan diimbangi dengan penekanan kepada aktiviti-aktiviti luaran seperti kokurikulum, sukan, program-program agama, berhubung kait dengan perpaduan seperti rancangan integrasi murid melalui perpaduan, semua ini kita akan mula rintis dalam konteks Rancangan Malaysia Kesembilan di kelompok-kelompok yang saya sebutkan tadi dalam pendekatan kedua kita, banyak berkisar kepada masalah masa yang ada di sekolah, isu-isu sekolah dua sesi perlu dikurangkan, prasarana, perkakas yang dibekalkan untuk mewujudkan suasana yang kondusif kepada usaha kita hendak menyemarakkan kokurikulum dan sukan perlu dibekalkan. Pada masa yang sama tenaga pengajar dalam konteks pasukan-pasukan

beruniform, peruntukan tambahan dan juga tenaga-tenaga pengajar untuk menyediakan latihan kemahiran yang sesuai telah pun mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri.

Pada masa yang sama, untuk memastikan bahawa ibu bapa sedar bahawa kita serius dalam hal ini, sebab itu 10 peratus kemasukan dalam IPTA diletakkan sebagai syarat dalam kita mengambil kira kerana tanpa sokongan daripada ibu bapa, maka ia tidak akan kesampaian. Cadangan kita dalam Kementerian Pelajaran ialah untuk menjadualkan dalam lima tahun yang akan datang beberapa sekolah yang akan kita bekalkan usaha-usaha yang saya sebutkan tadi dan kita akan telus apa yang perlu kita berikan, apa yang diperlukan oleh sekolah dan bagaimana jumlah yang ada kepada kita dapat kita bahagi-bahagikan mengikut apa Yang Berhormat sarankan tadi.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mengenai cara bagaimana hendak kita laksanakan tadi dalam konteks penilaian dalam konteks semesta dan bukan sahaja peperiksaan semata-mata pihak Lembaga Peperiksaan sedang mengkajinya secara teliti.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh mengenai pembekalan komputer-komputer ke sekolah-sekolah. Saya rasa cukup bangga bila sekolah-sekolah lebih-lebih lagi di luar bandar mendapat bekalan komputer-komputer tetapi ada segelintirnya sesetengah guru yang tidak menghargai sumbangan ataupun keprihatinan daripada pihak kementerian kita kadang-kadang komputer itu bukannya murah jenis *Apple* ini mahal, berlaku kerosakan kerana kecuaiannya mungkin terdedah kepada panas ataupun terjatuh dan sebagainya. Ini sudah pasti telah mendatangkan kerugian kepada pihak kerajaan. Kena *repair*, kena baiki dan baik pulih atau mungkin tidak boleh pakai langsung.

Selain daripada itu terdapat juga segelintir yang saya percaya perkara seperti ini di luar jangkaan Yang Berhormat Menteri sendiri kita tidak berhasrat demikian iaitu penyalahgunaan. Dengan adanya talian *internet* kepada sekolah-sekolah untuk mendapatkan akses-akses tertentu telah disalahgunakan oleh guru-guru itu sendiri sehingga membuka laman-laman yang tidak sesuai untuk kita sebagai pendidik kepada anak bangsa kita. Saya mohon mencadangkan supaya satu langkah yang lebih tersusun dapat diambil oleh pihak kementerian bagi memantau insiden kejadian-kejadian seperti ini.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Masalah yang kita hadapi di bawah Rancangan Malaysia Kelapan telah pun kita belajar dengan perit kadangkalanya dan saya berharap bahawa ia tidak akan berulang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan di mana kita bercadang untuk *role out* dengan izin, jumlah sebanyak 2.1 bilion perkakas dan juga kursus-kursus untuk melatih guru-guru kita dalam konteks perkakas-perkakas atau penghayatan guru-guru kita, tetapi masalah-masalah yang berhubung kait dengan trolis berat, makmal komputer bocor, masalah komputer di pedalaman meletup kerana generator, itu semua telah pun kita ambil kira dan jangan ambil daripada saya kerana apa yang saya sebut tidak kita telah lantik satu syarikat bebas untuk menelitinya dan insya-Allah apa yang kita hendak keluarkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak berulang.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Mohon penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Menteri Pelajaran. Saya hendak berbalik kepada *exam oriented* tadi dengan izin, bahawa pembangunan modal insan tadi sudah tentu Yang Berhormat percaya dan bersetuju bahawa kecemerlangan akademik tidak menjamin segala-galanya untuk kita membina modal insan yang berguna kepada negara.

Persoalannya Yang Berhormat adakah kementerian Yang Berhormat sudah bersedia dengan satu pasukan pakar yang akan menggabungkan kesemua aspek-aspek yang membina suatu modal insan yang kita harapkan. Sebagai contoh gabungan antara dengan izin, *IQ*, *EQ* dan *SQ* satu penemuan baru dalam dunia pendidikan dalam pembangunan manusia. Adakah kita telah benar-benar ada satu kepakaran ini sebab kita tidak hendak seorang yang dididik di sekolah kita untuk kita bercakap dan mengharapkan

modal insan dalam 10 tahun akan datang yang mungkin cemerlang dari segi akademik tetapi runtuh dan hancur dari segi akhlak mereka. Ini yang kita tidak mahu satu insan yang bobrok kata orang-orang Indonesia. Jadi persoalannya adakah kita benar-benar bersedia dan ada kepakaran ini untuk kita menganjak bagaimana kita mesti melihat bahawa sistem pendidikan kita untuk lima tahun akan datang ini benar-benar boleh melahirkan modal insan yang kita bercakap pada hari ini. Minta penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Belum bersedia sepenuhnya sebab itu kita mengharap dengan pendekatan-pendekatan baru ini kita jadualkan. Pendekatan kita untuk melihat kepada penilaian yang berterusan, menekankan kepada nilai menekankan kepada pembinaan insan dalam konteks akhlak, budi bahasa. Semua ini hanya akan dapat dilaksanakan sekiranya kepimpinan di peringkat sekolah itu telah pun bersiap sedia.

Dalam konteks *IQ* dan *EQ* sememangnya kita mempunyai kepakaran yang diperlukan tetapi dalam keadaan suasana dunia yang berubah ini kita juga mesti menyesuaikan dan kemahiran suka atau tidak suka kita kena memastikan bahawa kemahiran dan kepakaran itu wujud untuk kita melaksanakan. Sebab itu dalam lima tahun yang akan datang ini kita akan membuat program-program rintis sebelum ianya diperluaskan kepada ke semua 10,000 sekolah yang sedia ada. Perkara yang paling penting ialah kepimpinan di peringkat sekolah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu mengangkat taraf sekolah di seluruh negara. Sehubungan dengan ini, saya hendak kaitkan dengan masih lagi dalam konteks sekolah agama. Saya diberi maklum daripada pihak-pihak tertentu di negeri Kelantan bahawa ada perbincangan-perbincangan dengan Kementerian Pelajaran tentang mengangkat taraf sekolah-sekolah agama yayasan ataupun sekolah-sekolah lain di seluruh Malaysia. Apa yang hendak saya kaitkan di sini iaitu saya diberi maklum bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran terlalu ketat sangat iaitu dengan dasar mengambil alih sekolah-sekolah itu baru diberi bantuan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Apakah kementerian tidak boleh bertolak ansur dalam masalah-masalah ini dalam pembahagian kuasa misalnya. Saya rasa tidak menjadi masalah sekiranya kementerian bagi bantuan kepada sekolah-sekolah di Kelantan di bawah yayasan kerana sekolah yayasan ini sudah pun berdaftar dengan Jabatan Agama Islam atau Majlis Agama Islam. Berdaftar dengan cara rasmi dan pihak kementerian boleh menghantar pemantau melalui Jabatan atau Majlis Agama Islam supaya semua bantuan yang dialirkan oleh Kementerian Pelajaran ini tidak disalahgunakan. Ini kerana saya lihat dari segi keputusan sekolah-sekolah yayasan terlalu tinggi dan ia menjana kejayaan pelajar-pelajar agama dan pelajar Melayu di seluruh negara.

Barangkali kalau saya mengambil sedikit pendekatan bukan untuk perbandingan Yang Berhormat, tetapi sekadar yang baik kita ambillah, kalau tidak baik kita tidak ambil. Contohnya sekolah-sekolah agama di seluruh Thailand bukan sahaja di selatan wilayah tetapi di seluruh Bangkok kerana saya ada kawan-kawan saya yang belajar sekali dahulu dari Bangkok dari Siam Muslim di Bangkok mereka menyebut bahawa kerajaan Siam hanya meminta dari pondok ataupun dari sekolah-sekolah agama mereka dan memasukkan bahasa Thai sahaja syarat memasukkan bahasa Thai sahaja di sekolah rakyat ataupun sekolah pondok maka kerajaan memberi semua bantuan apa sahaja yang diperlukan oleh sekolah tersebut dengan hanya satu subjek sahaja dimasukkan.

Sekarang ini bukan sahaja satu subjek kita menerima semua KBSM, KBSR, pendidikan sains dan pendidikan lain-lain lagi yang dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran di sekolah-sekolah kita yang membolehkan pelajar-pelajar kita mengambil semua peperiksaan kementerian, SPM, STPM dan berbagai-bagai kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran. Apakah tidak cukup dengan berbuat demikian supaya kementerian dapat memberi bantuan supaya sekolah-sekolah ini dapat seganding dengan sekolah-sekolah lain dengan tidak berlaku penutupan-penutupan sebagaimana berlaku di Kedah dan lain-lain negeri. Apakah pandangan Yang Berhormat.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat, sebenarnya kebimbangan Yang Berhormat bukan sahaja diluahkan berhubung kait dengan negeri Kelantan sahaja tetapi banyak lagi negeri-negeri yang juga bimbang dalam usaha kita untuk melihat kepada kedudukan sekolah-sekolah agama kita.

Contohnya bukan sahaja kurikulum, bahasa Siam yang telah disebutkan tadi, tetapi lebih pokok daripada itu. Kuasa lembaga pengelola sekolah bimbang akan hilang kedudukan tanah dan bangunan akan dirampas dan sebagainya. Sebenarnya itu jauh daripada apa hasrat kita dan saya telah pun maklum kepada semua yang terlibat bahawa yang paling penting sekarang ialah untuk kita memastikan kalau usaha ini dapat diperjelaskan dengan sebaik mungkin dan kalau sekiranya Yang Berhormat hendak membantu kita memikirkan kepada syarat-syarat yang dikatakan begitu ketat tadi saya sentiasa terbuka setakat ini kalau di Kelantan, sekolah agama rakyat ada dua buah sekolah dengan perkenan ke bawah Duli Tuanku sendiri maka tengoklah apa layanan kita kepada dua buah sekolah tadi dan tengoklah apa niat kita untuk menaikkan taraf sekolah berkenaan atau ada matlamat atau niat yang lain seperti yang telah digembar-gemburkan oleh pihak-pihak lain yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terakhir Tuan Yang di-Pertua, terakhir.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sila duduk. Sila duduk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berbalik kepada kokurikulum dan pasukan beruniform tadi. Sekarang ini kita lihat di sekolah banyak pasukan beruniform. Di sini terdapat juga pasukan beruniform yang nasional sifatnya dan ada juga *international* yang antarabangsa sifatnya.

Sejauh manakah kementerian memberi penekanan kepada pasukan-pasukan beruniform yang bersifat internasional atau antarabangsa ini kerana pada pandangan saya, pasukan uniform antarabangsa ini memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan pelajar-pelajar di luar negara, contohnya dalam jambori dan sebagainya dan dengan cara ini kita dapat meningkatkan kepekaan antarabangsa di kalangan pelajar-pelajar kita, itu yang pertama Yang Berhormat Menteri.

Yang keduanya berkait dengan sekolah agama tadi. Di kawasan saya ada sebuah sekolah yang telah didatangi oleh pegawai-pegawai daripada JAPIM iaitu Jabatan Pendidikan Islam Malaysia dan mereka mengatakan sekolah agama rakyat tersebut akan diambil alih tetapi sehingga sekarang mereka menunggu dan saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bilakah agaknya sekolah tersebut akan diambil alih oleh kerajaan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ledang, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Samakah Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Oleh kerana ini sama, saya sambung sedikitlah. Di Ledang juga ada sekolah menengah agama iaitu Sekolah Menengah Lughatul Quran di Kesang Tasik, tempat Yang Berhormat Menteri dahulu bermain di sawah padi.

Saya hendak bandingkan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi. Suasana di sekolah rakyat kerana saya adalah salah seorang pemimpin sekolah tersebut iaitu sekolah arah yang kami taja dahulu. Bagi pihak saya pula, saya tidak sabar-sabar bilakah kementerian hendak ambil alih ini. Kalau boleh esok pun tidak mengapa sebab saya sedar bahawa kami tidak mahu anak bangsa saya yang terdiri daripada anak-anak murid ini tidak mendapat pendidikan sepenuhnya setaraf dengan matlamat dasar pendidikan yang sedia ada sekarang ini.

Kurang kemudahan komputer dan sebagainya dan tidak ada kemudahan-kemudahan yang setanding dengan sekolah-sekolah aliran kebangsaan apatah lagi sekolah bestari. Kalau boleh biarlah secepat yang boleh esok pun tidak mengapa. Sekian, terima kasih.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk sekolah-sekolah agama Johor, mesyuarat telah pun ditetapkan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar hari ini untuk diputuskan tetapi oleh kerana saya terpaksa hadir di

Parlimen ini untuk menjawab Yang Berhormat bagi Ledang, maka mesyuarat itu terpaksa ditangguhkan. Saya harap Yang Berhormat dapat menjelaskan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sudah sampai kepada peringkat yang agak jauh di Johor dan pengumumannya akan dimaklumkan selepas saya mendapat persetujuan daripada pihak negeri nanti.

Berhubung kait dengan sekolah-sekolah tertentu, saya harap Yang Berhormat boleh panjangkan surat berkenaan kepada saya, kemudian saya akan teliti dan kaji. Kesatuan-kesatuan kokurikulum ini sebenarnya kita tidak boleh paksa mana-mana sekolah menjayakan persatuan-persatuan atau aktiviti-aktiviti tertentu kerana ia banyak bergantung kepada situasi dan juga cita rasa pelajar-pelajar yang sedia ada di sekolah-sekolah berkenaan masing-masing.

Sebab itu dalam pendekatan kita, saya hendak berikan ruang seluas-luasnya kalau pada peringkat Rancangan Malaysia Kesembilan ini kepada kelompok-kelompok sekolah yang telah saya sebutkan tadi untuk memilih kalau mereka hendak berjaya dalam konteks sukan mereka kena pilih sukan-sukan tertentu sama ada ragbi, kriket tetapi mesti diberikan ruang seluas-luasnya untuk mereka menentukan apa bidang yang mereka perlukan untuk sekolah mereka...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Jasin, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, saya pernah menimbulkan masalah yuran yang begitu tinggi di kalangan sekolah-sekolah menengah untuk anak-anak kita masuk sekolah menengah Tingkatan 1.

Sekolah Menengah Alam Shah sampai RM900 lebih, begitu juga di sekolah-sekolah luar bandar sampai RM300 atau RM400. Ini menimbulkan masalah kepada ibu bapa dan juga menimbulkan kepada kami wakil rakyat. Emak bapa datang mengadu, kita yang kena. Nombor dua Tuan Yang di-Pertua, tadi ditimbulkan juga tentang masalah sekolah-sekolah yang kelengkapan tidak cukup. Saya amat sedih dan saya sudah hantar surat kepada Yang Berhormat Menteri dan saya difahamkan bahawa Sekolah Rendah Sri Bemban, Jasin, Melaka tidak termasuk di dalam pembinaan baru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Sekolah ini sudah hampir maksimum bilangan murid dia tetapi Pegawai Pendidikan Daerah tidak menganjurkan untuk membuat sekolah baru. Seinggakan sekolah ini pada hari ini padang pun sudah tidak ada. Hendak buat makmal komputer pun tidak ada tempat sudah. Bilik guru telah digunakan untuk bilik kelas dan bilik guru sekarang ini terpaksa dibuat sekat kantin dan dijadikan bilik guru dan perkembangan di Bemban ini dengan projek-projek perumahan yang sedang berlaku pada hari ini saya kira dalam satu atau dua tahun ini memang tidak dapat menampung murid yang ada.

Oleh yang demikian saya berharaplah supaya kementerian tengok balik. Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, semalam saya dapat berjumpa dengan beberapa orang dekat Sungai Petani dia datang ke Kuala Lumpur, dia melahirkan kata Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak langsung keluar *statement* ataupun pertolongan berkenaan dengan murid sekolah yang tempoh hari dilanggar kereta api.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak berkaitan dengan tajuk yang sedang dibincangkan. Bila sampai perkara itu...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini fasal bangun satu kali Tuan Yang di-Pertua, mahu habis semua. Nanti bagi change orang lain bangun Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan cara itulah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Ini sementara Yang Berhormat Menteri ada, saya mintalah supaya ada sedikitlah, sedikit daripada Kementerian Pelajaran kerana budak ini budak sekolah, pagi emak dia hendak

hantar sekolah kena langgar kereta api. Kalau Yang Berhormat Menteri Pelajaran membuat statement sedikit, saya ingat orang Sungai Petani pun seronok juga mendengar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pensiangan, perkara yang sama?

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada tiga perkara yang ada hubung kait dengan yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Satu mengenai dengan *video conferencing* yang telah diterangkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini perkara berlainan dengan apa yang sedang kita bincangkan.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Ini mengenai dengan IT di sekolah-sekolah di pedalaman. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ada syarikat yang telah pun dicadangkan untuk mengendalikan IT di sekolah-sekolah di bahagian pedalaman khususnya di SMK Sook, baru-baru ini. Sudah tiga tahun, 26 unit komputer makmal yang telah dibina ataupun telah dilengkapkan tetapi tidak dapat digunakan selama tiga tahun sudah.

Ini saya rasa perkara yang tidak *compatible* dan syarikat-syarikat yang telah memasang komputer-komputer tersebut saya rasa tidak mempunyai kepakaran dalam soal alam pengkomputeran ini. Saya minta kementerian supaya meneliti perkara ini dengan lebih teliti lagi.

Yang kedua mengenai dengan cadangan untuk kementerian supaya membuat suatu pendekatan untuk mewujudkan kumpulan-kumpulan juruteknik untuk mengendalikan komputer-komputer di sekolah-sekolah yang saya rasa ini yang amat getir sekali, yang amat perlu ditangani disebabkan komputer-komputer khususnya di bahagian pedalaman yang jauh di pedalaman sekali, jarang dilawati dan apabila komputer-komputer tersebut mengalami kerosakan ia akan membuntukan lagi dari segi pembelajaran anak-anak kita dalam bidang-bidang IT.

Baru-baru ini saya telah pergi ke kawasan yang terpencil sekali. Mereka mempunyai komputer tetapi malangnya telekom menggunakan *VSAT Satellite* tidak berfungsi dan kadang-kadang sebagai yang saya selalu terangkan jana kuasa generator tidak mencukupi untuk menjana komputer-komputer tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini telah merupakan suatu perkara baru untuk Yang Berhormat Menteri.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Akan tetapi hanya diingatkan. Ketuk pintu sekali tidak buka, ketuk dua kali mungkin tidak buka, mungkin ketuk tiga kali dia buka. Saya hendak sarankan sama juga dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, sebab kalau saya benarkan, saya fikir Ahli Yang Berhormat boleh kemukakan perkara baru untuk Yang Berhormat Menteri menjawab. Itu sahaja Yang Berhormat Menteri.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Terima kasih. Tadi suatu perkara baru yang kita punya cadangan-cadangan untuk juruteknik yang baru. Terima kasih.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yuran saya akan sentuh secara terperinci dalam penggulangan saya ini. Isu kereta api, saya hendak maklumkan bahawa saya, Timbalan-timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen telah pun kita bahagi-bahagikan tugas dan berhubung kait dengan keselamatan kita telah pun putuskan bahawa Yang Berhormat Dato' Noh melihat kepada perkara itu dan apabila kita mempunyai maklumat yang terkini dan masa terdekat ini satu dua hari ini kita akan buat kenyataan kita.

Mengenai sekolah-sekolah tertentu apa yang dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun kita catat dan saya bercadang daripada kita membincangkan sekolah-

sekolah tertentu saya menjawabnya secara bertulis. ICT tadi pun saya akan sentuh dalam program pembestarian kita nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi membincangkan berhubung kait dengan infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Insya-Allah kementerian akan berusaha memastikan menjelang tahun 2010, semua sekolah mempunyai bekalan air bersih, bekalan elektrik dan infrastruktur asas yang lengkap dan dalam hal ini Kementerian Pelajaran berharap kementerian dan agensi lain yang terlibat baik di peringkat pusat mahupun negeri dapat bersama-sama membantu memastikan hasrat ini tercapai demi kepentingan pendidikan anak kita.

Bagi memastikan semua perancangan berjalan dengan lancar, sama-sama kita pastikan semua projek yang dilaksanakan itu dipantau dan juga dinilai dari semasa ke semasa. Dalam membuat perancangan membina sekolah-sekolah baru pula, saya telah arahkan kementerian memastikan sekurang-kurangnya tiga aspek penting diberikan keutamaan.

- (i) memastikan tapak lokasi sekolah adalah bersesuaian;
- (ii) memastikan kemudahan tapak binaan mempunyai kemudahan asas iaitu jalan masuk, bekalan air dan elektrik; dan
- (iii) membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pembinaan sekolah-sekolah mengimbangi keperluan penduduk setempat sebagai langkah mengelak daripada menghadapi masalah sekolah kurang murid.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pembinaan sekolah baru dan infrastruktur, saya mohon penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri.

Saya mendapat maklumat daripada pihak berkuasa tempatan daripada seluruh kawasan negeri Selangor dan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri bahawa di negeri Selangor, setiap penempatan baru yang dirancang memerlukan satu kawasan yang dirizabkan untuk tujuan pembinaan sekolah tidak kira sekolah menengah atau sekolah rendah.

Kawasan yang dirizabkan ini telah ditetapkan dalam perancangan ketika pihak pemaju mengemukakan pelan pembangunannya. Dalam banyak keadaan Yang Berhormat Menteri, lot ini iaitu lot yang dikhaskan untuk pembinaan sekolah ini telah tidak diambil atau tidak dipedulikan oleh pihak kementerian untuk tujuan pembinaan sekolah dan akibatnya beberapa buah sekolah di dalam negeri Selangor yang begitu pesat membangun menjadi *over crowded* dengan izin, sehingga 2,700, sehingga 3,000 pelajar dan ada kalanya satu kelas menjadi 50 orang murid dalam satu darjah.

Saya ingin penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah ini disebabkan peruntukan yang tidak memadai atau pembinaan-pembinaan sekolah baru ini tidak menjadi suatu perkara yang penting kepada kementerian, itu yang pertama.

Yang kedua, akibat daripada kementerian tidak mengambil lot yang telah ditetapkan oleh pemaju sama ada pemaju kemudiannya akan memohon supaya tanah ini dijadikan tanah komersial atau tanah kediaman dan kesannya juga ialah pelajar-pelajar tidak mendapat tempat untuk belajar dengan baik.

Yang berikutnya, apakah pendirian kementerian berkenaan bangunan sekolah-sekolah yang telah pun diisytiharkan tidak selamat oleh JKR atau oleh Kementerian Kerja Raya. Ada beberapa buah sekolah dalam kawasan Kuala Langat di mana telah dimaklumkan kepada saya dan bangunan ini telah diisytiharkan tidak selamat oleh JKR ketika Ahli Parlimen yang dahulu lagi, sehingga sekarang pun masih belum mendapat perhatian dari pihak kementerian. Saya mohon pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Dalam hal sekolah tidak selamat saya tidak bertolak ansur tetapi dalam kes khusus kepada sekolah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita perlukan perincian dan saya akan siasat. Berhubung kait dengan status tanah...

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sepanggar.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya belum jawab soalan..., sudah mencelah.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Ini ada kaitan dengan bangunan sekolah.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Biarlah saya jawab soalan Yang Berhormat Hulu Langat dahulu... [Ketawa] Kalau tidak, tidak selesai macam ini. Berhubung kait dengan status tanah, tidak mungkin itu berlaku kerana saya sendiri rasa amat merugikan kalau tanah-tanah yang telah pun dirizabkan oleh pemaju-pemaju.

Minggu lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dan kesemua EXCO Selangor telah membuat lawatan kepada kementerian, perkara ini telah pun dibangkitkan dan saya juga telah menerangkan ada beberapa masalah yang kita hadapi di bawah Rancangan Malaysia Kelapan di mana perancangan untuk sekolah-sekolah bersandarkan kepada apa yang disyorkan oleh pemaju tetapi pemaju itu tidak mampu menjayakan projek yang mereka telah janji kepada kita tetapi sekolah sudah siap.

Dari segi itu kita mendapati bahawa sekolah tidak dapat menampung jumlah mereka yang seharusnya ada di kawasan yang berkenaan kerana janji-janji pemaju ini, pengalaman kita di bawah Rancangan Malaysia Kelapan tetapi saya setuju sangat bahawa keutamaan akan diberikan kepada kawasan-kawasan yang telah pun dirizabkan oleh pemaju-pemaju di bawah perancangan kita di negeri Selangor.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan bangunan sekolah di mana beberapa kawasan di Sabah khususnya, kita dapati bahawa bangunan itu tidak digunakan sepenuhnya, misalnya kita tahu bahawa kawasan itu memang dikhaskan untuk SRK seluas lima ekar, dan kita tahu bahawa bangunan itu kalau kita guna bangunan bertingkat, seharusnya ia boleh diguna, di bawah kolong dia pun boleh diguna.

Akan tetapi apa yang kita dapat lihat di Sabah khususnya di kawasan saya, di mana di bawah kolong itu, tidak boleh diguna oleh kerana terlalu rendah satu, dan kedua sukar kita membersihkan di bawah kolong itu oleh kerana terlalu rendah di kawasan-kawasan ini. Jadi saya rasa, kalau boleh kita gunakan sepenuhnya supaya bertingkat ini di bawah kolong juga kita boleh guna.

Yang ketiga ialah mengenai sekolah-sekolah yang mempunyai kurang murid terdapat di Sabah ini ada beberapa sekolah yang kita tidak dapat capai murid yang begitu banyak oleh kerana di luar bandar, terpencil. Maka ini apakah keadaannya pada ketika ini sama ada kita dapat teruskan ataupun bagaimana, sekian.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Pandangan Yang Berhormat dalam konteks reka bentuk sekolah akan saya ambil maklum berhubung kait dengan keadaan di Sabah.

Berhubung kait dengan sekolah SKM, sekolah kurang murid ianya banyak bergantung kepada kemahuan politik termasuk Yang Berhormat sendiri kalau sekiranya kita menyediakan sekolah-sekolah asrama harian, sekolah-sekolah asrama penuh kita harus menyedarkan kepada ibu bapa bahawa anak-anak mereka harus ditempatkan di sekolah-sekolah pusat, sekolah-sekolah asrama ini supaya sekolah-sekolah kurang murid itu dapat ditutup. Tanpa *political will*, dengan izin, tidak mungkin sekolah-sekolah kurang murid ini dapat bertahan kerana dia semakin lama semakin kurang muridnya dan apa jua keadaan yang kita bina untuk memastikan suasana lebih selesa kepada anak-anak mereka, kalau tidak dihantar oleh ibu bapa tidak mungkin ianya dapat berjaya. Tuan Yang di-Pertua, biar saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Bera bangun.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sebab Yang Berhormat dia cuba pemurah, siapa hendak tanya dia bagi tanya, baik kita jawab dahulu....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Kepong, tanyalah jangan buang masa Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tunggu lama untuk....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, menteri tidak jemput Yang Berhormat bangun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya bangun dengan masalah yang sama mengenai infrastruktur dan soalan saya pun mengenai sekolah bestari luar bandar pun tidak dijawab. Kita jawab dahulu kemudian kita layan. Dan ini masalah infrastruktur, Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali, berapa tahun pihak kementerian sudah berjanji untuk menyelesaikan masalah-masalah bekalan elektrik, air dan sebagainya dan bolehkah Yang Berhormat buat satu jadual kerana sudah berapa tahun kenyataan demi kenyataan dibuat hendak selesaikan. Baik kita ada jadual waktu kerana daripada 1,453 sekolah kurang murid itu, 1,414 tidak mempunyai bekalan air. Sejumlah 768 tidak mempunyai bekalan elektrik 24 jam dan 1,988 buah masih belum mempunyai makmal dan bilik komputer dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik kita ada jadual waktu untuk menyelesaikan masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua ini tidak terlibat kawasan Yang Berhormat, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharaplah, saya sentiasa mengambil perhatian. Prihatin dengan hal ini, kalau satu sekolah tidak ada, saya akan kejar kepada pejabat. Kejar ke pejabat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bererti kerjasama daripada menteri....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya seronok kerana ada peruntukan RM1 bilion untuk menyelesaikan masalah ini, tetapi baik kita ada satu jadual waktu untuk menyelesaikan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, menteri boleh jawab.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik, baik. Saya banyak masalah lagi, saya tertunggu.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekolah Bestari saya sudah jawab... saya akan jawab apabila sampai kepada tempat di mana saya akan sentuh program pembastarian. Iaitu Yang Berhormat boleh ingatkan saya dari segi bezanya bestari bandar dan di luar bandar...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bera bangun.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya hendak minta penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Mengenai dengan jadual memang saya akan lakukan hujung bulan depan, kita akan bentangkan pelan induk kita untuk lima tahun yang akan datang. Di dalam pelan induk rancangan kita, kita akan jadualkan. Sasaran kita dari segi infrastruktur yang akan dibina dan kita boleh teliti bersama pencapaiannya setiap lima tahun yang akan datang.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat yang jauh hujung sudah bangun lama hendak beri...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ini kawan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, sila Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham tentang dasar mengenai sekolah kurang murid dan tindakan diambil selepas itu, itu sekolah yang tidak cukup infrastruktur dan sebagainya sekolah yang..., saya hendak tanya tentang sekolah kurang murid tetapi terlalu sempurna. Kelasnya berlebihan, asrama ada, tetapi murid tidak cukup. Itu berbeza dengan sekolah yang mungkin yang kawan-kawan sebut tadi. Sekolah di tempat saya, sekolah kurang murid, tetapi sekolah itu dibuat begitu besar ada asrama, ada kelas sampai 20 ke 30, tetapi tidak ada murid. Jadi apa cadangan yang hendak buat sekolah seperti ini?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekolah ini dianggap sebagai sekolah *under enroll schools*, dengan izin. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, kita telah putuskan bahawa tidak ada lagi pendekatan *designer schools* yang dianggap sebagai *designer schools*. Kita tidak akan lantik PMC untuk mengendalikannya dan ketiganya sekolah-sekolah yang telah pun dibina, kita sedang membincangkan dan saya belum siap sedia untuk mengumumkannya dahulu tetapi kita tidak akan biarkan sebegitu sahaja...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang baru juga. Sila.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Infrastruktur sekolah. Di kawasan bandar juga menghadapi kekurangan infrastruktur khususnya bilik darjah yang mendesak. Sudah pun ibu bapa sanggup menghantar anak-anak mereka ke sekolah di dalam kawasan bandar tertentu. Pendaftaran *enrollment* itu sudah melebihi 300 yang sekolah ini yang saya maksudkan ialah SJK(C) Foon Yew 5 sebagai satu contoh. Mereka tidak mampu untuk memberi tempat kepada *enrollment* yang baru ini pada tahun 2007, 2008 dan sebagainya. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk membantu sekolah-sekolah seperti ini khususnya bertempat di kawasan-kawasan taman-taman kediaman yang banyak misalnya di sekolah ini. Ada tujuh, lapan buah taman kediaman di sekelilingnya tetapi hanya sebuah sekolah sahaja di situ. Jadi adakah kementerian akan memberi perhatian utama kepada sekolah-sekolah seperti ini untuk memberi bantuan kewangan kepada mereka supaya mereka dapat menyediakan bilik darjah supaya dapat menampung *enrollment* yang baru itu, minta penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Penjelasan, oleh kerana kita memberi keutamaan kepada luar bandar, tidak bermakna kita tidak peka atau prihatin berhubung kait dengan sekolah-sekolah di bandar. Sebenarnya sekolah yang paling padat yang paling terdesak ialah Sekolah Kebangsaan Tun Hussein Onn sendiri di mana jumlah muridnya 2,494 dan dalam bilik darjahnya 62 murid. Jadi tidak mungkinlah anak Tun Hussein Onn tidak akan beri perhatian kepada sekolah di mana ayahnya di namakan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tanya sedikit Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Di mana Yang Berhormat Menteri ?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, Larut Yang Berhormat, sedikit, ini mustahak Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, menteri belum habis jawapan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kemudahan juga, kemudahan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biar saya jawab dahulu. Isu-isu yang berhubung kait dengan sekolah-sekolah di bandar ada pendekatan *the City Schools* yang kita tengah fikirkan sekarang di Cochrane sahaja. Saya telah pun mengizinkan mereka bina tujuh tingkat, kalau dahulu tidak dibenarkan bina ke arah itu, tetapi pendekatan-pendekatan itulah akan kita lihat dalam menangani isu-isu yang berhubung kait dengan sekolah-sekolah di bandar...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh Yang Berhormat, saya?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Masalah, dia masalah tanah. Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya tanya sedikit atau tidak Yang Berhormat, dalam Yang Berhormat sebut tentang kemudahan fizikal kita tidak nafikan, walaupun ada masalah tanah hendak ditambah permohonan tambahan, bangunan baru dan rakan-rakan yang kita bangkit, ini adalah satu perkara yang besar Yang Berhormat dan jangan kita lupa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa dia?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Keselamatan sekolah. Kita bercakap ini apabila berlakunya penculikan, anak-anak sekolah sejak akhir-akhir ini. Ini tentang kemudahan CCTV ini walaupun kita tahu kemampuan sekolah-sekolah mungkin tidak mampu untuk mengadakan kemudahan ini tetapi mungkin Yang Berhormat sudah ada satu model beberapa buah sekolah yang mungkin hendak dimulakan. Sebagai contoh di kawasan bandar terutama ataupun di kawasan-kawasan yang terdedah kepada langkah-langkah keselamatan yang dapat diceroboh kerana kesan kemudahan stesen televisyen ini ada baiknya.

Jadi apakah pihak kementerian sudah mengenal pasti di kawasan-kawasan mana, berapa kawasan sekolah yang telah hendak dimulakan. Sama ada mukim satu negeri satu, atau semua sekali alamilah tetapi apakah perancangan setakat ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tentang kemudahan pemasangan CCTV ini. Kalau kita hendak harap sekolah ini mungkin tidak mungkin ia dapat dilakukan, jadi minta sedikit penjelasan oleh Yang Berhormat tentang kemudahan sekolah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat mungkin saya cadangkan lebih elok biar menteri habiskan dia punya jawapan dan selepas itu kalau ada apa-apa soalan boleh tanya sebab mungkin jawapan yang untuk soalan yang dikemukakan mungkin jawapan pun telah disediakan oleh menterilah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini perkara baru Tuan Yang di-Pertua, yang lain itu sudah banyak kita sudah cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ini perkara yang baru, sebenarnya tidak dibenarkan.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Maksud saya baru, dalam kemudahan sekolah, dalam kemudahan sekolah sebab ini banyak sangat jadi rungutan tentang kemudahan yang menteri sendiri pun uar-uarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, biar saya jawab yang berkaitan dengan CCTV dan saya teruskan dengan jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang Berhormat Menteri boleh saya rujuk kepada jawapan yang Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Nanti tunggu saya beri penjelasan ya.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Tadi saya tanya tentang kekurangan bilik darjah di bandar itu Yang Berhormat Menteri, ada jawab kata oleh sebab masalah tanah tetapi dalam kes ini bukan masalah tanah...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Bukan, sebab itu saya kata, kes-kes tertentu kita akan selesaikan secara tertentu, yang kita cakap sekarang ini berhubung kait dengan dasar. Dalam hal berkait dengan dasar masalah kita ini di bandar ialah masalah tanah bukan sekolah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Ya lah.....

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekolah ayah sendiri pun bermasalah tetapi pendekatan untuk menyelesaikan mungkin berbeza.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Sebenarnya banyak sekolah ini menghadapi masalah kewangan, bukan tanah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya faham, dalam pendidikan tidak ada satu formula yang boleh menyelesaikan semua masalah, dalam konteks sekolah-sekolah berkenaan kita kena tengok pendekatan yang pelbagai. Hanya sebagai satu pakej ianya dapat diselesaikan, kalau tidak masalah itu akan berulang.

Berhubung kait dengan CCTV. Sebenarnya, esok saya akan bentangkan kepada Jemaah Menteri memorandum berhubung kait dengan gejala disiplin. Ini memorandum yang ketiga berhubung kait dengan disiplin di sekolah dan keselamatan di sekolah dan dalam hal ini semua orang tahu bahawa saya memang tegas dalam hal ini dan banyak perkara yang telah pun dibincangkan dalam jawatankuasa yang telah kita wujudkan selepas kematian adik Farid dibuli dahulu. Satu-satunya perkara ialah cadangan berhubung kait dengan CCTV itu tetapi masalah CCTV ialah berhubung kait dengan kos.

Memperkasakan Sekolah Kebangsaan. Sepanjang sesi perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan yang yang lepas juga isu-isu yang berkaitan dengan usaha-usaha memperkasakan sekolah kebangsaan turut menjadi topik perbahasan. Saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap agenda perdana ini. Dalam usaha menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana yang menjadi pilihan utama masyarakat, Kementerian Pelajaran Malaysia telah, sedang dan akan melaksanakan pelbagai rancangan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Kementerian Pelajaran Malaysia percaya bahawa sekolah kebangsaan merupakan wadah terbaik untuk memupuk perpaduan, kerjasama dan semangat cintakan negara di kalangan murid-murid.

Oleh yang demikian KPM akan mempertingkatkan aspek fizikal dan bukan fizikal di sekolah-sekolah kebangsaan seperti yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian sedang berusaha untuk menjadikan sekolah kebangsaan lebih beraspirasi nasional, meningkatkan pencapaian akademik dan kokurikulum pelajar. Membangunkan budaya sekolah cemerlang, meningkatkan kualiti kepimpinan pengurusan dan guru-guru, mengimbangi nisbah guru dan pelbagai etnik serta meningkatkan penglibatan dan rasa kepunyaan ibu bapa serta komuniti terhadap sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Pendang dalam usaha menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan semua kaum, KPM memperkenalkan mata pelajaran elektif, bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Sehubungan dengan itu, KPM akan berusaha untuk menyediakan guru-guru yang berkelayakan bagi mengajar mata pelajaran tersebut di sekolah kebangsaan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Alor Star.

KPM telah pun menjalankan pelbagai program tambahan bagi melatih lebih ramai guru option bagi Cina dan bahasa Tamil. Selain itu guru-guru yang telah bersara juga akan dilantik sebagai guru kontrak untuk mengajar di sekolah kebangsaan yang menawarkan bahasa Cina dan Tamil. KPM juga telah membuat unjuran keperluan guru bahasa Cina dan bahasa Tamil untuk mengajar di sekolah kebangsaan setiap tahun mulai tahun 2007 hingga 2011. Buat masa ini KPM tidak bercadang untuk mengambil guru dari China atau India untuk mengajar bahasa Cina dan bahasa Tamil di negara ini seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Sapi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat usaha yang dilaksanakan ini bukan sahaja untuk menarik minat ibu bapa kaum bukan Melayu sahaja tetapi juga ibu bapa Islam. Justeru kementerian turut melaksanakan program J-QAF iaitu mengajar Jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain. Program ini telah dirintis pada tahun 2004 dan diperluaskan ke 1,221 sekolah pada tahun 2005. Seterusnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini, program ini akan diperluaskan ke semua sekolah di seluruh negara. Melalui program ini kita berhasrat bahawa semua murid yang khatam Al-Quran sebelum tamat sekolah rendah seperti hasrat Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Kita juga akan tentukan anak-anak kita sekurang-kurangnya berbahasa Arab untuk memahami sedikit sebanyak kandungan Al-Quran serta berkebolehan menulis dan membaca dalam Jawi seperti satu ketika dahulu, ramai yang boleh membaca dan menulis jawi bukan sahaja bangsa Melayu tetapi bangsa lain pun mampu menguasainya.

Walaupun kementerian berusaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Namun kementerian masih memberi perhatian yang sama terhadap pembangunan dan kemajuan sekolah-sekolah jenis kebangsaan supaya tidak terabai dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan Kementerian juga tidak bercadang untuk menutup sekolah-sekolah aliran lain apatah lagi untuk menukar nama semua sekolah kepada suatu nama yang selaras seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gantang dan Yang Berhormat bagi Batu Sapi. Selain itu ibu bapa juga berhak dan bebas untuk memilih mana-mana jenis sekolah untuk anak-anak mereka seperti yang disyorkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau.

Berhubung isu sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, memperkasakan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, jenis sekolah kebangsaan, memang tepat pada tema itu dan Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya memang tertarik kepada hujah tadi tidak menjejaskan dan tidak mengabaikan sekolah-sekolah bukan kebangsaan, memang satu prinsip yang penting. Walau bagaimanapun kita pernah menyaksikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah perdana.

Akan tetapi bolehkah Yang Berhormat menerangkan nisbah di antara guru dengan pelajar untuk sekolah-sekolah ini. Apakah yang dianggap sesuai, ideal itu memang kita tidak dapatlah itu yang praktikal itu dan macam mana Yang Berhormat dapat mempertingkatkan kepimpinan guru besar dan guru di dalam sekolah-sekolah ini? Kerana salah satu masalahnya kepimpinannya tidak begitu kuat, di sekolah kebangsaan.

Yang kedua ialah iklim atau suasana untuk pembelajaran dan pengajaran dan keselamatan serta iklim yang teratur dan selamat serta sebagainya. Macam mana kita dapat memastikan, ini minta penjelasan itu, banyak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya nampak Yang Berhormat macam ada membuat hujah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak berhujah, itu penjelasan, macam mana. Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu soalan, satu permintaan penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu soalan, ayat ada 20 saya ingat!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi tetapi saya sekat kepada satu, dua lagilah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya beri dia peluang sedikit. Macam mana hendak faham, kita ada banyak soalan dan kita boleh bincang bertahun-tahun untuk mempertingkatkan standard sekolah kebangsaan memang kerana rendah sekarang ini. Yang Berhormat, apakah kaedah untuk memantau terhadap prestasi dan persefahaman di sekolah-sekolah ini? Kerana sangat kurang sekarang ini, sangat kurang.

Saya mempunyai banyak soalan lagi, tetapi setakat itu sahajalah... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi. Kalau hendak, saya boleh teruskan.

Beberapa Ahli: [Membuat bising]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Pertamanya, saya tidak setuju, saya tidak setuju kenyataan Yang Berhormat, bahawa sekolah kebangsaan, prestasinya rendah kerana kita tidak membandingkan sekolah. Kalau hendak membandingkan sekolah jenis kebangsaan, jumlahnya jauh berbeza. Kalau setakat 800 sekolah jenis kebangsaan dan 10,000 sekolah kebangsaan, maka sememangnya dari segi jumlah puratanya, memang ada sekolah yang baik, ada yang tidak baik. Sebab itu dalam pendekatan kedua yang saya sebutkan tadi, sekolah-sekolah yang cemerlang, malah ada yang terbilang, akan kita anjakkan sebagai *benchmarking*, petanda aras supaya sekolah-sekolah itu dilihat sebagai sekolah-sekolah dan pusat-pusat kecemerlangan yang boleh kita banggakan dalam konteks arus kita memperkasakan sekolah kebangsaan kita.

Berhubung kait dengan nisbah di antara guru, saya akan jawab kemudian kerana ini merupakan satu perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan kita akan sebut. Saya harap Yang Berhormat, biar saya habiskan dahulu. Selepas itu, Yang Berhormat bolehlah tanya perkara-perkara yang mungkin akhirnya saya terpaksa mengulangi apa yang saya hendak jawab selepas ini.

Berhubung isu sekolah jenis kebangsaan, ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa kementerian tidak akan...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang Berhormat Dato'....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Sebelum itu memperkasakan sekolah kebangsaan. Boleh tanya satu?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Boleh.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tadi, Yang Berhormat Menteri ada kata akan memulakan pengajaran bahasa Cina di sekolah kebangsaan sebagai salah satu langkah untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Saya hendak tahu adakah pengajaran bahasa Cina di sekolah kebangsaan itu ditujukan kepada murid-murid yang berketurunan Cina ataupun dia akan disediakan untuk murid-murid semua bangsa, termasuk pengajaran Mandarin sebagai bahasa ibunda dan juga pengajaran Mandarin sebagai *second language*, *teaching Chinese as a second language* dengan izinnya.

Kita faham pada masa ini ada lebih daripada 60,000 murid-murid yang berketurunan bukan Cina, belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Kononnya salah satu sebab yang utama mereka memilih belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) kerana mereka berpeluang untuk mempelajari bahasa Cina di sekolah Cina.

Jadi, dalam usaha memperkasakan sekolah kebangsaan, adakah kementerian bercadang juga memberi perhatian kepada pengajaran bahasa Cina sebagai *second language* selain daripada memperkenalkan sebagai pengajaran bahasa ibunda. Jadi, apakah langkah-langkah diambil untuk menyediakan guru untuk pengajaran sekiranya dia dianggap sebagai salah satu langkah. Apakah langkah-langkah yang disediakan oleh kementerian untuk menyediakan guru-guru mengajar bahasa Cina sebagai *second language* di sekolah kebangsaan yang akan datang.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Seperti bahasa-bahasa lain, semuanya bebas untuk menguasai pelbagai bahasa mengikut minat mereka. Bermakna di bawah J-QAF, kalau kita hendak beri penekanan kepada asas-asas bahasa Arab, ianya terbuka untuk semua. Pada masa yang sama, bila saya sebut Jawi tadi, ada pada masa satu ketika dahulu, bukan sahaja untuk pelajar-pelajar Islam, tetapi bukan Melayu pun minat untuk belajar membaca dan menulis Jawi. Sama juga dengan Mandarin, Tamil dan bahasa-bahasa lain yang kita sediakan di sekolah. Berhubung kait dengan sekolah-sekolah jenis kebangsaan, ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu bangun.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Terengganu

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Minta maaf. Tentang memperkasakan sekolah kebangsaan Yang Berhormat, ya.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, ya. Yakni, kita sekarang berdepan dengan masalah keciciran yang agak serius. Dari segi pembelajaran anak-anak kita menguasai 3M ini, sedangkan kita ada satu dasar iaitu untuk memastikan semua kanak-kanak kita ini mendapat peluang untuk belajar. Kalau sekiranya di Amerika itu, dia ada dasarnya sendiri, *no child left behind*, tidak ada anak-anak yang ketinggalan di belakang. Sedangkan, kita perhatikan sehingga di sekolah menengah pun, terdapat kira-kira 33% anak-anak kita yang tidak dapat meneruskan pelajarannya ke tahap yang lebih tinggi. Apakah strategi-strateginya?

Guru-guru pemulihan yang dijanjikan untuk kita perolehi dan juga guru-guru kaunseling yang diharapkan untuk mengisi segala kekosongan itu. Sejauh manakah ia telah diambil tindakan dan telah menepati sasaran kita?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Belum sampai kepada menepati sasaran.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, hendak jawabkah?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kepong jawablah. Okey... *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini ikan Kepong. Kepong ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ikan kembung ikan kerapu, wakil Kepong cakap merapu. Sudahlah !

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Larut, Larut, duduk.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya hendak sambung kepada Kuala Terengganu yang baik tadi itu mengenai angka kementerian sendiri menunjukkan 4.4% daripada jumlah keseluruhan lebih tiga juta pelajar itu yang tidak boleh menguasai kemahiran asas 3M tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Ini bermakna lebih 100,000 orang yang tidak pandai membaca, mengira dan menulis. Dari sinilah Tuan Yang di-Pertua, kita hendak memperkasakan sekolah kebangsaan, saya setuju tetapi macam mana kita dapat mengatasi masalah murid-murid yang tidak pandai 3M ini. Macam mana kita?

Apakah kaedah untuk memantau dan menilai kelas-kelas pemulihan yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi? Ya, ini memang satu perkara yang penting. Saya memanglah kerana masa yang suntuk, kalau boleh kita boleh membincangkan hal ini dengan panjang lebar. Lebih 120,000 orang di sekolah rendah yang tidak pandai untuk membaca, menulis dan mengira.

Seorang Ahli: Tidak bernaalah... *[Ketawa]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Berhubung kait dengan keciciran dan 3M ini, telah pun kita bincangkan agak mendalam juga semasa kita menggulung Titah Tuanku baru-baru ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tahu.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mungkin ada Yang Berhormat pun ingat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ada.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya tidak akan mengulangi. Mungkin Yang Berhormat bagi Kepong masa itu tidak ada.

Akan tetapi yang penting sekarang ialah dari segi angka yang tepat. Kita tahu bahawa bukan kesemua yang dianggarkan cicir berada di luar aliran sekolah perdana yang ada. Ada yang berada dalam sekolah-sekolah bukan kerajaan, sekolah persendirian, sekolah agama negeri, sekolah agama rakyat atau menyambung pelajaran ke luar negara, ada juga yang telah memasuki alam pekerjaan. Dasar-dasar yang sedia ada untuk mengatasi dasar pendidikan wajib, dasar kenaikan khas secara automatik program-program sokongan, KPM juga mengadakan program motivasi.

Usaha kita untuk menambah perjawatan dari segi guru-guru pemulihan. Baru-baru ini, saya telah pun memaklumkan, isunya sekarang bukan sahaja kekurangan guru-guru bahasa Tamil dan juga bahasa Mandarin, tetapi masalah guru pemulihan, guru pendidikan jasmani. Bila kita cakap fasal sukan, guru disiplin bila kita bincangkan fasal disiplin. Ini semua mesti dilihat dalam konteks yang menyeluruh supaya ia tidak melihat dalam perspektif-perspektif tertentu sahaja.

Ini akan telah pun diusahakan dan telah pun dipersetujui oleh Jemaah Menteri dan saya percaya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini, usaha yang amat mendesak ialah untuk menyediakan dan menambah guru-guru pemulihan untuk pertamanya, pulih semula murid-murid yang tidak dapat menguasai 3M yang telah pun tercicir dari sekolah. Tetapi yang lebih penting ialah untuk mengenal pasti dengan angka yang setepat-tepatnya dan gerakan sedang dilaksanakan oleh pelbagai pihak sekarang ini untuk meneliti dan betul-betul memahami golongan sasaran yang perlu kita pulihkan itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Lantaran daripada itu, Yang Berhormat Menteri ini penting. Sangat penting sekali, kerana kita lanjut kepada yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat memang serius untuk menangani masalah keciciran ini, bahkan juga bila kita boleh mewajibkan persekolahan menengah selepas kita mewajibkan sekolah rendah itu penting. Kita buat dah, langkah yang pertama, dan kemudian bilakah kita boleh sebutkan di dalam Dewan ini, kita nak wajibkan sekolah menengah?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Nanti kita fikirkanlah Yang Berhormat. Sebab yang kita wajibkan di sekolah rendah pun tidak menyelesaikan semua masalah. Jadi itu pun tidak akan menangani apa yang kita harap dapat ditangani. Itu bila masanya nanti, saya harap ia dapat dijawab dan diumumkan nanti. Boleh saya teruskan dengan sekolah jenis kebangsaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Berhubung dengan isu-isu sekolah kebangsaan, ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa kementerian tidak akan mengabaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah jenis kebangsaan seperti yang dibimbangi oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Malah kementerian setakat mana yang kita mampu, sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi di semua sekolah termasuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Dari segi peruntukan mengurus, jumlah yang disalurkan diberikan secara sama rata kepada semua sekolah sama ada sekolah kerajaan ataupun bantuan kerajaan. Dari segi bantuan, dari aspek fizikal sekolah pula, sekolah-sekolah bantuan kerajaan diberi peruntukan bantuan modal di bawah peruntukan pembangunan sejajar dengan peruntukan Akta Pendidikan 1996. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, di kalangan 6,029 buah sekolah rendah yang mendapat bantuan penuh dari kerajaan, 549 daripadanya adalah sekolah jenis kebangsaan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran akan memperuntukkan sebanyak 174.34 juta untuk SJK(C) dan 64.84 juta untuk SJK(T) bagi kerja-kerja pembinaan baru, gantian, tambahan, ubahsuai dan naiktaraf. Bagi pembangunan sekolah bantuan kerajaan pula, dalam tempoh lima tahun di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah menyediakan dana pembangunan sebanyak RM100 juta dan peruntukan ini adalah dua kali ganda daripada jumlah peruntukan pembangunan yang diberikan kepada sekolah bantuan kerajaan dalam Rancangan Malaysia kelapan.

Sebagai menyahut seruan dan harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, agar semua agensi kerajaan melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan dengan segera, kementerian telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM7.3 juta untuk 151 buah sekolah bantuan kerajaan, iaitu peruntukan pertama untuk sekolah jenis bantuan kerajaan bagi tempoh lima tahun akan datang di bawah RMK-9. Peruntukan tersebut diberikan bagi membolehkan sekolah-sekolah bantuan kerajaan menjalankan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur sekolah serta lain-lain tujuan yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran dalam sekolah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu, saya menyambut baik kerana mengatakan bahawa kerajaan tidak akan menutup mana-mana sekolah termasuk sekolah SRJK(C) dan SRJK(T). Saya juga menyambut baik mengatakan bahawa kerajaan menghormati hak ibu bapa untuk bebas memilih jenis sekolah untuk anaknya tetapi saya harap, yang katakan bebas memilih ini akan di *translate* dalam kenyataan. Kerana seperti yang dibawa oleh Tebrau, walaupun Tebrau dia memang dari MCA, Tebrau. Dia kawasan Yang Berhormat dari Tebrau, dia memang dari MCA dan seluruh Johor. Yang Berhormat pun datang dari Johorkan? Itu Barisan Nasional punya.

Akan tetapi, yang teruk sekali, yang kekurangan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) ialah di Johor, Tebrau. Di mana sekolah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tebrau itu, dia hanya boleh mengambil 450 pelajar untuk Tingkatan 1, tahun depan tetapi ada 700 kanak-kanak nak masuk ke sekolah itu dan tak ada pilihan lain di dalam kawasan itu. Jadi, di dalam kenyataannya bebas untuk memilih ini, kadang-kadang tidak wujud. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri yang dikatakan begitu rajin, sampai hanya tidur empat jam satu hari, saya pun kasihanlah. Harap dia dapat, tapi dapat tidur itu sangat penting. Kerana kalau kita *conscious* ada *clear*, kita dapat tidur. Jadi, saya harap yang penting ialah, apa yang dikatakan mesti dilaksanakan. Khasnya bebas untuk memilih jenis sekolah.

Soalan yang tadi saya kemukakan itu, di manakah SRJK(C) dan SRJK(T) pada tahun 2020 itu belum dijawab. Saya harap kerajaan, khasnya Yang Berhormat Menteri dapat beri kepada kita satu gambaran yang begitu baik di mana Wawasan 2020 untuk SRJK(T) itu pun adalah menarik seperti sekolah kebangsaan. Kerana di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, dikatakan akan bina 180 buah sekolah rendah. Berapakah buahnya ada SRJK(C) dan SRJK(T)?

Sampai hari ini, kementerian tidak dapat memberi satu angka yang tepat. Seperti yang saya sudah katakan, bahawa dalam RMK-9, dan RMK yang dulu dan juga rancangan-rancangan kerajaan, tak pernah ada mengatakan, tak masuknya rancangan untuk SRJK(C) dan SRJK(T).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya, saya tidak bersetuju dengan beberapa pandangan bahawa mengatakan SRJK(C) atau SRJK(T) akan menjadi halangan kepada perpaduan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau dia menjadi halangan kepada perpaduan, bagaimana parti yang berasaskan kepada satu etnik juga, seperti UMNO, seperti MCA. Ini adalah sama juga.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Baik tak ada DAP lah. Masuk Barisan Nasional.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau Barisan Nasional itu, boleh memberi satu polisi atau dasar yang adil seperti kehendak DAP, mungkin kita akan pertimbang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup. Menteri boleh jawab. Cukup.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya yang tak boleh tidur kerana kerja, bukan kerana *my conscious* tak *clear*. Saya tak tahu macam mana Yang Berhormat boleh tidur bila membawa hujah-hujah sebegini rupa? Saya tak dengar Yang Berhormat membela nasib sekolah-sekolah kebangsaan yang jauh lebih besar daripada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Bila saya tanya kepada Yang Berhormat, berapa Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang tak ada api? Tak payah saya jawab, tak ada. Saya tanya kepada Yang Berhormat berapa Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang tak ada air? Apa saya jawab? Tak ada tetapi di bawah sekolah-sekolah kita yang tidak ada api sahaja, 794. Yang tidak ada air sahaja, 1555.

Dalam konteks peruntukan kepada sekolah jenis kebangsaan, sentiasa Yang Berhormat menyatakan bahawa ia tidak mencukupi tetapi Yang Berhormat tidak pernah menyatakan bahawa peruntukan pengurusan juga diberikan sama rata kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Saya nak nyatakan di sini, di Dewan yang mulia ini dalam peruntukan pengurusan sahaja, untuk SJK(C) untuk 2006, RM1.14 bilion. Untuk SJK(T) RM412,000. Dalam konteks 2007, jumlah pengurusan peruntukan yang diberi kepada SJK(T) RM1.255 bilion tetapi yang berkisar ialah berapa jumlah bantuan modal yang diminta dalam RM100 bilion yang saya dah nyatakan tadi telah pun dilipatgandakan. Membezakan sekolah kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Yang Berhormat tidak sebut bahawa Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dibina dan ditapak persendirian.

Berbeza dengan sekolah kebangsaan. Kita tidak merampas tanahnya. Tanahnya masih lagi hak milik sekolah. Dalam Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) mempunyai lembaga pengelola sekolahnya sendiri. Kita tidak ambil kuasa daripada lembaga. Berbeza dengan sekolah kebangsaan. Hendak bezakan 840 sekolah jenis kebangsaan Cina dengan 10 ribu sekolah di bawah jagaan kita, kita tidak membandingkan *apple and apple*, Tuan Yang di-Pertua. Maka hujah-hujah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam hanya memikirkan kepentingan sempit politik yang mempolemikkan perkauman dan ianya tidak berdasarkan kepada apa yang disebutkan kononnya memperjuangkan pendidikan untuk rakyat Malaysia yang sebenarnya.

Saya hendak sebut di sini apa yang telah pun kita perjuangkan selama ini. Biarlah Yang Berhormat adil dalam memperjuangkan dan berhujah dalam perkara-perkara yang berhubung kait dengan memperjuangkan nasib sekolah-sekolah kita. Saya sudah beri jaminan dan ianya telah pun termaktub di dalam *hansard* bahawa kita tidak akan tutup, kita tidak akan sekat, tetapi saya hendak dengar Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bagaimana Yang Berhormat akan memperjuangkan nasib sekolah kebangsaan kita. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat bagi Kepong sokong kepada usaha kita untuk memperkasakan sekolah kebangsaan kita.

Sekurang-kurangnya wakil-wakil daripada DAP yang lain telah menyatakan kebimbangan mereka kepada sekolah-sekolah kebangsaan yang tidak mempunyai guru-guru. Mereka juga melihat kepada kedudukan yang cukup daif di kawasan pedalaman di Sabah dan di Sarawak. Di mana hujah dan kredibiliti yang kita hendakkan kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sebab itu saya tidur nyenyak dalam apa yang hendak saya lakukan.

Pendekatan saya ialah untuk memastikan bahawa sekolah yang memerlukan kepada pembelaan, kita bela tetapi kepada mereka yang hanya meletakkan kepentingan politik untuk memikirkan ianya sebagai kesempatan untuk meraih simpati semata-mata, buktikan bahawa kedudukan sekolah-sekolah yang diperjuangkan oleh Yang Berhormat lebih teruk, lebih daif daripada sekolah-sekolah pedalaman yang ada di dalam sekolah-sekolah di luar bandar dan di kawasan-kawasan yang lebih perlu kepada pembelaan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Itu sudah saya jangkalah responsnya. Itu bukan kali pertama. Setiap kali saya membawa soalan, dia akan jawab begitulah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tidak pernah pun, tidak pernah. Ini pertama kali!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dan sampai hari ini, sampai sekarang.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ini pertama kali! Jangan putar belit. Saya jawab ini spesifik kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebelum ini Yang Berhormat bagi Ipoh Timor memang saya jawab. Jangan putar belit. Ini *direct* kepada kekhawatiran rakyat dan juga Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Jawab sendiri apa yang ditanya. Tepuk dada, tanya selera!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, kalau sudah beri peluang, biarlah dengar apa yang saya hendak cakap dulu. Yang saya buktikan, nanti saya akan bawa *hansard* yang membuktikan bahawa memang Yang Berhormat telah pernah menjawab begitu, tetapi itu bukan perkara yang saya hendak timbulkan sekarang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Perkara yang saya hendak timbulkan sekarang ialah yang pertama, Yang Berhormat belum jawab di mana SRJK(C) dan SRJK(T) pada tahun 2020. Yang keduanya ialah saya juga ingin... Yang Berhormat boleh semak kepada ucapan-ucapan saya dalam sesi-sesi Dewan yang lalu yang saya pernah kata bagilah mana-mana sekolah khususnya di Sabah dan Sarawak di kawasan pedalaman, bagilah mereka apa yang mereka perlu. Kalau saya jadi kerajaan, saya berada di tempat Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak merasalah, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Tidak merasa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang saya berikan ialah tidak kira mana-mana kaum atau jenis sekolahnya dan saya akan beri. Kita tidak pernah bantah. Kita tidak pernah menghentikan kerajaan untuk memperkasakan mana-mana sekolah. Saya pun tidak pernah bantah untuk memberi apa-apa bantuan atau apa-apa peruntukan untuk mana-mana sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang saya katakan ialah tidak adil kerana apakah peruntukan yang diberi pun walaupun telah ditambah dan saya mengalu-alukan untuk peruntukan...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mengalu-alukan, berterima kasih sahajalah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya mengalu-alukan. Itu memanglah kerja kerajaan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau macam begitu...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, tetapi yang saya hendak beri angka di sini...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya ingat tidak payah layanlah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ini. Yang Berhormat teruskanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, menteri kan sudah jawab. Serupa sahaja diulang-ulang, benda yang sama juga.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jumlah pelajar. Sedikit lagi.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Menteri sudah cakap.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh saya minta penjelasan Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat, Yang Berhormat menanya satu soalan iaitu ada berhubung kait dengan sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang baru. Ianya bersandarkan kepada hujah bahawa....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduklah, Yang Berhormat. Bagi peluang menteri menjawab.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini terlalu padat, betul tidak?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sabarlah, saya belum habis lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam duduklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada peruntukan yang dikatakan sudah ditambah dua kali ganda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tetapi kalau jumlah yang diberi kepada sekolah rendah di mana bilangan pelajar di SRJK(T) itu merupakan 21% kepada jumlah besar kepada semua pelajar yang di sekolah rendah di Malaysia tetapi peruntukan yang diberi kepada SRJK(T) ini hanya merupakan 3.6%.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Memang patut pun kerana jumlah sekolah seperti yang saya sebutkan tadi kalau hendak bandingkan dengan sekolah-sekolah yang ada, berapa *percent* sahaja.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia tidak tahu kira.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bilangan pelajar.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Okey, saya kasi angka-angka pelajar pun boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, bilangan pelajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: 21% SRJKT.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Pelajar sekolah kebangsaan 2,391,411, SJK(C) 645,000.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Berapa dalam peratus?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau macam begitu, lebih baik masuk balik bilik darjah tanya saya soalan. Jawab berhubung kait dengan isu yang sama, ia

berhubung kait dengan perkara ini, sebab itu saya susah hendak layan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sila duduk.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Kerana ianya berkisar kepada polemik SJKC untuk kepentingan politiknya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan, peraturan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa ini tidak salah kerana ada UMNO....

Seorang Ahli: Menteri bagi *chance* lah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Untuk membela sekolah Melayu dan sekolah kebangsaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa salahnya orang lain untuk membela?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Rakan-rakan kita kalau tanya kepada Yang Berhormat bagi Puchong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Mereka membela dan mereka membantu tanpa heboh-heboh satu kampung.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Betul, betul!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Memang ada cari lain bahawa Yang Berhormat bagi Puchong...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bising sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat...

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, semua sila duduk... *[Dewan riuh]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudahlah!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam duduklah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri belum jawab soalan saya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduklah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Tidak faham-fahamkah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Dewan riuh]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Apa cerita?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduklah! Tidak faham-fahamkah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam?

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Semua duduk, semua duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduklah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, tidak fahamkah?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua duduk. Yang Berhormat Menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat bagi Puchong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, ya Yang Berhormat bagi Puchong.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Duduk, duduk, duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Batu Gajah, sila duduk.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Duduk!

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ini yang duduk di belakang tidak ada kena-mengena, sibuk sangat kenapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Di sini saya ingin... Terima kasih Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah sila duduk.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Apa pasal?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong, sila.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana di kawasan Puchong memang ramai penduduk berbangsa Cina dan saya telah mendapat satu sekolah perpindahan dari negeri lain kepada kawasan Puchong. *On behalf of this*, rakyat Puchong, saya ingin mengucapkan terima kasih. Saya tahu Menteri Pelajaran ini memang membela

nasib semua pelajar tanpa mengira bangsa dan kaum di sini... *[Tepuk]* Saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Menteri, sila gulunglah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin biar saya teruskanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulunglah, Yang Berhormat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah dua jam lebih menjawab.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya hendak sentuh hanya dua tiga perkara lagi. Satu berhubung kait dengan pembestarian.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ini yang... Saya tidak beri izin. Duduk Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menteri tidak bagi.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ikut peraturan Parlimen, duduk! Kalau tidak...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya kata...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua telah pun membuat keputusan. Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Gelang Patah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Menteri tidak jawab!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau saya hendak jawab pun, saya jawab kepada rakan-rakan kita.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kena ikut peraturan... *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 35(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain semua duduk. Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sila duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Seorang Ahli hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua bagi cakap, baru boleh cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam sila duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hey, duduklah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukit Mertajam sila duduk, sila duduk. Bagi Menteri jawab dulu, sila duduk! Bukit Mertajam duduk!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukit Mertajam duduk!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Duduklah Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, yang lain semua duduk. Sila duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduklah, tunggulah Menteri jawab dulu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukit Mertajam, duduklah, lagi mahu tanya kah? Sendiri mahu ingatlah. Hai ya...!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Gelang Patah, dan juga Yang Berhormat bagi Tenom. Seajar dengan perkembangan pesat teknologi masa kini dan hasrat meletakkan negara pada peringkat global, usaha gigih akan dilakukan untuk pembestarian sekolah-sekolah di seluruh negara. Yang membezakan pendekatan kita dalam membestarikan sekolah seperti apa yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Kepong yang sentiasa tertib dan sopan dan kita jawab pun dengan baik ialah untuk melihat kepada 88 buah sekolah perintis yang berada di bawah multimedia super koridor sebagai petanda aras. Ini merupakan sekolah bestari dalam erti kata yang sebenarnya tetapi apa yang saya sebutkan dalam konteks pembestarian semua sekolah ialah untuk kita menyelaraskan perkakas-perkakas yang sedia ada di sekolah-sekolah supaya ianya dapat dimanfaatkan dalam gerakan ICT di semua sekolah kita tak kira di mana mereka berada.

Ini bermaksud perkakas yang dibekalkan di bawah PBSMI, perkakas yang dibekalkan di bawah pengkomputeran makmal komputer, perkakas yang dibekalkan di bawah TV pendidikan, *school.net* dari segi rangkaian jalur lebar yang kita sediakan. Ini semua di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan akan diselaraskan supaya lebih banyak sekolah akan dapat manfaat daripada usaha pembestarian yang saya sebutkan tadi tetapi 88 sekolah bukan menggambarkan sekolah di luar bandar tetapi merupakan sekolah-sekolah petanda aras yang dikendalikan di bawah MSC dan MDC.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan juga, sehingga kini terdapat 5,266 buah sekolah telah dilengkapi dengan program pengkomputeran. Lapan buah sekolah sedang dalam pembinaan dan 91 sekolah lagi sedang dibekalkan dengan peralatan ICT. Sebanyak 8,120 sekolah telah dirangkaikan dengan capaian internet berjalur lebar. Matlamat kerajaan di akhir tempoh Rancangan Kesembilan ini, tidak ada sebuah sekolah pun yang tidak dapat kemudahan ICT. Untuk itu seperti saya umumkan tadi, RM2.1 bilion diperuntukkan bagi melengkapkan semua sekolah dengan kemudahan ICT, perisian dan latihan bagi guru-guru.

Seperti apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, kita akan jaduakannya. Dan pada yang sama kita akan melakukan audit oleh pihak ketiga yang tidak ada kepentingan dari segi pembekalan perkakas-perkakas ini kepada kementerian dan kepada sekolah-sekolah kita.

Menyentuh mengenai pelaksanaan sekolah satu sesi seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani, pada dasarnya Kementerian Pelajaran mempunyai sasaran untuk menjadikan semua sekolah beroperasi dalam satu sesi iaitu satu sidang sahaja. Oleh itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan sebanyak RM9.8 bilion disediakan bagi pendidikan rendah dan menengah supaya infrastruktur dan keberkesanan pengajaran pembelajaran dapat ditingkatkan. Kerajaan menasaskan, ini berhubung kait dengan nisbah guru tadi. Menasaskan peningkatan sekolah satu sesi daripada 86% kepada 90% bagi sekolah rendah, dan daripada 65% kepada sekurang-kurangnya 70% bagi sekolah menengah. Sementara purata saiz kelas dikurangkan kepada 30 orang per kelas seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gantang dan juga Yang Berhormat bagi Tebrau.

Untuk mencapai sasaran ini, Kementerian Pelajaran akan meneruskan lagi usaha menyediakan lebih banyak kemudahan pendidikan melalui projek-projek pembinaan sekolah baru. Bangunan tambahan bagi menambah baik bilik darjah dan projek-projek gantian bagi kawasan padat penduduk seperti saya sebutkan tadi keadaan sekolah-sekolah kita di bandar, Kementerian Pelajaran akan meneliti untuk melaksanakan konsep *city school* di bandar besar. Konsep ini akan saya maklumkan bila masanya nanti.

Prasekolah, untuk murid-murid India seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Cameron Highlands, Kementerian Pelajaran Malaysia memberi peluang kepada semua kanak-kanak yang layak tanpa mengira kaum untuk mengikut kelas prasekolah. Dasar pembukaan kelas-kelas prasekolah adalah bertujuan menyediakan peluang kepada kanak-kanak tanpa mengira kaum untuk menerima pendedahan mengenai pendidikan awal sebelum meneruskan persekolahan mereka di peringkat rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini SJK(T) terdapat 79 buah kelas prasekolah di 75 buah sekolah jenis kebangsaan Tamil. Pada tahun 2007, Kementerian Pelajaran Malaysia bercadang untuk menambah bilangan kelas prasekolah di SJK(T) kepada 107 buah kelas prasekolah.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM327.3 juta diperuntukkan bagi menyediakan lebih daripada 3,100 kelas prasekolah yang menyasarkan 80% daripadanya adalah di luar bandar. Oleh itu peluang murid orang Asli mengikut kelas prasekolah seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Bera juga akan tetap diambil kira.

Mengenai yuran sekolah seperti yang saya janjikan tadi, mungkin ini isu yang terakhir yang dalam penggulungan saya... [*Dewan riuh*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Prasekolah....

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biar saya jawab dululah. Okey prasekolah tadi pasal India, Tamil.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Prasekolah, prasekolah tapi di sini saya banyak soalan mengenai prasekolah kerana lebih 36% murid yang belum lagi mempunyai peluang untuk menyertai prasekolah. Hampir 40%, ini memang tidak adil bagi mereka ini. Bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan, saya banyak soalan, saya pendekkan kepada dua soalan. Menyepadukan pendidikan prasekolah yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain di bawah Kementerian Pelajaran supaya standard dapat diselaras dan diseragamkan. Menyelaraskan dan memastikan kokurikulum kebangsaan prasekolah diguna pakai oleh semua prasekolah. Dan juga memastikan semua guru dapat latihan yang cukup untuk mengendalikan sekolah-sekolah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jadi Ketua Pembangkang ini.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sedang dilaksanakan Yang Berhormat kerana pada ketika ini apa yang telah kita lakukan ialah untuk mengkoordinasi

tiga kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk melihat kepada prasekolah dan pendidikan awal ini. Terdapat juga tadika yang ditubuhkan agensi kerajaan yang lain seperti KEMAS di bawah kelolaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tadika Perpaduan kelolaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dan sememangnya tahap dan juga asuhan dan didikan guru-guru yang berada di sekolah-sekolah ini sedang melalui kursus-kursus di institut pendidikan guru atau maktab perguruan kita terdahulu tetapi jumlahnya begitu besar dan ianya akan mengambil masa dalam kita nak melaksanakannya. Seperti saranan Yang Berhormat, kita juga akan menjadualkan guru-guru yang akan keluar untuk diserapkan di bawah sekolah-sekolah tadika yang disebutkan tadi. Insya-Allah.

Yuran, berhubung dengan yuran sekolah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Libaran dan Yang Berhormat bagi Hulu Langat, saya suka memaklumkan bahawa sejak Oktober 2005, Kementerian Pelajaran telah meneliti dan mengkaji semua kadar yuran sedia ada seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 130, Kuasa Menteri membuat Peraturan subseksyen (2A). Kementerian telah mengambil kira aduan ibu bapa tentang kadar yuran yang terlalu tinggi dan tidak seragam sehingga membebaskan mereka. Kementerian juga mengambil maklum tentang kehendak orang ramai yang mahukan proses kelulusan jenis yuran diperketat dan juga diperincikan agar tidak berlaku sebarang penyelewengan.

Berikutan dengan itu, kementerian telah bersetuju untuk menetapkan hanya tiga jenis yuran sahaja yang boleh dipungut oleh pihak sekolah daripada ibu bapa. Tiga jenis yuran ini adalah:

- (i) yuran khas, iaitu bagi kegunaan sukan, pusat sumber, pendidikan seni dan teknikal;
- (ii) yuran tambahan, bagi tujuan pelaksanaan aktiviti kokurikulum, kertas ujian tambahan, sukan tahunan, skim pelindungan murid, sukan tahunan sekolah, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia; dan
- (iii) yuran asrama iaitu melibatkan pelajar yang tinggal di asrama bagi tujuan makanan di asrama iaitu hanya RM1 sehari dan pendaftaran pelajar baru dan juga berhubung kait dengan kebajikan pelajar. Pihak sekolah dilarang memungut yuran-yuran lain selain dari yang telah ditetapkan di atas melainkan jika mendapat kebenaran bertulis daripada Menteri Pelajaran atau pendaftar.

Semua pengarah Jabatan Pelajaran Negeri diingatkan agar memastikan pihak sekolah hanya mengenakan yuran-yuran yang telah diluluskan sahaja. Perkara-perkara berikut tidak boleh dianggap sebagai yuran. Antaranya sumbangan PIBG, kelab komputer, pakaian sukan, alat tulis, tali leher, kelas tambahan dan keperluan asrama. Draf akhir peraturan pendidikan telah pun disiapkan dan sekarang sedang di peringkat akhir semakan oleh jawatankuasa teknikal penggubalan KPM dan akan diangkat untuk diwartakan tidak lama lagi.

Dengan peraturan baru ini yuran khas telah ditetapkan oleh KPM dan amaun untuk setiap aktiviti dalam yuran ini adalah terpulung kepada pihak sekolah tetapi tidak boleh melebihi had maksimum yang telah ditetapkan iaitu RM9 bagi sekolah menengah dan RM4.50 untuk sekolah rendah. Bagi yuran tambahan pula amaun yang dikutip hendaklah mengikut amaun yang telah ditetapkan oleh pihak pendaftar sekolah dengan syarat tidak melebihi jumlah maksimum sebanyak RM38.50 untuk sekolah rendah dan RM58.50 untuk sekolah menengah. Berhubung dengan yuran asrama bagi sekolah yang mempunyai asrama, pelajar-pelajar hanya dikenakan bayaran makan sebanyak RM1 sehari. Sebarang cadangan untuk mengutip yuran lain perlu mendapat kebenaran bertulis dan daripada menteri.

Semua pengetua dan guru besar juga diminta memastikan perbincangan dibuat dengan ibu bapa agar sumbangan kepada PIBG ditetapkan pada kadar yang munasabah dan tidak membebaskan ibu bapa. Saya harap dengan usaha ini dengan pelbagai usaha

kita untuk membantu memperjelaskan mengenai yuran ini tidak juga ada pihak-pihak yang masih lagi kerana kemiskinan tidak dapat mempunyai akses kepada pendidikan. Sebab itu saya harap bahawa semua pihak menjadi pemantau kepada kita dalam apa yang saya sebut tadi dan kalau sekiranya ada yang tidak kena bolehlah maklumkan kepada kita untuk kita mengambil tindakan.

Selain itu bagi ibu bapa yang berpendapatan rendah dan miskin, kementerian juga turut memberi pelbagai bantuan tambahan. Skim Pinjaman Buku Teks, rancangan makanan tambahan, program susu sekolah, Skim Baucer Tuisyen, KWAPM iaitu Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan bagi tahun 2006 kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM183.2 juta untuk rancangan makanan tambahan, RM21.8 juta untuk program susu sekolah, RM179.9 juta untuk SBT dan RM200 juta untuk KWAPM. Dengan pelbagai bantuan yang disediakan oleh kerajaan dan dengan hanya perlu membayar kurang dari seringggit sehari untuk pendidikan anak-anak...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Padang Terap.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kementerian Pelajaran percaya nasib ibu bapa murid miskin sedikit sebanyak akan juga terbela. Bagaimana bagi ibu bapa yang berkemampuan, saya berharap mereka dapat merancang keperluan kewangan untuk pendidikan anak-anak mereka dengan teliti agar tidak merasa terbeban setiap kali sekolah dibuka. Sila, Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada menteri dan kerajaanlah yang telah banyak memberi bantuan khususnya kepada rakyat miskin di luar bandar. Persoalannya Yang Berhormat Menteri ialah bantuan KWAPM ini. Difahamkan bahawa tahun 2005 diumumkan RM950 tetapi hanya RM120 sahaja yang diberikan kepada..., miskin di negara kita adakah benar dakwaan itu Yang Berhormat Menteri? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Dari segi keadaan terkini KWAPM saya kena siasat saya ada jawapannya tetapi saya bimbang ia tidak tepat. Saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat di luar Dewan ini, pegawai-pegawai kita pun ada. Tuan Yang di-Pertua saya mempunyai isu-isu lain yang tidak ada yang begitu pokok, mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh maklumkan kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Berapa minit lagi yang saya ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau boleh habiskan sekarang.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau boleh saya habiskan. Saya dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sabar mendengar penggulungan saya ini. Banyak kerja yang kita hendak laksanakan, banyak juga bergantung pada sokongan kerjasama dan juga pembantuan Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Sekarang saya jemput Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Timbalan Menteri, sila.

7.58 m.m.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan beribu-ribu terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya juga mengalu-alukan nasihat, cadangan, pandangan dan teguran tentang urusan kementerian saya semoga kami menunaikan tanggungjawab yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Aman menyaran supaya kementerian mengumpul serta menjalankan usaha agar sastera budaya masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak dapat bertahan, megah dan dihormati seperti kaum lain di Malaysia. Kementerian telah melaksanakan program pembangunan seni dan budaya sama ada di peringkat persekutuan dan cawangan yang terletak di kedua-dua negeri berkenaan. Program usaha sama dengan institusi pengajian juga turut dilaksanakan bagi mengekalkan kelangsungan sastera dan budaya peribumi Sabah dan Sarawak dalam bidang seni. Usaha tersebut diaplikasi melalui proses penyelidikan dan pemuliharaan dokumentasi penerbitan dan program berbentuk sidang ilmu. Antara beberapa contoh yang boleh disebut ialah penerbitan dan dokumentasi gendang Sarawak. Lagu rakyat, cerita rakyat, peralatan muzik, permainan '*tibah*' dalam pesta kaum, majlis kenduri adat dan pembacaan '*mantari*' masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak.

Kementerian akan mengambil tindakan atas cadangan supaya pengumpulan dan pelaksanaan usaha mempertahankan kemegahan sastera budaya peribumi Sabah dan Sarawak akan diberi perhatian serius oleh kementerian. Kementerian akan merancang dan melaksanakan lebih banyak program khusus untuk memartabatkan sastera budaya peribumi Sabah dan Sarawak supaya terus dihormati dan berdiri setanding dengan seni budaya suku kaum lain di Malaysia. Beliau juga berpandangan bahawa kementerian hendaklah memperbanyakkan persembahan kebudayaan dari pelbagai kaum peribumi Sabah dan Sarawak dalam pertunjukan antarabangsa dan dalam negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat persembahan bercirikan etnik peribumi Sabah dan Sarawak telah dijadikan sebagai salah satu segmen dalam acara persembahan di dalam dan luar negara melalui penyertaan di ekspo-ekspo antarabangsa dan program promosi kebudayaan dan pelancongan. Pada tahun 2005, persembahan kebudayaan peribumi Sabah dan Sarawak telah dipertontonkan selama enam bulan di ekspo sedunia IEG Nagoya, Jepun. Selain itu persembahan kebudayaan peribumi Sabah dan Sarawak menjadi segmen penting dalam semua pelaksanaan aktiviti anjuran kementerian dan agensinya seperti di Program Rumah Terbuka Malaysia, Kempen Budi Bahasa, Program Minggu Warisan, Laman Seni, Program Merakyatkan Seni dan acara di Festival Kesenian Rakyat Malaysia.

Kementerian akan memberi ruang untuk memperbanyakkan persembahan kebudayaan peribumi Sabah dan Sarawak dalam semua pertunjukan antarabangsa dan dalam negeri untuk pengekal seni warisan kebanggaan masyarakat Sabah dan Sarawak. Beliau juga berharap kementerian memperbanyakkan aktiviti kesenian dan kebudayaan masyarakat Sabah dan Sarawak di peringkat universiti. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan memberi sokongan penuh kepada aktiviti kesenian dan kebudayaan masyarakat Sabah dan Sarawak di peringkat universiti. Sokongan yang diberikan ialah melalui pemberian peruntukan kewangan, penganjuran aktiviti bersama dengan universiti-universiti dan memberi khidmat nasihat dan sebagainya.

Antara aktiviti tersebut ialah festival teater, mengadakan Malam Sabah atau Sarawak peringkat universiti yang dipenuhi dengan acara kebudayaan dan kesenian yang berkonsepkan kedua-dua negeri berkenaan sempena Pesta Gawai Sarawak atau Tadau Keaamatan Sabah.

Kementerian juga menggalakkan penglibatan mahasiswa dalam acara kebudayaan bagi tujuan memperbanyakkan aktiviti seni bercirikan masyarakat Sabah dan Sarawak. Kementerian juga akan meneruskan kerjasama dengan pihak universiti dan Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaya atau MAKUM dan Persatuan Mahasiswa Sabah dan Sarawak untuk menganjurkan pelbagai program kesenian dan kebudayaan di peringkat universiti bagi menyemarak dan menyebarkan kebudayaan masyarakat Sabah dan Sarawak di peringkat universiti.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu menyaran tiga perkara bagi tujuan mempertingkatkan atau merencanakan lagi sumbangan bumiputera di dalam kemajuan ekonomi negara bagi Rancangan Malaysia Kesembilan dan salah satunya ialah merencanakan semula usaha satu daerah satu industri atau SADS. Malaysia juga perlu mencari *niche market* nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Kraftangan Malaysia telah dan sedang merencanakan usaha membangun usahawan satu daerah satu industri. Produk kraf yang mana sebilangan besarnya terletak di kampung-kampung. Sehingga tahun 2005, sebanyak 50 projek telah dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah disasarkan sebanyak 20 projek SADSI baru akan dibangunkan menjadikan keseluruhan sebanyak 70 projek. Selain daripada itu bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, Kraftangan Malaysia mensasarkan anggaran jualan sebanyak RM67.2 juta dan guna tenaga yang bergiat dalam projek ini seramai 5,811 orang. Usaha ini bertujuan meningkatkan sumbangan sektor kraf tangan dalam pembangunan ekonomi negara.

Menyedari bahawa usaha satu daerah satu industri produk kraf mempunyai kelemahan di dalam urusan pemasaran, maka Kraftangan Malaysia telah memberi tanggungjawab kepada anak syarikatnya Khidmat Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd. atau Karyaneka nama singkatnya sebagai agen pemasaran kepada produk-produk keluaran satu daerah satu industri produk kraf.

Sebanyak 30 projek...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu bangun, Yang Berhormat.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya habiskan sedikit. ...SADSI menyalurkan produk keluaran mereka melalui Karyaneka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kebimbangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang tiada siapa yang ingin mempromosikan produk-produk negara ini dapat dilihat apabila tiada pusat-pusat perniagaan yang menjual hasil kraf tangan ini di terminal-terminal antarabangsa yang terdapat di negara kita. Setakat ini, saya ingin Yang Berhormat maklumkan sama ada atau tidak usaha untuk meletakkan pusat-pusat perniagaan hasil kerja tangan ini di terminal-terminal antarabangsa ataupun tidak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tangga Batu yang begitu prihatin terhadap pengeluaran produk kraf. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini kementerian saya telah berbincang dengan Kementerian Pengangkutan di mana di KLIA kita dapat satu tempat yang luas untuk menghasil atau memasarkan produk kraf di KLIA tetapi sekarang kita hendak buat sedikit pengubahsuaian.

Beralih kepada soalan Yang Berhormat, ia bukan sahaja untuk pasaran dalam negeri malah turut dipasarkan di luar negara. Misalnya produk anyaman bemban dari SADSI Sarikei Sarawak, produk ribu-ribu Kudat Sabah dan produk anyaman mengkuang dari Marang Terengganu telah dipasarkan di luar negara seperti ke negara Jepun, London, Milan dan Frankfurt. Selain daripada itu usaha-usaha berterusan dilakukan bagi memasarkan produk kraf melalui program promosi yang dianjurkan oleh Kraftangan Malaysia serta program anjuran agensi lain.

Yang Berhormat bagi Muar membangkitkan empat perkara iaitu:

- (i) Bahasa Kebangsaan haruslah dijadikan sebagai teras di jabatan dan kementerian kerajaan di mana para menteri mestilah berbahasa Melayu ketika bermesyuarat;
- (ii) kerajaan harus juga memasukkan elemen memperkasakan Bahasa Kebangsaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan;
- (iii) pihak tertentu perlu meminta Ketua Setiausaha Negara (KSN) agar mengeluarkan arahan supaya kementerian dan jabatan kerajaan serta pihak swasta menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam urusan surat-menyurat; dan

- (iv) kerajaan haruslah mengambil kesempatan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menjadikan bahasa Malaysia sebagai elemen untuk menyatukan bangsa dan usaha juga harus diadakan untuk memartabatkan bahasa Malaysia agar boleh diletakkan di tempat yang lebih tinggi.

Kedudukan bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan. Ia digunakan sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran negara yang meliputi komunikasi lisan dan penulisan sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan. Bahasa yang digunakan di tempat awam seperti arahan pada papan tanda, iklan, penamaan di tempat awam, premis perniagaan dan sebagainya juga terangkum sebagai bahasa yang digunakan dalam urusan rasmi. Dalam hal ini wajib digunakan Bahasa Kebangsaan yang baik dan betul dari segi ejaan, sebutan, istilah dan tatabahasa.

Kerajaan juga memaklumkan akan langkah-langkah untuk memperkasakan penggunaan Bahasa Kebangsaan melalui Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2006, iaitu langkah-langkah memperkasakan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam perkhidmatan awam. Sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam telah ditubuhkan untuk melaksana dan memantau penggunaan Bahasa Kebangsaan yang baik dan betul dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

Dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memasukkan elemen memperkasakan Bahasa Kebangsaan melalui teras Dasar Pembangunan Modal Insan. Di antara teras dasar tersebut adalah memperkasakan sekolah kebangsaan yang mana secara tidak langsung ia akan memupuk pembudayaan dan memartabatkan Bahasa Kebangsaan di kalangan generasi muda.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, penjelasan tentang memperkasakan Bahasa Kebangsaan ini. Saya tidak pasti sama ada Kementerian Yang Berhormat menyedari atau tidak bahawa tulisan Jawi adalah masih lagi diterima pakai sebagai tulisan rasmi di dalam urusan surat-menyurat dan begitu juga dengan undang-undang kecil di peringkat pihak berkuasa tempatan di mana mereka boleh menggunakan tulisan Jawi untuk tanda-tanda jalan, nama-nama premis dan sebagainya. Jadi adakah pihak Kementerian Yang Berhormat memainkan peranan yang berkesan dalam memartabatkan tulisan Jawi ini dan mengekalkan ia sebagai salah satu daripada cara untuk kita berurusan rasmi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam hal ini Kementerian saya selalu memartabatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan termasuk tulisan Jawi di mana-mana tempat. Memang agensi-agensi kerajaan lain patut mematuhi Akta Bahasa Kebangsaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak berapa lama lagi iaitu pada 1 Mei, Kementerian saya berusaha sama dengan Kementerian Pelajaran akan menghidupkan semula *Utusan Malaysia* dalam tulisan Jawi tetapi ini bukan dalam bentuk surat khabar tetapi sebagai satu sisipan dalam *Utusan Malaysia*. Ini adalah satu daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian saya... *[Menyemak dokumen]* Sorry, ya, di mana saya...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah habis Yang Berhormat?

Dato' Wong Kam Hoong: Belum... *[Ketawa]* Akan tetapi tidak tahu di mana saya berhenti... Okey, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sentiasa memastikan bahawa Bahasa kebangsaan diberi keutamaan dalam sebarang perkara berkaitan penggunaannya. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan juga menganjurkan pelbagai aktiviti yang memberi pengiktirafan dan galakan kepada penggunaan bahasa Malaysia dengan betul melalui program pembudayaan seperti Kempen Budi Bahasa Budaya Kita dan Kempen Membaca Kebangsaan.

Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan pelbagai kegiatan terutamanya sepanjang Bulan Bahasa dan Sastera Negara yang diadakan pada bulan September setiap tahun sejak tahun 1996. Jawatankuasa Memperkasa Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah ditubuhkan pada awal tahun 2006 untuk memastikan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa yang berdaulat.

Yang Berhormat bagi Muar juga tanya tentang penyiaran konsert Pesta Malam Indonesia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsert Pesta Malam Indonesia dianjurkan oleh Fat Boys Records Sdn. Bhd. Kerajaan tiada halangan terhadap penganjuran persembahan konsert berkenaan di negara ini dengan mengambil perkara berikut:

- (i) memberi peluang kepada peminat-peminat muzik tempatan untuk menyaksikan persembahan oleh artis-artis popular Indonesia;
- (ii) memberi peluang kepada pelancong dari luar negara berkunjung ke Malaysia bagi menyaksikan konsert tersebut dan sekali gus dapat menyumbang kepada industri pelancongan negara;
- (iii) tempoh konsert selama 8 jam adalah bagi membolehkan kesemua lapan kumpulan membuat persembahan masing-masing lebih kurang 45 minit setiap kumpulan; dan
- (iv) tiada unsur negatif *black metal* dalam persembahan tersebut.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya perlu menidakkan apa Yang Berhormat telah nyatakan tiada unsur *black metal*. Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat dalam laporan akhbar baru-baru ini penonton-penonton yang terlibat dalam konsert selama lapan jam itu adalah berunsurkan *black metal* apabila bendera-bendera yang mereka bawa membawa logo kumpulan *May Ham* yang kementerian Yang Berhormat pernah mengharamkan persembahan mereka di negara kita. Persembahan itu telah pun menyebabkan beberapa kemalangan yang menyebabkan kecederaan kepada penonton-penonton.

Pada saya ia adalah merupakan satu perkara yang tidak boleh diulangi kerana artis tempatan pun kita tidak benarkan sampai lapan jam untuk mengadakan konsert. Pada masa yang sama, kita dapat lihat bahawa pengunjung-pengunjung yang datang bukanlah pelancong-pelancong dari luar tetapi mereka adalah pekerja-pekerja Indonesia yang telah bermastautin di negara kita. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih atas pemantauan Ahli Yang Berhormat. Saya maksudkan konsert ini tiada unsur-unsur negatif *black metal* tetapi kalau penonton bawa bahan-bahan *black metal* maka bila ada permohonan yang akan datang kita akan memberi syarat yang lebih ketat supaya penonton lebih dikawal dengan ketat. Kalau tidak boleh kawal penonton maka baiklah kita tidak beri kelulusan untuk konsert sebegini.

Ahli Yang Berhormat bagi Gerik membangkitkan tentang masalah kecelaruan dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan seperti perbuatan memberi nama-nama jalan yang mendaulatkan bahasa asing contohnya perkataan "*presint*" yang digunakan di Putrajaya. Kementerian saya mengambil pendirian dan berpegang kepada dasar bahawa Bahasa Kebangsaan harus mendapat penekanan dan mengutamakan dalam semua perancangan dan pelaksanaan penamaan tempat jalan dan bangunan di Malaysia. Kementerian berpendapat bahawa perlunya kerajaan mengutamakan elemen warisan seni dan budaya bangsa kebanggaan bersama untuk menamakan sesuatu tempat dan sebagainya. Kementerian sendiri bersedia untuk memainkan peranan sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk menasihatkan dan mencadangkan kepada mana-mana pihak dalam proses memilih nama-nama yang mencerminkan sifat-sifat keMalaysiaan.

Kementerian juga akan menggiatkan pelbagai usaha dalam menyuruh masyarakat Malaysia untuk menghargai dan mengutamakan Bahasa Kebangsaan dalam apa jua keadaan. Pada masa yang sama, pihak berkuasa...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, sikit sahaja saya hendak tanya. Dari segi kuasa kementerian apakah kuasa yang ada pada kementerian untuk menyekat perkara-perkara seperti itu iaitu pihak berkuasa tempatan boleh meluluskan nama jalan dan sebagainya. Kalau kita tengok sekarang ini iklan-iklan yang disiarkan, iklan-iklan di papan-papan tanda, di *billboards*, dengan izin, banyak yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan langsung. Sesetengah itu 100% menggunakan bahasa Inggeris. Jadi, dari segi kuasa pihak kementerian adakah pihak kementerian berkuasa untuk meminta supaya pihak PBT menyekat perkara seperti ini ataupun setakat nasihat sahaja.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya kuasa diletakkan di pihak berkuasa tempatan dan tentang penggunaan bahasa di dalam iklan itu saya pun tidak berapa pasti sebab ada beberapa kementerian atau agensi yang terlibat. Saya harap kerajaan dapat satu garis panduan untuk mereka. Selain daripada pengisian iklan itu juga penggunaan bahasa kebangsaan perlu diutamakan. Untuk kementerian kita, kita akan secara langsung memaklumkan kepada agensi-agensi lain yang ada kuasa untuk meluluskan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang tepat.

Yang Berhormat bagi Sri Gading berpandangan bahawa pakaian alternatif yang dipakai dan dicadangkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan tidak perlu, memandangkan pakaian sedia ada iaitu *lounge suit* dan baju Melayu merupakan pakaian yang masih sesuai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pakaian alternatif yang telah dipersetujui oleh kerajaan dan diluluskan oleh Kabinet pada 25 Januari 2006 ini adalah merupakan satu pilihan selain dari pakaian rasmi yang sedia ada.

Pakaian alternatif yang dipersetujui ini adalah untuk menonjolkan identiti bangsa Malaysia. Pakaian alternatif juga telah dibuat dalam pelbagai bentuk yang mengambil kira masyarakat Malaysia pelbagai bangsa iaitu adalah berbentuk kolar baju Melayu, kolar Mandarin dan kolar Nehru. Ini memberi pilihan kepada sesiapa untuk menggunakannya.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun menyarankan supaya....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri tetapi apa hendak buat menteri berkenaan tidak hadir. Nama kementerian ini ialah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Warisan adalah sesuatu yang harus diperpanjangkan yang sudah diterima pakai. Maknanya kementerian ini harus mempertahankan budaya-budaya yang diterima pakai dalam negara kini sebagai suatu khazanah. Dalam Fasal 41(f) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat tertulis bahawa pakaian Ahli-ahli Parlimen lelaki ialah baju kebangsaan dan *long suit*. Itu warisan yang telah kita terima. Kalau kementerian yang memegang warisan pun tidak mahu menjaga warisan ini, kementerian yang menjaga yang menjaga warisan ini tidak mahu mewariskan perkara yang tertakluk, yang tertulis dalam peraturan ini. Ini dibuat oleh pemimpin-pemimpin ulung di suatu ketika dahulu.

Kalau hendak membuat cita rasa sendiri, esok siapa yang menjadi menteri, esok ubah pula dan kalau mengikut Johor, pakaian pilihan itu tidak tepat dan warisan dalam Perlembagaan menyatakan bahawa kebudayaan ini mesti berteraskan kepada Melayu dan ini tidak ada kompromi. Jadi, jangan seseorang menteri sewenang-wenang, menggunakan kepala sendiri, mungkin kabinet boleh terima tetapi peraturan dalam Dewan ini tetap menggunakan peraturan ini... [Mengangkat Buku Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat] Soal pakaian apabila kita terima *long suit* seperti ini dan baju Melayu maknanya kerja yang kita buat ini serius. Bukan secara bersantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukup. Hendak beri penjelasan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah berhujah panjang itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya kata Timbalan Menteri ini bukan lawan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah. Fasal itu

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya fasal ramai orang di luar mengutuk Ahli Parlimen yang membangkitkan tentang pakaian dan menteri pun kata soal pakaian, soal remeh. Apa remeh? Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua kalau kita pergi umrah, pergi hari kita pakai ihram bolehkah kata boleh pakai sebarang?

Maknanya pakaian bukan remeh. Ini peraturan. Apabila Yang Berhormat bagi Johor Bahru membangkitkan, dia bukan soal peribadi, soal peraturan. Ya, betul Kabinet mungkin boleh bawa masuk dalam Kabinet, Mesyuarat Kabinet boleh, tetapi ini Dewan Rakyat. Dewan Rakyat lebih tinggi daripada Kabinet. Kabinet mengikut keputusan Dewan Rakyat. Jangan kita campur adukkan seolah-olah Kabinet lebih besar daripada Dewan Rakyat. Dewan Rakyat tempat menggubal undang-undang, Kabinet melaksanakan undang-undang yang digubal di sini sebagai pelaksanaan.

Jangan hina wakil-wakil rakyat yang membangkitkan kerana hendak mempertahankan Fasal 41(f). Orang di luar mana tahu ini tradisi yang kita telah terima oleh datuk nenek moyang kita yang menggubal undang-undang ini dengan penuh bijak sana dan kata ini pakaian Islam dia kata alternatif. Pakaian Islam inilah pakaian Islam.

Pakaian Islam dua perkara, yang pertama menutup aurat dan kedua bersih. Jadi, pakaian yang dipakai ini, yang dipakai oleh saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat semua pakai, pakaian Islamlah cuma fesyen Barat, fesyen India, fesyen Cina. Fesyen jangan disalahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta maaf orang di luar mengutuk Ahli Parlimen dengan kata macam-macam kemudian gunakan perkataan-perkataan kata suruh menteri keluar, itu sebagai kata biadab. Apa biadapkah kalah seorang Ahli Parlimen kata kalau seorang menteri tidak mahu mengikut peraturan, suruh dia keluar. Apakah itu perkataan biadab? Kalau Ahli Parlimen kata menteri yang tidak menjalankan tugas, berhenti apakah itu perkataan biadab. Ini perkataan biasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri jangan menghina Parlimen dengan sikap konon aku ada kuasa dalam kementerian boleh buat suka hati. Ahli Parlimen ini apa? Menteri datang daripada Ahli Parlimen cuma nasib baik Perdana Menteri lantik dia jadi menteri. Orang di sebelah sini boleh pergi sebelah sana. Orang sebelah sana pun boleh pergi sini. Jangan hendak besar kepala sangat menghina Ahli Parlimen. Yang Berhormat pun dari Ahli Parlimen. Minta maaf, saya hendak menegaskan perkara-perkara yang memang ditulis dalam Perlembagaan.

Jangan peribadi dalam perkara-perkara seperti ini. Saya hendak ingat bahawa saya menghormati menteri, banyak menteri yang saya hormat tetapi menteri pun tidak hendak hormat Ahli Parlimen, apakah wajar Ahli Parlimen menghormati dia? Nasib dia, menjadi menteri kerana pilihan Perdana Menteri. Hendak kata orang terbaik mungkin ramai lagi rakan saya yang lebih baik. Jangan, jangan menghina Ahli Parlimen dan orang di luar jangan campur masalah perbincangan dalam Parlimen ini. Dia tidak tahu masalahnya dan menteri syorlah fasal kroni-kroni dia menyokong. Esok saya tahu surat khabar pun hentam saya.

Ini Tuan Yang di-Pertua saya hendak menegaskan ini. Minta maaf Timbalan Menteri. Yang Berhormat bukan lawan saya dan saya bukan merayu. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya, orang berjuang dalam parti selama 46 tahun Tuan Yang di-Pertua dan saya tidak pernah keluar daripada UMNO, dari dahulu sampai sekarang dan saya tidak pernah menghina pemimpin-pemimpin saya.

Saya mempertahankan pemimpin-pemimpin saya. Saya tidak pernah biadab dengan pemimpin-pemimpin saya. Jadi, jangan menghina orang yang begitu lama dalam

politik yang setianya kepada pemimpin. Saya datang di sini untuk makluman pembangkang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya akan mempertahankan kerajaan saya. Saya akan mempertahankan parti saya dan saya akan mempertahankan kepimpinan saya. Itu azam saya kalau pembangkang hendak kutuk pemimpin saya, saya serang depan-depan. Hendak kutuk kerajaan saya, saya serang depan-depan. Hendak kutuk saya punya parti, saya serang depan-depan. Bukan belakang-belakang. Ini prinsip yang kita pegang. Jangan hina Ahli Parlimen. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Padang Terap, hendak beri jalan lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri? Padang Terap.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya jawab dahulu.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Merujuk kepada perkara yang sama.

Dato' Wong Kam Hoong: Oh, yang sama, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau sudah sama Yang Berhormat, tidak payah cakaplah.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Lain sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Sudah terlupa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Kalau inilah cara kita, esok Yang Berhormat bagi Sri Gading dia jadi menteri, dia bawa baju lain pula. Lepas itu Yang Berhormat bagi Padang Rengas jadi menteri, dia minat baju lain dia bawa ke Kabinet baju lain. Ini bermakna cacam-marba habis kita punya parlimen ini, macam-macam baju ada.

Menteri itu dia minat cara dia, dia bawa dalam kabinet pakaian yang itu. Yang lain jadi menteri dia minat baju apa, dia pakai yang itu pula. Kalau saya jadi menteri lepas ini, saya buat stail saya pula. Bermakna saya fikir sudah elok dah. Satu batu kebangsaan, satu *long suit*, itulah yang telah pun ditetapkan oleh Parlimen kita. Bermakna jangan ada lagilah saya harap supaya pakaian kita kekal dengan pakaian *long suit* dan juga pakaian Melayu. Saya sokong Yang Berhormat bagi Sri Gading. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading dan juga Padang Terap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak habiskankah?

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Wong Kam Hoong: Ada sedikit sahaja tetapi yang disuarakan sedikit sahaja yang ada hubung kait dengan pakaian. Yang lain saya tidak akan jawab tetapi tentang..., ialah beliau adalah kawan saya bukan lawan saya.

Tentang pakaian ini, pakaian ini bukan semudah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebelum ini diperkenalkan kepada...

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Penjelasan. Boleh saya sambung sedikit fasal perkara ini saya yang bawa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Johor Bahru, Yang Berhormat.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebenarnya arahan itu ialah bagi pegawai-pegawai awam. Jelas saya membaca bahawa arahan itu ialah tentang pegawai-pegawai awam. Pakaian alternatif bagi pegawai awam. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengesahkan bahawa dalam Parlimen hari ini bahawa kita ini semua adalah pegawai-pegawai awam.

Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengesahkan bahawa kita semua pegawai-pegawai awam, kita pakai apa yang pakaian alternatif hendak pergi mesyuarat mana-mana, pakai *bush jacket* boleh, batik pun boleh pada 1 hari bulan dan 15 hari bulan. Jadi kita faham arahan itu ialah untuk pegawai-pegawai awam. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengesahkan hari ini dan mentakrifkan kita semua sebagai pegawai-pegawai awam, mungkin arahan itu akan boleh diterima dengan tepat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Timbalan Menteri.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih pandangan daripada Ahli Yang Berhormat Johor Bahru tetapi baiklah kita rujuk perkataan pegawai-pegawai awam itu kepada keputusan-keputusan yang diambil oleh Kabinet. Tentang pakaian ini, pakaian ini tidak menggantikan baju Melayu.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah sama ada kita ini pegawai awam? Jawab itu sahaja sama ada ya atau tidak.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya tidak boleh mengesahkan sebab

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Mengesahkan, apa guna hendak menjawab? Cakaplah saya tidak tahu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak boleh mengesahkannya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukup, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Ahli Parlimen dengan pegawai awam, Yang Berhormat tidak boleh bezakannya?

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Johor Bahru, ya. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Wong Kam Hoong: Dalam..., tengok dalam apa keadaan. Kadang-kadang kita....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat rujuk sahajalah.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, rujuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat Timbalan Menteri dan habiskanlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, bermakna Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tidak faham yang mana satu pegawai awam dan yang mana satu Ahli Parlimen?... [Disorak] [Dewan bisung]

Soalan Yang Berhormat bagi Johor Bahru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Fahamlah itu. Fahamlah itu Yang Berhormat, ya.

Dato' Wong Kam Hoong: Bukan saya tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah kata boleh merujuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau Yang Berhormat faham, Yang Berhormat jawablah bahawa ini bukan pegawai perkhidmatan awam. Ini ialah Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh lagi Yang Berhormat. Itulah saya cakap

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Maknanya Ahli Parlimen itu rujuklah kepada 41(f).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang sila gulung Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Wong Kam Hoong: Kita rujuk kepada keputusan yang diambil oleh Kabinet. Okay, sebab saya tidak nampak dengan jelas keputusan yang telah dibuat.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Ada tidak Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Adakah betul saya punya pertanyaan bahawa arahan ini adalah khusus kepada pegawai awam dan kalaulah hendak dipakaikan kepada jabatan-jabatan lain atau tempat-tempat lain mestilah melalui proses yang terdapat kepada badan yang berkenaan. Bermakna kalau hendak dibawakan kepada parlimen, bawalah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Peraturan Tetap. Itu sahaja.

Dato' Wong Kam Hoong: Itu saya setuju. Saya setuju, bila kalau hendak bawa kepada Parlimen, kita mesti mengikut proses. Satu...

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Kenapa Yang Berhormat Menteri tidak mengikut proses? Mengapa tidak mengikut proses, menghantar surat dua kali tidak berjawab? Sudah boleh kita membuat keputusan bahawa itu merupakan suatu jawapan yang positif? Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, kita minta jangan gulung lagi, esok kita bermula, mungkin boleh disambung oleh menteri sendiri untuk menjawab perkara ini. Saya minta Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya boleh gulung. Saya boleh gulung. Untuk makluman Dewan yang mulia ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terpulang kepada kementerian, ya Yang Berhormat.

Dato' Wong Kam Hoong: ...Satu surat telah diterima daripada Tan Sri Peguam Negara bertarikh 13 April 2006 yang menyatakan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mempunyai kuasa budi bicara untuk membenarkan apa-apa pakaian lain berdasarkan sub-perenggan (d) di bawah kuasa Klausula 41(f) Peraturan Mesyuarat. Itu satu surat yang kita telah terima daripada Tan Sri Peguam Negara untuk makluman Dewan yang mulia ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, kita pun faham, akhirnya keputusan Tuan Yang di-Pertua tetapi soalnya Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan kenapa tidak mahu menjaga warisan ini? Memangnya boleh pakai pakaian apa pun atas kebenaran Tuan Yang di-Pertua, boleh masuk tetapi perkara 41(f) ini mengatakan baju kebangsaan dan *long suit*. Itu warisan kita, kenapa menteri yang menjaga warisan tidak mahu menjaga warisan ini.

Kalau hendak berhujah kepada kebenaran ini Tuan Yang di-Pertua, memang betul pakai singlet pun boleh, asalkan Tuan Yang di-Pertua benarkan. Itu pun kita faham.

Soalnya *you all* jaga Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, kenapa tidak mahu jaga warisan?

Dato' Wong Kam Hoong: Kalau kita tengok fesyen atau *design*, ciri-ciri dengan fesyen Melayu. Hanya kolar yang tidak sama sahaja, ada kolar Melayu cekak musang dan juga kola Nehru, kolar Mandarin supaya kaum lain berasa selesa apabila memakai baju itu. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Ada satu sahaja. Yang Berhormat bagi Jerlun menyarankan supaya penerapan nilai-nilai murni dalam budaya kerja di jabatan kerajaan diterapkan sama ada kerajaan tempatan dan Persekutuan. Cadangan pelaksanaan aktiviti kempen budi bahasa tahun 2006 merangkumi pelbagai institusi iaitu kekeluargaan, pembelajaran, kemasyarakatan dan juga institusi perkhidmatan. Sektor perkhidmatan ini merangkumi sektor kerajaan dan sektor swasta untuk menerap dan menambahbaikkan amalan nilai-nilai murni dalam budaya kerja jabatan kerajaan. Kementerian akan bekerjasama dengan jabatan dan agensi berkaitan untuk mengadakan aktiviti kempen ini supaya ia mudah difahami dan diamalkan.

Dalam fasa pertama yang lalu, kerajaan melalui Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia atau MAMPU, telah mengeluarkan panduan bagi mewujudkan pejabat perkhidmatan pelanggan di bawah Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil.1 Tahun 2005 yang bertujuan memberi panduan kepada agensi kerajaan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian dalam perkhidmatan.

Penerapan nilai-nilai murni dapat disemai melalui aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan. Antara aktiviti-aktiviti ini ialah Kempen Kenali Saya, Simposium Perkhidmatan Berbudi Bahasa, anugerah kepada agensi kerajaan dan swasta dan sebagainya yang objektifnya adalah untuk memupuk perkhidmatan cemerlang dan melahirkan sikap mesra dan berbudi bahasa. Itulah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang saya jemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

8.37 mlm.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab KWKM.

Sesungguhnya kementerian menghargai semua pandangan, saranan, cadangan mahupun teguran Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khasnya kerana Rancangan Malaysia Kesembilan telah memberi penekanan kepada aspek pembangunan sosial di mana 37.5% daripada jumlah keseluruhan peruntukan RMK-9 akan diagihkan kepada pembangunan sektor sosial.

Saya turut berterima kasih kepada kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pengiktirafan terhadap sumbangan wanita dalam aspek pembangunan sosial dan ekonomi negara. Ini dapat kita lihat melalui penekanan terhadap usaha yang akan diambil untuk terus memastikan penyertaan wanita yang lebih berkesan dalam pembangunan modal insan dan negara. KWKM tidak akan teragak-agak untuk terus memberi komitmen yang tidak berbelah bahagi memperjuangkan agenda wanita, keluarga dan juga masyarakat dalam arus pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang menyentuh mengenai kemudahan sokongan untuk wanita bekerja seperti tempat kerja mesra keluarga dan mewujudkan pusat jagaan dalam komuniti. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan cadangan penubuhan taman asuhan kanak-kanak berasaskan komuniti pada tahun 2005. Melalui kaedah ini, kerajaan menyediakan geran pelancaran serta subsidi yuran asuhan bagi isi rumah yang berpendapatan tidak melebihi RM2,000 bagi kawasan

bandar dan RM1,200 bagi kawasan luar bandar. Jumlah subsidi yang diberikan adalah sebanyak RM180 sebulan bagi setiap kanak-kanak yang diterima masuk ke taska komuniti.

Yang Berhormat bagi Ampang membangkitkan tentang insentif potongan cukai dan geran pelancaran yang diberikan kepada majikan bagi mendirikan taska yang dianggap kecil dan tidak mencukupi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Sekejap. Untuk makluman Yang Berhormat, mulai tahun 1996, kerajaan telah memperkenalkan kemudahan pengecualian cukai sebanyak 10% setahun bagi tempoh sepuluh tahun ke atas kos bangunan yang dibina khas untuk taska. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pihak swasta menubuhkan taska di tempat kerja. Di sektor awam kerajaan memberi insentif geran pelancaran kepada agensi kerajaan yang berhasrat untuk menubuhkan taska di tempat kerja.

Majikan yang menduduki bangunan sendiri tidak perlu memohon untuk menukar syarat penggunaan ruang daripada PBT kerana insentif pada masa ini ialah sebanyak RM50,000 bagi sesebuah agensi. Manakala jumlah bayaran yuran pendaftaran dan pendaftaran semula taska masing-masing ialah sebanyak RM50. JKM akan mengemukakan permohonan oleh agensi kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan geran.

Bagi insentif potongan cukai, kementerian bersedia untuk mengadakan perbincangan dengan kementerian yang berkenaan bagi menimbang kadar intensif yang lebih menarik diberikan kepada pihak majikan yang menyediakan kemudahan taska di tempat kerja. Ini kerana kerajaan sememangnya menyedari bahawa penyediaan kemudahan taska di tempat kerja akan memberi peluang dan kemudahan untuk wanita keluar bekerja dan menyumbang kepada keutuhan ekonomi keluarga serta pembangunan negara. Usaha yang berterusan akan dilaksanakan bagi menggalakkan penubuhan taska dan meningkatkan khidmat asuhan kanak-kanak di tempat kerja.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Ampang untuk mengambil dan melatih ibu tunggal sebagai pengasuh taska cadangan tersebut boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, ia terpulanglah kepada majikan atau pengusaha taska dengan menyediakan peluang pekerjaan ini kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin hendak tahu tentang projek pusat penjagaan kanak-kanak komuniti yang dikatakan diluluskan pada tahun lalu. Sama ada ia sudah dilaksanakan dan kalau tidak silap saya ada sepuluh untuk *pilot project* ini. Boleh Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini di mana sepuluh pusat ini, dan apakah selepas ini, apakah rancangan lanjutannya. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan bahawa sebenarnya pusat taska komuniti yang pertama telah pun mula beroperasi secara tidak rasmi dalam erti kata tempatnya sudah pun siap di Sungai Buluh dan pada masa kini kita telah pun mula untuk mengambil kanak-kanak ke taska itu. Mengikut perancangan kita tiga akan dimulakan di Wilayah Persekutuan dan yang tujuh lagi akan dimulakan di Semenanjung dan satu di Sabah dan satu di Sarawak dan tempatnya sedang kita kemas kini.

Tiap-tiap tahun, insya-Allah, sepuluh taska komuniti ini akan disediakan di seluruh negara. Saya minta kepada Yang Berhormat kalau boleh dalam masa dua, tiga minggu ini kita akan membuat pengumuman yang sewajarnya di mana saya akan maklumkan tempat-tempat yang telah pun dipilih untuk menjadi taska komuniti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, boleh sambung esok.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Soalan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, boleh sambung esok.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada sedikit sahaja. Yang Berhormat boleh beritahu di Pulau Pinang ada sebuah taska yang diurus oleh sebuah NGO, di mana sebulan hanya RM100 sahaja. Jadi, saya rasa siapa yang melaksanakan pusat jagaan komuniti ini? Adakah kerajaan, NGO atau *private*. Ini kerana kalau dikatakan bahawa kalau ia hendak melaksanakan atau beroperasi dan berasaskan keuntungan, ia akan memberi kualiti yang baik. Jadi, ada yang mencadangkan supaya memberi geran kepada NGO ataupun *charity organization* yang sudi melaksanakan projek ini dan ia boleh dijalankan dengan lebih berkualiti. Adakah kita mempunyai rancangan seperti ini.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, sebenarnya konsep dasar komuniti ini ialah satu konsep di mana NGO yang menjalankannya. Kita memberi peluang kepada mereka untuk mengoperasi taska komuniti. Jadi, setakat ini kita tidak ada perancangan untuk memberi *outright grant* kepada mana-mana NGO yang lain selain daripada mereka yang masuk di bawah program taska komuniti ini untuk menubuh dan menjalankan taska komuniti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 esok, Rabu, 26 April 2006.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.